

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 4

Rabu

19 April 2017

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN

LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 2)

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan
Daripada Peraturan Mesyuarat

(Halaman 20)

Menjunjung Kasih Titah
Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong
- *YB Senator Dato' Khairudin Samad*

(Halaman 20)

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA**

Rabu, 19 April 2017

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini atas *Standing Order PM.22(1)(g)*, kerana saya perlukan keterangan dan ketetapan daripada Tuan Yang di-Pertua tentang apa itu *sub judice* kerana ini berkait dengan soalan saya yang saya telah kemukakan kepada Dewan Negara, dan tidak diterima. Ini adalah penting kerana kalau kita tidak boleh bincangkan isu-isu penting di dalam negara ini yang berkait dengan kepentingan negara, di mana pula kita hendak bincang? Apa itu sebenarnya *sub judice*?

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan buat petua selepas sesi Jawapan-jawapan Lisan Bagi Pertanyaan-pertanyaan.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Tuan Yang di-Pertua, cuma hendak tambah sedikit sebelum Tuan Yang di-Pertua membuat keputusan. Kalau kita tengok- pada pengetahuan saya kalau kita tengok...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat berucap atas apa?

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Atas- sambung *standing order* itu. Cuma sebelum Tuan Yang di-Pertua buat keputusan Kalau kita tengok *ruling of sub judice* pada biasanya, *House of Commons practice* dan *Erskine May*, dia berdasar kepada dua prinsipal- supaya perbincangan dalam Dewan Negara kah atau Dewan Rakyat, tidak prejudis prosiding dalam mahkamah, itu / faham.

Lagi satu berdasarkan *principal of committee* atau *doctrine of legal reciprocity*. So, kalau saya tengok, saya sudah baca soalan itu, dan juga *House of Commons practice* membenarkan kuasa kepada Tuan Yang di-Pertua untuk *relax ruling* tu. / sudah baca soalan itu, / tengok dia tidak masuk dalam dua-dua kategori. Ini cuma *suggestion* saya sebelum Tuan Yang di-Pertua membuat keputusan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, pesalah dan pendera kanak-kanak kini dilihat mendera kanak-kanak tanpa belas kasihan dan tidak menghiraukan sistem perundangan di negara ini jika disabitkan kesalahan. Bakal majikan ini juga kebanyakannya mengambil pekerja di pusat jagaan kanak-kanak tanpa menyiasat latar belakang mereka. Apakah tindakan proaktif yang boleh dilakukan oleh kerajaan untuk menentukan keselamatan kanak-kanak ini terjamin.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia telah diberi tanggungjawab menguatkuasakan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984, Akta Pusat Jagaan 1993, Peraturan-peraturan Taman Asuhan Kanak-kanak 2012 dan Peraturan-peraturan Pusat Jagaan 1994.

Prosedur operasi standard (SOP) yang digunakan oleh KPWKM untuk memastikan keselamatan kanak-kanak yang ditempatkan di pusat jagaan kanak-kanak dalam keadaan selamat adalah berdasarkan kepada Peraturan-peraturan Taman Asuhan Kanak-kanak 2012 khusus bagi kanak-kanak di bawah usia empat tahun. Bagi Peraturan-peraturan Pusat Jagaan 1994 bagi mana-mana penghuni di pusat jagaan termasuklah pusat jagaan bagi kanak-kanak tidak kira pusat jagaan yang bersifat harian atau berkediaman.

Setiap pengusaha taska dan pengendali pusat jagaan hendaklah mematuhi keperluan dan kehendak yang dinyatakan di dalam peraturan yang telah ditetapkan. Bagi memastikan tahap penyampaian perkhidmatan taska dan pusat jagaan termasuk pusat yang dikendalikan oleh pihak swasta berada di tahap keselamatan yang tinggi. Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat juga telah mengambil inisiatif seperti berikut:

- (i) memastikan semua taska memasang CCTV mengikut Pekeliling Ketua Pengarah Bil.1/2015 mewajibkan pemasangan CCTV akan dimasukkan dalam pindaan Peraturan Taman Asuhan Kanak-kanak 2012 yang sedang dibangunkan;
- (ii) Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016 turut menambah baik maklumat dalam daftar kanak-kanak. Butiran berkaitan dengan individu yang melakukan kesalahan penderaan terhadap kanak-kanak termasuk di taska dan pusat jagaan diselaraskan bersama PDRM dan direkodkan di dalam daftar berkenaan;
- (iii) isi kandungan di mana bukan hanya mengandungi butiran kes kanak-kanak yang memerlukan perlindungan sahaja tetapi turut mengandungi butiran orang yang disabit atas apa-apa kesalahan yang seseorang kanak-kanak adalah mangsa;
- (iv) pengusaha boleh buat permohonan dengan Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat supaya dapat semak nama dan juga pekerja yang mereka ingin untuk ambil sebagai pekerja.

Di samping itu Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016 juga telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 2017. Akta ini telah dibuat pindaan dan penambahbaikan berkaitan aspek pengurusan kes kanak-kanak yang memerlukan perkhidmatan berkaitan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan. Antara pindaan yang dimasukkan juga adalah meningkatkan hukuman kepada individu yang melakukan penganiayaan atau mendedahkan kanak-kanak hingga mengakibatkan kanak-kanak mengalami kecederaan fizikal, emosi atau seksual di bawah seksyen 31(1)(a)(k). Bagi kesalahan ini tempoh maksimum pemenjaraan dinaikkan daripada 10 tahun kepada 20 tahun. Denda dinaikkan daripada RM20,000 kepada RM50,000 atau kedua-dua sekali serta menjalani perintah khidmat masyarakat sebagai hukuman mandatori.

■1010

Di samping itu kementerian telah pun mengadakan program advokasi seperti Program Jom Daftar bagi setiap negeri untuk memastikan lebih banyak taska berdaftar. Melalui pendekatan ini, dapat mencegah berlakunya penderaan kanak-kanak di taska kerana selepas pendaftaran, pihak kementerian melalui JKM akan membuat pemantauan secara berkala bagi memastikan taska memberi perkhidmatan yang berkualiti. Hasil daripada program tersebut, pendaftaran taska telah meningkat sebanyak 41 peratus di mana pada tahun 2015 sebanyak 362 buah taska berdaftar, manakala pada tahun 2016 sebanyak 510 taska berdaftar.

Tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil ke atas taska dan pusat jagaan yang didapati adalah berlakunya kes penderaan boleh dikenakan arahan bertulis kepada pengusaha untuk mematuhi Peraturan-peraturan Pusat Jagaan 1994 dan arahan penutupan premis tersebut atas kuasa KPKM selama tempoh 30 hari atau tempoh sebagaimana difikirkannya perlu bagi menunggu siasatan pihak polis selesai.

Dari Januari sehingga Disember 2016, JKM telah mengeluarkan arahan bertulis kepada 42 buah taska dan 16 buah pusat jagaan, sembilan buah taska dan tiga buah pusat jagaan diambil tindakan. Sebanyak 14 buah taska dan empat buah pusat jagaan dikenakan tindakan kompaun, tiga buah taska dikenakan tindakan tutup sementara, 53 buah taska dan 18 buah pusat jagaan dibatalkan pendaftaran dan 10 buah taska dan sembilan pusat jagaan telah didakwa. Sekian terima kasih.

Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Timbalan Menteri yang menjawab soalan tadi. Mengikut statistik yang diberikan oleh JKM 16,065 kes penderaan dilaporkan tahun-tahun lepas. Ini menunjukkan ramai kanak-kanak di Malaysia telah didera dengan menakutkan. Dipercayai, ibu bapalah pendera utama atas sebab kemiskinan. Sejauh manakah kerajaan berfikir kemiskinan merupakan punca kepada berlakunya kes penderaan kanak-kanak? Apakah langkah-langkah yang terbaik kerajaan boleh ambil untuk membendung masalah ini?

Kedua, statistik menunjukkan cuma penderaan yang tenat sahaja dilaporkan. Adakah ini kerana cara melaporkan kes penderaan sukar?

Ketiga, adakah undang-undang sedia ada tidak mampu mencegah dan mengurangkan kes-kes penderaan berlaku? Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Kalau ikut maklumat yang kita dapat kumpul di Jabatan Kebajikan Masyarakat, penderaan iaitu pesalah itu bukan sahaja ibu bapa tetapi juga termasuk dewasa atau saudara-saudara yang dikenal oleh kanak-kanak. Mungkin,

adakah kemiskinan itu adalah satu punca? Saya rasa itu adalah salah satu punca tetapi bukan punca yang pertama. Untuk kita membasmi kemiskinan di bawah JKM, kita ada bantuan bulanan yang diberi dan di bawah kerajaan, kita ada BR1M. Di samping itu kita juga bekerjasama dan ada beberapa kementerian juga ambil tindakan untuk beri bantuan kepada golongan yang ada keperluan supaya mereka dapat berdikari melalui kerjaya mereka atau perniagaan mereka seperti Program 1AZAM.

Adakah laporan itu sukar dibuat? Saya rasa itu tidak betul kerana sekiranya ada masalah kes penderaan kanak-kanak, kami telah pun sediakan satu talian kasih 15999 yang mana 24 jam boleh kita buat laporan dan juga boleh buat laporan dalam Bahasa Malaysia, bahasa Tamil dan juga bahasa Cina. Di samping itu, selepas kita dapat laporan biasanya kalau masalah itu adalah masalah yang *urgent*, pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat akan bertindak dengan serta-merta. Soalan yang terakhir itu apa ya? Undang-undang- undang-undang itu kita selalu akan mengemas kini.

Tadi saya telah pun beritahu, baru-baru ini 1 Januari 2017 kita telah pun melaksanakan atau Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016 telah pun di*effective*kan. Hukuman pun telah pun dinaikkan dan juga sekarang kita telah sediakan maklumat nama-nama pesalah yang berkenaan dengan kes-kes penderaan kanak-kanak yang mana pengusaha-pengusaha taska dan juga bidang-bidang yang berkenaan dengan kanak-kanak boleh buat permohonan dengan KP JKM dan boleh semak nama supaya kita pastikan pekerja yang kita ambil itu bukanlah orang yang terlibat dalam kes-kes penderaan kanak-kanak dan juga disabit salah. Sekian, terima kasih.

2. Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal minta Menteri Pengangkutan menyatakan, sama ada kerajaan bercadang untuk membatalkan atau menggantung lesen memandu terhadap sesiapa yang memandu sehingga menyebabkan kemalangan dan mengakibatkan kematian bagi pemandu yang jelas tidak mematuhi peraturan jalan raya.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan selamat pagi.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pengangkutan Jalan 1987 telah memperuntukkan bahawa lesen memandu seseorang itu boleh digantung apabila pemandu itu tidak mematuhi peraturan jalan raya dan memandu kenderaan motor secara melulu atau membahayakan yang menyebabkan kematian. Di bawah subseksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987, mahkamah boleh mengambil tindakan menggantung lesen memandu seseorang itu jika pemanduannya menyebabkan kematian kerana memandu dengan melulu atau membahayakan. Hukuman di bawah seksyen ini ialah penjara selama tempoh tidak kurang daripada dua tahun dan tidak lebih daripada 10 tahun dan denda tidak kurang daripada RM5,000 dan tidak lebih daripada RM20,000.

Selain dari itu seseorang itu akan hilang kelayakan ataupun digantung lesen daripada memegang atau mendapatkan sesuatu lesen memandu selama tempoh tidak kurang daripada tiga tahun dari tarikh sabitan dan dalam hal sabitan kali kedua atau kali kemudian hilang kelayakan atau digantung selama tempoh 10 tahun dari tarikh sabitan. Jika berkaitan dengan pemegang lesen memandu percubaan, mahkamah akan batalkan lesen memandu itu. Setakat ini kerajaan telah menggantung sebanyak 1,115 lesen memandu dan telah membatalkan sebanyak 246 lesen memandu sejak tahun 2006 hingga Februari 2017. Terima kasih.

Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Timbalan Menteri atas jawapan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menerima baik dasar pelaksanaan sistem AWAS bagi menangani isu-isu lalu lintas. Soalan tambahan saya adalah, apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi pesalah-pesalah trafik ringan ataupun berat terutama warga asing yang terdiri daripada pelancong antarabangsa yang akan meninggalkan negara dalam tempoh yang singkat mahupun kenderaan daripada negara jiran sebelum mereka melepasi pintu imigresen kita. Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan mengambil tindakan seperti denda-denda yang telah saya sebutkan tadi mengikut Akta Pengangkutan Jalan 1987. Sekarang ini kerajaan lebih telah memperketat di pintu-pintu masuk negara untuk memastikan kenderaan-kenderaan asing dipastikan untuk membayar denda-denda ataupun dikenakan tindakan mengikut undang-undang negara. Terima kasih.

■1020

Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat: Ringkas sahaja Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Menteri Pengangkutan, apakah hasil setakat ini setelah Sistem Demerit diperkenalkan pada 1 April tahun ini dan juga saya hendak tahu, berapa ramaikah yang telah digantung lesen mereka? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, mengenai Sistem Demerit yang baru diperkenalkan pada 1 April dan dikuatkuasakan sejak 15 April ini, belum ada yang digantunglah. Akan tetapi sejak 15 April hingga 17 April, tiga hari ini kerajaan telah merakam sebanyak 5,972 kesalahan melanggar lampu merah dan yang melebihi had laju, kerajaan telah merakam sebanyak 5,455. Jadi banyak kesalahan oleh pengguna jalan raya setelah kita kuatkuasakan 15 April ini, tiga hari sahaja pun dah begitu beribu yang telah melanggar. Itu maklumat tetapi setakat ini, belum ada lagi yang membayar denda daripada Demerit ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Hanafi, bagi dia orang masa lagilah untuk gantung.

3. Datuk Ng Chiang Chin minta Menteri Pertahanan menyatakan, sama ada koridor transit dalam parameter rondaan maritim yang dipersetujui di antara Kerajaan Malaysia, Indonesia dan Filipina pada September 2016 merangkumi kebenaran untuk membenarkan pasukan bersenjata atau penguat kuasa negara anggota lain memasuki perairan Malaysia untuk menahan kumpulan pengganas yang disyaki memasuki ke wilayah negara kita, adakah persetujuan tersebut turut meliputi rondaan udara yang menjadikan ruang udara Malaysia sebahagian daripada parameter rondaan bersama.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rangka Kerja *Trilateral Cooperative Agreement* yang telah dipersetujui antara Kerajaan Malaysia, Indonesia dan Filipina, pelaksanaan operasi menegar sempadan oleh pihak Angkatan Tentera dan agensi keselamatan ketiga-tiga negara adalah dibenarkan bagi meneruskan pemburuan ke atas kumpulan penculik bersenjata sehingga melangkaui sempadan negara masing-masing selagi mana ianya berada di dalam kawasan Maritim yang telah dikenal pasti termasuk laluan koridor transit.

Terdapat dua elemen rondaan maritim yang akan dilaksanakan di bawah kerjasama tiga hala iaitu rondaan laut dan rondaan udara. Rondaan udara akan dilaksanakan secara gabungan menggunakan aset udara secara bergilir antara ketiga-tiga negara di dalam kawasan maritim yang telah dikenal pasti.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan tambahan.

Datuk Ng Chiang Chin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah beri penjelasan. Soalan tambahan saya ialah adakah sebarang kumpulan pengganas atau penjenayah yang ditangkap oleh pasukan bersenjata negara jiran Indonesia dan Filipina dalam perairan atau ruang udara Malaysia di bawah rondaan bersama akan diserahkan kepada negara jiran atau Malaysia. Adakah mereka akan menghadapi mahkamah Malaysia dan sejauh manakah rondaan bersama ini berhasil dalam mengurangkan ancaman kegiatan pengganas dan penculikan di Malaysia terutamanya di *Eastern Sabah Security Command*. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tersebut. Sebenarnya kita sekarang ini di peringkat rundingan tentang beberapa perkara iaitu SOP, rondaan dan sebagainya. Ada beberapa mesyuarat telah diadakan oleh *working group* yang mana di antara Ogos sehingga sekarang ini sudah ada lebih kurang lima mesyuarat yang telah diadakan bersama dan di peringkat Menteri dan sebagainya, telah kita adakan. Menteri kita sudah ada empat kali daripada di Vientiane Manila, Bali, Hawaii dan di Vientiane, Laos baru-baru ini. Kita telah mengadakan dan kita di peringkat tandatangan persetujuan antara ketiga-tiga negara. Ada beberapa perkara yang masih di peringkat rundingan.

Jadi setakat ini belum mendapat, saya hendak beri jawapan secara *detail* berkenaan dengan pendakwaan, sekiranya tertangkapnya penjenayah di dalam kawasan-kawasan yang tertentu. Akan tetapi setakat ini hari belum pernah lagi kita tangkap mereka yang telah mendapat, yang melakukan penculikan biasanya kita tidak tahu siapalah. Setakat ini belum ada pendakwaan dan mereka yang terlibat telah didakwa di mana-mana mahkamah sama ada di dalam kawasan kita atau di Filipina atau di Indonesia.

Biasanyalah kalau berlaku benda itu dalam kawasan kita memang kita akan dakwa di bawah undang-undang kita. Akan tetapi kalau berlaku di luar kawasan, saya tidak pastilah sama ada tindakan-tindakan tertentu. Ini walau bagaimanapun, ini sedang dalam rundingan yang sedang dijalankan. Akan tetapi walau bagaimanapun, kita pasti dengan adanya persefahaman antara tiga buah negara ini, kita akan rasa soal-soal penculikan di kawasan ini akan dapat direda.

Walaupun sebelum ini pun walaupun belum ada rundingan ini antara tiga negara, penculikan jarang berlaku di atas tanah besar Sabah kerana kawalan di bawah pasukan keselamatan kita dengan ESSCOM dan sebagainya menyebabkan mereka gagal mengadakan kerja-kerja penculikan di darat. Oleh sebab itu mereka sekarang ini beralih ke laut dan dulu is a *very*, orang kata *organize*. Mereka hanya menculik orang-orang yang tertentu, tauke-tauke dan sebagainya.

Sekarang ini hanya mereka culik siapa yang ada, nelayan pun telah diculik. Maknanya mereka telah sekarang *desperate*. Maknanya kawalan yang dibuat oleh pasukan keselamatan kita agak telah berjaya. So, sekarang ini di peringkat yang keduanya ialah untuk kerjasama antara tiga negara. Apa-

apa pun, saya akan jelas kepada Dewan yang mulia ini daripada semasa ke semasa bergantung pada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang terhormat Menteri.

4. Puan Bathmavathi Krishnan minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, sama ada komponen golongan OKU diberi perhatian yang sewajarnya dalam pewujudan masyarakat inklusif di bawah program MOST iaitu *Management of Social Transformation*, dan apakah komitmen yang dijanjikan oleh kerajaan dan kementerian pada *Asia Pacific Ministerial Forum of MOST* yang telah diadakan pada bulan Mac 2017.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama *United Nations Educational Scientific and Cultural Organisations*, dengan izin, telah menganjurkan *Asia Pacific Ministerial Forum of Management of Social Transformation Program* pada 22 hari bulan dan 23 hari bulan Mac tahun ini di Hotel Sunway Putra, Kuala Lumpur. Selain itu, *Senior Official Meeting for Asia Pacific, Regional of Forum of MOST* juga telah diadakan dua hari sebelum *Ministerial Forum* iaitu pada 20 dan 21 Mac 2017.

Kedua-dua mesyuarat dan Forum MOST ini telah mendapat sambutan yang baik daripada wakil 17 buah negara di rantau Asia Pasifik yang melibatkan antara Menteri yang memegang portfolio pembangunan sosial, pegawai kanan kerajaan, penyelidik universiti, wakil Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan. Mesyuarat dan Forum MOST ini diadakan bertujuan untuk dijadikan sebagai medium perkongsian pengetahuan, kepakaran dan pengalaman dalam membangun serta melaksanakan dasar berpandukan bukti bersama penyelidik dan pembuat dasar.

Ia juga bertujuan meningkatkan kerjasama serantau dalam merangka dasar awam yang berkesan supaya perkara-perkara berkaitan pengetahuan sains sosial dapat diterjemahkan ke dalam pelan tindakan yang terbaik untuk sesebuah negara. Tema mesyuarat dan forum program MOST bagi tahun 2017 ialah *Building Inclusive Society*, dengan izin. Di bawah tema ini, tiga sub tema telah dikenal pasti iaitu *Social Innovation, Ageing and Empowering of Women* walaupun golongan orang kurang upaya tidak dijadikan sub tema dalam mesyuarat dan forum MOST ini, isu dan kepentingan OKU telah disentuh dan dikupas secara umum selaras dengan tema utama iaitu berkaitan *inclusive*.

■1030

Tiga kertas kerja berkaitan dengan OKU telah pun dibentangkan oleh wakil delegasi dalam mesyuarat *Senior Officials' Meeting for Asia Pacific Regional Forum of Management of Social Transformation Program*. Antara perkara yang telah dibentangkan dan dibincangkan termasuk peluang pekerjaan OKU, kesihatan, pendidikan dan perundangan bagi melindungi golongan OKU. Selain itu, cadangan penambahbaikan daripada segi perundangan dan dasar bagi mempertingkatkan dan memperkasakan usaha untuk mengarusperdanakan OKU dalam pembangunan negara bagi menjamin masyarakat yang insklusif juga telah pun dibincangkan.

Sebagai penggulungan kepada mesyuarat dan forum MOST ini, satu *outcome document* telah dipersetujui pada 23 Mac 2017. Dokumen ini merangkumi cadangan yang dipersetujui oleh wakil ahli

negara untuk dibawa kepada kerajaan masing-masing bagi perhatian dan pertimbangan tindakan susulan.

Antara perkara yang dipersetujui ialah memberi kepentingan kepada peranan penyelidikan dalam perancangan dan penggubalan dasar terutamanya daripada segi pembangunan sosial bagi sub tema termasuk memelihara kepentingan golongan OKU.

Secara ringkasnya, penganjuran mesyuarat dan forum MOST ini telah menunjukkan komitmen Malaysia bukan sahaja dalam negara tetapi juga di arena serantau dalam membina masyarakat yang inklusif seperti dalam Rancangan Malaysia Kesebelas dan Agenda 2030 dengan 17 matlamat pembangunan lestari atau *sustainable development goal* di bawahnya.

Sekian, terima kasih.

Puan Bathmavathi Krishnan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah kementerian merancang apa-apa program yang akan diadakan untuk melibatkan golongan OKU bukan sahaja di bandar tetapi juga di luar bandar untuk mencapai matlamat MOST ini? Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Untuk makluman Yang Berhormat, ada persidangan MOST atau tidak ada persidangan MOST pun, kerajaan atau kementerian dan Jabatan Kebajikan Masyarakat telah pun mengadakan program di akar umbi supaya kita dapat mewujudkan satu masyarakat inklusif dan di bawah Dasar OKU Negara, inklusif ini juga adalah satu asas yang akan dilaksanakan oleh kerajaan. Sekian, terima kasih.

5. Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (i) bilakah Lebuhraya PLUS di jajaran Slim River ke Utara Perak akan dilebarkan menjadi enam lorong (tiga sebelah) bagi mengatasi kesesakan yang kian bertambah dan;
- (ii) Lebuhraya Pantai Timur-Barat Banting-Taiping amat dinanti-nantikan, bilakah tarikh sebenar lebuhraya ini dijangka siap.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. *Walaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, pertambahan jumlah kenderaan menggunakan Lebuhraya Utara-Selatan ataupun PLUS saban tahun menyebabkan lebuhraya tersebut tidak dapat menampung kapasiti kenderaan pada waktu puncak termasuk pada musim perayaan dan juga cuti persekolahan. Kementerian Kerja Raya sentiasa prihatin terhadap kesesakan yang sering berlaku ini dan sentiasa proaktif di dalam mencari kaedah bagi mengurangkannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator juga, perjanjian konsesi antara pihak kerajaan dan PLUS adalah termasuk kerja-kerja pelebaran Lebuhraya Utara-Selatan yang melibatkan jajaran Rawang ke Shah Alam, Bukit Lanjan ke Jalan Duta dan dari Nilai ke Seremban. Semua skop kerja-kerja pelebaran jalan ini telah disiapkan oleh pihak PLUS.

Pelebaran lebuh raya di jajaran Slim River ke Utara Perak seperti yang dicadangkan Yang Berhormat Senator tidak termasuk dalam perjanjian konsesi ini dan pihak kementerian masih belum mempunyai perancangan mengenainya.

Namun demikian, antara langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengurangkan kesesakan di Lebuhraya PLUS di bahagian Utara adalah dengan pembinaan Lebuhraya Pantai Barat ataupun *West Coast Expressway*, dengan izin. Perjanjian konsesi bagi projek lebuh raya ini telah pun ditandatangani pada tahun 2013.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator juga, Lebuhraya Pantai Timur Barat Banting-Taiping adalah merujuk kepada Lebuhraya Pantai Barat ataupun *West Coast Expressway* dari Banting ke Taiping. Kerja-kerja pembinaan lebuh raya ini sedang giat dijalankan dan kini telah mencapai kemajuan kerja sebanyak 31.11 peratus. Projek ini mengambil masa selama 60 bulan dan dijangka siap pada Ogos 2019 mengikut perjanjian konsesi.

Sehubungan itu, apabila siap kelak, ianya akan memberi pilihan tambahan kepada pengguna jalan raya dan diharapkan dapat mengurangkan kesesakan lebuh raya di bahagian Utara Selangor dan Perak. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, juga terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Berhubung kait dengan kesesakan kenderaan yang semakin bertambah terutamanya semasa di musim cuti di jajaran Lebuhraya PLUS Slim River-Ipoh serta selalunya berlaku kemalangan jalan raya mengakibatkan kemalangan maut di kawasan Gua Tempurung, maka soalan tambahan saya iaitu apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi perkara ini? Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan tambahan.

Yang Berhormat, sesungguhnya kementerian amat prihatin dengan isu kesesakan di lebuh raya khususnya disebabkan kemalangan dan musim perayaan, Yang Berhormat ya. Justeru itu, kita di peringkat kementerian terutama sekali bagi lebuh raya utama seperti Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) dan juga beberapa lebuh raya dalam bandar yang mempunyai isi padu trafik yang tinggi terutama sekali pada musim puncak, musim perayaan dan cuti panjang, sebenarnya Yang Berhormat, beberapa langkah proaktif dilaksanakan bagi mengurangkan masalah kesesakan yang berlaku pada musim perayaan.

Selain daripada alternatif yang dibincangkan tadi, WCE, saya ingin juga menyentuh mengenai satu projek yang juga merupakan satu cadangan tambahan iaitu projek naik taraf Jalan Persekutuan FT60 dari Damar Laut ke Changkat Jering, Perak yang melibatkan naik taraf jalan sedia ada kepada laluan empat lorong dua hala sepanjang 70 kilometer. Anggaran kos adalah sebanyak RM1.15 bilion, Yang Berhormat.

Dan untuk pengetahuan Yang Berhormat, projek ini dipecahkan kepada lima pakej dan kelulusan telah diberikan untuk pelaksanaan pakej satu dan sub pakej 2A. Dan sudah tentu Yang Berhormat, pembinaan FT60 ini ataupun naik taraf jalan FT60 ini dijangka akan dapat mengurangkan kesesakan di jalan raya utama di negeri Perak terutama sekalinya dalam musim perayaan.

Dan seperti yang saya katakan awal tadi, antara langkah-langkah proaktif bagi menangani kesesakan pada musim perayaan yang merupakan mungkin tidak selalu berlaku, hanya masa-masa yang terpilih, antara langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian termasuklah menggalakkan pengguna untuk membuat perancangan perjalanan melalui nasihat waktu perjalanan ataupun lebih dikenali sebagai *travel time advisory* atau TTA bagi mengelakkan tumpuan semasa perjalanan secara serentak. Maklumlah, banyak kereta yang berada di jalan semasa musim-musim begini.

■1040

Di samping itu, pihak Kementerian sering mengadakan kolaborasi dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dari segi aspek penguatkuasaan dan juga kelancaran trafik terutama sekali penggunaan lorong-lorong kecemasan pada hari kemuncak tertentu Yang Berhormat. Di samping itu kita juga menggalakkan ataupun pihak konsesi sendiri digalakkan untuk menambah bilangan petugas di plaza tol, kawasan R&R dan hentian sebelah di samping mendapat juga bantuan daripada RELA bagi mengawal trafik di kawasan R&R dan juga hentian sebelah. Di samping itu Yang Berhormat, pihak Kementerian melalui juga syarikat konsesi ini meningkatkan bilangan kekuatan pasukan rondaan dan juga kren untuk bantuan kecemasan sekiranya berlaku apa-apa kejadian kemalangan.

Di samping itu, pihak konsesi juga diminta untuk menambah bilangan lorong transaksi tol termasuk mengaktifkan kutipan tol secara berlapis ataupun *multiple transactional lane* dengan izin di plaza tol tertentu. Di samping itu kita juga menggalakkan penggunaan kutipan tol elektronik atau ETC melalui pemberian diskaun atau rebat tol semasa musim perayaan tertentu dan di samping itu yang sering kita juga laksanakan Yang Berhormat termasuklah hebahan maklumat trafik sama ada melalui media massa, media elektronik, papan tanda ITS dan juga media sosial seperti saluran *Twitter* bagi membolehkan pengguna menggunakan maklumat trafik yang terkini. Terdapat juga SOP apabila berlakunya kemalangan Yang Berhormat, yang mungkin saya boleh kongsi selepas ini dengan Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bila Menteri Kerja Raya datang pagi ini saya rasa *touching* bila bercakap soal lebuhraya. Jadi saya hendak tanya status Lebuhraya Rantau Panjang ini 22 kilometer yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah umum pada 22 Ogos 2015 semasa lawatan kerja ke Rantau Panjang. Jadi saya hendak tahu status lebuhraya ini walaupun orang Kelantan panggil lebuhraya walaupun pendek sebab tidak ada lebuhraya. Jadi saya tak sabar hendak tahu status kedudukan terkini lebuhraya sepanjang 22 kilometer Rantau Panjang ke Pasir Mas. Sekian, terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan soalan ini adalah di luar daripada soalan asal *insya-Allah* Yang Berhormat saya akan dapatkan maklumat dan akan serahkan secara bertulis kepada Yang Berhormat dengan segera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Datuk Yoo Wei How. Silakan.

6. **Datuk Yoo Wei How** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) apakah status pelaksanaan Pelan Transformasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara, antaranya Majlis Bandaraya Alor Setar setakat ini; dan
- (b) bagaimanakah tahap penglibatan kementerian dalam proses pengumpulan pandangan dan suara rakyat, serta sejauh mana kementerian dapat mengawal selia pelaksanaan Pelan Transformasi PBT.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Yoo Wei How di atas soalan yang mengehendaki jawapan terhadap perancangan kementerian terhadap Pelan Transformasi PBT.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Yoo Wei How saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa Pelan Transformasi Pihak Berkuasa Tempatan, tema kita "*PBT di Hati Rakyat*", adalah merupakan satu jajaran kepada Agenda Transformasi Nasional melalui Program Transformasi Kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan melaksanakan Pelan Transformasi Pihak Berkuasa Tempatan- "*PBT di Hati Rakyat*", berdasarkan kepada beberapa faktor. Pertama, kepesatan pembangunan dan perbandaran di Malaysia berlaku secara pantas dan dinamik. Selain daripada itu, situasi ini mendorong migrasi rakyat daripada luar bandar ke bandar meningkat pada setiap tahun atas faktor ekonomi dan sosial yang lebih baik. Sehingga tahun 2016, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Datuk, jumlah migrasi penduduk ke bandar telah pun mencapai 74.8 peratus dan peningkatan kadar migrasi memberikan cabaran yang utama kepada pihak berkuasa tempatan untuk menguruskan isu-isu dan cabaran-cabaran berkaitan dengan perbandaran untuk memenuhi keperluan dan cita rasa serta aspirasi rakyat.

Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, kesedaran rakyat terhadap hak mereka semakin meningkat. Mereka mahu tuntutan untuk mendapatkan kualiti yang baik dari segi kesejahteraan hidup bertambah dan meningkat. Persepsi yang sering berlegar di kalangan rakyat dalam kawasan bandar termasuk jugalah yang kadang-kadang dimainkan oleh pihak-pihak pembangkang mengatakan bahawa PBT tidak kompeten, kurang responsif, menggunakan cara kerja yang lama, terlibat dengan korupsi serta lemah dalam pengurusan isu perbandaran.

Maka kerana itu Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah pun mengarahkan supaya dibangunkan, diwujudkan satu Pelan Transformasi Pihak Berkuasa Tempatan untuk meningkatkan lagi kualiti pencapaian perkhidmatan pihak berkuasa tempatan dan menyejahterakan kehidupan rakyat dengan proses dan prosedur kerja yang sistematik telus di antara Kerajaan Pusat, kerajaan negeri, dan pihak berkuasa tempatan.

Maka untuk itu Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Yoo Wei How pelan ini Tuan Yang di-Pertua ia mengandungi enam teras dan di sokong oleh 22 strategi pelaksanaan. Tiga teras pertama yang melibatkan pihak berkuasa tempatan adalah pembangunan

modal insan, kecekapan perkhidmatan dan pengukuhan kewangan dan dikhususkan untuk memperkasakan organisasi pihak berkuasa tempatan.

Tiga lagi teras Tuan Yang di-Pertua, iaitu kesejahteraan rakyat, penglibatan rakyat dan komunikasi berkesan melibatkan penekanan terhadap kesejahteraan rakyat. Ini ada kaitan antara pihak berkuasa tempatan dengan rakyat dan kita harap supaya kolaborasi ini di antara pihak berkuasa tempatan dengan rakyat iaitu pembayar cukai terutama rakyat dalam kawasan bandar akan menghasilkan persekitaran yang selamat, sejahtera, memudahkan lagi perkongsian maklumat yang tepat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator buku ini telah pun disiapkan Tuan Yang di-Pertua... [*Menunjukkan sebuah buku*] Ini saya hendak tunjukkan dengan Yang Berhormat. Yang Berhormat tengok buku ini baik-baik, telah pun disiapkan bersama enam buku panduan pelaksanaan mengikut teras masing-masing untuk dilaksanakan oleh semua pihak berkuasa tempatan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Termasuk Majlis Bandaraya Alor Setar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat buku itu ada bagi tak kepada senator-senator?

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak bagi tak buku itu?

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Tidak, saya hendak tunjukkan buku itu sudah siap, buku ini sudah siap ini kerana apa Tuan Yang di-Pertua saya tak hendak nanti Yang Berhormat Datuk Yoo ingat cakap sahaja tetapi tak ada. Jadi hari ini buku ini saya tunjuk sudah siap, buku ini tidak boleh di bagi selagi belum dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri... [*Disampuk*]

Jadi saya tunjuk supaya Yang Berhormat Datuk Yoo *confident* yang buku ini iaitu Pelan Transformasi Pihak Berkuasa Tempatan akan dilaksanakan dan *insya-Allah* Tuan Yang di-Pertua akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada pertengahan tahun 2017.

Menjawab kepada persoalan yang kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Yoo tadi tentang bagaimana agaknya kita adakan, mendengar suara-suara rakyat melalui transformasi kita adakan, bagaimana kita mendapat *feedback* daripada rakyat. Saya hendak memaklumkan kepada Yang Berhormat, untuk kita menghasilkan buku Pelan Strategik Transformasi PBT ini kita telah mengadakan lima bengkel yang melibatkan kepimpinan tempatan, yang melibatkan NGO, wakil-wakil daripada suara rakyat. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, sesi-sesi *town hall* dan Hari Terbuka Pelan Transformasi Sosial dan sebagainya diadakan dari semasa ke semasa.

Jadi saya hendak meyakinkan kepada Yang Berhormat Datuk Yoo jangan bimbang Yang Berhormat, pelan ini akan dilancarkan pada tahun ini dan *insya-Allah* kita akan melihat perubahan yang akan berlaku kepada pihak berkuasa tempatan dengan syarat kerajaan-kerajaan negeri menyokong kepada usaha yang akan dilaksanakan oleh pihak kementerian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Yoo Wei How: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan adanya Datuk Halimah dekat Dewan ini memang kita tidak bimbanglah. Maka saya tiada soalan tambahan kerana jawapan yang cukup komprehensif. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Halimah, *you* sudah menakutkan Senator dengan jawapan itu fasal dia tak mahu tanya soalan tambahan. Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin.

7. Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin minta Menteri Kesihatan menyatakan, bilangan perokok negara ini yang berusia 15 tahun dan ke atas dan nyatakan langkah-langkah kerajaan untuk mengurangkan kadar merokok 30 peratus bagi tahun 2017 ini serta seterusnya menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bebas daripada sebarang bentuk amalan merokok menjelang 2045 sebagaimana Pelan Strategik Kebangsaan bagi Kawalan Tembakau 2015-2020 Kementerian Kesihatan Malaysia.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin. Soalan ini berkenaan dengan merokok Tuan Yang di-Pertua.

■1050

Tuan Yang di-Pertua, tinjauan Kajian Kesihatan Morbiditi Kebangsaan yang dijalankan pada tahun 2015 menunjukkan terdapat seramai lima juta atau 22.8 peratus rakyat Malaysia berumur 15 tahun ke atas yang merokok. Di bawah Pelan Strategik Kebangsaan 2015-2020, pelbagai strategi telah diatur bagi memastikan Malaysia menjadi sebuah negara yang bebas dari amalan merokok menjelang tahun 2045.

Strategi yang dilaksanakan adalah selaras dengan Malaysia sebagai negara berparti kepada WHO *Framework Convention on Tobacco Control* (WHO FCTC) dan terdapat dua strategi utama bagi menurunkan *prevalence* merokok iaitu aktiviti-aktiviti ke arah pencegahan bagi memastikan bilangan perokok baru dapat dibendung dan aktiviti-aktiviti rawatan iaitu bagi memastikan mereka yang merokok dapat dibantu untuk berhenti merokok.

Berkaitan dengan aktiviti pencegahan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang menjalankan usaha-usaha untuk mengurangkan kebolehdapatan merokok dan produk tembakau terutama di kalangan remaja dengan mencadangkan kenaikan cukai dan kenaikan harga rokok. Ini selaras dengan saranan WHO FCTC supaya cukai rokok adalah 75 peratus dari harga rokok, Tuan Yang di-Pertua.

Kerajaan juga komited untuk memastikan sebarang bentuk pengiklanan sama ada secara langsung atau tidak langsung adalah tidak dibenarkan bagi memastikan golongan remaja tidak terpengaruh dengan tabiat merokok. Kerajaan juga sedang melaksanakan kempen-kempen kesedaran kepada kumpulan sasaran tertentu meliputi prasekolah dan sekolah rendah di bawah Program IMFree. Secara khususnya Program IMFree telah dibangunkan untuk memberi kesedaran dan perasaan benci kepada aktiviti merokok dalam kalangan pelajar sekolah.

Berkaitan aktiviti rawatan berhenti merokok, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengadakan dua bentuk perkhidmatan mengikut kumpulan sasaran iaitu sekolah rendah, sekolah menengah, institusi pengajian tinggi dan orang awam. Bagi sekolah rendah dan menengah, Program Kesihatan Oral Tanpa Asap Rokok (KOTAK) telah dibangunkan di mana program ini bertujuan untuk menjalankan saringan awal dan memberikan intervensi awal kepada murid-murid sekolah. Program saringan dan intervensi juga akan dibangunkan di institusi pengajian tinggi di mana

Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi akan menjalankan program saringan dan rawatan.

Bagi orang awam Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah pun membangunkan Program '*M*' *Quit* di mana perkhidmatan berhenti merokok diperluaskan dengan kerjasama sektor awam dan swasta. Perokok kini boleh mendapatkan perkhidmatan berhenti merokok di mana-mana fasiliti yang telah diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Satu laman sesawang khas iaitu jomquit.moh.gov.my telah dibangunkan untuk membantu perokok untuk mendapatkan panduan, petua, informasi dan maklumat tentang cara-cara ingin berhenti merokok, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang diberikan sebentar tadi. Kita dapati industri tembakau menjadikan golongan kanak-kanak, remaja dan belia yang berumur 15 tahun hingga 40 tahun sebagai sasaran jualan rokok kerana golongan inilah yang paling kuat merokok.

Soalan tambahan saya ialah setakat manakah kejayaan Program Generasi Malaysia Bebas Merokok termasuk program saringan dan intervensi murid-murid sekolah seperti mana sasaran Kementerian Kesihatan Malaysia dalam menentukan rakyat Malaysia yang lahir pada tahun 2009 dan ke atas tidak memulakan ataupun tidak merokok.

Kedua, sejauh manakah peluasan tempat-tempat larangan merokok membantu menjadikan Malaysia negara bebas rokok sedangkan masih ramai yang merokok di kawasan larangan merokok kerana kelemahan penguatkuasaan. Jadi adakah kerajaan bercadang menggunakan NBOS untuk memberi kerjasama dengan agensi-agensi penguat kuasa lain seperti pihak berkuasa tempatan dalam menangani isu ini?

Seterusnya, setakat manakah sambutan dan keberkesanan Program Perkhidmatan Bersepadu Berhenti Merokok atau *Integrated Quit Smoking Services*, dengan izin, yang terdapat di hospital kerajaan, klinik swasta, farmasi, USM, M Quit *toll line* dalam mengurangkan bilangan perokok dalam negara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Ada banyak soalan ini. Saya jawab yang kemudian dulu.

Tentang kejayaan berhenti merokok Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pihak kementerian dengan kerjasama pihak swasta telah pun mengadakan banyak klinik berhenti merokok, Tuan Yang di-Pertua iaitu di hospital kerajaan terdapat sebanyak 43 buah hospital yang ada klinik berhenti merokok, Klinik Kesihatan Kerajaan (KK) sebanyak 771 buah yang ada klinik berhenti merokok, pihak swasta iaitu farmasi dan juga klinik swasta ada 165 fasiliti yang menawarkan klinik berhenti merokok.

Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, kejayaan ialah sebanyak 23 peratus. Bermakna antara mereka yang telah pergi mendapatkan rawatan, sebanyak 23 peratus daripada mereka berjaya untuk berhenti merokok dalam masa enam bulan. Tahun lepas, ada lebih kurang 10,000 orang yang pergi mendapatkan rawatan di klinik-klinik kerajaan dan juga swasta.

Tentang kawasan larangan merokok Tuan Yang di-Pertua, kita memang bekerjasama dengan pihak NBOS, PBT, KPT dan KPM. Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, terdapat 23 jenis kawasan yang telah pun digazet sebagai kawasan berhenti merokok. Terakhir digazet Tuan Yang di-Pertua ialah

taman-taman awam, Taman Negara. Taman Negara di tempat perkhemahan, di hentian kanopi dan juga di menara tinjau. Kawasan ini memang tidak boleh merokok. Kawasan R&R pun sudah pun digazet sebagai kawasan larangan merokok, Tuan Yang di-Pertua. Cuma, *corner*, sudut tertentu sahaja yang boleh merokok. Memang kita mendapat kerjasama dari pelbagai pihak untuk melaksanakan program ini, Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada itu, soalan tambahan tadi berkenaan dengan sasaran kanak-kanak remaja, memang Tuan Yang di-Pertua, peraturan tanaman tembakau sekarang ini amat longgar diletak di bawah peraturan Akta Kawalan Makanan, Tuan Yang di-Pertua. Ini amat longgar sekali. Contohnya Tuan Yang di-Pertua, kanak-kanak di bawah umur 18 tahun tidak boleh beli rokok tetapi tidak ada sebut tentang tidak boleh menjual rokok. Bermakna kanak-kanak ini boleh menjual rokok. Ini satu kelemahan.

Oleh sebab itu pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang menggubal satu undang-undang yang memang kita diarahkan supaya membawa kepada tahun hadapan, Tuan Yang di-Pertua. Antara cadangannya ialah menaikkan umur yang boleh beli rokok. Sekarang berumur bawah 18 tahun, sekarang hendak ditingkatkan kepada umur 21 tahun. Masalah larangan pameran. Sekarang ini walaupun tidak ada iklan tetapi mereka boleh letak di belakang kaunter. Kalau kita pergi ke mana-mana kedai makan, letak di belakang kaunter. Nampak jelas bermacam-macam jenis rokok. Ini pun satu perkara yang kita perlu beri perhatian.

Undang-undang ini sudah di berbagai-bagai peringkat. Kita sudah buat *engagement* dengan pelbagai *stakeholders* dan ini sedang diteliti oleh pihak perundangan di Kementerian Kesihatan. Larangan ini juga termasuk *vape*, Tuan Yang di-Pertua. *Vape* akan dimasukkan dalam undang-undang ini dan tempat larangan merokok juga akan dikenakan ke atas larangan *vape*. Maksudnya *vape* juga tidak boleh dihisap ikut suka hati. Ada tempat-tempat larangan, Tuan Yang di-Pertua. Jadi bermakna kita sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai matlamat kita seperti yang telah disarankan oleh WHO, Tuan Yang di-Pertua.

■1100

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan ini...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk, Yang Berhormat. Fasal kita kesingkatan masa, saya bagi satu pertanyaan sahaja. Yang Berhormat tadi sudah minta empat soalan, lagi ada soalan?

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Saya hendak tanya fasal tembakau ini. Bila tanaman tembakau ini diharamkan, saya hendak tanya selepas tanaman tembakau diharamkan, berapa statistik yang kita dapat mengurangkan jumlah perokok ini? Kalau ia boleh tidak mengurangkan, maknanya baik biarkan tembakau ini ditanam oleh orang kampung dalam keadaan kos sara hidup bertambah sekarang ini.

Sekarang ini bila tembakau tidak tanam, tidak dibenarkan tanam, diharamkan tanam, maka *income* rakyat kampung sudah berkurang sebab memang tidak mendapat sambutan di kalangan masyarakat kampung luar bandar. Jadi, kalau tidak boleh dengan mengharamkan tanaman tembakau ini, hisap rokok tidak boleh dikurangkan, saya rasa lebih baik biarkan tembakau ditanam. Jadi, saya

hendak tanya statistik sebelum diharam tanaman tembakau dan selepas diharam tanaman tembakau dan juga jumlah import rokok, selepas diharam itu, bertambahkah atau berkurang? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jika tidak boleh diharamkan, halalkan tanaman tembakau... [Ketawa]

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, kita di Kementerian Kesihatan kita amat *concern* dengan masalah hisap rokok ini. Bila hisap rokok, kita didedahkan dengan...

Tuan Yang di-Pertua: Kita izinkan sebab merokok ini fasal banyak penuntut di sini yang datang pada hari ini. Silakan, Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Oleh kerana bila hisap rokok, risikonya banyak penyakit Tuan Yang di-Pertua. Penyakit termasuk sekali kanser paru-paru, penyakit jantung dan sebagainya, banyak masalah. Ini adalah penyakit yang boleh dicegah Tuan Yang di-Pertua, *non-communicable diseases* (NCDs) yang boleh dicegah.

Sekarang ini terdapat di Kementerian Kesihatan, hospital-hospital kerajaan kematian akibat penyakit tidak berjangkit, termasuk yang akibat merokok ini adalah 74 peratus Tuan Yang di-Pertua, tinggi. Setakat ini, dalam kempen kita Tuan Yang di-Pertua, memang tidak nampak kejayaan lagi berbanding dengan tahun lepas, ia turun 0.3 peratus sahaja, agak rendah sangatlah 0.3 peratus, tidak sampai 1 peratus pun, tidak signifikan. Akan tetapi kita terus berusaha. Kita tidak putus asa, kita akan terus usaha. Kempen kita ini yang saya sebut tadi mencegah, kita tidak mahu- kita hendak mengurangkan mereka perokok baru, itu satu. Kedua, hendak berubat yang sudah merokok.

Setakat ini *alhamdulillah*, yang merokok itu sudah kejayaan kita 23 peratus berbanding dengan sebelum ini 18 peratus sahaja, bermakna sudah ada peningkatan Tuan Yang di-Pertua. *Insyallah* kita akan teruskan usaha kita.

8. Tuan Chia Song Cheng minta Menteri Kewangan menyatakan, jumlah hartanah yang telah dimiliki oleh warga asing mengikut negara asal sejak 2012 sehingga kini serta apakah jangkauan harga hartanah-hartanah tersebut serta adakah pelaburan asing ini akan menjejaskan peluang orang tempatan dari segi pemilikan rumah atau peluang pekerjaan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak mengumpul data atau rekod mengenai jumlah hartanah yang dimiliki oleh warga asing mengikut negara asal.

Walau bagaimanapun, terdapat statistik transaksi hartanah kediaman komersial dan industri dari tahun 2012 hingga 2016 yang diperoleh dari Lembaga Hasil Dalam Negeri melalui kerja penilaian duti setem. Bilangan transaksi ini dapat memberi gambaran peratus pemilikan oleh warga asing daripada keseluruhan bilangan transaksi. Berdasarkan kepada data yang telah diperoleh didapati pada tahun 2012 sebanyak 272,669 unit rumah kediaman telah dijual, di mana 1,934 unit telah dibeli oleh warga asing iaitu 0.7 peratus sahaja. Pada tahun 2013, sebanyak 246,225 unit rumah telah dijual di pasaran, di mana 1,846 unit sahaja dibeli oleh warga asing, jadi 0.7 peratus.

Manakala, pada tahun 2014 sebanyak 247,251 unit rumah telah dijual di pasaran, di mana 2,406 unit sahaja dibeli oleh warga asing iaitu 1 peratus. Pada tahun 2015 sebanyak 235,967 unit rumah telah dijual di pasaran, di mana 1,156 unit sahaja dibeli oleh warga asing iaitu 0.5 peratus. Pada tahun 2016 sebanyak 203,064 unit rumah telah dijual di pasaran, di mana 706 unit sahaja telah dibeli oleh warga asing iaitu 0.3 peratus.

Ini menunjukkan peratusan pemilikan oleh warga asing telah menurun. Mengikut dasar yang telah ditetapkan, warga asing hanya boleh membeli hartanah yang bernilai melebihi RM1 juta sahaja. Memandangkan pembelian hartanah oleh warga asing adalah tertakluk kepada harga yang melebihi RM1 juta sahaja dan peratus pindah milik kepada warga asing untuk pelbagai sektor hartanah kurang daripada 2 peratus, maka dapat disimpulkan peluang bagi warga tempatan untuk memiliki rumah masih tidak terjejas.

Berdasarkan rekod, bilangan hartanah kediaman melebihi RM1 juta yang tidak terjual telah meningkat jumlahnya dari tahun 2014 iaitu sebanyak 413 unit kepada 2,116 unit pada tahun 2016. Dengan ada pembelian hartanah oleh warga asing sebenarnya memberi kesan positif kepada negara kerana dapat mengurangkan bilangan hartanah tidak terjual, terutama yang melebihi RM1 juta. Di samping itu juga, pembelian hartanah oleh warga asing, terutama untuk sektor industri dan perdagangan dapat menggalakkan pelaburan asing di negara ini dan seterusnya memberi peluang pekerjaan kepada warga tempatan. Sekian, terima kasih.

Tuan Chia Song Cheng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dari kementerian yang berkenaan. Maka, soalan tambahan saya kepada kementerian ialah dalam pasaran hartanah yang agak lembab ini, apakah panduan kementerian kepada pemaju dan juga PBT ataupun pihak berkuasa tempatan supaya langkah untuk memastikan sektor hartanah berdaya saing dan juga daya tahan kepada perubahan ekonomi semasa? Sekian, terima kasih.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, pihak pemaju seharusnya membuat kajian semula berkenaan jenis bangunan perumahan yang perlu dibina. Kerajaan menggalakkan pihak pemaju untuk membina lebih banyak rumah dengan harga yang mampu dibeli oleh rakyat kerana permintaannya adalah lebih tinggi. Dalam membuat sesuatu keputusan, pemaju boleh rujuk kepada laporan stok dan status yang dikeluarkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Tanah bagi mendapatkan statistik atau data mengenai harga, jenis rumah dan lokasi yang banyak permintaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahaja masa untuk pertanyaan bagi jawab lisan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan tamat]

■1110

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Ariffin bin S.M. Omar, tadi Yang Berhormat soalan berkenaan dengan apa, kan cakap dengan soalan. Sila, *what is your question?* Dengan izin.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya akan baca soalan ini. "*Dr. Ariffin bin S.M. Omar minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah keputusan tentang kes tuntutan IPIC yang berjumlah USD6.5 ke atas 1MDB dan MoF di Mahkamah Penimbang tara London dan bagaimana Kerajaan Malaysia dapat menyelesaikan kes ini?*"

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang saya kemukakan di sini tidak sentuh tentang kes perbicaraan. Saya minta ialah penjelasan tentang tuntutan IPIC dan macam manalah kes ini akan diselesaikan oleh Kerajaan Malaysia. Di samping itu kes ini tidak dibicarakan di negara ini, tetapi di luar negara. Maka apa salahnya soalan ini hingga tidak diterima dan ditolak atas alasan *sub judice*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Saya berpendapat yang sama juga, *because* kalau kita tengok *sub judice*, konsep *sub judice* ialah kalau perbincangan dalam Dewan ini akan prejudis dari segi prasangka, prejudis keputusan. Akan tetapi di sini, keputusan telah pun dibuat. So, isu prejudis tidak timbul. Itu pendirian saya.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli Yang Berhormat, saya hendak beritahu bahawa, Integrasi *literal, the Literal Interpretation in London Court of International Arbitration*. Perkara yang dibangkitkan dibicarakan di Mahkamah Penimbang tara London. Oleh kerana LCIA merupakan sebuah mahkamah dari segi integrasi literal, maka perkara *sub judice* terpakai dalam situasi ini, juga kerana struktur.

Yang Berhormat saya hendak beritahu- struktur penimbang tara adalah suatu badan kehakiman yang mempunyai badan kuasa dan fungsi kehakiman. Maka perkara *sub judice* boleh digunakan. Saya hendak beritahu kepada ahli Yang Berhormat bahawa dalam struktur LCIA, 22(vi), dengan izin, "*to decide whether or not to apply any strict rules of evidence- as to the admissibility, relevance or weight of any material tendered by a party on any matter or fact or expert opinion: and to determine the time, manner and form in which such material should be exchanged between the parties and presented to Arbitral Tribunal.*" Walau terdapat kemungkinan bahawa kes yang ditimbang tara tidak tertakluk kepada undang-undang *sub judice*. Akan tetapi apa-apa isu yang dibangkitkan semasa penglibatan berkenaan perkara ini akan mengakibatkan prejudis ke atas kes 1MDB.

Isu-isu yang dibangkitkan ini, di kamar yang mulia ini mungkin boleh digunakan di timbang tara di London. Tambahan pula, yang telah saya bincangkan artikel 22.1 di mana memandangkan undang-undang keterangan mengenai bukti yang kukuh tidak terpakai di dalam timbang tara tersebut. Oleh itu jika soalan ini diteruskan dan diperdebatkan di kamar yang mulia ini, maka isu-isu serta fakta-fakta yang dibangkitkan semasa perdebatan ini mungkin memprejudiskan serta memudaratkan kes 1MDB ataupun Kementerian Kewangan, Kerajaan Malaysia di Mahkamah Timbang tara di London.

Ahli-ahli Yang Berhormat, perkara tersebut adalah kaitan beberapa isu yang masih lagi dalam perbicaraan mahkamah di dalam negara yang mana membabitkan Yang Berhormat Petaling Jaya Utara dan bekas Senator Dato' Mohd Ezam Mohd Noh. Maka adalah penting untuk memerintahkan supaya soalan ini tidak dibincangkan langsung di dalam Dewan yang mulia ini sehingga kes yang membabitkan perkara yang sama selesai dibicarakan dan diputuskan. Dengan dibincangkan di Dewan ini tidak akan memprejudiskan *outcome* ataupun pengaruh keputusan mahkamah.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah, oleh kerana Malaysia mempunyai perhubungan dengan *United Kingdom* secara kehakiman, maka mengikut Akta *Reciprocal Enforcement of Judgments Act 1958*, dengan izin, sesuatu perintah yang dibuat di salah sebuah negara boleh dikuatkuasakan secara *reciprocal* antara kedua-dua negara tersebut. Seterusnya memandangkan bahawa, Malaysia dan *United Kingdom* mempunyai sistem kehakiman yang sama, maka isu *dual separation* tidak timbul dalam kes ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, soal *sub judice* dan prejudis, salah satu tujuan diadakan peraturan mengenai *sub judice* ialah untuk mengelakkan bahaya berlakunya sebarang prejudis terhadap kes

yang dihadapkan ke mahkamah. Pandangan yang dibangkitkan di dalam sebarang mahkamah, sama ada di dalam ataupun luar negara mempunyai *impact* yang besar yang mana boleh mempengaruhi atau memprejudiskan keputusan hakim yang mengadili kes yang ada kaitan.

Oleh itu, Dewan lazimnya tidak membenarkan sebarang pertanyaan atau perbincangan yang boleh mendatangkan prejudis secara ketara, pentadbiran keadilan, dengan izin, *Administor of Justice* terutamanya dalam kes-kes yang kepentingan nasional. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekejap, duduk sekejap, saya belum habis Yang Berhormat.

Sesuatu pertanyaan ini tidak boleh dikurangkan mengikut Peraturan Mesyuarat 22(1)(g), dikurangkan cakupannya sekiranya harus melencongkan perkara yang sedang dibicarakan oleh mahkamah dan tidak boleh bertanya berkenaan dengan apa-apa jua perkara yang dalam timbangan mahkamah. Pengasingan kuasa, ahli-ahli Yang Berhormat, terdapat pengakuan implisit bahawa tempat pengadilan yang berwibawa benar adalah mahkamah dan bukan Dewan Perundangan. Membenarkan perbincangan kes yang *ongoing* dalam mahkamah boleh menggugat konsep pengasingan kuasa.

Dewan Perundangan perlu berdiri tegas di atas soal pengasingan kuasa antara kehakiman *judiciary* dan perundangan legislatif. Dengan itu, imej dan kedudukan mahkamah keadilan akan tetap terpelihara dan pandangan khalayak ramai. Juga dengan adanya pengasingan kuasa, kenyataan-kenyataan yang dibangkitkan dalam Dewan tidak mampu mencetuskan prejudis dalam kalangan masyarakat terhadap defendan-defendan dan bertujuan menentukan *fundamental justice* ataupun keadilan asas. Ini adalah petua saya.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Saya tidak soal tafsiran yang diberi oleh Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya hendak bangkitkan lagi satu isu, surat itu ditandatangani oleh Setiausaha Dewan Negara.

Ini dari segi *procedural* saya hendak tanya. Kalau masih ingat dalam *House of Commons*, kes Pinochet. Masa *Pinochet extradition* kepada Spain- *House of Commons* dia buat satu keputusan, tidak boleh dibuat oleh *Clerk of the House*, kecuali kena dibuat oleh Speaker. So, ini dari segi *procedural*, ini untuk semua kita. Kemungkinan kita semua akan ada soalan yang ditolak. Cuma dari segi prosedur kalau sekarang tidak payah cuma hendak *check, whether Clerk of the House* boleh *sign* atau tidak mengikut *House of Commons* punya *rules* ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalan dibenarkan atau ditolak adalah keputusan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. Ini tidak dibuat oleh Setiausaha. Akan tetapi untuk menyenangkan kerja saya, Setiausaha menghantar surat bagi pihak saya. So, saya ingat tu tidak ada melanggar mana-mana peraturan mesyuarat di dalam Dewan Negara ini. Oleh kerana itu saya harap Yang Berhormat-Yang Berhormat akan terimalah petua saya. Terima kasih.

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Lee Chee Leong]:Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbahasan ke atas Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Ke Bawah Duli Yang Amat Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi pada hari Khamis, 20 April 2017.”

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, ada yang menyokong.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

USUL**MENJUNJUNG KASIH TITAH SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku, Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Kelima, Parlimen Yang Ketiga Belas”. **[18 April 2017]**

Tuan Yang d-Pertua: Sambungan perbahasan, Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim, silakan.

11.21 pg.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: *Bismillahi Rahmani Rahim... [Membaca sepotong doa] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam negaraku Malaysia. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah pun mengizinkan saya untuk menyambung perbincangan saya yang telah dimulakan semalam.

Untuk menyambung perkara tersebut iaitu saya telah pun berhenti semasa menyampaikan ataupun menyentuh ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong iaitu berkenaan dengan perkara Baginda menyeru supaya semua pihak berganding bahu menghadapi pelbagai cabaran dengan meningkatkan lagi produktiviti ke arah ekonomi yang lebih mampan.

Sehubungan dengan ini, saya menyentuh kepada dua perspektif dan salah satunya telah pun saya sebutkan semalam. Perspektif yang kedua adalah perkara iaitu peranan pihak-pihak tertentu yang memperlihatkan kerakusan berpolitik sehingga sanggup melakukan apa sahaja bagi menggagalkan usaha-usaha kerajaan supaya di atas kegagalan yang mereka rencanakan itu akan lebih mudah meruntuhkan kerajaan sekarang untuk digantikan dengan kerajaan yang baru iaitu kerajaan yang bakal mereka bentuk.

Dalam usaha-usaha pihak kerajaan menarik pelabur asing sebagai contohnya, cuba dibantutkan dengan menimbulkan keresahan seolah-olah negara ini tidak selamat untuk pelaburan. Apabila kerajaan berjaya menarik pelaburan besar daripada negara China, timbul pula tohmahan mengatakan Kerajaan BN menggadaikan negara kepada pelabur daripada negara China. Malahan, kita hampir-hampir terlepas peluang mendapatkan pelaburan daripada negara Arab akibat propaganda negatif pihak-pihak tertentu ini.

Turut merunsingkan kita ialah apabila penglibatan mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamed turut sama berkempen memburuk-burukkan pemimpin dan pentadbiran negara. Jika seorang mantan Perdana Menteri berbuat demikian, maka masyarakat dunia pasti tertanya-tanya dan sedikit sebanyak timbul keraguan untuk melabur di negara ini ataupun berdagang dengan kita. Perbuatan seumpama ini amat merugikan rakyat dan negara, namun masih terdapat golongan yang rela bersekongkol dengan pihak yang berniat jahat itu.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga bercerita ataupun berkongsi cerita mengenai kisah yang berlaku, yang perilaku pihak pembangkang di negeri saya iaitu Perak. Baru-baru ini saya sempat hadir sebagai pemerhati di persidangan Dewan Undangan Negeri Perak. Sepanjang satu hari mengikut perjalanan Sidang Dewan Negeri, tidak ada sesuatu yang positif disuarakan oleh pihak pembangkang terutama wakil-wakil DAP. Segala yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri yang diterajui oleh BN untuk kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negeri, tidak ada yang baik melainkan buruk belaka. Walhal negeri Perak terus mencatatkan pertumbuhan ekonomi pada purata kira-kira 6 peratus setahun bahkan mengatasi kadar pertumbuhan KDNK peringkat nasional.

Juga ingin saya berkongsi apa yang berlaku semasa sidang Dewan Undangan Negeri Perak baru-baru ini iaitu semasa perkara memilih Senator wakil negeri Perak, di mana saya serta ada yang hadir di sini Dato' Lee Chee Leong, wakil daripada BN dan ada daripada pembangkang mencadangkan dua nama yang lain. Ketika pemilihan berlaku, maka Yang Berbahagia Datuk Speaker telah pun mengadakan undi secara belah bahagi. Jadinya ingin saya sebut di sini bahawa wakil kita daripada

pihak kerajaan yang hadir pada hari tersebut dan jumlah wakil Ahli Dewan Undangan Negeri Barisan Nasional adalah sebanyak 31 orang, iaitu daripada UMNO 30 dan daripada MCA seorang. Jumlah kesemuanya Ahli Dewan Undangan Negeri Perak adalah seramai 59 orang.

Setelah dibuat undi secara belah bahagi ini, maka 31 daripada Ahli Dewan Undangan Negeri mewakili Barisan Nasional ini telah mengundi saya dan juga Dato' Lee Chee Leong. Maka apa yang kita lihat ataupun faham iaitu hanya tinggal 28 sahaja suara yang boleh mengundi tetapi oleh kerana untuk melihatkan berapa jumlah undi daripada pembangkang yang mengundi calon daripada yang dinamakan, maka undi angkat tangan ini telah dilaksanakan. Ketika itu mereka ada yang mengangkat dua belah tangan, daripada 28 ini ada yang mengangkat dua belah tangan dan Datuk Speaker Dewan Undangan Negeri telah memutuskan ataupun menyatakan bahawa yang mengangkat dua belah tangan ini undinya rosak.

Akan tetapi apa yang ingin saya sentuh di sini iaitu selepas itu mereka membuat perkara yang huru-hara ataupun mengecohkan keadaan di sidang Dewan tersebut sehingga mengambil masa hampir setengah jam. Setelah kecoh, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Zambry Abdul Kadir mencadangkan supaya ianya diundi semula. Semasa diundi peringkat pertama itu, terima kasih saya ucapkan kepada PAS, PAS seramai empat orang, yang tadi saya sebut 31 daripada BN, daripada PKR kita ada lima wakil dan daripada PAS ada lima, mulanya lima tetapi sekarang tinggal empat kerana Yang Berhormat Dato' Seri Nizar telah pergi keluar ke PAN, dah tinggal empat dan empat daripada PAS telah berkecuali.

Oleh kerana mereka ingin menutup perkara ini, membuatkan kecoh dan sebagainya dan apabila dipilih dan diundi sekali lagi, maka kesemuanya tidak mahu mengangkat tangan. Jadi itulah keputusan yang telah keluar iaitu yang dilaporkan di akhbar-akhbar ataupun di media iaitu keputusannya 31-0. Ada juga yang menyatakan iaitu 31-28 tetapi sebenarnya adalah 31 Barisan Nasional dan 23 sahaja daripada pembangkang iaitu majoritinya daripada DAP dan juga daripada PKR.

■1130

Jadi perkara ini seharusnya tidak berlaku kerana apa yang saya lihat semasa persidangan tersebut dengan keadaan perlakuan yang agak kurang baik semasa Speaker berucap, semasa Yang Berhormat MB berucap, mereka terus saja bangun sedangkan apa yang ditetapkan adalah mesti minta izin kepada yang berucap, kepentingan diberi peluang berucap pada ketika itu dan kena mesti juga minta izin daripada Speaker. Akan tetapi mereka bangun terus bising dan membuat kecoh pada perkara tersebut.

Rumusannya yang saya ingin sampaikan iaitu sewajarnya iaitu semua di dalam kerajaan ini ataupun Ahli-ahli sidang Dewan ini bersama, makna yang baik itu disebutlah baik diterima kenyataan baik, dan makna yang tidak baik itu boleh disampaikan secara bijaksana dan ianya boleh diperbincangkan secara yang teratur, itulah harapan saya. Jadinya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh tentang Titah Diraja soal pemerkasaan undang-undang pentadbiran agama Islam.

Sehubungan dengan perkara ini, kita semua sedia mengetahui hakikatnya telah termaktub dalam Perlembagaan Malaysia bahawa Islam adalah agama rasmi, sebagai agama rasmi yang diamalkan oleh majoriti rakyat di negara ini Islam wajib dimartabatkan sejajar dengan statusnya.

Peraturan ini bukan suatu pilihan tetapi suatu kemestian kecuali kalau kita tidak mahu lagi mematuhi apa yang termaktub dalam Perlembagaan Negara.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Sungguhnyanya ingin saya tegaskan di sini berhubung dengan perkara yang akan saya sampaikan tadi iaitu bahawa, “aku adalah dengan agamaku, dan kamu adalah dengan agama kamu,” Akan tetapi apabila golongan bukan Islam mencampuri urusan agama Islam yang menjadi karut dan kalut seperti yang berlaku di akhir-akhir ini, sebagai contohnya Tuan Yang di-Pertua dengan agama ini tidakkanlah yang tidak meyakini kepada perkara tersebut yang tidak arif kepada hukum-hukum tersebut ingin menasihatkan kita ataupun kita mesti bertanya kepada mereka bagaimana untuk mengambil wuduk dan sebagainya. Apakah dengan mengambil wuduk begini salah ataupun tidak salah. Makna perkara ini agak membimbangkan.

Turut menjadi kerisauan saya ialah kecenderungan golongan tertentu terutama bagi pihak yang bergabung di bawah apa yang disebut Pakatan Harapan menggunakan isu agama sebagai komoditi politik untuk melariskan perdagangan politik mereka dengan memecahbelahkan rakyat. Lebih merisaukan saya ialah terdapat sebilangan warga Melayu, Islam dalam Pakatan Harapan yang turut bersekongkol dengan teman-teman bukan Islam, mereka yang bersungguh-sungguh menentang usaha ke arah pemerkasaan undang-undang pentadbiran agama Islam.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta pencilahan. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator daripada negeri saya juga, pihak Senator Hamzah sebentar tadi yang mulai menyatakan rasa kekecewaan bahawa ada pemimpin-pemimpin Melayu dalam Pakatan Harapan yang bersekongkol dengan pemimpin-pemimpin bukan Islam dalam Pakatan Harapan yang menampakkan bahawa kita bersikap toleransi yang berlebihan ataupun tidak membela kedudukan agama Islam.

Dalam hal ini saya ingin mengambil satu contoh apabila isu Rang Undang-undang 355 kita berbeza dengan DAP, pendekatan PKR baru-baru ini setelah mendengar ucapan Yang Berhormat Marang itu. Pada asasnya kita menyokong tetapi kita hendak supaya Rang Undang-undang ini tidak dipolitikkan oleh mana-mana pihak, ianya hendaklah dibahaskan oleh pakar-pakar perundangan Islam, *local* dan antarabangsa kerana isu penghayatan undang-undang jenayah secara khusus adalah merupakan isu bersama setelah kita melihat beberapa kegagalan di Pakistan, di Sudan dan beberapa negara lain.

DAP tidak bersetuju dengan pendekatan kita sampai sekarang, kita berbeza dengan DAP. DAP menolak Rang Undang-undang 355 dengan menyatakan *unconstitutional* tidak berperlembagaan, kita tidak bersetuju kerana itu hal ini kita bahaskan di dalam majlis Pakatan Harapan dan kita masih teruskan. Jadi tidak bolehlah untuk kita mendengar hujah daripada Senator sebentar tadi bahawa orang Islam dalam Pakatan Harapan itu, pemimpinnya tidak mempunyai maruah untuk mempertahankan agama Islam. Sekian, terima kasih.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Terima kasih saya ucapkan di atas pandangan Yang Berhormat Senator Mohd Nor Haji Monutty. Berhubung perkara yang disebutkan tadi iaitu saya

maksudkan terutamanya di sini, apabila kita mendengar sendiri atau melihat sendiri video klip yang telah pun dikeluarkan di media baru, di mana Tun Dr. Mahathir Mohamad sendiri menyebut bahawa Rang Undang-undang 355 ini adalah hanya politik, hanya politik semata sedangkan dalam pemahaman saya sendiri, di dalam kita menceburi bidang politik ini kita ada satu tanggungjawab yang amat besar yang diamanahkan oleh Allah SWT iaitu kita berpolitik tujuannya adalah untuk berkhidmat iaitu yang kita sebut dalam UMNO kita sebut mempertahankan agama Islam, bangsa dan negara, ini yang saya maksudkan ada yang bersekongkol tadi.

Dalam kaedah sebegini sebagaimana yang kita tahu Rang Undang-undang 355 ini adalah untuk memperkasakan undang-undang Islam di Mahkamah Syariah iaitu sebagaimana yang kita faham Rang Undang-undang 355 ataupun Akta Mahkamah Syariah, Bidang Kuasa Jenayah 1965 yang dikenali juga sebagai Akta 355 merupakan akta yang diluluskan oleh Parlimen berpunca kuasa daripada Perlembagaan Persekutuan secara khususnya Butiran I, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Diluluskan pada tahun 1965, yang berhasrat memberi kuasa kepada Badan Dewan Undangan Negeri untuk memberikan bidang kuasa kepada Mahkamah Syariah.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Minta laluan sekejap.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Ya, terima kasih.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Minta sekejap saya nak mengalu-alukan kehadiran. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kakanda saya abang Hamzah. Saya ingin mengambil kesempatan pada pagi ini untuk mengalu-alukan kedatangan Persatuan Penduduk India Taman Suria, Kluang, Johor ke Dewan Negara. Diharap lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Dewan boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Hamzah yang telah menyebut Rang Undang-undang 355 baru sekejap tadi. Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat Datuk, benda mudah. Rang Undang-undang ini bukan benda baru, benda lama sudah sejak tahun 1965 sudah diluluskan di Dewan yang mulia ini dan tahun 1984 juga telah dipinda dan diluluskan dan pada tahun ini juga dibentangkan untuk dibincangkan dan diluluskan, *insya-Allah*.

Jadi benda bukan benda baru, benda lama. Jadi apabila benda yang lama nak *upgrade* untuk peningkatan kuasa Mahkamah Syariah itu sahaja. Berlainan dengan benda baru. Bukan akta baru.

■1140

Apabila saya mendengar dalam perbincangan masyarakat, seolah-olah benda ini tidak pernah ada. Jadi satu kepelikan dan inilah yang menjadi kerisauan kepada sebilangan besar masyarakat apabila benda ini dilihat daripada sudut yang *unconstitutional*, tidak berperlembagaan. Bagaimana ia dikatakan tidak berperlembagaan sedangkan akta tersebut diluluskan di Dewan Parlimen? Itu menunjukkan ia mengikut Perlembagaan. Itu kena jelas. Saya rasa jelas.

Dan pindaan-pindaan ini, Tuan Yang di-Pertua, satu perkara biasa yang dibuat di dalam Dewan ini yang tahun lepas kalau ada kelemahan, dibaiki sekarang dan begitulah seterusnya. Malah, itulah

tugas Parlimen, tugas Dewan Rakyat dan Dewan Negara untuk menggubal undang-undang dan meluluskannya.

Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat, dalam masyarakat kita- tadi Yang Berhormat ada sebut dua golongan. Golongan yang pertama ialah golongan *non Muslim*. Golongan yang kedua yang tidak setuju tadi golongan Muslim, ada yang Muslim. Jadi sebenarnya kalau golongan *non Muslim*, saya yakin mereka kalau Ahli Dewan, tidak kiralah Dewan Negara atau Dewan Rakyat, mereka tidak ada sebab kata tidak faham. Sudah melampaui hal itu. Kalau kita kata tidak faham, saya rasa tidak wajar sebagai seorang Ahli Dewan.

Baik, kalau yang Muslim tidak faham juga, lebih-lebih lagi tidak wajar sebagai seorang Muslim kerana akta tersebut hanya bersangkutan dengan orang-orang Islam sahaja, noktah, dan tidak terlibat kepada bukan Islam. Jadi kalau sekira kepada orang bukan Islam, mereka tidak ada apa-apa masalah sebenarnya. Samalah seperti orang pergi haji, ada masalah? Tidak ada masalah. Orang Islam berpuasa ada masalah? Tidak ada masalah. Semuanya tidak ada masalah. Malah kalau kita tengok upacara orang bersunat, ada masalah kepada *non Muslim*? Tidak ada masalah. Ini khas untuk orang Islam.

Dan saya melihat orang-orang Islam juga tidak mengganggu orang-orang bukan Islam mengamalkan agama masing-masing dalam negara kita. Kita ada banyak perayaan di dalam negara kita. Banyak perayaan dan saya tidak pernah tengok orang Islam mengganggu apa yang dibuat perayaan Thaipusam, perayaan apa-apa. Malah, upacara-upacara agama tidak pernah diganggu walaupun kalau kita melihat dari sudut-sudut ia bercanggah dengan Islam tetapi orang Islam tidak ganggu.

Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharap sangat supaya kita hidup rukun sebagaimana saya sebut semalam, rukun damai. Apabila kita hidup rukun damai, kita akan menghormati hak orang lain dan juga orang akan menghormati kita. Kalau kita menghormati orang lain, maka kita dihormati.

Bagi orang Islam, saya rasa tidak wajar mereka mempertikaikan kerana ia adalah hak Islam. Oleh kerana itu, saya cukup bimbang. Kalau sekiranya usaha untuk memperkasakan Mahkamah Syariah ini tidak mendapat sokongan, apa sebenarnya kita sebagai orang Islam perlu kita buat? Bagi saya tidak kira siapa yang bentang, siapa yang mengemukakan, asal sahaja untuk manfaat bersama, silakan. Bagi saya, saya sokong apa sahaja yang benar, yang betul.

Mungkin sedikit berhubung dengan Dr. Mohd Nor, dia kata dalam bahasa Arab, mungkin saya sebut, *zikrul am wairadatul khas* iaitu sebut Pakatan Harapan tetapi maksudnya khusus kepada orang-orang tertentu sahaja dan mungkin tidak termasuk PKR. Jadi boleh jadi begitu maksud Yang Berhormat. Jadi saya terima kasih kerana beri peluang.

Timbalan Yang di-Pertua: Sambung Yang Berhormat.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Terima kasih. Saya mencelah sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat bersetuju di atas apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Johari sebentar tadi. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Johari tadi soal faham-memahami.

Sebenarnya kalau kita tengok di persidangan Dewan Rakyat tempoh hari, kadang-kadang kita boleh meneka ataupun boleh meletakkan satu perkataan bahawasanya mereka ini sememangnya buat-buat tidak faham. Bukan mereka tidak faham tetapi mereka buat-buat tidak faham.

Yang Berhormat Dr. Mohd Nor Monutty tadi kata ini soal Pakatan Harapan, soal ini hak Islam, kita sokong, PKR sokong. Akan tetapi, saya tengok gelagat Ahli-ahli Dewan di Dewan Rakyat tempoh hari semasa Tuan Guru membentangkan Rang Undang-undang 355, kita kecewa sebenarnya. Termasuklah di kalangan orang Islam, di kalangan pemimpin-pemimpin pembangkang yang lain berteriak dan sebagainya.

Kalau kita imbas kembali tahun 1984, rang undang-undang ini dibaca- dipinda pada tahun 1984 yang terakhir. Tahun 1965 dan tahun 1984. Ketua pembangkang ada dalam Dewan. Dia juga Ahli Parlimen di waktu itu dan dia juga bersetuju di waktu itu yang dibawa oleh wakil daripada negeri Sabah. Bukan orang Islam pun. Dia bersetuju pada waktu itu. Akan tetapi kenapa hari ini sudah berlaku sebaliknya? Kenapa dia sendiri hari ini bangun membantah? Mungkin dia berasa dia sudah kuat, mungkin berasa kita sudah tidak ada dua pertiga majoriti di Parlimen, maka gelagat mereka kita tengok sebegitu rupa.

Jadi saya mohonlah pandangan daripada Yang Berhormat tentang perkara-perkara ini supaya Rang Undang-undang 355 ini saya sangat setujulah, ia tidak tertakluk- noktah- kepada bukan umat Islam. Ia adalah untuk umat Islam. Setiap Dewan bersidang, kita ada rang undang-undang untuk dipinda dan apa salahnya kita hendak pinda Akta Mahkamah Syariah? Itu hak kita. Jadi itu mohon pandangan dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Abbas iaitu berkenaan juga tadi yang kita bersama sebutkan iaitu untuk memperkasakan bentuk hukuman di Mahkamah Syariah dengan niat iaitu untuk mencegah daripada umat Islam melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah SWT.

Jadinya, kalau kita lihat pada peringkat awalnya, ditubuhkan tahun 1965 hukumannya cuma RM1,000 dan enam bulan penjara. Apabila dipinda pada tahun 1984, maka dendanya diletakkan sebanyak RM5,000 dan penjara tidak lebih daripada tiga tahun, sebatan tidak lebih daripada enam kali. Maka kalau kita melihat dalam keadaan suasana rakyat pada masa kini iaitu daripada segi yang saya lihatlah, daripada segi yang melanggar arahan ataupun hukuman Allah ini, bilangannya agak terlalu menyedihkan.

Kalau kita lihat, mustahil tidak ada penglibatan daripada orang-orang Melayu Islam yang terlibat di pusat-pusat pelacuran dan sebagainya, di *night club* yang kurang bersih. Dari segi peribadi saya, saya melihat bahawa berapa banyakkah pusat-pusat ini yang ada pada ketika ini dan siapakah pemiliknya? Siapakah pemilik pusat-pusat yang saya sebutkan tadi yang dilarang kepada umat Islam untuk pergi?

Juga saya ingin bertanya kepada Jabatan Perdana Menteri, berkenaan dengan apakah ada dibuat statistik iaitu berapa ramai orang-orang Islam Melayu yang juga menjadi pelanggan di tempat-tempat yang saya sebutkan, tempat yang dilarang oleh Allah SWT ini?

■1150

Pertanyaan saya juga iaitu sekiranya undang-undang ini iaitu undang-undang baharu yang dicadangkan iaitu cadangannya denda RM100,000, penjara 30 tahun dan juga sebatan 100 kali. Sekiranya diluluskan undang-undang ini maka saya yakin ramai daripada umat Islam akan tidak berani untuk pergi ke tempat-tempat larangan bagi umat Islam ini.

Sekiranyalah penurunan ini- penurunan daripada pelanggan yang ada pada sekarang ini menurun terutama orang Islam sudah tidak pergi ke tempat-tempat sebegini apakah- saya ingin bertanya kepada Jabatan Perdana Menteri iaitu apakah perniagaan-perniagaan yang dilaksanakan ini akan bankrap ataupun tutup? Jadinya ingin saya teruskan perkara itu iaitu sebagaimana yang kita tahu pada 5 April 2017, apabila Presiden PAS membentangkan usul Rang Undang-undang 355 di Parlimen yang pada prinsipnya bertujuan memperkemas dan memperkasakan undang-undang pentadbiran agama Islam di negara ini.

Pertamanya, usul Rang Undang-undang 355 itu tidak kena-mengena seperti mana yang disebut oleh sahabat saya tadi iaitu tidak kena-mengena dengan bukan Islam tetapi Ahli Parlimen yang bukan Islam beria-ia benar menentang dalam konteks ini sukar dicari suatu kewarasan, kenapa mereka itu bertindak demikian? Yang mampu kita teka hanyalah kerakusan agenda politik.

Kedua adalah suatu perkara yang ganjil apabila terdapat sebilangan Ahli Parlimen warga Melayu Islam juga turut beria-ia menentang usul Rang Undang-undang 355 tersebut kononnya kerana Rang Undang-undang 355 ini bertentangan dengan semangat Perlembagaan Negara. Sidang Dewan Rakyat menjadi gamat, kecoh seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas tadi. Rakyat Islam di negara ini tertanya-tanya, kenapa usaha memperkasakan undang-undang pentadbiran Islam mendapat tentangan yang begitu hebat daripada kalangan Yang Berhormat- Yang Berhormat yang bukan Islam? Walhal urusan pentadbiran serta penguatkuasaan undang-undang agama Islam tidak melibatkan warga bukan Islam.

Rakyat jelata mula melihat isu ini suatu sebagai awal kemudarat dan keruntuhan nilai-nilai yang bakal mencemarkan kemuliaan agama Islam serta martabat agama Islam di negara ini. Secara peribadinya, saya memandang serius terhadap apa juga anasir yang cuba memperlekehkan Islam sekali gus beranggapan sebarang tindakan yang sedemikian itu wajib ditentang habis-habisan. Sebagai umat Islam, saya juga ingin mengambil kesempatan ini menyeru semua umat Islam di negara ini merapatkan saf perjuangan demi Islam.

Tuan Yang di-Pertua, juga apa yang berlaku dalam kancah politik di akhir-akhir ini amat membimbangkan saya. Semakin menghampiri PRU Ke-14 semakin panas suasana politik di tanah air tercinta ini. Hampir setiap perkara dijadikan isu panas untuk mengisi permainan sepak terajang politik khususnya oleh pihak pembangkang dan dalam banyak hal, bagaikan berbahasa dua selera ataupun hipokrit dalam erti kata, *"apa yang kamu buat semua tidak betul, manakala apa yang aku buat semuanya betul."* Angkara ini menjadikan rakyat semakin keliru dan semakin bercelaru.

Sindrom maklumat menghalalkan cara bagaikan sudah tidak bersempadan dan semakin membimbangkan kalau sensitiviti kaum dan sensitiviti agama dijadikan modal politik. Di musim kita berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam suasana ekonomi yang masih tidak menentu dan sukar diramalkan bukan bercakaran sesama sendiri yang harus menjadi amalan harian. Jika kita membiarkan

diri masing-masing hanyut jauh mengikut gelombang percakaran, saya kluatir kelak kita hilang arah untuk mencari jalan pulang. Sekali negara ini hancur, berkurun malang melanda.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memetik baris-baris terakhir Titah Diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong iaitu, "*Beta berdoa semoga negara Malaysia yang tercinta serta rakyatnya terus dianugerahkan oleh Allah SWT dengan taufik dan hidayah, maju, aman sentosa serta hidup bersatu padu di bawah lindungan-Nya.*" Ampun Tuanku, patik menjunjung setinggi kasih dan mengaminkan doa Ke Bawah Duli Tuanku itu keberkatan jua yang patik-patik sekalian pohonkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.* Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim.

Ahli-ahli Yang Berhormat, tanggungjawab saya hari ini hendak pastikan seramai boleh Ahli Yang Berhormat bercakap. Hari ini saya ada 24 orang yang hendak bercakap. Saya minta kerjasama beri peluang ya. Ringkas dan padat. Jangan lupa kita semua ini orang politik Dewan Negara, Dewan Rakyat. Ingatlah tadi, boleh mencelah kalau mencelah itu kalau sudah habis mencelah kita minta orang lain pula bercakap ya.

Jangan lupa kita orang politik baik Dewan Negara, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas iaitu bak kata orang tua-tua tadi, *batang gaharu batang cendana, sudah tahu pura-pura bertanya.* Itu dia- orang politik isu- banyak sedikit kita rasa songsang ya. Itu dia orang politik hidup atas isu. Terima kasih.

Sekarang saya minta Yang Berhormat Senator Khairul Azwan Harun. Dipersilakan.

11.58 pg.

Tuan Khairul Azwan Harun: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahi Rahmani Rahim...* [Membaca sepotong doa] Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua atas peluang dan keizinan yang diberikan kepada saya bagi membahaskan sedikit titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan Barisan Nasional, kerajaan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak amat komited untuk meneruskan langkah konsolidasi fiskal bagi mencapai sasaran bajet berimbang dan juga berusaha gigih untuk mengambil langkah-langkah konkrit bagi meningkatkan saiz ekonomi negara sehingga ke tahap RM2 trilion dalam tempoh tujuh ke lapan tahun mendatang ini.

■1200

Bahkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga menyasarkan bahawa Malaysia perlu menjadi antara 20 negara dan ekonomi utama dunia. Maka untuk itu Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah memperkenalkan pelbagai pakej transformasi sama ada dalam konteks ekonominya dan sosialnya. Dalam hal ini kita dapat melihat pelan-pelan transformasi semakin berjaya diperkenalkan dan antaranya termasuklah dalam sektor pengangkutan awam negara. Kita juga dapat melihat Tuan Yang di-Pertua pendekatan *National Blue Ocean Strategy* (NBOS). Kita juga telah berjaya

menghasilkan pelbagai penyelesaian dalam sektor-sektor yang mempunyai kepentingan rakyat yang begitu mendalam dan besar, antaranya sektor keselamatan, perumahan dan juga kesihatan.

Untuk itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memperkenalkan agenda Transformasi Nasional 2050 iaitu satu gagasan yang akan meneruskan kesinambungan serta pencapaian baik oleh Wawasan 2020 terdahulu acap kali kita dengar Tuan Yang di-Pertua apabila segelintir pemimpin pembangkang dan juga segelintir rakyat yang amat *skeptical* dengan izin terhadap agenda murni TN50 ini, apabila ia dilabelkan sebagai satu usaha untuk menafikan dan menidakkan pencapaian yang telah dibuat Wawasan 2020 setakat ini.

Akan tetapi kita semua sedia maklum Tuan Yang di-Pertua, Wawasan 2020 adalah juga satu perancangan jangka masa panjang yang akan tamat pada tahun 2020. Makanya wajib ke atas setiap pemimpin mana-mana negara untuk meneruskan kesinambungan dasar-dasar serta perancangan visi yang telah baik itu agar ianya akan dapat diteruskan untuk barangkali 30 tahun lagi. Jadi maka sesuailah apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memperkenalkan TN50 di mana pendekatan yang dibuat dalam perancangan Transformasi Nasional 2050 ini ianya berbentuk kepada *bottom up approach*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Berbanding dengan wawasan-wawasan yang terdahulu seperti mana Wawasan 2020. Ianya lebih berbentuk *paternal* dengan izin. *Paternalism* ini ataupun konsep *paternalism* ini merujuk kepada *top down approach* apabila sesuatu perancangan dasar itu dirangka. Saya masih ingat Tuan Yang di-Pertua sewaktu saya berada di bangku sekolah apabila Wawasan 2020 itu dirangka, kita tidak pernah pun dihidangkan dengan *engagement* seperti mana TN50 yang sedang giat berlangsung pada waktu ini di mana kita dapat melihat dialog demi dialog serta pertemuan antara bukan saja Perdana Menteri dengan rakyat tetapi pelbagai lapisan pemimpin sama ada Menterinya, pemimpin tempatannya, wakil rakyatnya, Ahli Parlimennya, Ahli Senatonya. Semuanya seiringan turun padang untuk mengadakan dialog bagi mendengar aspirasi dan kehendak yang disuarakan oleh rakyat.

Maka inilah pendekatan *bottom up* yang begitu baik kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sering kali menyebut bahawa masa hadapan tahun 2050 ini bukan untuk dia. Tahun 2050 ini adalah untuk generasi muda yang mungkin lahirnya pada hari ini ataupun yang mungkin belum lahir lagi Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi menjadi tanggungjawab sebagai pemimpin untuk memastikan selepas tamatnya Wawasan 2020 ini maka TN50 perlu kita gagaskan bersama-sama.

Jadi, saya juga hendak menarik perhatian Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, apabila kita turun padang bertemu dengan rakyat terutama generasi *millennial*, dengan izin. Generasi *millennial* ini merujuk kepada anak-anak muda yang umurnya antara 18 tahun hingga umur 30 tahun. Mereka inilah yang sebahagian besarnya menjadi pengundi yang akan mengundi buat pertama kali.

Pada Pilihan raya Ketiga belas yang lalu, dari segi statistik SPR, pengundi ataupun generasi *millennial* Tuan Yang di-Pertua, mereka merupakan sembilan peratus daripada pengundi berdaftar yang telah mengundi pada PRU Ke-13 yang lalu. Untuk Pilihanraya Umum Ke-14 yang dijangkakan jumlah pengundi *millennial* ini Tuan Yang di-Pertua dan sebahagian besarnya adalah merupakan pengundi yang akan mengundi buat pertama kali meningkat kepada jumlah 14 peratus daripada jumlah pengundi berdaftar seluruh negara. Bermakna penglibatan mereka dalam dialog-dialog TN50 ini akan

memberi keyakinan bukan saja kepada kita dari pihak pembuat dasar tetapi kepada rakyat kerana mereka dapat merasai bahawa mereka itu sebahagian daripada proses pembikinan dasar itu sendiri.

Cuma Tuan Yang di-Pertua dalam konteks kita menyediakan generasi *millennial* dan juga generasi masa hadapan yang akan meneruskan kesinambungan kerja-kerja baik yang ada ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian bahawa mungkin ianya telah dijawab oleh pihak Kementerian Pendidikan dalam jawapan lisan mereka kepada persoalan yang saya ajukan iaitu tahap penguasaan bahasa Inggeris Tuan Yang di-Pertua.

Saya baru-baru ini dalam program saya turun padang bertemu dengan guru-guru muda, saya mendapat *feedback* Tuan Yang di-Pertua terutama daripada guru-guru subjek Bahasa Inggeris yang berada di sekolah menengah. Mereka mengadu dan ada yang minta saya untuk angkat kepada pihak kementerian, mereka telah membuat perbandingan Tuan Yang di-Pertua. Apabila pelajar-pelajar mereka yang datang daripada sekolah rendah, masuk ke sekolah menengah, tahap penguasaan bahasa Inggeris itu amat membimbangkan. Jadi, apa yang diajukan kepada saya adalah sejauh mana keberkesanan modul pendidikan bahasa Inggeris di tahap sekolah rendah itu benar-benar mampu untuk menyediakan pelajar-pelajar sekolah kita yang akan meneruskan pelajaran ini dengan *the right English*.

So, Tuan Yang di-Pertua saya pun tanyalah, apa yang dimaksudkan. Dia kata di peringkat sekolah rendah ini tidak seperti yang dahulu. Pengajaran dan penekanan terhadap tatabahasa Tuan Yang di-Pertua iaitu *grammar* tidak begitu ditekankan di peringkat pelajar-pelajar sekolah rendah. Jadi ia telah menyebabkan apabila mereka melanjutkan pendidikan di peringkat menengah, kemampuan mereka pertama untuk mengguna bahasa Inggeris tersebut begitu terbatas. Apabila telah berada di peringkat menengah, maka di peringkat menengah pendedahan yang dibuat bukan lagi dalam aspek *the basic English* tetapi ianya lebih berbentuk karangan, lebih kepada bagaimana untuk memahami sesuatu karangan tersebut itu sendiri dan telah menyebabkan mereka ini gagal untuk benar-benar menguasai bahasa tersebut.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, mereka juga ada mengajukan kepada saya, di peringkat sekolah menengah, komunikasi *English* modul yang dibawa oleh modul yang sedia ada di peringkat sekolah menengah tidak juga menekankan penguasaan dari segi komunikasi *English*, Bahasa Inggeris itu sendiri dan telah menyebabkan pelajar-pelajar kita terutama lepasan SPM apabila melanjutkan pelajaran di peringkat lebih tinggi dan juga ada yang cuba untuk mendapatkan kerjaya, menyebabkan mereka ini gagal untuk menggunakan bahasa Inggeris dalam urusan komunikasi mereka sama ada temu bual ataupun dalam pembentangan-pembentangan apabila diberikan tugas tersebut dan ianya amat ketara di kalangan pelajar-pelajar Melayu bumiputera yang datang daripada sekolah-sekolah luar bandar.

Jadi saya minta Tuan Yang di-Pertua kalau boleh Kementerian Pendidikan walaupun jawapan lisan telah diberikan kepada saya dua hari yang lalu tetapi saya minta agar dapat diberi penekanan semula di peringkat sekolah rendah Tuan Yang di-Pertua, melihat balik *the basic English* terutamanya penguasaan tatabahasa yang betul dan apabila mereka ini sudah meningkat di peringkat sekolah menengah ditekankan pula...

Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff: Mohon mencelah.

■1210

Tuan Khairul Azwan Harun: Sekejap. Diberi penekanan terhadap...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Khairul Azwan Harun: Sekejap, sikit lagi, sebab hendak habis Inggeris sahaja. Diberi penekanan terhadap penguasaan komunikasi bahasa Inggeris supaya mereka ini dapat lebih bersedia apabila meninggalkan sekolah. Silakan.

Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada sikit hendak maklum kepada Yang Berhormat Azwan. Makluman saya ialah tahu kah Yang Berhormat, di Malaysia ini kita kekurangan guru Bahasa Inggeris, kalau tidak silap saya lebih kurang 1,000 orang. Jadi, apa pendapat Yang Berhormat? Macam mana kita hendak isi 1,000 orang guru Bahasa Inggeris yang kita kurang di seluruh Malaysia? Di semua sekolah di seluruh Malaysia ini kita hendak isi guru-guru yang berkualiti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Khairul Azwan Harun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat kakanda Dato' Shahanim. Saya setuju apa yang di sebutkan Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim bahawa kita amat kekurangan guru-guru terlatih Bahasa Inggeris, terutama sekolah-sekolah yang berada di luar bandar. Akan tetapi yang saya ingin cadangkan kepada pihak kementerian Tuan Yang di-Pertua, dua perkara iaitu *go back to the basics*.

Bermakna, dengan izin, *teach them the right english grammar*. Ini sedihnya, kadang-kadang ada di kalangan pemimpin kita pun ada juga kadang-kadang, saya bukan hendak kata Tuan Yang di-Pertua, *english ini a perfect Queen's English*, tidak. Akan tetapi bila sebut sebagai contoh, dengan izin, hendak sebut "*that means*", kadang kita terlepas cakap, ada yang sebut "*thats mean*". *That is the basic english, it's wrong*. Apa yang di maksudkan, kita hendak sebut *literally* kalau dalam bahasa Melayu dia nak sebut, "*yang di maksudkan*". Jadi, *should be "that means"* tetapi kita dok dengar selalu "*thats mean, thats mean...*". *So, that is your basics*. Ada juga yang sebut, susah untuk mereka hendak bezakan *singular or plural*.

Sebagai contoh, "*she was*" kah "*she is*"? Ada yang guna "*I are*" pun ada juga. Saya risau Tuan Yang di-Pertua, kerana apa, saya setuju dengan Yang Berhormat Dato' Shahanim. Memang kita mempunyai kekurangan guru. Akan tetapi hendak mengajar *the right grammar* mungkin dengan penggunaan teknologi yang ada, sekarang ini sekolah-sekolah kita pun banyak di lengkapi dengan kemudahan internet, kemudahan komputer, mungkin kalau tidak cukup, ia nya boleh di bantu. Ada program-program komputer, *aided programs* ataupun *applications* dengan ada suara-suara, mungkin grafik-grafik yang keluar daripada *screen*, itu pun boleh menjadi satu tarikan untuk pelajar-pelajar. Terutama yang berada di sekolah rendah untuk terus berusaha menguasai *the basic and the right grammar in english*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi saya setuju lah kalau pergi ke peringkat yang lebih tinggi...

Tuan Ramli bin Shariff: Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Khairul Azwan Harun: Sekejap, sekejap Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Shahanim sekejap. Kalau hendak pergi ke peringkat yang lebih tinggi, apa yang di maksudkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim tadi, *communication english*. *Communication english* ini /

think, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kita memerlukan lebih banyak *trainer-trainer* di peringkat sekolah menengah. Akan tetapi baru-baru ini saya ada bertemu dengan NGO- *Teach For Malaysia*. Ini ada di buat oleh golongan profesional anak muda bekerja sama dengan pihak Kementerian Pelajaran. Mereka ini terdiri daripada graduan-graduan yang dulunya belajar di luar negara, datang sini bekerja mungkin di sektor swasta tetapi ada masa untuk mereka buat kerja-kerja *volunteerism* mengajar Inggeris secara percuma. Kementerian Pelajaran bagi sahaja- tidak bagi elaun pun tapi menyediakan kemudahan, sebagai contoh mungkin komputer kah, *laptop* kah, kelas kah. Jadi, mereka ini turun mengajar *English for communication*, macam ini bagus Tuan Yang di-Pertua. Cuma hendak menjawab Yang Berhormat Shanim itu mungkin lebih banyak NGO-NGO perlu di libatkan lah. Sila Yang Berhormat.

Tuan Ramli bin Shariff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga adinda saya Yang Berhormat Azwan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Azwan, bagaimana pula rancangan kita untuk memberikan pendedahan kepada pelajar-pelajar kita dari segi bahan-bahan bahasa Inggeris. Oleh sebab kita sedar, pada hari ini kurang sedikit bahan-bahan bacaan dalam bahasa Inggeris dan masyarakat kita, terutama sekali bumiputera juga kurang berminat untuk membaca. Jadi, kita pun dapati, dengan izin, *circulation* surat khabar bahasa Inggeris ini bukan dilangani banyak oleh Bumiputera tetapi banyak Bumiputera. Apakah langkah yang Yang Berhormat fikir boleh di ambil untuk menggalakkan persekitaran dalam bahasa Inggeris ini? Sekian, terima kasih.

Tuan Khairul Azwan Harun: Terima kasih Yang Berhormat Senator Ramli. Baik, Tuan Presiden.

Dato' Sri Khairudin Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum anakanda jawab, Yang Berhormat jawab kepada yang lain-lain, saya hendak tambah sedikit. Dalam masa yang sama, kita hendak memperjuangkan bahasa Inggeris ini, kita juga dapati bahawa kita ada golongan-golongan patriotik yang bahasa Inggeris nya lebih baik daripada *mat salleh*. Mereka ini menentang supaya kita jangan teruskan bahasa Inggeris. Jadi, dalam masa yang sama, kita di dalam Dewan yang mulia ini, kita minta kerana kita tahu banyak anak-anak kita sekarang ini sudah berkurangan sangat dalam bahasa Inggeris. Kadang-kadang kita pergi melawat luar negara seperti saya sebut dalam sesi yang lepas, pergi luar negara, pegawai-pegawai kita yang ada di sana pun tidak boleh berbahasa Inggeris.

Saya sekolah Inggeris, jiran saya orang Tiong Hua, dengan izin... [*Bercakap dalam bahasa Tionghoa*] Jiran di sebelah kanan orang India... [*Bercakap dalam bahasa Tamil*] Oleh sebab dekat dengan Thailand, saya boleh... [*Bercakap dalam bahasa Siam*]

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini umur 63 tahun dua hari yang lepas, saya tetap Melayu, sekolah Inggeris. Jadi, banyak bahasa tidak menjadi masalah. Saya yang hairan ini, bila kita hendak memperjuangkan bahasa, anakanda, hendak memperjuangkan bahasa tambahan kepada orang-orang, rakyat kita lah, jangan kata Melayu sahaja, kepada rakyat kita, ada sahaja tentangan. Ini yang menyebabkan kementerian sendiri pun pening kepala. Hari ini hendak kena buat benda ini, esok hendak kena tukar dasar itu, lusa kena tukar dasar ini. Dengan sebab ada perjuangan-perjuangan yang tidak masuk akal. Jadi, kalau ini saya rasa lebih baik kalau boleh kita teruskan perjuangan ini supaya- Sekejap anakanda, sekejap. Tidak apa, kita ambil masa sedikit.

Saya hendak beritahu sebab yang ini yang kita sedih ini yang kerana ada penentangan-penentangan ini. Ini juga anakanda kena komen sebab kalau bagi saya, kalau kita boleh, anak Melayu di lahirkan sebagai anak Melayu, *mother tongue* Bahasa Melayu dan dia terus ke sekolah Melayu, sampai ke universiti dia jem sebab tidak boleh berbahasa Inggeris.

Orang Tionghoa di lahirkan sebagai anak Cina, pergi sekolah kebangsaan belajar Melayu, dia sudah ada dua bahasa. Kalau dia tambah lagi bahasa Inggeris, dia ada tiga bahasa. Begitu juga anak India. Akan tetapi orang Melayu dok pertahan-pertahan, satu bahasa. Yang rugi, orang Melayu. Itu saya hendak tanya kepada anakanda, tolong sampaikan juga. Terima kasih.

Tuan Khairul Azwan Harun: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Ramli dan juga Yang Berhormat Dato' Sri Khairuddin. Saya setuju sangat-sangat dengan ayahanda Yang Berhormat Dato' Sri Khairuddin. Bukan maksud apabila saya kata kerajaan kena bagi penekanan kepada Inggeris semula, bermakna kita ini menidakkan Bahasa Melayu. Betul dan tepat apa Yang Berhormat Dato' Sri Khairuddin sebut tadi. Kalau berbanding dengan anak-anak bangsa lain, India, Cina. Mereka belajar Bahasa Kebangsaan kemudian mereka sudah punyai bahasa *mother tongue* masing-masing, kemudian belajar pula bahasa Inggeris dan mampu menguasai bahasa Inggeris. Sudah tiga bahasa mereka sudah kuasai.

Akan tetapi kita ini, anak-anak Melayu ini, Melayu pun kadang-kadang ada yang Melayu Banjar, ada yang Melayu Jawa. Hendak kata *perfect Malay*, Bangsa Kebangsaan pun tidak juga, Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi apa pun, yang saya hendak minta lah, pihak kementerian supaya beri penekanan *to teach*, dengan *izin*, *the right english with the right grammar*.

■1220

Jadi, tadi Yang Berhormat Senator Ramli bertanya saya. Saya ingat memang dalam perbahasaan saya ini, saya hendak mencadangkan beberapa perkara. Antaranya, walaupun kita mempunyai kekangan dari segi tenaga pengajar tetapi tidak salah kalau kerajaan juga melalui mana-mana kementerian sama ada Kementerian Pelajarannya dengan Kementerian Kemajuan Bandar dan Wilayahnya, belanja sedikit menggerakkan gerakan masa NGO-NGO yang ada ini. Sebagai contoh, *Teach for Malaysia*.

Sebenarnya, ramai yang hendak membantu, Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi kadang-kadang mereka lihat mereka mempunyai kekangan, macam mana hendak sampai ke kawasan-kawasan pedalaman dan ada juga yang mungkin hendak melihat kalau mereka hendak menyumbang sedikit wang ringgit tetapi apakah komitmen daripada pihak kerajaan. Saya suka model yang digunakan oleh NGO *Teach for Malaysia* ini. Saya memang hendak bangkitkan perkara ini. Kalau boleh perbanyakkan NGO seperti ini dengan mengambil kira kekangan seperti Yang Berhormat Senator Shahanim sebut tadi dan juga persoalan Yang Berhormat Senator Ramli tanya saya tadi. Saya ingat ini sahaja caranya.

Kalau kita bagi surat khabar Inggeris percuma pun, Yang Berhormat Senator Ramli, tetapi kalau tidak ada siapa yang *role model* hendak ajak mereka, duduk bincang, dengan *izin*, *explain to them* apa surat khabar Inggeris tersebut, jadi tidak mungkin minat itu akan ada. Dia anak-anak muda di luar bandar ini, kalau datang daripada bandar seorang ikon anak muda, buka satu mungkin *tuition*-kah atau apa-apa jua *engagement* untuk tujuan penguasaan bahasa Inggeris, saya pasti minat itu akan muncul dan akan mula membina, tapi...

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi?

Tuan Khairul Azwan Harun: Ada lagi Tuan Yang di-Pertua. Lagi lima minit sekejap. Okey tidak mengapalah, saya ingat Yang Berhormat Senator Ramli, saya mungkin, kita akan menggerakkanlah rakan-rakan ini, mungkin Pergerakan Pemuda Barisan Nasional sendiri akan mengambil inisiatif ini.

Jadi seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks kita menjayakan Transformasi Nasional 2050 ini, saya juga hendak menarik perhatian Dewan bahawa usaha-usaha kerajaan terhadap hubungan luar negara dan juga hal-hal keselamatan negara ini amat-amat dialu-alukan.

Saya ucap tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein apabila dapat mengerakkan satu penglibatan antarabangsa terutamanya datang daripada Kerajaan Negara Saudi Arabia ini. Kita hendak menubuhkan *King Salman Centre for International Peace*. Ini yang julung-julung kali. Banyak-banyak negara dalam dunia ini, King Salman pilih Malaysia. Saya anggap ini sebagai satu pencapaian yang begitu baik kerana ini akan meletakkan Malaysia sebagai *role model* di persada global dalam hal kita mencari penyelesaian *for international peace* ini, Tuan Yang di-Pertua.

Saya juga mengalu-alukan peranan dan usaha yang dibuat oleh pihak Kementerian Dalam Negeri di bawah pimpinan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam soal radikalisme, Tuan Yang di-Pertua. Saya sebagai Pengerusi *KL International Youth Discourse*, tahun sudah kita menganjurkan forum antarabangsa peringkat serantau melibatkan lebih 2,000 pemimpin pemuda daripada rantau ASEAN dan Asia, Tuan Yang di-Pertua. Kita berkumpul di Kuala Lumpur, kita berbincang mengenai peranan negara kita, peranan diri kita macam mana membantu pihak kerajaan untuk menangani gejala radikalisme dan juga *terrorism* yang mempunyai kesan terhadap keselamatan negara. Saya dapat melihat peranan yang dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamid, Timbalan Perdana Menteri begitu besar dan begitu ketara.

Rakyat mesti sama-sama sokong kerana ini kepentingan kita bersama. Siapa hendak lihat kalau kita anak-anak keluar rumah hendak ke sekolah, isteri hendak keluar rumah, hendak ke pasar tetapi tiba-tiba masalah jenayah masih berleluasa di hadapan rumah kita. Maka tanggungjawab kita, rakyat untuk bersama-sama bantu kerajaan, bantu pihak berkuasa, bantu pihak keselamatan untuk mengawal dan memastikan keamanan negara ini berterusan sampai bila-bila.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga hendak menarik perhatian mengenai, baru-baru ini dan semakin ketara apabila segelintir pemimpin pembangkang, Tuan Yang di-Pertua, ya, yang mempunyai agenda yang sempit, agenda peribadi yang sampai mereka lupa tanggungjawab kita sebagai pemimpin sama ada di peringkat kerajaan ataupun di peringkat pembangkang sekalipun adalah untuk memastikan negara kita ini dapat maju bersama.

Saya setuju sangat apa yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan pada hari Isnin yang lalu, apabila beliau menjawab dalam jawapan lisan. Kita sedih, Tuan Yang di-Pertua. Kita sedih kerana melihat segelintir pemimpin pembangkang yang menggunakan platform antarabangsa memburukkan bukan sahaja pemimpin tetapi memburukkan kerajaan, memburukkan dasar-dasar yang ada.

Masalahnya, kita bukan menghalang mereka untuk bersuara tetapi kalau mereka itu bersuara di pentas yang salah, di tempat yang boleh merosakkan, kalau dalam konteks keluarga, rumah tangga

sendiri, buat apa, Tuan Yang di-Pertua? Saya tidak mahu menyebut mana-mana nama pemimpin tetapi begitu ketara. Jadi Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim ada menyebut dalam soal sabotaj ekonomi. Ini siapa yang buat? Baru-baru ini apabila Kerajaan Saudi Arabia hendak datang, hendak melabur di Pengerang, macam-macam cerita yang ditohmah, yang difitnah. Katakan Tabung Haji bankraplah, itulah. PETRONAS tidak ada duitlah, apa semua. Ini apa sebenarnya tujuannya ini?

Jadi saya fikir, sudah sampai waktu masa dan ketika, kita kena sama-sama bangkit dan menentang gejala yang tidak sihat sebegini. Saya tidak mahu kerana ini mereka mempunyai agenda-agenda yang sempit, hendak menghancurkan negara, kita boleh biarkan ia berjalan dan berlaku dengan sewenang-wenangnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menarik perhatian. Saya hendak tarik perhatian Dewan ini. saya terkejut. Sebenarnya, ini Yang Berhormat daripada DAP, bukan daripada Dewan Negara ini, daripada Dewan Rakyat. Yang Berhormat Lim Kit Siang. Saya hendak tanya, DAP ini, dalam Dewan Rakyat ini, dia ada 37 Kerusi. Parti yang kedua terbesar dalam Dewan Rakyat di pihak pembangkang, PKR. Ada 28 Kerusi. Dalam DUN seluruh Malaysia, DAP ada 96 Kerusi tetapi balik kepada Dewan Rakyat, DAP ada 37 Kerusi tetapi Lim Kit Siang bukan Ketua Pembangkang. Mungkin Lim Kit Siang rasa dia tidak mahu ke depan, jadi dia hendak guna dia punya *puppets* seperti Yang Berhormat Wan Azizah, guna Yang Berhormat Mat Sabu, guna pemimpin-pemimpin dari parti Peribumi, Tun Mahathir. Lim Kit Siang ini tidak ubah seperti seorang diktator, Tuan Yang di-Pertua.

Saya kena sebut di sini kerana sikapnya yang tidak boleh terima sesiapa yang menentangnya dalam DAP. Lihat sahaja di Melaka sebagai contoh, mungkin Yang Berhormat Zali daripada Melaka boleh komen. Ahli-ahli DAP pun tidak suka ke Yang Berhormat Lim Kit Siang ini. Tengok di Melaka, ramai yang keluar parti. Di Pulau Pinang pun ada. Jadi apa yang saya hendak sebut di sini, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lim Kit Siang ini sebenarnya bermain dengan *racial politics* dalam negara kita. Mainan yang dimainkan...

Datuk Zali bin Mat Yasin: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah?

Tuan Khairul Azwan Harun: Okey, silakan.

Datuk Zali bin Mat Yasin: Terima kasih saudara Senator yang bercakap mengenai DAP. Apabila sentuh tentang Melaka, saya sangat bersetuju. Di Melaka, tiga orang daripada ahli DAP, tiga *seats* pada hari ini telah mengisytiharkan diri sebagai bebas termasuklah Ahli Parlimen DAP, di Kota Melaka juga mengisytiharkan diri sebagai bebas. Ditambah lagi di Melaka baru-baru ini ada lebih 182 orang ahli DAP juga mengisytiharkan diri keluar daripada parti DAP. Jadi ini menunjukkan bahawa ada perkara yang tidak kena dalam kepimpinan DAP di peringkat pusat dan juga di peringkat negeri.

Jadi segala-galanya bermula di Melaka. Saya yakin dan percaya bahawa seperti kata saudara Wan *bro* bahawa ada *something wrong somewhere* kepada kepimpinan Lim Kit Siang apabila mengendalikan parti DAP ini kerana dia seolah-olah menjadi seorang yang terlalu autokratik. Jadi ini menunjukkan bahawa DAP juga merupakan parti yang mempunyai masalah dan ditentang sendiri oleh ahli-ahli mereka.

■1230

Saya sangat setuju dengan *info* yang diberi oleh Wan *bro*, terima kasih.

Tuan Khairul Azwan Harun: Terima kasih Yang Berhormat Senator Zali. Saya tidak sangka Yang Berhormat Senator Zali akan menyokong. Cuma saya hendak sebutkan di sini bahawa Lim Kit Siang jangan ingat yang dia itu adalah pemimpin yang kuat sebenarnya. Saya suka hendak menarik perhatian, apabila Lim Kit Siang merasakan kedudukannya sudah tercabar, maka politik yang dimainkan oleh Yang Berhormat Lim Kit Siang ini adalah *fearmongering politics*, dengan izin. Dia akan buat cerita macam-macam, tohmah macam-macam, fitnah macam-macam dan mengata itu mengata ini. Ada beberapa pemimpin daripada pembangkang sama ada DAP dan PKR nya daripada parti Peribumi dan juga PAN nya hanya beberapa kerat sahaja Tuan Yang di-Pertua yang akan menyokong kenyataan yang dibuat yang oleh Lim Kit Siang.

Saya dapat lihat juga apabila Yang Berhormat Tuan Guru Haji Hadi Awang cuba hendak membentangkan Rang Undang-undang 355 ini, tengok siapa yang bingkas bangun yang cuba menghalang usaha yang sedang dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Guru Haji Hadi Awang. Sebenarnya itu merupakan proses demokratik dalam Parlimen, menjadi hak mana-mana Ahli Parlimen di Dewan Rakyat untuk membawa Rang Undang-undang Persendirian tetapi kenapa Lim Kit Siang begitu bersemangat untuk menghalang usaha yang dibuat oleh Tuan Guru Haji Hadi Awang? Oleh sebab itu perkataan digunakan oleh Yang Berhormat Senator Zali, autokratik ini memang tepat.

Diktatornya Lim Kit Siang itu seorang yang autokratik, yang— bahkan saya hendak pinjam juga Tuan Yang di-Pertua, ini yang disebutkan oleh Tun Mahathir suatu ketika dahulu. Suatu ketika dahulu yang boleh lihat sahaja dalam *YouTube*, tekan sahaja Tun Mahathir tengok ucapan Tun Mahathir suatu ketika dahulu yang melabel Lim Kit Siang sebagai seorang rasis. Ini bukan saya cakap, ini Tun Mahathir yang cakap. Tun Mahathir sebut dengan jelas berulang-ulang kali bahawa Lim Kit Siang itu seorang rasis dan kita pun tertanya-tanya juga, apakah masih lagi rasis pada hari ini? Rupanya masih lagi seorang rasis pada hari ini.

Tengok sahaja tahun sudah pada pilihan raya negeri Sarawak, apabila seorang penceramah parti DAP yang bergelar '*Superman*' Hew dalam ceramahnya dengan jelas boleh tengok dalam *YouTube*, tengok sahajalah apa perkataan yang digunakan apabila berceramah menentang Barisan Nasional calon kita di sana, dia kata DAP guna calon Melayu untuk *screw* orang Melayu. Ini yang disebut oleh '*Superman*' Hew dalam kempen mereka di negeri Sarawak tahun sudah. Jadi kita pun tanyalah, di manakah pendirian Lim Kit Siang? Sampai hari ini Lim Kit Siang tidak jawab. Bahkan masih lagi mengizinkan '*Superman*' Hew untuk berceramah di merata tempat. Maka betullah apa yang Tun Mahathir cakap, Lim Kit Siang ini seorang yang rasis.

Sebelum saya hendak tamatkan sikit Tuan Yang di-Pertua, saya balik kepada pertanyaan saya tadi. Kenapa Lim Kit Siang tidak mahu menjadi...

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Boleh mencelah Yang Berhormat?

Tuan Khairul Azwan Harun: Okey, silakan Yang Berhormat Dato' Suhaimi.

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Apabila- terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila Yang Berhormat sebut tentang Rang Undang-undang 355 yang dibentangkan dan orang pertama yang bangun menentang Rang Undang-undang 355 ini Yang Berhormat Lim Kit Siang. Jadi, Yang Berhormat bersetuju atau tidak kalau kita kata bahawa Yang Berhormat Lim Kit Siang ini bukan sahaja rasis malah

orang yang menentang agama Islam di Malaysia ini yang cukup besar? Setuju atau tidak Yang Berhormat?

Tuan Khairul Azwan Harun: Saya setuju sangat-sangat Yang Berhormat Dato' Suhaimi. Ini kerana apa, tadi pun saya dengar Yang Berhormat Senator Hamzah Kasim sebut, kita- Islam ini adalah agama Persekutuan. Akan tetapi rakyat beragama lain boleh bebas mengamalkan agama dan juga tradisi masing-masing tanpa ada halangan. Kalau orang Islam boleh hormat hak bukan Islam untuk mempraktikkan agama dan tradisi mereka, maka Lim Kit Siang pun kena hormatlah kehendak orang Islam, kalau mahu menyokong penggubalan Akta 355. Apatah lagi Rang Undang-undang 355 itu tidak langsung menjadi *blanket* kepada pengenalan hukum hudud dalam negara kita.

Last sekali Tuan Yang di-Pertua, Akta 355 ini digubal tahun 1984, *more than 30 years ago*. Apa salah kalau *after 30 years* kita hendak gubal, hendak mempertingkatkan hukuman-hukuman sedia ada di bawah Akta 355 selagi mana tidak bertindih dengan klausa-klausa dalam Perlembagaan Persekutuan dan yang diberitahu oleh Tuan Guru Haji Hadi Awang, Yang Berhormat Senator Dato' Suhaimi, tidak pun bertindih dengan Perlembagaan Persekutuan. Kenapa Lim Kit Siang beria-ia? Saya setuju kalau dalam hal itu tindakan dia bingkas bangun untuk menentang, itulah satu testimoni bahawa dia seorang anti Islam. Bukan saya cakap tetapi tengok tindakan yang dibuat oleh Lim Kit Siang sendiri. Jadi saya setuju dengan Yang Berhormat Senator Dato' Suhaimi.

Cuma saya hendak tambah sikit lagi, apa yang dibuat oleh Lim Kit Siang ini sebenarnya melahirkan dan mencetus, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, satu *a state of political motive asymmetry*. Dalam bahasa Orang Putih nya- *political asymmetry* bermakna dalam Bahasa Melayu kalau saya terjemahkan ketidakseimbangan ataupun penebaran polarisasi perkauman dalam negara kita. Ini kerana apa? Dengan sengaja Lim Kit Siang itu membuat rakyat untuk lebih menjadi ekstrem. Kalau liberal itu terlalu liberal. Kalau yang sudah ada rakyat Malaysia, mungkin sebahagiannya ada yang sedikit liberal, maka Lim Kit Siang akan meracuni pemikiran mereka untuk mereka menjadi lebih liberal sehingga melupakan hukum-hakam agama yang ada dalam agama Islam itu sendiri.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya risau kalau peranan dan perangai yang dibuat oleh Yang Berhormat Lim Kit Siang ini diteruskan, kita hendak tengok sahaja. kenapa tidak dia menjadi Ketua Pembangkang? Tidak, tetapi menggunakan *puppet* Melayu yang lain, pemimpin Melayu untuk mendepani masalah ini dan kalau susah sangatkah, kalau dia sudah ini, lantik sahaja Yang Berhormat Tan Seng Giaw untuk menjadi pemimpin pembangkang daripada DAP. Akan tetapi kita tahulah dia dengan Tan Seng Giaw pun bermasalah.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya tutup perbahasan saya dan menyokong Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya juga hendak menarik perhatian Dewan masalah yang sedang kita hadapi pada hari ini. Rakyat kita ini tidak mengamalkan konsep *tabayyun*. Konsep *tabayyun* ini bermakna kita tidak ada kaji selidik dahulu Tuan Yang di-Pertua. Kalau dapat sesuatu berita, sama ada berita itu berita sensasi kah ataupun berita itu berita politikkah, benda pertama kalau dapat, kita akan *share* dulu. Kalau dalam *WhatsApp* tidak *check* apa-apa, kita pun *share* dulu. Kadang berita *accident* tidak betul pun kita *share*, ada berlaku pembunuhanlah, *accident* macam-macam. Akan tetapi di tempat negara lain tetapi mungkin dalam keadaan itu macam negara kita tidak *check* tidak selidik, kita pun *share*. Habis jadi *viral* satu negara Tuan Yang di-Pertua.

Cuma yang saya hendak maksudkan di sini, apabila fitnah dan tohmahan itu dibawa oleh pembangkang, rakyat mesti kembali kepada konsep *tabayyun*. Dalam Surah Al-Hujurat ayat 6 Tuhan sebut dengan jelas, ini untuk pengetahuan kita semua termasuk juga penganut-penganut agama lain. Islam dengan jelas, Tuhan telah mengarahkan kita- dia berfirman dalam Surah Al-Hujurat ayat 6, bermaksud, sekiranya jikalau datang seorang fasik kepada kamu membawa sesuatu berita- Tuhan suruh kita selidiklah dahulu kebenarannya. Ini tidak ada apa- *it is not rocket science to understand* Tuan Yang di-Pertua. Tidak perlu hendak kena *master English* dulu baru hendak faham ataupun hendak *master Arabic* baru faham. Tidak, Tuhan berfirman- bila datang sekiranya kepada kamu seorang fasik bawa sesuatu berita, selidiklah dahulu kebenarannya, supaya apa yang kita timpakan ke atas mana-mana individu ataupun kaum atas kita yang memahami cerita tersebut, tidak akan menimpa apa-apa masalah kepada mereka. Kemudian nanti takut kita yang menyesal Tuan Yang di-Pertua. Ini Tuhan berfirman.

Jadi saya minta, rakyat kita apabila cerita yang dibawa oleh pemimpin pembangkang seperti Lim Kit Siang ini, selidiklah dahulu. Kerana apa? Ini kerana apa yang dibawa oleh Lim Kit Siang ini semua tipu belaka demi dia, untuk terus berkuasa guna pemimpin lain untuk menguatkan kedudukannya, sudah 48 tahun menjadi Ahli Parlimen. Lim Kit Siang ini sudah jadi Ahli Parlimen 48 tahun. Saya tidak tahu dia hendak duduk lagi 40 tahun, *wallahualam* saya pun tidak tahu. Akan tetapi saya minta kalau rakyat boleh memahami, kita akan menghadapi Pilihanraya Umum Ke-14 Tuan Yang di-Pertua Barisan Nasional pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak berdepan dengan pakatan harapan pimpinan Lim Kit Siang. *Insya-Allah*, saya doakan moga-moga Barisan Nasional akan memenangi Pilihanraya Umum Ke-14. Saya dengan itu menyokong Titah Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam* Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan Harun. Bercakap panjang lebar, orang muda bersemangat dan berpandangan jauh. Banyak perkara yang dibangkitkan itu, elok dari pandangan kita ya. Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Khairul.

Sekarang saya jemput kita punya Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif, dipersilakan.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: *Bismillahi Rahmani Rahim... [Membaca selawat ke atas Nabi Muhammad SAW]*

■1240

Yang dihormati, Tuan Yang di-Pertua. yang dihormati, rakan-rakan Yang Berhormat. yang di hormati, tetamu daripada Jempol. Beri tepukan daripada Jempol hadir. Lama tunggu tu. Lama. Lama tunggu. Jadi saya diberi kesempatan, terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan untuk bersama-sama dalam perbahasan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya tidak akan menyentuh banyak perkara, kerana mungkin ada dalam tidak sampai 20 minit. Saya hendak bagi peluang kepada orang lain yang sudah bercakap tadi itu sudah ambil masa yang panjang jadi kita jangan berhenti pukul 12 tengah malam. Jadi kita beri kerjasama yang baik.

Cuma saya hendak menyentuh perkara-perkara yang belum ada sentuhan, Rang Undang-undang 355 sudah panjang lebar, isu-isu yang lain isu pendidikan saya akan sentuh. Isu pendidikan

pedalaman, isu FELDA, isu orang kampung. Ini semua isu orang kampung supaya yang hadir hari ini boleh cakap dekat orang kampung saya datang ke sini bukan tidur.

Isu minyak. Patut dia cakap isu minyak. Jadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara yang sentiasa menjadi isu di kampung ialah isu FELDA. Isu kawasan FELDA yang mana 54 kawasan FELDA di seluruh Parlimen Malaysia. Jadi isu FELDA ini yang hari ini nampaknya sudah ada jalan-jalan penyelesaian. Namun begitu, ia perlu diselesaikan menjelang pilihan raya yang akan datang.

Kita ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana memberi fokus yang khusus kepada kawasan FELDA dan kawasan-kawasan kampung. Tahniah juga kepada menteri-menteri yang terlibat dalam NBOS bagi memastikan kawasan-kawasan FELDA dan kawasan kampung terus dibela. Walaupun ia bukan pada zaman pilihan raya, walaupun ia bukan dekat pilihan raya namun ia tetap menjadi perhatian utama. Saya ingin membangkitkan isu supaya pihak FELDA ataupun kementerian yang bertanggungjawab menyelesaikan isu-isu yang berkaitan yang telah lama iaitu isu perumahan generasi kedua.

Isu perumahan generasi kedua ini, telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu membina 20,000 buah rumah di kawasan seluruh kawasan FELDA. Maka hari ini, perumahan ini tidak siap. Dibina akan tetapi tidak siap. Jadi ini menjadikan isu utama di kampung-kampung kerana anak generasi kedua ini perlu penempatan. Mereka ini tidak lagi ingin duduk dengan ayah ataupun keluarga dia. Hal ini kerana dia telah bersuami isteri dan ada anak jadi tidak sesuailah tinggal dengan keluarga. Jadi perlu tinggal di rumah sendiri.

Jadi perubahan ini juga telah dibina dalam keadaan 80 peratus siap, 70 peratus siap, 25 peratus siap yang hari ini tidak siap tidak boleh tinggal walaupun peratus hendak siap itu tidak banyak, cuma diharap menjelang PRU yang keempat belas nanti, perkara-perkara yang menjadi tuntutan ataupun menjadi *wow factomya* kepada rakyat dapat diselesaikan. Yang kedua, isu yang saya ingin bangkitkan ialah isu penyata hutang. Penyata hutang, kalau kita berhutang ini mesti ada slip. Tiba-tiba tengok-tengok hutang RM200 000, mahu tidak pengsan peneroka ini. Bukan pengsan, terus jalan pun ada Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita hendak bahawa peneroka ini tahu berapa hutang sebenarnya untuk membangunkan tanah sepuluh hektar ini berapa hutang dia? Kalau hutang dia RM70 000, nyatakan hutang RM70 000. Ada orang kata tanda tangan bersama, persetujuan bersama. Itulah hutang yang sebenarnya. Bukan setelah siap dan sebagainya, hutang dia menjadi RM200,000 jadi tidak patut. Jadi inilah sebenarnya menjadi kerisauan, keresahan kepada pihak peneroka.

Yang ketiga, soal peluang generasi kedua untuk mendapat pekerjaan. Kita tahu bahawa FELDA hari ini *invest* sehingga luar negara- beli hotel, dengar-dengar hendak jual hotel jadi *Alhamdulillah* lah. Hotel ini kita tidak pakai kita jual. Mungkin untung, dan keuntungan ini boleh setiap minggu hasil di kawasan FELDA boleh dibayar tidak lagi seperti dulu. Sebulan sekali akan dapat duit, hari ini dapat mingguan. Harapannya supaya apa yang dijanjikan itu dapat diselesaikan dengan kadar segera. Hal ini kerana mereka memerlukan kewangan untuk sara hidup keluarga mereka. Bila kata sebulan sekali sudah pastilah menunggu sebulan sekali gaji ini pun kita susah. Kita kadang-kadang hendak menunggu pun susah inikan pula pihak-pihak mereka yang berada di kampung. Jadi harap

perkara ini dapat diselesaikan dengan apa yang dierti katakan membela ataupun merasai denyut nadi rakyat.

Yang keempat, berkaitan dengan wang SES ini pun dijadikan isu juga. Saya banyak kali Tuan Yang di-Pertua, sebut fasal wang SES ini. Hal ini kerana, sebahagian kawasan rancangan FELDA yang mana menanam tanaman getah telah menukar tanaman kepada komoditi lain iaitu tanaman sawit. Wang SES ini sebenarnya telah dipotong, dipotong dalam kadar 14 sen per kilogram. Apabila dipotong, duit ini digunakan untuk membangunkan semula tanaman berkelompok ataupun tanaman semula pada getah tetapi sebaliknya dia menukar tanaman kepada tanaman sawit. Maka wang ini perlu dikembalikan kepada peneroka tersebut. Yang ini menjadikan peruntukan khususnya Negeri Sembilan, lebih kurang RM80 juta. Yang ini sebenarnya tuntutan kepada pihak yang sudah lama sudah, pihak menteri dulu pun sudah jawab akan diselesaikan tetapi saya masuk lagi penggal ini dan akan sambung lagi penggal pun tidak selesai.

Jadi saya pun- kehadiran tetamu hari ini dengar saya telah membawa inspirasi mereka untuk memperjuangkan kalau tidak saya pun masak di kampung- masak, masak mereka kata saya tidak bawa. Jadi begitu dengan rumah generasi tadi, rumah generasi ini fasa pertama 10,746 unit rumah. Fasa kedua, 800 unit, fasa ketiga, 800 lebih unit. Jadi diharap pihak kementerian ataupun pihak Jabatan Perdana Menteri yang jaga FELDA ini dapat diselesaikan dengan kadar yang segera.

Saya menyentuh juga kos sara hidup yang hari ini kita sebut saban hari kos sara hidup. Saya tidak mahu sebut soal pembangkang sebab pembangkang ini kerja dia apa yang kita buat pun membangkang, tidak ada yang betul. Sebab kerja dan tugas hakiki dia membangkang. Jadi tidak ada sebab kalau tiba-tiba pembangkang menyokong kerajaan. Tidak betul. Itu mesti ada *something wrong*. Tidak betul. Sebab kerja dia membangkang. Yang baik pun dia bangkang, yang tidak baik lagi dia bangkang. Kalau tidak baik hendak membangkang itu boleh, sebab kita kadang-kadang kita pun tidak betul, tidak *perfect*. Kita tunjukkan ini jalan yang betul.

Akan tetapi kejayaan Malaysia membawa Arab Saudi datang melabur ke Pengerang lebih kurang RM31 bilion yang disebut tadi, hendak bangkang itu, yang bagus. Taiwan hendak melabur, pergi beritahu Taiwan jangan melabur di Malaysia. Jadi benda-benda yang seperti ini sebenarnya salah dibuat oleh pihak pembangkang. Membangkang perkara yang tidak betul, kalau betul setujulah. Kenapa takutkah kata setuju? Kerana imej dan maruah pembangkang itu tidak menjadi pembangkang sudah menjadi penyokong kerajaan. Yang ini tidak betul. Tidak betul. Saya tengok tadi membahaskan Rang Undang-undang 355 benda yang betul. Hal-hal agama kita orang Islam, kenapa pula Presiden DAP sibuk-sibuk pula? Dia bukan orang Islam. Orang Islam kata ya, PAS bawa pun kita setuju sebab menambah baik mahkamah yang ada peraturan yang ada. Apa masalahnya? Pedulikanlah dia kepala memang sakit memang macam itu.

Apa yang dia buat pun, apa yang kita buat pun memang tidak betul. Jadi kita minta Kerajaan Barisan Nasional yang ada hari ini rakyat tengok apa yang kita buat, rakyat tidak mahu tengok apa fitnah apa yang ditaburkan oleh pembangkang. Inilah sebenarnya kerja pembangkang. Apa yang kita sebut, dia kata tidak betul. Yang betul, dia yang betul. Hari ini tabur fitnah, tabur saham-saham fitnah ini supaya rakyat melihat kerajaan ini lumpuh, kerajaan tidak ada duit. Hari ini saya terbaca tadi, bank dunia menganjurkan ekonomi Malaysia berkembang 4.3 peratus tahun ini dan tahun depan 4.5 peratus.

ini menunjukkan kepimpinan Barisan Nasional bagus. Ini menunjukkan kepimpinan ditadbir oleh Barisan Nasional hebat. Mantap. Jadi apalagi yang pembangkang mahu? Hari ini bagaimana kita hendak mensejahterakan rakyat? Apa lagi yang kita boleh bantu rakyat? Supaya rakyat di bawah sana terbela. Itu matlamatnya. Kalau yang tidak betul yang tidak ketat kita ketatkan. Yang longgar pula kita mantapkan lagi, betul? Jadi semuanya bila kita tegur, kadang-kadang kita tegur Menteri...

■1250

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh?

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Saya hendak habiskan ini. Tak habis-orang nak makan. Ada 10 minit lagi. Jadi soal ini...

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Cuma hendak beritahu apa pembangkang hendak.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Tidak, saya hendak habiskan dahulu. Bagi saya habiskan dahulu. Saya tidak panjang ini, tidak panjang.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Soalan Yang Berhormat tadi apa pembangkang hendak, so saya beritahu apa pembangkang hendaklah.

Yang Berhormat tadi bercerita pasal *World Bank* yang cakap berkenaan dengan pertumbuhan ekonomi, *growth in GDP*. Itu *World Bank* punya *report*. Akan tetapi apa yang kita hendak sebagai pembangkang untuk membela rakyat, satu isu sahaja saya hendak minta pasal isu kekangan masa, kadar inflasi. Laporan Bank Negara dan juga laporan Jabatan Perangkaan bercakap bahawa pada bulan dua, peningkatan kadar inflasi adalah sebanyak 4.5 peratus. Jadi soalan saya, apakah tindakan kerajaan untuk mengawal kenaikan harga barang? Pasal ini *effect* semua rakyat termasuk mereka yang mengundi Barisan Nasional. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih. Jadi kadang-kadang bila sudah panas itu dia bangun ya. Bagus juga. Jadi sememangnya yang disebut soal harga barang ini, dahulu sampai sekarang, saya hendak sebut, ada barang turun tidak? Daripada dahulu sampai sekarang, ada barang turun? Tidak ada. Kadang-kadang barang kita ada turun, barang lain tidak turun... [*Dewan*] Barang lain. Datuk Halimah lain. Timbalan Menteri perumahan ini gelak awal daripada kita.

Jadi dalam soal ini, memang kadang-kadang hendak menambah baik- gaji pun begitu. Dahulu gaji RM300. Pekerja buruh gaji RM300, ada RM250. Zaman bapa saya gaji RM50. Gaji minimum berapa sekarang? RM1,200. Minimum itu. Jadi bila gaji naik, semua naik, patutlah sikit lebih kurang. Negara maju. Kalau tidak, jadi negara miskin.

Jadi soal kawalan, penguatkuasaan, orang tengah dan sebagainya, ini kena ambil tindakan. Pihak KPDNKK juga kena ambil tindakan. Kadang-kadang barang di Kuala Lumpur harga RM1, sampai dekat kampung, dekat Jempol harga RM2. Ini tidak betul. Orang tengah mainkan. Kita perbanyakkan-ada dalam ini. Kita perbanyakkan lagi Kedai 1Malaysia ini. Jangan bagi Mydin sahaja *control*. Bagilah Mat Ali *control*, bagilah Hamzah *control*, bagilah... [*Disampuk*] Ha, *you control*. Semua boleh. Jadi kalau bagi satu orang, dia monopoli. Betul tidak? Jadi kita hari ini, Dewan ini bersetuju supaya kita perbanyakkan lagi *branding* Kedai 1Malaysia. Jadi bila tengok Kak Limah ini, lain macam, *jammed* saya bercakap... [*Dewan*] Kak Limah, okey, okey. Dia pasal pakai baju hijau hari ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya akan berhenti pukul 1. Saya akan taat pada itu, saya akan memintas cepat.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Dalam soal yang lain juga, saya hendak beritahu kebanjiran pekerja asing. Tujuh juta pekerja asing. Maknanya lebih kurang berapa peratus daripada penduduk Malaysia? Kalau 31 juta, 7 peratus, 7 juta... *[Disampuk]* Eh, tidak sampai bang, tidak sampai, tidak sampai. Jadi lebih kurang dalam 10 hingga 15 *percent*.

Kita tidak boleh menafikan hak mereka datang ke sini bekerja. Kalau tidak ada juga pekerja asing, sudah pastinya ada sebahagian rumah pun tidak masak sebab tidak ada pembantu rumah melainkanlah yang lain-lain, dapat tiga, empat ataupun pasang lebih dan sebagainya... *[Disampuk]* Bukan pasang apa-apa, pasang pembantu rumah.

Jadi dalam soal ini, semua sektor yang kita hendakkan sektor apa? Perladangan, yang tidak ada rakyat kita hendak bekerja. Perkilangan, yang kurang pekerja. Pembinaan, yang panjat tinggi-tinggi ratus tingkat dan sebagainya yang memerlukan buruh-buruh ini. Jadi yang *level, level* yang senang ini, janganlah kita...

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Boleh saya mencelah?

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Dah habis dah. Dah habis.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Satu isu sahaja.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Cuma kita hendak...

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Satu isu sahaja.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Cukup, cukup, cukup, cukup. Dah, dah, saya tidak bagi. Masa saya enam minit sahaja. Jangan kacau lagilah, duduk. Dah satu orang yang tanya tadi.

Jadi dalam soal ini, kita hendak peluang-peluang kepada mereka ini diberi tempat. Anak-anak kita yang berada di IKS, yang berada untuk kemahiran-kemahiran ini juga yang *welding*-nya, yang *repair* keretanya yang mengecatnya juga diberi peluang. Jangan semua peluang-peluang ini kita bagi kepada pekerja-pekerja asing. Ini amat membimbangkan. Kita melahirkan orang ini teknikalnya, vokasionalnya, sampai masanya kebolehpasaran mereka terbatas. Pilihan majikan-majikan, untuk pekerja asing. Ini yang agak menyukarkan kita pada masa-masa yang akan datang.

Saya juga memperingatkan juga, isu pekerja-pekerja asing ini juga membebankan kerajaan kerana mereka ini yang sakit ke hospital ini, kebanyakannya tidak bayar. Hospital tempatan rugi, PATI enggan bayar bil sebanyak RM7 juta lebih. RM 7 juta lebih yang pekerja asing ini, maknanya dapat rawatan dan sebagainya dia cabut lari, dia tidak bayar. Jadi kerajaan juga turut menanggung kerugian ataupun beban daripada pekerja asing yang ada di Malaysia ini. Jadi hendaklah ia dikawal selia dengan betul. Peluang-peluangnya sampai mana, tahapnya sampai mana.

Ini saya dapat tahu bahawa mereka ini, pekerja asing ini ada juga menjadi *sub con* kerana ia lebih murah. Baiki rumah hari ini, panggil *sub con* daripada Bangla dan sebagainya. Ini juga bahaya kerana peluang-peluang ini juga perlu dimiliki oleh rakyat tempatan kerana peluang ini kalau diambil habis, akhirnya rakyat kita esok tidak ada kerja.

Selain daripada itu, saya juga ingin membangkitkan isu-isu yang hari ini- semalam siapa yang-tak ada, Rantau Panjang tidak ada. Dia membangkitkan isu apungan minyak. Kita mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang dilaksanakan apungan minyak mingguan. Baik, apungan minyak mingguan ini bagus kerana kita tidak rasa. Kalau sebulan sekali jatuhnya 20 sen, pengusaha pun terasa kerugian 20 sen. Kalau naik 20 sen, pelanggan juga terasa. Jadi kalau mingguan tidak sampai tiga sen, dua sen, tidak terasa. Jadi tidak adalah bila hujung bulan berlumba-lumba semuanya dekat stesen minyak kerana hendak isi minyak murah kononnya esok akan naik.

Jadi apa yang terkesan sebenarnya apabila berlaku apungan ini, pihak pengusaha stesen minyak sejumlah 3,500 orang akan terkesan yang mana apungan minyak ini mereka akan mengalami kerugian ataupun mengurangkan keuntungan kepada mereka yang menjual. Dia punya jualannya rendah kerana pihak *oil company* juga akan menahan minyak-minyak mereka ini sampai bila minyak itu berada dalam keadaan minyak hendak naik. Jadi ada kesan langsung kepada mereka.

Begitu juga dengan kad, mereka yang pakai kad. Diesel kata contohnya harga komisennya enam sen, maka caj yang menggunakan kad kredit dua sen, maka empat sen lah yang dapat oleh pengusaha. Di situlah kena bayar bil dan sebagainya. Mereka ini menjadi resah, gelisah, bimbang akan tutup kedai mereka ini kerana mereka ini adalah pengusaha-penguasa kecil, operator-operator kecil yang berada di kampung yang menjual ataupun mengusahakan stesen minyak secara kecil-kecilan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan soal memperkasakan pendidikan di luar bandar. Saya dua hari lepas soalan saya dijawab oleh Timbalan Menteri Pendidikan. Soalan saya lain, jawab lain. Sakit kepala, bagi ubat sakit kaki. Dia ingat saya tidak faham kah saya gelak. Saya gelak sebab saya sakit kepala, dia bagi ubat sakit kaki.

Saya tanya dia soal rumah arau, dia jawab K9. Kadang-kadang yang jawab soalan ini biarlah betul-betul. Kadang-kadang kita tidak boleh tanya kali kedua. Kalau boleh tanya kali kedua, kita tanya. Melainkan Timbalan Menteri Kak Limah kita, belum tanya sudah jawab. Beri tepukan dekat dia... [Tepuk] Belum tanya sudah jawab. Tadi ada satu, tidak boleh tanya lagi dah. Jadi saya ingat jangan selalu Kak Limah buat macam ini ya. Bagi sikit-sikit.

Jadi bila macam ini, saya mahu bahawa Menteri *hands on*, Timbalan Menteri yang menjawab *hands-on* ke bawah. Bila kita kata merapatkan jurang luar bandar, pedalaman, perlu pergi ke pedalaman. Dua Timbalan Menteri yang ada, Timbalan Menteri Pendidikan, taruhlah seorang ini 'Timbalan Menteri Pendidikan Luar Bandar' supaya dapat melihat sekolah-sekolah di luar bandar, pedalaman. Ini tidak, mana hendak tahu- rumah arau pun tidak tahu. Rumah panjang pun tidak tahu. Mana orang Sarawak?... [Disampuk] Bukan rumah Arau, Perlis, bukan. Rumah arau adalah rumah transit. Rumah transit ini.

Saya hendak beritahu apa yang dipanggil rumah arau. Rumah transit ini adalah rumah daripada pedalaman empat, lima jam jalan kaki, duduk buat rumah tepi sungai. Anak ada empat, lima orang, ibu sahaja yang hadir, bapa tidak boleh. Kalau bawa bapa hadir, buat projek lagi di situ, lagi susah. Jadi yang datang ibu, menjaga lebih kurang lima, enam orang anak yang pedalaman itu untuk ke sekolah di seberang sungai.

■1300

Jadi duduklah masak dekat situ. Bila balik dari sekolah, katalah pukul 1 dia ambil, pergi ke rumah itu dekat, kalau nak balik tiga jam lagi nak datang sekolah, tak sekolah dia. Jadi dipanggillah 'rumah arau' atau rumah transit.

Di sini saya minta Timbalan Menteri Pendidikan, di pedalaman ini pergi ziarah mereka ini. Kalau dia ziarah itu, tengok rumah guru, ada tak rumah guru ini betul-betul, ada tak bekalan air dan sebagainya. Ini nak pilihan raya. Besok kata, "*Ha, inilah masa baru nak datang.*" Inilah Timbalan Menteri banyak ini. Kalau satu, boleh tahan sikit. Macam Kak Limah, dia jaga bandar sahaja. Yang ini sekolah, dalam Pedalaman 1, Pedalaman 2, Pedalaman 3. Mana tempat yang tak ada sekolah? Janganlah semua main *statement* daripada Kuala Lumpur, daripada Putrajaya. Tak betul.

Ini saya nak sarankan, saya nak cadangkan supaya *clause* ataupun dicadangkan 'Timbalan Menteri Pendidikan Luar Bandar II'. Tak kisah lah. Ada dua-dua orang itu, pilihlah. *One-two som* lah siapa yang suka jaga pedalaman. Pergi ziarah rumah panjang, tengok pra sekolah di rumah panjang itu operasi kah tidak, guru ini datang mengajar kah tidak? Siapa nak *check* guru pedalaman pergi sekolah kah, tengok murid kah tidak? Yang ini semualah yang perlu kita perkasakan, merapatkan jurang anak-anak yang duduk di pedalaman yang jauh daripada pembangunan. Mereka juga perlu dibela. Jangan kita bercakap soal kita nak mengangkat kecemerlangan, kita lupa bahawa anak-anak, guru-guru yang berkhidmat- guru-guru yang berkhidmat di luar bandar, Pedalaman 3, balik-balik, bagilah naik pangkat. Dahlah dia sana tak ada *shopping complex*. Dahlah sana dia telefon pun tak dapat, *internet* pun tak dapat. Balik DG41, duduk sini balik pun, dah tukar masih 41. Bagilah penghormatan, penghargaan kepada mereka.

Yang kedua juga, soalan sekolah. Bila kita bagi wang bantuan persekolahan RM100, semua ibu bapa kita panggil datang. Besok itu buat sukan, dapatlah surat derma pula minta ibu bapa bagi duit. Ini pun tak betul. Dah bagi, bagilah. Jadi kita minta sumber lain. Siapa sumber yang kita boleh dapatkan? Penaja-penaja syarikat. TM, KPJ, PETRONAS, *Shell* dan sebagainya, suruh taja. Kalau dia nak ruang sekolah itu dijadikan *billboard* ataupun ruang iklan, bagi asalkan sekolah dapat sumber pendapatan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi?

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Sikit saja lagi. Dua minit lagi saya ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Ya, ya. Saya menghormati. Terlanjur sikit fasal saya tengok 'abang' saya depan ini *handsome* dengan cermin mata.

Jadi dalam soal itu, kita minta supaya Kementerian Pendidikan mencari satu sumber lain. Jangan jadikan ibu ayah, mak bapa ini sebagai sumber untuk mendapatkan duit. Ada di kalangan mereka ini kesesakan, kesusahan akibat kos sara hidup dan sebagainya. Bila anak balik ke rumah daripada sekolah tunjuk surat, bapa ini buat-buat tak nampak saja, "*Bapak nak pakai cermin mata. Kau pergi ambil cermin mata itu, nak tengok.*" Padahal dah nampak dah itu. Sebab, bila surat derma ini, kadang-kadang bila kos dan lain-lain kehidupan kita, kita perlukan, kita perlu berjimat cermat.

Begitu juga sekolah. Bukan salah sekolah. Kadang-kadang nak buat sukan itu hebat tetapi kadang-kadang jumlah wakil rakyat dan sebagainya, bagi. Akan tetapi dengan cara-cara lain yang

saya sebutkan tadi, dapat di-*implement* sumber-sumber dana untuk sekolah buat di samping memberi ruang kepada mereka yang nak pasang *billboard*, dan sebagainya.

Terakhir, Tuan Yang di-Pertua, saya nak menyebut soal yang terakhir iaitu ura-ura kita dengar KSN bagi *statement*, 60 boleh sampai 62 tahun. Ini pun penyakit.

Kalau kita umur 62 tahun nak kahwin lagi satu, tak bolehkan? Boleh tapi tak terdaya. Kalau kita kerja 8 jam, kita suruh kerja sampai 18 jam, terdaya tak? Mungkin kita tak kuat. Kita nak, hati hendak. Kalau tanya hati kita, nak. Akan tetapi dalam keadaan ini, kita menutup ruang-ruang mereka yang sepatutnya naik pangkat- 62 tahun. Kalau 60 tahun itu, dah syukur dah. Nikmat mana yang nak dikufurkan lagi, nikmat mana? Dah cukup dah.

Gunakanlah sisa-sisa hidup ini- minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Memang okey lagi. Okey lagi. Okey kan? Tegap, tak apa. Tuan Yang di-Pertua tak termasuk. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Tak termasuk yang saya sebutkan. Kak Limah pun tak masuk. Tuan Yang di-Pertua *steady*. Sebab Yang di-Pertua seorang ataupun Timbalannya seorang.

Ini yang kebanyakan penjawat awam. Di bawah ini bercerita dengan saya. Katanya 62, dia pun terperanjat. Itu hari 58, dia pun kata 60, "*Alamak, tak 'dan' lah aku naik pangkat ini. Dia ada lagi. Habislah aku, pencen 54 lah.*" Itu nasib pencen 54. Ada yang pencen 48. Ada yang pencen yang gred bawah. Jadi, peluang-peluang mereka ini kita tutup. Kita jangan macam itu. Cukuplah. Mungkin kita kata kita hebat tetapi kita datanglah sebagai penasihat, tak payahlah ambil tempat. Ini tak, mesti nak tempat itu.

Jadi orang yang kita ajar banyak-banyak yang keluar universiti itu berbagai-bagai, dapat *masters*, mana nak letak? Mana nak duduk mereka ini? Kalau dia rasa nak politik, dia boleh bertanding. Bertandinglah, bentuk parti apa pun. Kalau menang, memerintahlah. Akan tetapi masa kita hari ini, kita tak nak peluang-peluang yang ada ini yang sepatutnya dirasai oleh mereka, kita tutup.

Jadi saya minta supaya...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Dah habis, dah habis. Dah nak *landing*, nak *landing*. Jadi saya minta supaya kerajaan mengkaji semula umur persaraan ini supaya dikekalkan kepada 60 tahun. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Tuanku yang dibawa, dan saya juga mengucapkan terima kasih kerana diberi kesempatan kepada saya dan semuanya. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Anak buah dia ramai mendengar ucapan begitu baik pada petang ini. Betul nampak dia cerita betul. Apa yang rasa hati, dia cerita demi perjuangan anak-anak bangsa di kampung dia.

Lepas ini saya tangguh dan kita sambung pukul 2.30 petang.

Yang pertama sekali nanti mungkin Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah ya. Jam saya pukul 1.06.

Dengan itu saya- Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tangguhkan mesyuarat hingga pukul 2.30 petang. Sekian, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.06 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

■1430

Timbalan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam sehati sejiwa dan salam negaraku. Ahli-ahli Yang Berhormat, minta kerjasama semua Ahli Yang Berhormat, saya bertanggungjawab untuk memastikan semua anak buah saya Yang Berhormat bercakap untuk perbahasan Diraja. Saya bagi masa 15 minit, minta tolong, minta kerjasama ya. Saya hendak beri peluang semua keluarga saya dapat bercakap supaya hendak tahu dia punya isi hati dia itu.

Saya mulakan dengan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah. Dipersilakan.

2.33 ptg.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat petang, salam sejahtera saya ucapkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan kita perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Pertamanya, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya, Sultan Muhammad V telah pun ditabalkan *alhamdulillah*. Saya percaya di bawah kepimpinan Baginda, negara kita akan terus aman, makmur dan maju, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Baginda telah menyentuh banyak isu-isu seperti kepentingan kestabilan negara kita, isu ekonomi, isu pembangunan negara, pendidikan, kebajikan rakyat, *environment* mahupun perpaduan dan keharmonian di kalangan kaum di negara kita pada hari ini. Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan keharmonian dan juga perpaduan saya telah teliti ucapan Seri Paduka Baginda.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong amat menekankan peri pentingnya perpaduan di kalangan rakyat yang berbilang kaum. Sudah pasti tanpa perpaduan, keharmonian dan kestabilan negara tercinta ini, usaha-usaha untuk memajukan negara tidak akan tercapai. Keselamatan negara akan tercabar, negara akan menjadi kucar kacir seperti yang sedang berlaku di beberapa negara di luar sana yang dahulunya aman makmur, yang dahulunya hebat macam kita juga tetapi pada hari ini kita lihat apa yang telah berlaku kepada negara-negara tersebut.

Ini kerana terdapat segelintir rakyatnya bersekongkol dengan kuasa-kuasa besar dengan alasan pemimpin mereka itu diktator zalim, *authoritarian* dan pelbagai lagi. Akan tetapi pada hari ini kita lihat apakah implikasi, apa yang berlaku kepada rakyat di negara itu, apa yang berlaku kepada kanak-kanak, kaum wanita dan sebagainya. Demi keharmonian dan kestabilan negara juga, Baginda berpesan agar- saya *quote*, "*Sebarang unsur penghinaan terhadap agama Islam dan institusi-institusi di negara ini ditangani dengan kebijaksanaan dan ketegasan*".

Sudah pasti Baginda punyai sebab mengapa Baginda Tuanku bertitah sedemikian. Lihatlah pada kali ini, pada hari ini provokasi dan penghinaan agama amat berleluasa bahkan di kalangan parti-

parti politik yang kita anggap ada kalanya, kita syak mungkin berniat sesuatu, mungkin berniat jahat untuk mengganggu gugat keharmonian, kestabilan, bahkan keselamatan negara yang tercinta ini.

Untuk memastikan keselamatan negara agar terjamin selama-lamanya, Baginda seterusnya menegaskan, saya *quote* sekali lagi, *“Adalah tidak salah untuk kita berbeza pendapat, namun gunakanlah saluran yang betul secara berhemah serta tanpa perlu melibatkan pihak luar mencampuri urusan dalam negara.”* Baginda menekankan tanpa membenarkan campur tangan kuasa asing, tanpa membenarkan pihak luar mencampuri urusan dalam negara kita. Seperti yang kita ketahui bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak pun selalu mengingatkan betapa bahayanya campur tangan asing yang kita ketahui yang bertujuan untuk memporak-perandakan negara kita yang selama ini aman dan makmur. Kita ketahui proses *regime change* ataupun menjatuhkan kerajaan sedia ada dengan menggunakan taktik yang jahat dengan bantuan asing adalah matlamat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dua hari yang lepas pula, saya berasa sungguh beruntung dan bertuah kerana dapat mendengar pandangan daripada Setiausaha Agung Liga Dunia Islam Sheikh Dr. Mohammed Abdul Karim yang juga merupakan Ahli Diraja Saudi sempena lawatan beliau ke Dewan Negara. Beliau cukup kagum dengan usaha kerajaan mempromosikan konsep *wasatiyyah* dan keamanan walaupun beliau mengatakan Malaysia terdiri daripada rakyat yang berbilang kaum dan agama. Bahkan beliau turut mengucapkan tahniah kerana di Malaysia mengikut kata beliau, Islam telah berjaya memainkan peranan penting di dalam pencapaian keharmonian dan keamanan di kalangan rakyat yang berbilang kaum dan agama ini.

Walau bagaimanapun, walaupun beliau telah memuji negara kita sebuah negara yang hebat walaupun berbilang kaum kita masih tetap harmoni, stabil. Bagaimanapun beliau telah mengingatkan kita dan meminta negara kita Malaysia supaya berhati-hati dengan menyebut berulang kali, saya masih ingat beliau mengatakan, *“Jagalah, jagalah, jagalah”* keharmonian ini kerana di luar sana terdapat ada kumpulan yang cemburu dan dengki di atas kejayaan negara kita.

Beliau juga merupakan ahli *royalty* Saudi Arabia, sudah pasti beliau memberikan nasihat yang ikhlas ini setelah beliau melihat apa yang telah berlaku khususnya di negara-negara Arab selepas Arab Spring, di mana adanya campur tangan asing yang akhirnya membawa kepada kehancuran dan penderitaan kepada rakyat yang tidak berdosa.

■1440

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini pula Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang menjelaskan PAS mendapat maklumat, saya *quote* ini bukan perkataan saya. *“PAS mendapat maklumat ada ejen asing di belakang penentangan Rang Undang-undang 355 khususnya kumpulan mubaligh.”* Ini saya *quote*, *“...yang ingin mengembangkan agama mereka di negara ini.”* Saya *quote* lagi beliau mengatakan, *“Mereka DAP”*. Ini bukan perkataan saya. Saya *quote*, *“...berunding dengan negara asing untuk mengubah politik Malaysia, kita iaitu PAS tidak sampai ke tahap itu sedangkan dia dengan Amerika pun dia berunding, dengan negara asing pun dia berunding, dengan kedutaan asing pun dia berunding hendak suruh negara asing campur tangan negara kita.”* Itu *quotation*, bukan perkataan saya yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, keempat-empat tokoh, semua menyebut campur tangan asing di negara kita. Selama ini kita selalu didedahkan seolah-olah campur tangan asing ini merupakan satu tuduhan yang melulu dan pihak yang dituduh sentiasa memberikan hujah-hujah yang dapat meyakinkan rakyat iaitu tuduhan ini merupakan tuduhan palsu yang sengaja hendak menakut-nakutkan rakyat. Apakah keempat-empat tokoh ini menipu? Apakah mereka bohong kepada rakyat? Apakah mereka ini bertujuan jahat untuk menghancurkan negara? Walhal di sebelah sana, mereka bermati-matian mempertahankan mereka tidak bersekongkol dengan sesiapa. Mereka berbuat sedemikian untuk kepentingan negara dengan tujuan politik mereka. Mereka tidak anti Islam, mereka tidak anti Melayu.

Persoalannya macam diterangkan oleh Yang Berhormat pagi tadi, kenapa sekarang? Kenapa sekarang ini? Ada yang mengatakan mungkin selepas tahun 2008 kita tidak mempunyai total majoriti yang disuarakan oleh sahabat saya. Kenapa sekarang? Kenapa tidak dahulu? Saya memikirkan benda yang sama. Dahulu saya menganggap negara kita ini lebih aman, kita dengan pelbagai kaum, kita dapat bercampur dengan begitu baik, tidak ada perasaan prasangka. Saya pun sekolah daripada sekolah yang pelbagai kaum. Saya boleh bertekak, boleh bergurau, bahkan boleh bertumbuk dengan sahabat-sahabat saya kaum Cina atau kaum India tetapi lepas itu kita geng balik. Kita ajak tengok wayang, ajak minum. Sampai sekarang pun saya masih mempunyai hubungan rapat dengan rakan-rakan berbilang kaum ini.

Akan tetapi mengapa sekarang, *why now*? Jadi ini persoalannya saya hendak ungkitkan pada petang ini Tuan Yang di-Pertua. Saya sebagai seorang ahli akademik, profesor dalam bidang pentadbiran kerajaan dan politik dan ini bidang saya. Apabila saya melihat suasana politik negara kita ini, sudah pasti saya merasakan tanggungjawab saya untuk mencari *the root cause*, untuk membuktikan apakah selama ini yang diperkatakan oleh pemimpin, diperkatakan oleh Tuanku Agong, yang diperkatakan oleh Sheikh daripada Saudi ini, daripada Islam Muslim *League* ini, bohong kah? Maka tugas saya untuk melihat dan membuktikan dengan hujah-hujah sebagai seorang ahli akademik yang berdasarkan kepada fakta, berdasarkan kepada buku yang memang *solid* dengan rujukan-rujukan yang *references*nya tidak boleh dipersoalkan.

Ini sebab saya merasakan pada hari ini kita sebagai rakyat Malaysia, kita pada hari ini tidak kira berbilang kaum, berbilang agama, kita tidak mahu melihat anak-anak kita 10 tahun, 20 tahun daripada sekarang dengan konsep TN50, 30 tahun daripada sekarang, kita tidak mahu lagi melihat anak-anak kita daripada orang Melayu, orang Cina, orang India, Sabah dan Sarawak masih tidak mempunyai satu perasaan *esprit de corps* atau kekitaan, perasaan kekeluargaan. Maka kita di sini sebagai Senator bertanggungjawab mencari jalan. Sebelum mencari jalan mencari faktor-faktor mengapa perkara ini berlaku seperti yang disoal oleh banyak rakan-rakan saya pada pagi tadi. Mengapa ini berlaku?

Saya minta maaf, pada petang ini saya tidak berniat untuk memberi komen-komen yang boleh menyakitkan hati sesiapa. Apa yang hendak saya lakukan pada petang ini memberikan pandangan-pandangan berasaskan kepada maklumat-maklumat fakta yang *solid* berdasarkan kepada *research* dan tulisan-tulisan buku yang mempunyai *references* yang begitu *solid* iaitu perkataan yang keluar daripada mulut saya pada petang ini bukan dari saya tetapi daripada buku-buku. Walaupun saya masih

ingat dua tahun lepas saya telah membincangkan gerakan-gerakan tertentu di mana berlakunya gerakan yang terancang terhadap agama Islam di peringkat global.

Akan tetapi pada petang ini saya akan menggunakan satu buku sahaja yang ditulis yang baru saya beli pada tahun 2015 yang dapat menghuraikan, menceritakan dan menerangkan mengapa Malaysia berlaku suasana ini. Suka ataupun tidak suka kita lihat semenjak 9/11 kita melihat masalah persepsi terhadap Islam cukup teruk. Kita lihat di seluruh dunia memang Islam menjadi mangsa dan malangnya perkara ini dibawa ke sini. Ini saya rasa kita sebagai sebuah negara majmuk *multiracial*, kita rakyat Malaysia ini lain dengan negara lain. Kita mempunyai cara kita sendiri, acuan kita sendiri dan kita mesti bersatu dalam cara kita sendiri. Kita jangan dipengaruhi oleh dakyah-dakyah ataupun pengaruh-pengaruh dari luar.

Maka Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin lakukan, saya hendak menegaskan di sini tuduhan-tuduhan kuasa asing ini adalah betul. Campur tangan kuasa asing bukan perkara baru. Campur tangan kuasa asing saya masih ingat apabila saya membuat *first degree* berapa puluh tahun lepas ianya bukan benda yang baru. Campur tangan disebabkan kuasa besar hendak memiliki minyak, ekonomi, sebab kuasa politik dan berbagai-bagai. Akan tetapi di Malaysia ini ada sedikit kelainan. Berdasarkan kepada pembacaan saya, di mana campur tangan kuasa asing ini disambut baik oleh sekumpulan rakyat di Malaysia ini yang bertujuan untuk menjatuhkan kerajaan yang sedia ada, bertujuan untuk menunjukkan kepada dunia yang negara kita ini sebuah negara yang porak-peranda. Bertujuan agar negara kita juga jadi seperti negara-negara Timur Tengah di dalam proses Arab Spring yang berlaku satu persatu.

Buku yang pertama hendak saya tunjukkan, bahkan ini satu buku saya hendak tunjukkan. Saya mengharapkan pada petang ini, kalau kita betul-betul serius hendak memahami masalah di negara, kalau betul-betul kita serius untuk mencari *the root cause* masalah negara kita, saya hendak semua yang ada di Dewan ini baca buku ini... [*Menunjukkan sebuah buku*] *In English*, kedai buku ada, MPH ada, baca *word-by-word*.

Penulis ini saya membeli buku yang pertama pada tahun 2010 menerangkan tentang global senario. Beliau daripada negara Barat, Orang Putih datang balik ke Malaysia menulis satu lagi buku baru, keluar tahun 2015 *focus on Malaysia*. Saya baca dahulu di sini yang juga saya cukup bimbang buku *by* lain Buchanan bertajuk *Sang Nila Utama and The Lion of Judah*. Menurut buku ini Malaysia telah menjadi sasaran oleh kumpulan *Evangelical Christian Zionist* dan momentum ini sudah berlaku sejak tempoh lima tahun yang lalu. Saya baca di sini beliau mengatakan, "*Malaysia has been targeted by Christian Zionist Groups and the effort has gained momentum in the past five years.*"

■1450

Ya, itu yang ditanya oleh sahabat saya, kata *why now?* Ia berlaku *in the past five years*. Beli buku ini, saya *quote*, ini bukan perkataan saya. Buku ini ingin menerangkan suasana apa yang berlaku di negara kita, apa yang berlaku pada hari ini dan Malaysia *has been targeted by Christians...*

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Tuan Yang di-Pertua...

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Boleh saya, duduk bila saya...

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Pasal buku itu. / cuma hendak tanya sama ada buku itu oleh lain Buchanan punya buku tak?

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Ya?

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Buku itu, *author* dia, pengarang dia lain Buchanan ya?

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Lain, *yes the first* itu tadi, *the first book was written by*, dengan izin, lain Buchanan, okey.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: *No.*

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Ini buku yang pertama. Saya bercakap dua tahun yang lepas. *The second one*, dia balik ke Malaysia, *he wrote a second book.*

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Yalah, *I* cuma hendak tahu sama ada *referring to that same book* lah, lain Buchanan punya buku bukan? Pasal tadi tak sebut *which book you refer.*

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: *Author, the same author. Same author,* ya.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Okey.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Saya berkata macam ini, saya bersangka macam inilah, saya minta tadi kita beli. Maksudnya yang saya bercakap petang ini kalau hendak dengar, dengar. Tak dengar pun tak apa. Nak terima pun boleh, tak terima tak apa. Cuma saya minta demi perpaduan negara kita, demi kepentingan anak-anak kita, cucu cicit kita, itu sahaja yang saya hendak. Kita akan pergi. Esok, lusa kita akan pergi. Akan tetapi boleh tak kita fikir apa yang berlaku kepada anak, cucu, cicit kita? Apakah TN50 itu akan melihat anak, cucu, cicit kita sama berlaku dengan anak-anak di Syria?

Jadi, saya minta itu sahaja. Saya sanggup *sponsor* kalau *you* tak ada duit, beli buku [*Ketawa*] Buku yang lain banyak yang saya sudah tunjuk dua tahun yang lepas, ada empat keping. Tak payah, *just buy this book. Focus on Malaysia. Then you will understand* kenapa sekarang? Ia cukup menakutkan, bahkan dianggap *group* ini lebih berbahaya daripada IS and ISIS. *Group* ini yang dipanggil ekstremis, pelampau Kristian Yahudi, *evangelical.*

Saya *quote*, lebih berbahaya daripada IS kerana IS, ISIS kita nampak. Akan tetapi *group* ini, ia *camouflage*. Ia *camouflage*. *You* marah dia, mana boleh, *I am a politic party.* Saya bukan badan agama. Jadi, ia *camouflage* dan lebih berbahaya mereka menggunakan proksi. *For which, in the past five years*, saya baca Tuan Yang di-Pertua, *for which* Israel, saya ambil beberapa sahaja. Kalau saya hendak ceritakan, saya masuk dalam empat keping buku, saya rasa *solid.*

Kalau Yang Berhormat hendak tahu lebih *detail*, baca lagi empat keping buku, tambah ini, *it's 100 percent solid.* Akan tetapi masa yang singkat, saya akan ambil beberapa *quotation* sahaja daripada buku yang satu sahaja. *"In which Israel, both ancient and modern, is a divine trust and which is dedicated to molding the countries, Christians especially the Chinese..."* Sahabat-sahabat saya orang Cina. Ya, *"Molding the countries, Christians especially the Chinese into an effective Trojan horse for work both in Malaysia and the wider region"*. Iaitu mengatakan, *group* ini yang merupakan satu gerakan global, *evangelical Christian Zionism* ini menggunakan satu kumpulan di Malaysia ini, di mana majoritinya *Chinese* dan orang Cina dianggap telah menjadi *a Trojan horse* untuk menjalankan kegiatan sebegini bukan sahaja di Malaysia tetapi *a wider region*, di seluruh rantau ini.

Apa yang dicakap *is backed by other four books* yang bercakap dari segi senario global. Yang ini fokus Malaysia sahaja. Jadi maksudnya, dia mengatakan sahabat-sahabat kita orang Cina yang

saya kata dahulu kita berkawan baik, dahulu saya di kampung, *Chinese New Year*, mak saya beramai-ramai kita pergi rumah sahabat kaum Cina. Masa *Chinese New Year*, makan limau, makan kuih bakul. Makan *orange*, makan *peanuts*. Tak ada hal. *Why now?* Tak boleh kita balik kepada dahulu? Kita bercampur balik. Dalam *classroom*, saya boleh bertekak dengan kawan-kawan saya, tidak ada hal. *But now, it is so sensitive*. Cakap sikit, kita bergaduh.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tan Sri, Yang Berhormat Tan Sri...

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Ini yang membimbangkan saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tan Sri. *Time* dah cukup. Hendak lagi, saya bagi peluang lagi, bagi lagi lima minit.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Tuan Yang di-Pertua, *this is very important to me. Give me a chance*. Okey, malam ini sampai pukul 1 subuh pun boleh, tak ada hal. *Because, give me a chance, okay?*

Timbalan Yang di-Pertua: Saya bagi lagi.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Oleh sebab saya hendak menerangkan *the reality*. Saya tidak mahu lagi orang tak faham. Kita bergaduh tak tentu pasal. Kita bergaduh benda-benda remeh-temeh. Kita sepatutnya mempertahankan negara kita. Apa yang berlaku di negara kita ini bukan untuk orang Islam sahaja. Orang Islam kena, orang bukan Islam kena. Orang Melayu, Cina, India, Sabah, Sarawak pun kena. Jadi, apa salah kita fikirkan bersama dan saya katakan tadi saya menunjukkan kepada tuan-tuan supaya kita faham. Oleh kerana pada saya, apa yang membimbangkan saya, yang amat menakutkan saya, gerakan mereka ini merupakan gerakan yang cukup licik dan *hidden*.

Aktiviti memurtadkan orang Islam adalah secara senyap dengan melibatkan pelbagai proksi, alasan serta penyamaran. Ini yang saya kata, Datuk Seri Hadi mengeluarkan *statement*, ada kumpulan mubaligh yang digunakan, ada kaitan dengan ini. Oleh kerana buku ini di dalam *page* yang lain, beliau mengatakan di sini, *"...the key problem with evangelization of Muslim is the high degree of deception involved. Muslim evangelization is a notoriously surreptitious enterprise involving a wide range of proxies, subterfuges and multiple camouflage. It is extremely hard politically and socially to counter a process which is so intrinsically dishonest"*. Lebih kurang maksudnya, dia kata hendak memurtadkan orang Islam, pada penulis ini, tidak ada hal, pada penulis ini.

Akan tetapi yang cukup menakutkan dan berbahaya dia kata, *"...the key problem of this evangelization of Muslim..."* untuk memurtadkan orang Islam ini kerana mereka menggunakan *"high degree of deception"*. Satu penipuan yang cukup tinggi, *"...notoriously surreptitious enterprise..."*, satu gerakan yang tersorok, terselindung, *"...subterfuges..."* yang *tricky* menggunakan penipuan, menggunakan *proxies*. *Proxies* di sini, dua tahun lepas saya membincangkan tentang konsep *liberal plural*, di mana *liberal plural* juga condong kepada tauke yang sama, di mana *liberal plural* diasaskan oleh pemimpin Islam di sini.

Saya sebut nama beliau dan nama beliau ada dalam buku itu. Akan tetapi pada hari ini saya bercakap dari segi murtad pula, bukan *liberal plural* tetapi ia adik-beradik. *"...camouflage. It is extremely hard..."*. Cukup susah, *"...politically, socially to counter a process which is so intrinsically dishonest"*. Tuan Yang di-Pertua, buku ini mengatakan, *"...for decades, the guiding evangelical has been to convert*

whole nation rather than individual to Christianity". *Four decades* iaitu tujuan matlamat gerakan ini bukan untuk memurtadkan individu...

Dr. Ariffin bin S. M. Omar: Boleh saya celah?

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Ya.

Dr. Ariffin bin S. M. Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak tahu setakat ini, berapa ramai orang Melayu telah *convert* jadi Kristian? Mazhab Kristian apa yang mereka telah masuk? Oleh kerana kalau kita tengok, mazhab Kristian ini ada pelbagai mazhab. Protestan, Roman Katolik, Reformist.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Tahu.

Dr. Ariffin bin S. M. Omar: Yang mana itu?

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Okey, saya tekankan di sini, sahabat saya orang Kristian jangan bimbang ya. Apa yang saya fokus di sini, *evangelical Christian Zionist*. Buku ini menerangkan *Christian Zionism*. Dia tak kata Kristian-Kristian, itu sebab dia berkiblat di Israel. Itu juga sebab saya juga menyimpan video yang saya terima sebelum PRU Ke-13, di mana video ini menerangkan terima kasih kepada rakyat Malaysia kerana memilih Israel sebagai tuan baru kamu. *It is a very authentic video*. Jadi, dari segi berapa yang telah dimurtadkan, ingin saya jelaskan tuan-tuan, dahulu saya rasa ramai juga semasa Tengku, kita berjaya mengislamkan orang-orang yang bukan Islam.

Akan tetapi semenjak tahun 2008, walaupun saya masih ingat di *Penang*, diarahkan di Masjid *Penang*, semasa doa di sembahyang Jumaat, mendoakan nama si polan dengan harapan kawan masuk Islam. Minta maaf, sejak tahun 2008, tidak ada orang masuk Islam. Bahkan, yang menjadi *liberal plural* dan murtad, ramai. Ya, tuan-tuan biasa dengar apa yang berlaku di UMC- dengar fasal pemurtadan di Negeri Sembilan, *it is not new*. Ramai.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta mencelah Tuan Yang di-Pertua?

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Iaitu selepas tahun 2008...

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah?

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: ...Yang masuk Islam tak banyak tetapi yang murtad *liberal plural* ramai.

■1500

Saya macam mana saya hendak habiskan ini kalau banyak yang masuk. Biar saya cakap dulu, terang, lepas itu kita soal. Boleh tidak?

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Minta laluan saja.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Tidak, benda ini memang saya kata tuan-tuan jangan sensitif. Yang saya *quote* ini bukan perkataan saya. Saya bertujuan ikhlas demi Allah, bertujuan ikhlas. Saya tidak berniat apa-apa. Sahabat saya DAP kah, PAS, PAN kah, semua geng, ini semua geng saya yang depan-depan itu, yang bercakap itu saya sudah lama kenal semenjak saya muda. Geng saya belaka. Bertujuan ikhlas supaya kita fikir balik, maksudnya PRU akan sampai, kalau kita rasa kita silap, kita kembali ke pangkal jalan.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Ini saya hendak jelaskan. Saya pun rujuk kepada *quotation*. Kalau kita tengok *quotation*, kalau kita hendak main *selective quotation*, kita boleh. Fasal kalau / tengok ini, / balik kepada *Sang Nila Utama and The Lion of Judah* yang ditulis oleh Iain Buchanan pada tahun 2015. Dalam buku yang sama saya setuju dengan Yang Berhormat bila dia cakap *evangelical Zionist* dan sebagainya. Akan tetapi dalam buku yang sama juga dia cakap *not all Christian evangelical people are Zionist*.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Betul.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: So, ini yang / cakap. Bila *you* ambil satu *quotation*.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Tahu, tahu. Ini yang saya hendak terangkan.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Kalau kita baca *that one quotation* sebab setiap kali apa yang kita dapat *explanation* dari Yang Berhormat Perdana Menteri, dia selalu cakap dengan kita jangan ambil *one sentence* yang *quote out of context*. Ini yang saya punya *argument*. Saya akui apa yang Yang Berhormat cakap, dalam buku itu memang dia tulis apa Yang Berhormat cakap tapi kalau kita ambil dan *twist quotation* itu dan kita hanya *out of context* lah. Benda ini akan jadi *out of context*. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Okey, terima kasih. Ikut kata buku ini yang terlibat ini *very minority*. *Christian evangelical is only 2 percent or 3 percent only*. Akan tetapi mereka mempengaruhi *other non Muslim* terutama *the Chinese* yang dikatakan dijadikan sebagai a *Trojan horse*. Yang terlibat ini kecil. Tuan Yang di-Pertua, yang terlibat yang saya kata mempunyai unsur-unsur yang tidak boleh diterima untuk perpaduan cukup kecil. Akan tetapi mereka *very vocal*, mereka menggunakan parti politik sebagai *camouflage*.

Tuan Yang di-Pertua, *page 9*, bila berlaku perkara ini, "*The victim are both Christian and non-Christian. It is very much a part of the problem that they are many Christian in Malaysia who are secure within their faith and their local church and they are good Christian, okay, who contribute generously to the community and who have little urge to evangelize people of other faith. Still less promote and agenda of Christian Zionism. The activities of the extremist minority threaten the security of such fellow Christian as well as the security of the rest of the population.*"

Ya jelas, iaitu yang melakukan kerja ini adalah cukup minoriti dan ia boleh membahayakan bukan saja orang Kristian tetapi juga orang bukan Kristian. Maka itu sebab Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat masih ingat Saudara Razali Abdul Rahman, kalau masih ingat ya, anjuran Jeff Ooi, *Member of Parliament Jelutong*. Razali Abdul Rahman merupakan DAP, tidak pernah pun masuk parti lain. Memang totok. Tetapi beliau telah membuat laporan polis dan hingga hari ini tidak seorang pun berani *sue* di mana Jeff Ooi mengadakan *thanks giving dinner* di Hotel Red Rock dan mereka berpegang tangan dengan Gerakan *Global Evangelical Christian* ini, "*Berpegang tangan, kami bersumpah dengan nama Jesus, Malaysia akan menjadi sebuah negara Kristian dan PM adalah orang Kristian.*" Itu daripada Razali, *it's not from me*.

Jadi ini gerakan saya hendak terangkan. Jangan kita hendak menidakkan. Kita tidak kisah, kita tidak pernah kacau agama lain. Kita tidak pernah kacau. Kita tidak menzalimi orang lain tetapi jangan kacau agama kita. Ini...

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Tuan Yang di-Pertua...

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Ini kacaulah saya...

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Atas *standing order*, atas *standing order*. Ini bukan kacau ya, atas *standing order*. I hendak rujuk kepada 35(9). Tuan Yang di-Pertua, *Standing Order* 35(9), isu perbahasan atau *content of speech* ya. I cuma baca, hendak jimatkan masa. I just pergi kepada fokus 35(8). Ini dalam perkataan yang tidak boleh di- adalah salah dalam peraturan menggunakan perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan sakit hati ataupun permusuhan di antara satu kaum dengan satu kaum yang lain. Pada saya, rasa, kalau ini tidak soal hak Yang Berhormat untuk berbahas dalam Dewan tetapi bila kita tengok *Hansard* ini, bila *Hansard* ini pergi ke luar dan kalau kita baca *just* petik-petik, sikit-sikit *quote*, pada saya ini akan menimbulkan perasaan permusuhan antara kaum.

Pada saya Malaysia *is a fantastic country*. Kita hidup dengan aman, dengan damai. Biar kita *preserve* benda ini. So, saya harap Tuan Yang di-Pertua akan membuat satu *ruling*, kalau ini diteruskan.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Yang Berhormat kalau hendak kata, hendak menyakitkan hati di Parlimen, apa yang *Parliamentarian* tidak kata kepada orang Islam.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: No, saya punya peraturan mesyuarat ditujukan kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: I know but I am quoting from the book.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Tuan Yang di-Pertua kena buat.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Not my own words, dengan izin ya.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: I tahu.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Saya kata tadi, saya hanya bertujuan...

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Isu dia dalam *standing order* ini perbahasan dalam Dewan. Walaupun kita *quote* dari sumber yang lain tapi perbahasan dalam Dewan. Saya harap Tuan Yang di-Pertua dapat membuat satu *ruling*.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Okey, terima kasih banyak. Okeylah, kalau gitu...

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Tadi yang saya baca ya, sebab bagi saya peluang...

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, di bawah peraturan yang sama. Saya tidak terasa apa pun yang sebenarnya.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Tidak adapun.

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Yang Berhormat saya tidak rasa apa pun, saya orang kata tidak- saya melihat kepada *the positive point* yang Yang Berhormat bawa. Saya tidak lihat dari segi kita melanggar peraturan. Saya melihat daripada positif. Tidak langsung melihat ke arah

negatif. Tidak langsung orang kata masuk parti saya Barisan Nasional, parti PAS, PKR dan sebagainya. Jadi saya nampak tidak terjejas Yang Berhormat dari segi itu.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Isu dia kalau saya bangkit satu-satu di bawah peraturan mesyuarat, keputusan kena dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua. Saudara Yang Berhormat mungkin tidak terasa lah tapi soalan saya, saya bangkit atas *standing order*. So, keputusan kena dibuat. Tapi kalau Tuan Yang di-Pertua cakap tidak menyinggung perasaan, itu terpulang pada Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Takut kalau saya kena *stop*. Apa yang saya *plan* saya akan *quote* daripada buku ini 3 nama pemimpin DAP. Biar saya terus terang cakap. Nama Lim Guan Eng ada dalam ini, nama Teresa Kok ada dalam ini, nama Hannah Yeoh ada dalam ini.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua kena buat satu *ruling*.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat itu cerita yang sebenar, itu kan. Cerita yang dibaca sebenar kan ya. Teruskan.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: *No*, apa Yang Berhormat cakap itu bukan...

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Ini Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak takut apa?

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Bukan isu benar kah atau tidak benar.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Buku ini semua *bookshop* ada.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Yang Berhormat sendiri mengaku bukan perkataan dia. Dia memetik.

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua sudah buat *ruling* itu.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Belum, itu yang minta *ruling*.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin: Hendak menunggu ini lambat, bila hendak habis.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Buku ini berselerak di kedai buku. *Its open to everybody. You just buy the book.*

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara ini perlu diteruskan. Pandang positif, jangan pandang negatif.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: *Standing order apply* kepada Dewan, bukan kepada *bookshop*. Yang saya minta *ruling* dari Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Apa yang salah saya cakap? Saya kata ini untuk kepentingan negara kita, anak cucu cicit kita.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Parlimen, saya rasa Yang Berhormat Senator itu bercakap tentang dia sudah faham. Jadi teruskanlah.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih. Saya *quote* sini, "*Given its particular situation it is hardly surprising that Penang have a thriving evangelical community and strongly*

link with the global evangelical movement To many, this suggests a clear association in the state between evangelicalism and ruling politics- to the extent that it was even suggested (in 2011) that a plot had been hatched, amongst the state's Christians, to make Penang a "Christian state", and Christianity the country's "official religion" Ini quote, unquote.

Jadi yang saya hendak katakan perkara ini berlaku dan *it's proven*. Itu saja saya hendak buktikan.

Dr. Ariffin bin S. M. Omar: Boleh saya celah?

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Saya rasa tidak boleh, duduk.

Dr. Ariffin bin S. M. Omar: Apa salahnya kalau *Penang* hendak dijadikan *Christian city*, kena ubah Perlembagaan Pulau Pinang.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Saya hendak kaitkan yang berlaku 355...

Dr. Ariffin bin S. M. Omar: Kalau tidak ubah, macam mana hendak jadi *Christian state*?

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Yang berlaku RUU 355 kerana ada gerakan-gerakan yang dibantu oleh mubaligh dari luar negara yang menghasut supaya kita bergaduh. Supaya Islam dengan bukan Islam bergaduh. Kita sudah duduk begitu harmonis. Apabila kita benarkan kuasa-kuasa luar yang dipelopori oleh *Zionism*, ini yang berlaku pada kita, pada hari ini. Yang Berhormat hendak tengok benda itu berkesan kah?

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Saya mohon mencelah.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin: Boleh saya mencelah sedikit.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Ya.

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Saya, minta maaf lah Yang Berhormat, bila Yang Berhormat kata hendak Kristian kan Penang ini pelik, satu benda yang— *statement* yang saya rasa perlu *elaborate* lah. Sedangkan Yang Berhormat Profesor menceritakan dari segi hendak menuju kepada keamanan. Ini sudah tukar menjadi hendak Kristian kan Pulau Pinang. Jadi saya tidak nampak jalanlah Yang Berhormat. *Your comment, what is your comment?*

■1510

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih, Saya akan teruskan ya dan saya akan cuba pendekkan. Saya hendak bagi hujah-hujah dan bukti yang kukuh sahaja dan ini betapa mereka begitu taksud dengan mengembangkan agama Kristian Zionis ini, pemimpin-pemimpin DAP cukup agresif di dalam menjadi pelopor di dalam gerakan ini di dalam *page* ini *according to* Teresa Kok, *ex Minister of this Selangor State Government*, "*Just 50 cell-group in visional ministry will be enough to transform a city. In the process it is hope the majority race will be converted to Christianity.*

Maksud, Teresa Kok mengatakan kita hanya memerlukan ini ada dia punya *references*, rujukan. Ada 267 rujukan. Teresa Kok mengatakan, "*Kita hanya memerlukan 50 cell untuk memastikan kita convert orang-orang Islam ini kepada Christianity*"- Teresa Kok. Bukan itu sahaja, yang lebih menyusahkan lagi saya *page 50*. Di *page 50* dan 49 yang cukup menakutkan saya sebagai rakyat Malaysia, yang tidak mahu negara saya menghadapi masalah di masa hadapan mengatakan di sini, '*Lim Guan Eng's addressing the summit, spoke moving live of his own faith and suffering.*' He said, itu saya *translate* lah Lim Guan Eng mengatakan dia bersyukur dia dilantik sebagai CM of Penang ini adalah kehendak Tuhan sebab Tuhan telah memberi dia peluang untuk menjalankan tugas *to convert*

the Muslim in Malaysia in the process of transformation Lim Guan Eng. Okay page 40, nama Lim Guan Eng.

Page 49 saya quote, saya quote saya tak mahu— dia kata Malaysia *is prosperous, multicultural, multilingual and multireligious and small enough that he can serve as a laboratory for kingdom transformation and what words here can spread to all of Asia.* Maka tuan-tuan, mengatakan Malaysia ini *prosperous*. Kalau tuan-tuan mengatakan negara Malaysia ini miskinlah, bankrap lah, orang hidup susahlah, *it's not true. Even 2015* mengatakan Malaysia *is prosperous* tetapi dia mengatakan di sini di sebabkan dia *prosperous* dia kecil maka lebih mudah kita jadikan Malaysia sebagai satu *lab experiment* di mana kalau kita boleh *transform Malaysia into a Zionist group*, maka kita boleh membawa agama ini ke seluruh rantau ini.

Itu *page 49*, maka tuan-tuan itu Lim Guan Eng dan Teresa Kok dan nama Hannah Yeoh juga terlibat kerana Hannah Yeoh terlibat dalam satu gerakan global yang dipanggil YWAM. Seperti yang kita tahu beliau juga terlibat dalam DUMC. Tuan-tuan dan puan-puan, saya tahu saya cuba *stop* saya nampak sudah semacam. Saya hendak mengatakan perkara ini cukup menakutkan dan saya masih teringat juga banyak pemimpin-pemimpin seperti Dr. Zudi, pemimpin tinggi PAS seperti juga pemimpin DAP yang lama Razali Abdul Rahman mengaitkan tentang *Singapore*. Zudi mengatakan kita berhati-hati dengan jiran kita di Selatan, dia PAP kerana bersekongkol dengan Israel. Saya baca di sini dalam satu buku dia kata...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: *Singapore is a better ground country in our effort to mobilize support for Israel and promote judo Cristian values in Asia.*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat masa dah sampai.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Okey, boleh tak sikit sahaja saya dan apabila kita bercakap tentang *evangelical Cristian Zionism* ini, *it is a new invention of American forum policy and some evangelical group who want to convert Muslim.* Tuan-tuan dan puan-puan, sebab masa yang terhad saya bukan hendak menakut-nakutkan, saya minta maaf Yang Berhormat Mohan sahabat saya, saya minta maaf tetapi saya ikhlas. *I will buy you a book, only for you.* Saya tidak akan bagi kepada orang lain, *just for you my friend. You are my brother okay.*

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Dia satu sahaja, saya tak soal keikhlasan Yang Berhormat, cuma saya cakap bila kita petik dari *quotation* atau mana-mana buku, *factual credibility* maklumat ini sebagai *accommodation I think* Dr. pun tahu bukan semuanya yang tulis dalam buku itu betul, tetapi kalau betul pun kalau kita *quote* satu sahaja dia akan jadi *out of context*, itu sahaja isu saya.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Okey terima kasih.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Buku itu sebenarnya saya pernah baca.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Saya bagi buku ini kepada Yang Berhormat pada tahun yang lepas. Dia kejar saya hendakkan *list of book*, saya sudah bagi sudah.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: ...Tajuk *Sang Nila Utama Dominionism in Malaysia*. Cuma bila kita *quote* sikit-sikit itu akan jadi isu, keikhlasan *that's all*.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Okey macam inilah. Negara kita ini negara *action* dan *reaction*lah saya katakan tadi kita orang Islam dengan orang bukan Islam kita sudah duduk cukup lama tau. Kita macam abang adik tiada hal, tetapi kita mesti faham orang Islam pun ada perasaan. Orang sudah baik-baik *and then you* pergi kacau sama dia, dia marah. Dalam Islam kita orang Islam, bab-bab agama kita sensitif. Jangan main. Itu kita cukup sensitif. Ini boleh membuatkan kita bergaduh. Kenapa perlu kita bergaduh kita sudah seronok macam ini, kita tak macam orang Syria, kita tak macam orang Rohingya, kita semua comel-comel belaka tengok gadis-gadis yang comel belaka, yang lelaki dia *handsome-handsome* belaka, apa lagi hendak lagi dalam hidup.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Kita teruskan. Anak-anak kita pun sudah seronok. Hendakkah anak kita esok jadi mangsa di atas kerakusan politik kita. Itu anak-anak kita, kita bertanggungjawab itu tanggungjawab kita. Dalam Islam tuan-tuan, saya *last* sekali Tuan Yang di-Pertua *last* sekali saya Cuma hendak *quote* satu ayat Al-Quran surah Al-Mumtahanah, ayat 9. Untuk pengetahuan sahabat saya bukan Islam, bukan fasal kita hendak bergaduh. Di dalam Islam, *we are very peaceful religion*.

Kita tidak dibenarkan bergaduh di mana Piagam Madinah, Nabi bagi *warning* kepada orang Islam walaupun kita memerintah, kamu jangan buli orang bukan Islam. Kamu buli orang bukan orang Islam, saya akan ambil tindakan dan banyak orang Islam diambil tindakan. *That's our style*. Tetapi dalam Islam mengatakan Surah Al-Mumtahanah, "*Sesungguhnya Allah hanya melarang kita tahu hanya melarang kamu daripada menjadikan orang yang memerangi kamu dalam urusan agamamu, memerangi kamu dalam urusan agamamu, memusuhi kamu dalam urusan agama mu*", itu yang pertama.

Kedua, "*Mengusir mu dari kampung halamanmu*". Itu fikir-fikir saya tak mahu *elaborate* dan ketiga, "*Membantu orang lain untuk mengusirmu sebagai kawan kamu*". Membantu orang lain, membantu kuasa besar. Tak kisahlah membantu US kah, membantu Yahudi kah, membantu orang lain untuk mengusir kawan kamu. Barang siapa yang menjadikan mereka sebagai kawan, maka mereka itulah orang yang zalim. Kita hendak berkawan dengan orang bukan Melayu. Kita adik-beradik tetapi *please* jagalah hati kita, agama kita jangan kacau. Jangan usir kita daripada tanah air kita dan jangan tolong musuh-musuh dari luar untuk menghalau kita daripada bumi ini. Kita tidak mahu menjadi orang Rohingya dan orang Islam faham tuan-tuan dalam sejarah Islam, apabila orang bukan Islam memerintah, orang Islam dianiayai dan dibuli *if we don't want that to happen to Malaysia*.

Please, kita akan mempertahankan diri kita hanya hendak Malaysia negara kita, sama-sama hidup, sama-sama cari makan, sama-sama bahagia, sama-sama jaga anak-anak kita. Itu generasi kita yang kita mesti jaga. Maka Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Dia nampaknya ya hendak melahirkan satu masyarakat yang hidup harmoni. Itu dia makna cakap *look harmony* berpaksi kepada apa yang dia cakap itu. Jadi Yang Berhormat Tan Sri, terima kasih banyak dan saya jemput pula sekarang Yang Berhormat Senator Datuk Rabiya binti Ali.

3.18 ptg.

Datuk Rabiyah binti Ali: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya ucapkan terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas izin kepada saya untuk berucap. Saya dengan ini merakamkan Menjunjung Kasih Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Baginda semasa perasmian pembukaan Penggal Kelima Parlimen Ke-13 pada bulan lalu. Di kesempatan ini, saya mengucapkan tahniah di atas pelantikan dan pertabalan Tuanku pada minggu hadapan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas usaha gigih beliau dan jemaah Kabinet memacu pertumbuhan ekonomi negara. Ramalan IMF Malaysia dijangka mencatat pertumbuhan ekonomi sehingga 4.5 peratus membuktikan bahawa tadbir urus dan prospek ekonomi kita berada pada tahap yang meyakinkan.

Bagi memastikan Malaysia mencapai pertumbuhan mampan ini, saya ingin mendapatkan beberapa kepastian mengenai yang pertama persediaan kawalan mandatori *of the Bank Negara Malaysia* bagi melonjakkan semula kadar nilai tukaran asing Ringgit Malaysia berbanding dengan USD yang kini menjadi kos *push up factor* barangan pengguna dalam pasaran tempatan.

■1520

Kedua, apakah persediaan dasar fiskal Malaysia dalam situasi ketidakstabilan geopolitik rantau Pasifik dan isu keselamatan serantau apabila Amerika Syarikat telah memulakan tindakan ketenteraan di Serbia dan juga menggugurkan bom di Afghanistan serta langkah lebih praktikal kerajaan dalam usaha menangani kenaikan harga makanan mentah dalam pasaran tempatan, lebih-lebih lagi apabila tiba musim cuti sekolah dan perayaan-perayaan utama.

Tuan Yang di-Pertua, penggantungan pelaburan asing dan majikan-majikan swasta kepada pasaran buruh asing tidak berkemahiran menyebabkan rakyat tempatan menghadapi masalah mendapatkan pekerjaan di sektor swasta. Lebih malang lagi, ramai lepasan kolej vokasional, kolej komuniti dan institusi kemahiran gagal memperoleh kerja dengan kadar upah setimpal. Oleh itu, saya mohon EPU dan Kementerian Kewangan menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini tentang beberapa perkara berikut:

- (i) mengapakah pasaran kerja dan peluang pekerjaan amat minimum bagi lepasan kolej komuniti, kolej vokasional dan institusi kemahiran kerajaan di sektor swasta;
- (ii) bagaimanakah satu dasar boleh dibuat oleh EPU agar semua projek-projek pembangunan kerajaan ditetapkan kewajipan mengambil pekerja tempatan sehingga kadar 75 peratus berserta pakej gaji setimpal; dan
- (iii) apakah perlu agensi kerajaan seperti Kementerian Kerja Raya, CIDB, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan ICU membuat promosi dan pelaksanaan agar skim perantisan *train and place* dilaksanakan dalam skala yang lebih besar.

Tuan Yang di-Pertua, penyertaan wanita dalam sektor kerajaan dan ekonomi negara amat penting dan utama. Oleh itu, komitmen yang tinggi dalam aspek pembangunan wanita amat saya harapkan. Soalan saya kepada kerajaan ialah apakah perancangan kerajaan dalam meningkatkan peluang wanita sebagai Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Rakyat dan juga Ahli Dewan Undangan

Negeri. Bagaimanakah komitmen kerajaan untuk memastikan skim kerja fleksi dan penambahbaikan kemudahan penjagaan anak di tempat kerja diperluaskan di sektor awam dan swasta.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan negara di kalangan kaum amatlah penting dan konsep 1Malaysia yang terapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri perlu didukung dan disokong oleh semua pihak. Oleh itu, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Kementerian Pendidikan, Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Sumber Manusia tentang adakah perlu kerajaan mengubah silibus baru pendidikan atau ketetapan dasar pekerjaan bagi memupuk integrasi nasional dan sikap hormat kepada setiap kaum di Malaysia dan yang paling penting tidak mempolitikkan isu agama Islam yang jelas termaktub sebagai agama rasmi Malaysia di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Isu integriti agensi penguatkuasaan dan membasmi perlakuan jenayah rasuah di semua sektor ekonomi dan pekerjaan perlu menjadi fokus utama semua pihak. Saya ingin mengucapkan penghargaan kepada SPRM di atas usaha gigih membanteras salah laku, integriti dan rasuah. Soalan saya kepada kerajaan ialah apakah JPA melihat semua prosedur dan pekeliling perkhidmatan awam seiring dengan perkembangan teknologi dan media sosial agar isu integriti di kalangan penjawat awam ditangani dengan cekap.

Bagaimanakah kawalan dibuat di atas kecenderungan agensi penguatkuasaan awam mengemukakan kelab kebajikan dan sukan untuk berhubung terus dengan orang-orang awam atau syarikat swasta dalam menjalankan aktiviti perniagaan seperti penganjuran seminar, perundangan dan memberikan hak data peribadi kepada NGO dan jabatan. Saya dapati Jabatan Kastam dan Persatuan Pegawai Kanan Kastam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur masih lagi menghubungi orang awam dengan menggunakan domain e-mel rasmi kerajaan dan kastam untuk mempromosikan seminar GST yang jelas menyalahi peraturan perkhidmatan awam.

Apakah perlu Kementerian Kewangan mengkaji semula Arahan-arahan Perbendaharaan dan Akta Tatacara Kewangan 1957 agar ruang dan *loophole* yang membolehkan risiko perakuan tidak berintegriti dan jenayah rasuah atau penggubahan wang haram berlaku. Bagaimanakah status dan prestasi unit integriti di seluruh kementerian dan jabatan kerajaan? Jumlah kes yang dilaporkan kepada Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan sehingga 31 Mac 2017 dan statistik kes mengikut jabatan dan kes-kes yang diselesaikan dan diambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, sektor pelancongan negara merupakan pemangkin pertumbuhan yang paling penting diberikan perhatian utama. Justeru, aspek warisan seni budaya, seni persembahan dan penyelenggaraan *venue* tumpuan pelancong amat perlu diberikan perhatian khusus. Soalan saya kepada kerajaan, apakah komitmen Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memastikan warisan seni budaya seperti makanan tradisi, adat dan protokol, pertabalan diraja dan seni persembahan seperti dikir barat, joget Melayu. Keroncong, gamelan dan rebana ubi, tarian naga dan wayang kulit atau pelbagai seni persembahan di Malaysia Timur diberikan perhatian dan seni budaya ini ditawarkan dengan aktiviti kokurikulum, sistem persekolahan rendah dan menengah Malaysia.

Bagaimana Kementerian Pelancongan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia serta kerjasama erat penggiat seni dan budaya dan kerajaan negeri dalam memastikan seni warisan budaya dan persembahan masyarakat Malaysia diperkukuhkan dalam sektor pelancongan negara.

Tuan Yang di-Pertua, isu kebocoran maklumat kerajaan dan *viral* dokumen-dokumen rasmi kerajaan melalui aplikasi *WhatsApp* semakin menjadi-jadi. Saya juga menerima rungutan dan *complaint* dari pelbagai lapisan penjawat awam terutama guru-guru yang dibebani dengan hampir puluhan *WhatsApp group* dan senario ini membebankan mereka. Ada isu yang timbul gangguan seksual dengan perkongsian bahan lucah dan yang paling kritikal adalah gangguan privasi pekerja apabila mereka balik di rumah untuk beristirahat.

Saya mendapat maklumat bahawa ada ketua jabatan memberi arahan jam 2 pagi dan juga subuh hari dan yang paling *stress* pekerja dimarahi dalam *WhatsApp group* oleh ketua jabatan. Oleh itu, saya mohon Ketua Setiausaha Negara, Kementerian Pendidikan Bahagian Pendidikan MARA melihat perkara ini dengan serius di mana membuat pekeliling yakni garis panduan, tata amalan dan tatacara dan aspek santun budi dalam penggunaan aplikasi *WhatsApp*. Menentukan insentif dan bayaran jalur lebar kerana saya difahamkan hanya pegawai-pegawai gred 52 ke atas diberikan dengan talian *cellular* dan jalur lebar percuma. Bagaimana dengan kakitangan gred bawahan dan adil kah penggunaan *WhatsApp* ini diwajibkan kepada semua pekerja untuk tujuan perkhidmatan?

Memastikan isu gangguan seksual, penyebaran dokumen rasmi kerajaan dan apa-apa bahan yang berbaur hasutan dikawal dan dikekang. Menentukan had masa operasi *WhatsApp group* oleh Ketua Jabatan kerana banyak kes gangguan masa privasi rehat pekerja walaupun mereka bercuti hujung minggu. Mengehadkan hanya satu sahaja *WhatsApp group* dalam sebuah pusat dan jabatan serta agensi.

Tuan Yang di-Pertua, isu keselamatan lif dan eskalator amat perlu diberikan perhatian oleh kerajaan. Saya mendapat maklumat jumlah jurutera kompeten bagi memasang, memeriksa dan menyenggara lif dan eskalator ini amat kurang disertai oleh orang Melayu atau bumiputera kerana kebanyakan syarikat atau firma lif dan eskalator ini dimiliki oleh kaum yang lain. Saya mohon Kementerian Sumber Manusia memberikan perincian statistik jumlah daftar terkini jurutera atau orang yang kompeten lif dan eskalator. Apakah Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kerja Raya, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, EPU dan MARA atau PBT mengadakan latihan kepada pegawai kejuruteraan mereka untuk mendapatkan akreditasi kompetensi lif dan eskalator kerana kemudahan jentera ini banyak digunakan di seluruh bangunan dan kemudahan kerajaan.

Apakah perlu kerajaan melalui CIDB, NIOSH atau pun DOSH mengadakan pusat latihan teknikal khusus bagi melatih lepasan sijil kemahiran, diploma atau ijazah kejuruteraan bagi memastikan kelompok bumiputera menjadi personel kompeten bagi menyenggara, memasang dan memeriksa lif dan eskalator.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Permodalan Nasional Berhad dan Pelaburan Harta Tanah Berhad kerana prestasi cemerlang Dana Unit Amanah yang diuruskan kedua-dua agensi ini. Saya difahamkan PNB mencatatkan sebanyak RM266.3 bilion aset *under management* pada tahun 2017 manakala Amanah Harta Tanah Bumiputera, Pelaburan Harta Tanah Berhad telah mencapai saiz dana RM3.5 bilion pada tahun 2017.

■1530

Oleh sebab Unit Amanah PNB dan PHB ini memberikan pendapatan yang konsisten kepada pelabur, saya mohon kerajaan meningkatkan had pelaburan Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan ASB2 bagi semua pemegang akaun pelaburan kepada RM500,000 termasuk akaun remaja. Kedua, meningkatkan had pelaburan Amanah Hartanah Bumiputera sehingga RM1 juta seiring dengan harga semasa aset harta luar negara dan prestasi cemerlang AHB yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib pada tahun 2009.

Tuan Yang di-Pertua, satu isu serius yang ingin saya kemukakan adalah kes pengiktirafan lepasan diploma kolej vokasional yang masih belum dimuktamadkan oleh MOE, MQA, Kementerian Pendidikan Tinggi, Jabatan Pembangunan Kemahiran dan juga JPA. Saya dimaklumkan pelajar lepasan diploma kolej vokasional bagi 15 kolej vokasional *batch* pertama tahun 2015 belum mendapat pengiktirafan. Manakala pada tahun 2016, dicatatkan sebanyak 80 pelajar lepasan diploma kolej vokasional juga belum diiktiraf oleh MQA. Oleh itu, saya mohon penjelasan MQA, JPA, JPK dan Kementerian Pendidikan, bagaimanakah dapat kita memuktamadkan isu pengiktirafan diploma kolej vokasional ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan dengan ini saya mengucapkan ribuan terima kasih. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyyah binti Ali dan masa yang terbaik. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Aknan Ehtook. Silakan.

3.32 ptg.

Tuan Aknan Ehtook: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam negaraku, salam- kalau di Kelantan itu salam negeriku dicampurkan sekali. Jadi, terima kasih kepada Dewan yang mulia ini kerana telah memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V semasa merasmikan Mesyuarat Pertama, Penggal Kelima, Parlimen Ketiga Belas.

Saya tidak berhasrat untuk memanjang-manjangkan mukadimah. Cuma, saya hendak ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan semua Yang Berhormat Menteri-menteri dan juga Yang Berhormat Timbalan-timbalan Menteri yang telah menerajui kementerian masing-masing dengan cemerlang.

Namun, dalam pada kita puji-puji pun, ada juga yang kita perlu tegur. Tegur bukan kerana tidak suka tetapi tegur kerana sayang. Jadi saya hendak bangkitkanlah beberapa perkara yang menyentuh pelbagai kementerian dan saya akan sebut satu-persatu untuk memudahkan kita ambil tindakan.

Pertama sekali ialah hendak rujuk kepada kementerian yang agak bermasalah kepada saya iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ini bukan kerana rumah di bandar. Ini saya rasa rumah PR1MA di bawah kementerian ini ya. Terima kasih kepada kerajaan kerana melaksanakan PR1MA. Tetapi apa yang saya hendak bangkitkan di sini bukan kerana rumah itu sendiri tetapi tentang kelayakan bakal pembeli. Bakal pembeli yang saya rujuk di sini ialah orang-orang Siam di kampung-kampung.

Isunya ialah orang Siam di Kedah- Kedah yang terutama hanya boleh memiliki tanah rizab Melayu tetapi hanya tanah rizab Melayu yang syarat penggunaannya adalah pertanian. Jadi apabila tanah ini dimajukan sebagai tapak perumahan, mereka tidak lagi layak untuk membeli rumah di tapak tersebut, walaupun pada asalnya tanah itu milik mereka kerana apabila ditukar syarat kepada perumahan, dia tidak lagi layak untuk membeli kerana orang-orang Siam hanya layak untuk memiliki tanah rizab Melayu yang status kategori penggunaannya hanya pertanian.

Jadi isunya sekarang ialah sampai bilakah orang-orang Siam hanya duduk di tapak tanah pertanian? Bina rumah di tanah pertanian tanpa boleh membeli rumah teres dan sebagainya kerana apabila dibangunkan, mereka tidak lagi layak.

Jadi saya harap kementerian mengambil kira keadaan ini dan apabila membangunkan PR1MA itu, carilah tempat yang sesuai supaya orang Siam juga boleh memiliki rumah di bawah PR1MA. Saya tidak mempertikaikan peraturan kerajaan negeri, itu hak kerajaan negeri, tetapi bila Kerajaan Pusat membuat sesuatu, ambil kiralah kekangan yang dihadapi oleh orang-orang Siam ini.

Kedua ialah dari segi Kementerian Luar Negeri. Isu yang menyentuh Kementerian Luar Negeri atau Wisma Putra ini tidak berkaitan dengan hubungan luar negara, isu saya ini, tetapi isu saya ialah tentang pendaftaran perkahwinan rakyat Malaysia dengan warga asing. Saya tidak pastilah kawan-kawan di sini ada tak yang berkahwin dengan warga asing tetapi bagi pemuda-pemuda Siam di sebelah sempadan sana, ramai yang berminat untuk berkahwin dengan wanita dari negara seberang.

Saya rasa kerajaan tiada halangan untuk hendak kahwin dengan siapa, saya pun tidak kisah, tetapi yang menjadi kisah ialah apabila mereka berkahwin, mereka tidak mendaftarkan perkahwinan mereka. Apabila ini berlaku, anak yang dilahirkan itu tidak boleh menjadi warganegara Malaysia kerana bila didaftarkan, dia akan ikut kewarganegaraan ibunya. Jadi ada sesetengah itu ambil jalan mudah, tidak daftar anak pun ada. Tiada surat beranak. Jadi anak itu jadi *stateless*. Hendak pergi sekolah pun tidak boleh. Saya jumpa beberapa kes anak itu terkebil-kebil atas tangga tengok kawan pergi sekolah, dia tidak dapat pergi. Saya tidak menyalahkan sesiapa tetapi kalau boleh kita permudahkan keadaan.

Isunya macam ini. Untuk membolehkan pendaftaran kahwin dilakukan, pengantin ataupun yang berkahwin itu, warga asing itu, perlu menyediakan beberapa dokumen. Pertama sekali pasport, sijil kelahiran mereka, sijil kebugangan iaitu sijil yang menyatakan bahawa mereka tiada apa-apa ikatan perkahwinan dan juga sijil cerai kepada mereka yang telah bercerai. Ini siasatan saya, bukan pengalaman ya. Belum ada lagi. Sekarang ini dokumen tersebut lazimnya dalam bahasa masing-masinglah- Thailand, Vietnam dan Burma. Itu bahasa dia. Kena terjemah ke bahasa Inggeris dan terjemahan itu perlu disahkan oleh Kementerian Luar Negeri negara berkenaan. Okey. Terjemah bahasa Inggeris, disahkan oleh pegawai di sana, kemudian dokumen tersebut kena bawa ke Malaysia, pergi ke Kedutaan Thailand ataupun Burma di Malaysia untuk disahkan. Kemudian dokumen tersebut dibawa sekali lagi ke Wisma Putra untuk disahkan lagi. Jadi ada tiga empat tempat disahkan.

Jadi bayangkanlah, seseorang yang kerjanya menoreh getah di Kampung Kubang Chenok- kalau siapa orang Kedah, *kenai kot* Kubang Chenok dekat Changlun sana. Hendak datang *all the way*, dengan izin, ke Putrajaya untuk mendapat pengesahan itu sendiri, jadi itu menjadi kesukaran. Sudahlah tidak tahu tempat, kosnya tinggi, hendak kena penginapan. Saya rasa dua hari tidak selesai kerja ini. Jadi tidak dapat tidak, mereka tidak buat. Bila tidak buat, inilah kesannya.

Jadi saya hendak cadang sesuatulah kerana saya nampak macam apa yang dilakukan sekarang ini memang prosedur tetapi prosedur itu kita yang buat. Kalau boleh, dipermudahkan. Kementerian Luar Negeri, kalau boleh permudahkan proses tersebut kerana apa yang dibuat itu cuma mengesahkan bahawa orang ini memang mengesahkan bahawa orang ini memang kerja di sini. Pegawai di Kedutaan Thailand di sini mengesahkan bahawa pegawai yang mengesahkan dokumen di kementerian dia di Bangkok itu memang betul pegawai itu di situ. Kemudian bawa ke Wisma Putra di sini, pegawai Wisma Putra mengesahkan bahawa si A yang duduk di Kedutaan Thailand di Kuala Lumpur itu memang betul pegawai itu. Itu sahaja dibuatnya. Jadi kalau boleh, kerja-kerja tersebut dipermudahkan.

Mungkin kita katakanlah tak perlulah dia datang sampai ke Putrajaya dan sebagainya, bagilah kuasa kepada pegawai di Jabatan Pendaftaran di negeri dan sebagainya untuk mempermudah supaya mereka boleh mendaftar perkahwinan. Bukan kita hendak langgar peraturan tetapi hendak memudahkan.

Kemudian satu lagi saya hendak sentuh tentang Kementerian Dalam Negeri. Semalam saya ada bertanyakan tentang satu soalan tentang penggunaan singkatan 'anak lelaki', 'anak perempuan'. Saya rasa benda ini pernah *raised* di Dewan Rakyat sebelum ini tetapi saya ada tanya dan terima kasih kepada KDN kerana telah menjawab soalan tersebut.

Jadi berdasarkan jawapan tersebut, JPN tidak mewajibkan orang Siam untuk menggunakan perkataan 'anak lelaki' macam nama saya ini 'anak lelaki'. Tidak mewajibkan semasa mendaftar kelahiran mereka.

■1540

Akan tetapi ada satu perkara yang diletakkan oleh KDN ataupun JPN iaitu sekiranya ibu bapa ada menggunakan A/L atau A/P, JPN akan meminta ibu kandung atau penjaga atau pemaklum untuk membuat perakuan jika tidak menggunakan A/L dan A/P ini. Jadi soalan saya ialah mengapa sedemikian? Saya ada tanya juga tetapi KDN lupa untuk menjawab. Jadi saya ingin bertanya sekali lagi, mengapa perlu ada perakuan dan apakah bentuk perakuan tersebut? Adakah kena angkat sumpah kalau *you* tak nak guna ini, adakah kena angkat sumpah?

Saya rasa tidak perlu kerana nama seseorang itu letaklah apa saja nama asalkan benda tu tidak terlalu pelik namanya ataupun perkataan-perkataan terlarang. Biarkanlah ibu bapa yang hendak meletakkan. Jadi dia hendak letak nama Ali A/L apa-apa pun, dia pun tidak apa, Abu pun tidak apa, okey. Jangan hadkan. Kalau dia tak nak letak A/L pun, biarkanlah. Katakan Ali, kadang-kadang saya pakai Akmn Ehtook terus tanpa A/L. Sepatutnya dibolehkan, tidak perlu ditetapkan macam itu. Akan tetapi kalau sekiranya ada penjelasan macam itu, perlu jelas.

Ini kerana saya dapati ada setengah tempat, setengah JPN tidak mensyaratkan, ada setengah yang mensyaratkan. Jadi kena selaras. Perkara kedua tentang ini ialah tentang penggunaan tentang *surname*. Jadi sekarang ini orang Siam pun orang kata maju sikitlah, orang kata dulu pun namanya macam saya ini, kolot sikit ada 'Eh' ini dah tahu dah dia ini Kelantan punya ini. Kalau ada 'Enden' itu orang Kedah. Jadi sekarang ini dia dah mula guna *surname*, macam di Thailand. Okey, kalau kita tengok Perdana Menteri dulu, Thakshin Shinawatra, Shinawatra itulah dia punya *surname*. Jadi orang

Siam pun sudah mula guna *surname*, jadi masalah timbul apabila setengah JPN di negeri tidak membenarkan. Ada yang membenarkan, jadi timbul kekeliruan.

Saya cadangkan supaya KDN atau JPN benarkanlah mereka menggunakan *surname* ini tanpa perlu ada syarat tertentu. Sekiranya mereka hendak letak nama *surname* dan dia tambah dengan nama bapa pun, boleh. Tidak guna pun tidak apa, bagi kelonggaran, yang penting ialah *standardize* kan yang mana boleh dan yang mana tidak boleh. Ini kerana apabila tidak sama rata antara negeri, contoh Kedah, Kelantan dan Pulau Pinang tidak sama, orang akan bertanya kenapa ini boleh kenapa ini tidak boleh. Itu jadi susah.

Ketiga tentang KDN ialah tentang kekeliruan semasa memohon kad pengenalan. Ada yang *insist tha,t* dengan izin, mesti letak juga A/P atau A/L. Tidak boleh kena letak, tidak letak tidak bagi buat kad pengenalan, itu yang jadi masalah kepada saya. Saya terpaksa melayan komen-komen ini dan saya terpaksa mempertahankan keputusan kerajaan. Akan tetapi apabila saya tidak mampu untuk menjelaskan mengapa, jadi saya pun ada masalah. Jadi saya minta KDN untuk selaraskan perkara ini, pastikan bahawa ada persamaan antara negeri-negeri, semua pejabat mesti sama, arahan dikeluarkan secara bertulis kepada semua pejabat supaya tidak timbul masalah perbezaan layanan kepada orang ramai.

Seperkara lagi yang saya hendak bangkitkan di sini Tuan Yang di-Pertua ialah dari segi di Jabatan Perdana Menteri (JPM), kerana ada dua perkara di sini. Pertama ialah tentang sekolah bahasa Thai di kampung-kampung. Jadi kalau di Kedah, Kelantan, Perlis, Perak, Pulau Pinang, kita ada sekolah-sekolah bahasa Thai. Mereka belajar sendiri-sendiri di wat. Tenaga pengajarnya ialah di kalangan ibu bapa ataupun kadang-kadang kalau ada yang kakak dan sebagainya yang boleh mengajar mereka akan mengorbankan masa untuk mengajar.

Saya hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kerana telah meluluskan peruntukan sebanyak RM200,000 setahun untuk sekolah-sekolah bahasa Thai di Kelantan sehingga tahun 2018 dan terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana meluluskan peruntukan sebanyak RM620,000 untuk sekolah bahasa Thai di Kedah pada tahun 2016. Masalahnya sekarang ialah di negeri Perlis, negeri Perak dan juga di Pulau Pinang pun ada sekolah bahasa Thai, mereka tidak menikmati peruntukkan ini. Jadi saya mencadangkan supaya kalau boleh kerajaan meluluskan peruntukan ini secara tahunan kepada semua secara sama rata. Itu untuk memudahkan mereka menguruskan sekolah ini kerana mereka juga perlu membayar elaun kepada guru-guru yang mengorbankan masa. Mereka ini bukan makan gaji tetapi di kalangan suri rumah dan juga pelajar-pelajar yang pernah belajar di sekolah tersebut.

Perkara kedua yang saya tujukan kepada JPM juga ialah tentang keperluan untuk membina krematorium. Untuk makluman Dewan, cara penyempurnaan jenazah bagi orang beragama Buddha ialah melalui kaedah saya gunakan perkataan pengabuan ataupun dalam perkataan yang biasa ialah pembakaran. Jadi kaedah tradisional yang dipakai ialah secara terbuka. Jadi kaedah tersebut zaman sekarang ini dah kurang sesuai. Jadi kaedah yang lebih baik ialah gunakan krematorium.

Jadi kos untuk membina sebuah krematorium adalah agak tinggi, jadi agak mustahil untuk orang-orang Siam yang kebanyakannya penoreh getah dan juga petani untuk membina sendiri krematorium tersebut. Jadi mohon supaya kerajaan untuk membina krematorium tersebut bagi pihak

mereka. Jadi yang diperlukan masa ini ialah sebuah di Perlis, sebuah di Daerah Hulu Perak di Perak dan dua buah di negeri Kedah. Itu untuk menampung sementara kerana di Kedah tu ramai orang-orang Siam, dua ini tidak cukup tapi saya tidak bercita-cita besar tetapi sebagai permulaan kita letakkan dua di dua daerah, mungkin di situ digunakan secara bersama.

Seperkara lagi Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang saya hendak pergi *general*, secara umum sedikit iaitu tentang soalan yang saya tanya juga semalam iaitu tentang pembangunan kaedah untuk mengurangkan kesan banjir di Sungai Golok, Kelantan. Ini rakan kita Dato' Abdullah pun pernah sebutkan juga semalam. Jawapan telah diberi, nampaknya ada pelan yang besar-besar sehingga tahun 2020. Akan tetapi apa yang saya hendak bangkitkan di sini ialah kalau kita menunggu pelan tahun 2020 dan sebagainya lama lagilah orang-orang di kawasan tersebut yang perlu mengharungi banjir.

Banjir di Sungai Golok tu ada dua, satu banjir kerana sungai itu melimpah, satu lagi banjir kerana bila hujan air bertakung, air itu tidak dapat keluar. Itu sahaja masalahnya. Memanglah hujan tu kita tidak boleh kawal, tetapi air yang bertakung tu saya rasa kita ada kuasa untuk mengawalinya. Buatlah sesuatu supaya tidaklah perlu Perdana Menteri pergi setiap tahun untuk melawat orang banjir, orang yang mangsa banjir di tempat yang sama setiap tahun. Dia nampak macam agak memalukanlah, adakah kita tidak mampu untuk menyelesaikan masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya hendak bangkitkan di sini ialah tentang – bila saya susun balik ini sebab *time* dah lari ini saya pun terpaksa carilah. Ini ialah tentang Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA). Sebelum ini kita ada *feed-in tariff* (FIT). Sekarang ini KeTTHA telah memperkenalkan *net*, bahasa Melayunya permeteran *energy*, tenaga bersih, *net energy metering*, dengan izin.

Jadi dengan kaedah ini secara ringkasnya, pengguna boleh *offset* bil elektrik mereka dengan menjual balik sumber tenaga yang mereka boleh raih daripada tenaga matahari. Dulu *feed-in tariff* kita ambil tenaga suria, kita jadikan elektrik, kita jual kepada grid. Sekarang ini kita boleh *offset*, bermakna tolak pada bil kita, bil kita akan kurang kerana itu akan boleh diganti di *offset*. Jadi nampak menarik, tetapi sebagaimana yang lazimnya, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *the diverse is in the detail*. Persoalannya ialah apakah cara yang digunakan untuk membolehkan seseorang menikmati faedah daripada skim ini? Kedua, adakah ada juga kuota macam FIT dulu?

■1550

Dulu kalau siapa dapat kuota dapatlah, yang tidak dapat orang kata meloponglah. Ketiga, semasa FIT dulu, siapa yang dapat awal kadarnya tinggi, siapa dapat kemudian itu dia punya kadar rendah, dia lambat sikit nak dapat pulangan. Jadi saya nak pastikan bahawa adakah di bawah NEM ini perkara yang sama berlaku? Adakah orang dulu dapat lebih baik, orang kemudian dapat orang kata kurang baik sikit dia punya itu.

Seterusnya di bawah kementerian yang sama iaitu saya nak bangkit tentang bekalan air di negeri Kelantan. Jadi isu air di Kelantan ini saya rasa sudah dibangkitkan banyak kali. Walaupun ianya di bawah negeri tapi saya rasa KeTTHA sepatutnya ada satu kaedah tertentu untuk membantu rakyat di Kelantan kerana kesian orang Kelantan, kawan-kawan kita. Saya pun sendiri kalau terbalik kampung itu seksa dibuatnya. Air sudahlah tidak bersih, bekalannya tidak menentu. Jadi saya harap KeTTHA buatlah sesuatu kerana kami sudah tidak tahan sudah untuk terus berpuas hati dengan air yang tidak

sama dengan orang lain. Ini kerana bancuh teh itu boleh jimatlah kalau sini satu uncang itu satu cawan, kalau di Kelantan satu uncang boleh buat satu baldilah teh itu kerana tidak perlu tambah serbuk teh.

Saya difahamkan ada sudah *plan* tertentu tetapi kalau rakyat biasa itu masih lagi menderita untuk mendapatkan bekalan air yang bersih. Seperkara lagi, saya rasa ada masa sedikit lagi *kot*. Tuan Yang di-Pertua, ini tentang liputan internet, saya rasa semalam rakan kita pernah sebut juga tentang liputan talian telefon bersel yang tidak menentu. Sekarang ini masih ada, zaman dulu kita pernah mencangkung atas busut untuk bercakap dengan *girlfriend* sebab *line* itu tidak betul. Akan tetapi sekarang ini masih lagi lompong-lompong tempat yang tidak ada *signal*. Saya rasa sudah terlepas zaman sekarang ini, patut tidak ada lagi di Malaysia ini tempat-tempat yang tidak diliputi oleh telefon bersel ini.

Jadi saya mintalah Kementerian Komunikasi dan Multimedia untuk melihat perkara ini. Janganlah biarkan orang kampung, orang ramai terasa tertipu atau ditipu, terasa tertipu oleh syarikat telekomunikasi ini. Kementerian Komunikasi dan Multimedia sepatutnya boleh semak setiap inci negara kita apakah kadar liputan yang ada. Adakah ia kadar yang baik ataupun tidak baik dan boleh diperbaiki.

Satu lagi ialah tentang liputan UniFi di pinggir ibu kota dan juga bandar. Setiap kali saya lalu dekat kedai Telekom ada iklan UniFi. Sedih saya kerana di tempat saya sekitar Semenyih itu dalam taman yang sama, tidak semua rumah ada UniFi. Dia kata rumah encik ini belum kami pasang dia punya apa, entah apa. Di rumah sebelah sana sudah pasang. Saya tanya, “Kenapa?” “Oh, saya pun tidak pasti”, yang jual itu. Saya rasa jawapan yang tidak sesuai. Kalau saya nak- sebagai wakil kerajaan untuk menceritakan pada orang ramai, saya rasa merah padam muka saya. Kalau tidak kena baling telur pun nasib baik. Jadi sepatutnya, sampai masanya untuk KKM memastikan bahawa UniFi ini disamaratakan kepada semua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, banyak lagi?

Tuan Aknan Ehtook: Ada sikit lagi, okey. Saya nak pendekkan. Satu lagi saya rasa *last* ini Tuan Yang di-Pertua. Ini tentang Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, ini tentang harga. Sekarang ini kita pergi *supermarket* harga tidak lagi letak di produk, letak di rak. Jadi harga itu boleh bertukar bila-bila masa. Jadi kadang-kadang kita ini malas nak *check*, ambillah barang itu masukkan dalam troli pergi *cash register* yang tempat bayar. Kita pun tidak pasti apa harga yang keluar dipaparkan itu dan tidak tahu, tidak ingat sudah harga berapa di rak itu.

Jadi saya cadangkan kalau boleh untuk pastikan bahawa orang ramai, pengguna tidak rasa teraniaya, mungkin KPDNKK boleh pastikan harga diletakkan di produk itu sendiri, jadi senang kita semak. Saya rasa sudah tentu kalau idea ini dilaksanakan, pihak pasar raya akan membantah kerana dia kata kosnya tinggi, kerjanya remeh, perlu ramai pekerja. Akan tetapi saya rasa KPDNKK sebagai kementerian yang menjaga bukan saja peniaga tapi juga jaga pengguna. Jadi jagalah pengguna dengan sebaik mungkin.

Saya rasa itu saja Tuan Yang di-Pertua, dengan ini rumusan saya ialah saya harap isu-isu ini dapat diambil tindakan dan dengan itu saya menyokong, memohon Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Akhir sekali saya nak nyatakan di sini bahawa, kenapa kita hari ini duduk sini dan juga akan duduk sampai ke malam ini ialah untuk membantu orang ramai. Jadi

izinkan saya untuk *quote* kata-kata daripada orang kata ketua sami negara Thailand, dia kata macam ini, “*Kita bertuah jika ada orang tolong kita, tapi kita lagi bertuah jika boleh tolong orang.*” Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Aknan Ehtook. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader. Dipersilakan.

3.56 ptg.

Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam 1 Malaysia dan salam perpaduan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memulakan bahas pada petang ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk Menjunjung Kasih ke atas Seri Paduka Baginda Sultan Muhammad V, yang dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong yang Ke-15 pada 12 Disember lalu.

Sesungguhnya kita bertuah untuk dianugerahkan dengan seorang Yang di-Pertuan Agong yang cukup prihatin dengan nasib rakyat jelata berbilang kaum di negara kita. Semoga Allah SWT akan menganugerahkan Baginda dengan kesihatan yang baik untuk terus bertakhta di semayam Baginda.

Tuan Yang di-Pertua, pembabitan remaja khususnya pelajar dalam menyalahgunakan dadah sejak di bangku sekolah bukan asing. Namun kebelakangan ini lebih kerap kita mendengarnya. Pada Oktober 2016, seorang pelajar berusia 15 tahun terlibat dengan sindiket memproses dadah yang beroperasi di rumah di Penaga, Pulau Pinang. Remaja tersebut ditangkap bersama-sama tiga orang individu lain dan mereka didapati positif dadah jenis *amphetamine*. Dalam serbuan yang dibuat, polis berjaya merampas rampasan bernilai RM250 ribu.

Pada Julai 2015, lima orang remaja berusia 13 tahun hingga 16 tahun di Kuantan, Pahang ditahan oleh polis di sebuah kawasan perumahan. Hasil ujian mendapati kesemua remaja tersebut positif dadah. Sementara itu, pada April 2016 seorang pelajar perempuan sebuah institusi kemahiran berusia 19 tahun, ditahan di Banding Gerik, Perak kerana disyaki mengedar dadah. Dia ditahan bersama-sama temannya iaitu lelaki berusia 33 tahun. Polis menemukan empat bungkusan heroin seberat 1.82 kilogram bernilai kira-kira RM91,085.

Peningkatan kes dadah dalam kalangan pelajar sememangnya amat membimbangkan. Oleh itu, masyarakat dan golongan ibu bapa perlu bersama-sama kerajaan kewujudan Pelan Strategik Memerangi Dadah Kebangsaan diyakini dapat diperangi secara berkesan melalui pendekatan luar kotak dengan keutamaan diberikan kepada soal kualiti merangkumi semua aspek, khususnya pencegahan, pemulihan dan rawatan. Saya berharap menerusi pendekatan baru itu, kerajaan menitikberatkan hasil ke atas kumpulan sasaran terutamanya golongan muda yang menjadi kelompok terbesar penagih dadah di negara ini.

Saya meminta Kementerian Pendidikan memberi satu penjelasan tindakan-tindakan yang telah diambil untuk mengatasi perbuatan ini. Hasil kajian Kementerian Kesihatan, mendapati pelajar di negara ini mengalami tahap *stress* yang tinggi.

■1600

Hasil dari Program Minda Sihat, menangani stres dalam kalangan murid sekolah bagi mengenal pasti tanda-tanda stres, keresahan dan kemurungan 6,540 orang murid yang telah disaring, 17.1 peratus daripadanya mengalami tanda-tanda keresahan yang teruk, 5.2 peratus kemurungan yang

teruk dan 4.8 peratus stres yang teruk. Apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk mengatasi perkara ini? Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini berkenaan dengan isu pengiktirafan taraf bumiputera bagi kaum India Muslim yang memenuhi syarat yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Ini bukan merupakan kali pertama saya membawa usul ini. Saya telah membawa usul ini beberapa kali ke Dewan ini sejak tahun 2011 apabila pertama kali saya menjejak kaki sebagai Ahli Dewan Negara.

Saya berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas pengiktirafan status bumiputera kepada masyarakat India Muslim. Akan tetapi kami masih menunggu implementasi di peringkat pentadbiran di semua agensi kerajaan. Kalau ada sekalipun, ianya tidak bersifat menyeluruh. Sehingga hari ini, kita terpaksa melalui banyak kerenah birokrasi bagi membuktikan pengiktirafan status bumiputera ini. Anak-anak melanjutkan pengajian ke IPTA adalah golongan yang paling ramai terjejas akibat kerenah birokrasi ini.

Apa yang dipohon bukan *blanket approval* tetapi hanya bagi mereka yang layak mengikut takrif Perlembagaan. Saya mohon agar satu penyelesaian jangka panjang dapat dicapai dalam hal ini sebelum saya menamatkan penggal saya sebagai Ahli Dewan Negara tidak lama lagi. Ini bukan suara seorang individu tetapi suara satu bangsa di bumi Malaysia ini. Saya berharap Menteri di Jabatan Perdana Menteri dapat memberikan satu khabar gembira buat masyarakat India Muslim.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kemerdekaan sehingga sekarang, kerajaan telah membawa pelbagai dasar dan inisiatif bagi pembangunan bumiputera dalam segenap aspek. Ini adalah jaminan yang diberi dalam Perlembagaan Persekutuan, terutamanya dari sudut hak keistimewaan bumiputera. Kewujudan Dasar Ekonomi Baru juga bertujuan untuk merapatkan jurang ekonomi di antara kaum. Dalam tempoh 59 tahun yang lepas negara mencapai kemerdekaan, banyak kemajuan dicapai oleh bumiputera, terutamanya dari aspek pendidikan dan sosioekonomi.

Walaupun ada peningkatan dalam pemilikan ekuiti bumiputera, ianya masih rendah jika dibandingkan dengan komposisi kaum di negara kita. Ada statistik menunjukkan pemilikan ekuiti bumiputera di kawasan bandar hanya 14 peratus sahaja. Ini jelas merupakan satu angka yang rendah. Jika langkah-langkah meningkatkan gagal diambil dari sekarang, saya bimbang jurang perbezaan dalam pemilikan ekuiti ini akan semakin melebar pada masa-masa yang akan datang. Saya percaya dalam mencapai status negara maju mencapai 2020, kita harus memastikan keseimbangan pemilikan ekuiti berdasarkan komposisi kaum di negara kita.

Agensi-agensi kerajaan juga harus melipatgandakan usaha dalam memastikan segala dasar dan inisiatif kerajaan untuk kaum bumiputera sampai ke peringkat akar umbi. Agensi seperti TERAJU, Peneraju dan MARA perlu komited dalam membawa lebih banyak program kemahiran berskala tinggi dalam bidang-bidang kritikal dan separa kritikal. Saya memohon Jabatan Perdana Menteri dapat memberikan maklumat lanjut berkenaan insentif kerajaan bagi bumiputera yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Bajet 2017. Setakat mana perkembangan pelaksanaan inisiatif tersebut setakat hari ini yang telah masuk suku kedua tahun ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini berkenaan dengan RCI di Sabah. Walaupun RCI telah selesai bersidang, status kewarganegaraan ramai pemegang kad pengenalan bunga raya masih tergantung. Isu ini bukan setakat mereka, malah

kesannya juga kepada anak-anak mereka. Ramai yang tidak dapat melanjutkan pelajaran walaupun lahir di Sabah. Kita bimbang masa depan anak-anak ini akan gelap jika mereka tidak mendapat pendidikan yang sempurna. Kita sendiri menerima banyak permohonan bantuan bagi anak-anak pemegang kad pengenalan bunga raya ini tidak dapat bersekolah di sekolah kerajaan.

Ini adalah kerana dasar kerajaan untuk tidak membenarkan anak warga asing bersekolah di sekolah kerajaan. Anak-anak ini juga tidak dapat memohon kad pengenalan kerana status kewarganegaraan ibu atau bapa mereka tergantung. Saya mohon kepada pihak Kementerian Dalam Negeri agar dapat mencapai satu penyelesaian berhemah dalam hal ini yang statusnya tergantung agak lama. Tuan Yang di-Pertua, PTPTN merupakan salah satu inisiatif kerajaan dalam menyediakan pinjaman untuk membantu para pelajar melanjutkan pelajaran ke IPTA dan IPTS. PTPTN yang ditubuhkan pada tahun 1997 telah membantu ramai pelajar dalam pelbagai jurusan. Tanpa pinjaman pelajaran, tentu sekali agak sukar bagi anak-anak dari keluarga yang kurang berkemampuan untuk melanjutkan pelajaran. Apa yang menjadi masalah sekarang adalah ramai pelajar yang terpaksa menanggung hutang dengan IPTA dan IPTS. Ini adalah kerana pinjaman pelajaran yang dikeluarkan oleh PTPTN tidak dapat menanggung sepenuhnya kos pengajian.

Sebagai contoh, bagi kursus perubatan. Kos keseluruhan di IPTS mencecah di antara RM300,000 hingga RM350,000 tetapi pinjaman yang diberi oleh PTPTN adalah hanya RM150,000 sahaja. Selebihnya harus ditanggung oleh pelajar tersebut. Ini jelas satu amaun yang cukup membebankan bagi pelajar-pelajar dari keluarga yang memerlukan. Mereka terpaksa mengeluarkan hampir RM150,000 untuk membiayai baki kos pengajian. Ada mahasiswa yang terpaksa berhenti separuh jalan, manakala ada juga yang tidak boleh dapatkan transkrip keputusan kerana ditahan oleh pihak universiti atau kolej atas sebab tunggakan yuran pengajian.

Oleh yang demikian, saya mohon pihak Kementerian Pendidikan Tinggi agar dapat mengkaji semula pemberian pinjaman pelajaran ini agar pelajar mendapat pinjaman penuh bagi membiayai kos pengajian. Kerajaan boleh mengenakan syarat-syarat tertentu agar pelajar-pelajar yang mendapat pinjaman ini akan menjelaskan pinjaman dalam tempoh yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya berundur, ingin saya memberi peringatan ini kepada semua. Malaysia merupakan sebuah negara yang cukup aman dan damai. Kita telah memelihara keamanan ini melalui prinsip perkongsian kuasa selama hampir 60 tahun. Sebagai Ahli Dewan yang mulia ini sama ada rakyat ataupun negara, tanggungjawab kita cukup besar. Marilah sama-sama kita jalankan amanah ini dengan sebaiknya demi pembangunan bumi bertuah ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Tidak, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader. Perbahasan yang baik. Kita bagi terus kepada Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim, sila.

4.09 ptg.

Datuk Norliza binti Abdul Rahim: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang dan juga peluang untuk turut berbahas dalam ucapan Titah Diraja yang sedang kita bahaskan sekarang ini. Saya hanya ingin menyentuh beberapa perkara yang tidak relevan ataupun belum disentuh, ada yang disentuh tetapi dari aspek yang sedikit berlainan.

Pertamanya saya ingin menyentuh mengenai isu pelaburan dari luar iaitu FDI. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Malaysia kerana kita berada di senarai teratas negara terbaik untuk pelaburan bagi tahun 2017 melalui bincian oleh Firma Perunding AS, BAV Consulting and Wharton School iaitu Fakulti Perniagaan di Universiti Penn State.

Kerajaan Malaysia juga menawarkan pelbagai insentif kepada pelabur-pelabur asing khususnya kepada tiga negara yang menandatangani MOU baru-baru ini. Cuma saya ingin mengutarakan persoalan kepada kementerian, beberapa persoalan yang saya rasa agak relevan untuk kita membaiki dari segi FDI ini di mana saya ingin bertanya kepada kementerian. Apabila kita bertanya pelaburan daripada luar ini, di manakah kedudukan IKS tempatan kita apabila pelabur-pelabur asing ini mula masuk ke Malaysia.

Saya juga ingin bertanya kepada kerajaan, apa perancangan kerajaan untuk menjaga kepentingan IKS-IKS tempatan ini? Bagaimanakah perancangan perlindungan kepada mereka dan sama ada kita harus menggalakkan *smart partnership* dan juga *technology transfer*? Kita harus akui, selama ini *technology transfer* di Malaysia agak kurang berkesan. Ada kalanya kita gagal untuk mengamalkan *technology transfer*.

Saya ambil contoh Proton sendiri. Saya rasa kita masih tidak boleh berdikari tanpa bantuan daripada *expertise* daripada negara luar. Jadi saya rasa apabila menggalakkan pelabur asing ini, kita harus menitikberatkan daripada aspek *technology transfer* kerana kita tidak mahu bahawa fungsi FDI itu hanya dengan izin *to create job opportunity* sahaja.

Jadi kalau hanya untuk *create job opportunity* sahaja, bila pelabur-pelabur asing ini merasakan mereka ingin keluar daripada Malaysia, maka akan berlaku jumlah pengangguran yang tinggi disebabkan kita tidak boleh berdikari. Kita hanya mendapat pelaburan asing ini hanyalah untuk melabur dan *create employment* sahaja. Akan tetapi kita tidak mengamalkan *technology transfer* dan orang kita tidak boleh berdikari untuk meneruskan daripada aspek penghasilan industri-industri sebagaimana yang berlaku di Pulau Pinang sekarang.

Saya juga ingin mencadangkan kepada kementerian dalam usaha kita mendapatkan manfaat terbaik daripada pelaburan asing di Malaysia ini, terutamanya IKS saya rasa pelabur asing perlu disyaratkan untuk menggunakan sebaik mungkin material dari dalam negara dan tidak mengimport semua material dari negara asal mereka. Kalau dasar ini dapat kita praktik kan maka kita dapat mengekalkan mata wang ringgit kita supaya ringgit kita semakin kukuh dan tidak lemah lagi.

Saya juga merasakan bagi membantu pekerja Malaysia, kerajaan juga perlu mensyaratkan pelabur asing untuk mengambil seramai yang mungkin rakyat tempatan sebagai pekerja. Ini ditambah lagi ekonomi tidak menyebelahi kita ekoran nilai ringgit yang menurun, harga minyak yang tidak menentu serta kos sara hidup yang semakin meningkat. Jadi saya merasakan kita harus menitikberatkan dan memastikan bahawa FDI ini dapat dimanfaatkan dengan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh isu yang kedua iaitu mengenai jenayah dan gengsterism yang berlaku. Jadi sebagaimana Ahli-ahli Dewan Negara, saya ingat sering mendengar berita-berita tembak menembak ini di Pulau Pinang. Sudah jadi macam pekan koboi, sana tembak, sini tembak dan yang terkininya baru-baru ini di kawasan Taman Pekaka berhampiran dengan Universiti Sains di mana di waktu petang, waktu sibuk berlaku kes tembak yang mana di kawasan sangat-sangat sibuk di mana berhampiran dengan Tesco, pelajar-pelajar USM makan di situ, semua orang pergi membeli-belah di situ.

Jadi saya rasa di kawasan awam di waktu pukul 4 petang ini, menembak ini saya rasa kalau zaman dahulu kita tidak pernah dengarlah. Kalau hendak tembak pun mungkin waktu-waktu sunyi dan di kawasan hutan-hutan. Ini di kawasan begitu *prime area*, dengan izin. Jadi saya amat bimbang sebagai rakyat Malaysia, sebagai masyarakat saya rasa kes tembak menembak ini harus diambil perhatian dengan serius.

Desas desus yang saya dengarlah di Pulau Pinang ini, isu *gengsterism* ini sangat ketara dan tinggi. Jadi ia membimbangkan kami rakyat, masyarakat yang tinggal di sini bahawa keselamatan kita sendiri sama ada kita berjalan siang hari pun orang boleh tembak. Jadi mana mereka dapat pistol dengan begitu mudah sekali?

Jadi saya rasa penguatkuasaan daripada pemilikan senjata api ini haruslah diberi perhatian yang sangat-sangat serius. Jadi kalau kita asyik mendengar masalah ini tetapi saya rasa tindakan kita tengok tidak ada macam perubahan atau penambahbaikan. Jadi saya mohonlah KDN, lihat secara serius mengenai *gengsterism* di Pulau Pinang ini dan tolong baiki dengan sebaik mungkin.

Kes terbaru sekarang *trending* di Pulau Pinang adalah kes rompakan di rumah-rumah. Jadi berlaku tiga hari sudah di satu kawasan perumahan *gated community*. *Gated community* ya, bukan di kawasan tidak ada *gate*. Rumah orang kaya-kaya *gated community* di mana perompak masuk ke rumah itu dan mengikat tuan rumah dan meletak pisau pada isterinya dan mengambil barang-barang dalam rumah tersebut. Jadi dalam satu *gated community* pun kita sudah rasa tidak selamat.

Minggu lepas selepas rumah saya sendiri telah cuba dimasuki dan dua pintu sudah terbuka 3.30 pagi. Jadi nasib baiklah kita sedar *alarm system* bunyi, sempatlah kita *call* polis. CCTV semua dipotong. Jadi apabila forensik datang buat penyelidikan, dapati mereka ini memakai *glove*, lebih daripada empat orang. Jadi dengan izin, *this is expert group*. Ini bukan orang biasa yang hendak mencuri. Ini semua orang yang pakar.

Jadi saya rasa kepada pihak kementerian, saya ingin bertanya, bagaimanakah masalah ini dapat kita atasi? Saya faham di negeri-negeri lain juga mempunyai masalah yang sama. Sama ada kerajaan dapat memanjangkan bidang kuasa badan-badan penguat kuasa seperti RELA, seperti Pertahanan Awam, sama ada bolehkah mereka ini diberi kelonggaran atau kebebasan untuk kawasan penduduk-penduduk setempat yang mampu untuk meng*hire*, dengan izin, untuk mengambil mereka ini untuk menjadi *security* di kawasan-kawasan perumahan.

Satunya kita dapat meningkatkan keselamatan kawasan perumahan dengan lebih baik. Keduanya kita dapat memberi satu sumber pendapatan lebih kepada kumpulan-kumpulan seperti RELA dan juga Pertahanan Awam. Jadi saya ingin bertanya kepada kementerian, sama ada mereka mempunyai cadangan untuk melakukan sedemikian.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh daripada sedikit isu GST. Okey, walaupun GST ini telah kita amalkan dan ia berjalan dengan baik tetapi saya masih merasakan terdapat lagi kumpulan-kumpulan yang agak kurang faham mengenai GST yang mana kita tidak tahu barangan mana yang kena GST, barangan mana yang tidak kena GST.

Saya rasa saya sendiri pun tidak faham lagi yang mana yang kena dan yang mana tidak kena. Jadi dari masa ke semasa, kita harus diberi pendedahan maklumat mengenai barangan keperluan asas yang tidak dikenakan GST. Saya membangkitkan isu ini atas satu isu di mana ada keratan akhbar pada 31 Mac di mana kalau kita lihat pada waktu perayaan Tahun Baru Cina adalah menjadi amalan kita untuk membeli limau mandarin. Saya rasa bukan sahaja kaum Tionghoa, saya sendiri suka membeli limau mandarin sewaktu perayaan Tahun Baru Cina.

Jadi limau mandarin ini diberi pengecualian GST dan saya rasa ini sangat baik sebab ini memang makanan untuk perayaan. Cuma persoalan saya kenapa buah kurma iaitu kurma kering dan juga kurma basah yang menjadi makanan amalan kepada orang-orang Islam khusus pada bulan Ramadan dikenakan GST?

Jadi saya rasa pihak kementerian mohon mengkaji semula dan saya mohon kalau boleh barangan keperluan asas ini dan juga makanan yang kita selalu makan dan mempunyai kebaikan kepada kesihatan kita haruslah diberi pengecualian GST. Jadi itu yang ingin saya mohon penjelasan daripada kementerian.

■1620

Baru-baru ini saya ke Kelantan, saya ingat ramai Ahli-ahli Dewan Negara yang berasal daripada Kelantan. Saya berjumpa salah seorang sahabat saya dan beliau mengutarakan masalah BR1M. Jadi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebab saya rasa BR1M ini sesuatu yang baik dan dapat membantu rakyat kita.

Akan tetapi rungutan yang saya dapat di mana bila mereka mendapat baucar BR1M, mereka terpaksa pergi ke Bank Simpanan Nasional baucar itu untuk *cashkan* duit BR1M itu. Jadi masalahnya di bank ini pula tidak disediakan kaunter yang banyak. Jadi, ada kalanya mereka ini datang jauh daripada kampung dan mereka terpaksa berbaris dengan begitu panjang dan sampai dia hanya kata 150 punya nombor sahaja boleh ambil. So, selebihnya balik dahulu. Jadi ianya membebankan balik kepada rakyat.

Sebenarnya BR1M ini untuk meringankan dan membantu rakyat bukan membebankan rakyat. Jadi niat baik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu telah jadi tidak baik disebabkan mereka ini terpaksa beratur dan ada kala terpaksa balik dan datang balik pada hari yang berikutnya. Jadi saya mohon kepada Kementerian Kewangan untuk mengkaji masalah ini dan saya rasa kita tidak boleh menyusahkan rakyat. Kita perlu mencari kaedah berbincang dengan bank-bank yang terlibat itu bagaimanakah perkara ini dapat kita selesaikan supaya mereka yang hendak pergi ambil BR1M ini akan lebih selesa, terjaga sebab mereka ini adalah kumpulan-kumpulan yang memerlukan bantuan daripada kerajaan dan harus kita beri perhatian.

Satu lagi tadi yang Kelantan, ini di Pulau Pinang di Seberang. Kami, wanita sedang makan di satu restoran dan di sebelah itu ada kumpulan broker-broker tanah. Jadi salah seorang itu kita kenal, jadi dia ceritalah dia ada tanah 300 ekar dan semua inilah. Dia kata ini dia hendak pergi ambil BR1M

ini dan dia kata saya hendak kena buat *deal* tanah ini, *closed* dahulu *deal*. Saya kata dalam bahasa Inggeris, "How much do you closed the deal?" Dia kata, "No, I need about RM70 million". Saya kata, "Why're you taking the BR1M?". Dia kata, "I got the BR1M". So, takkanlah saya hendak marah kan. Bukan saya yang bagi dia BR1M kan tetapi saya rasa ini pun bukan salah kerajaan.

Kita cuba sebaik mungkin untuk menapis tetapi ada juga yang terlepas, tercicir. Jadi saya rasa kita harus menggalakkan lebih pendedahan kepada rakyat kita yang mampu ini janganlah *dok pi* ambil BR1M dan saya akan buat aduanlah untuk kes ini sebab kita ada *detail-detailnya*, nama semua kita kenal. Saya rasa orang yang macam ini kita tidak usahlah bagi BR1M. Kalau kita pun kena minta BR1M dekat dia saya ingat, sebab dia pun buat untung sampai RM70 juta. Jadi saya kata dekat dia bolehlah bagi sedikit *kot* dekat Wanita untuk kami berkempen. Dia kata, "Can, can, you come and see me". So, saya kata okey jadi saya mohon kepada kementerian sekiranya boleh, kita ada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jabatan Kebajikan Masyarakat ini adalah di bawah kementerian kita sendiri.

Jadi kalau boleh senarai BR1M ini, kita berbincang dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat sebab mereka ini adalah orang yang sangat-sangat mahir dan tahu siapakah orang yang susah di setiap Parlimen dan di setiap DUN. Jadi kalau ada satu kolaborasi yang baik antara setiap kementerian ini, maka perkara-perkara yang tidak diingini ini tidak akan berlaku dan kita tidak mahu *intention* kerajaan yang baik untuk membantu rakyat itu disalahgunakan dan juga disalahertikan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh isu Kementerian Pendidikan. Ini hanya sedikit sahaja. Saya dimaklumkan bahawa pendaftaran kepada pelajar-pelajar Tahun 1 sekarang dibuat secara *online*. So, kita mendapat rungutan disebabkan di kawasan-kawasan kampung ramai suri-suri rumah ataupun orang-orang kampung yang hanya berniaga, nelayan mereka tidak mempunyai fasiliti untuk mendaftar anak-anak mereka melalui *online*. Mereka sendiri pun tidak reti hendak mengguna dan mendaftarkan melalui *online*.

Kita telah membantu beberapa orang yang terpaksa mengisi beberapa maklumat melalui *online* dan saya rasa ini suatu yang baik tetapi pada masa yang sama kita tidak boleh terus 100 peratus membuat pertukaran di mana keadaan itu rakyat kita belum bersedia. Jadi saya rasa kepada Kementerian Pendidikan saya ingin bertanya sekiranya tidak boleh *online* bagaimanakah ianya dilaksanakan dan sekiranya mereka mahukan benda ini *online* sama ada bolehkah fasiliti-fasiliti dapat membantu, bolehkah kita mohon kerjasama JKKP di kawasan kampung untuk buat pendaftaran di kawasan-kawasan setempat.

Maknanya pemimpin tempatan itu boleh membantu ahli-ahli mereka yang ingin mendaftar Tahun 1 secara *online* dan saya mohon Kementerian Pendidikan kalau bolehlah perkara ini tolong titik beratkan. Saya takut ada yang tidak mendaftar ke Tahun 1 sebab tidak tahu bagaimana untuk mengisi borang melalui *online*.

Seterusnya saya ingin menyentuh sedikit Tuan Yang di-Pertua mengenai ucapan daripada Yang Berhormat Dato' Sri Presiden MSM baru-baru ini. Saya ucapkan tahniah kepada Presiden MSM yang membawa isu temu duga pramugari Malindo Air yang agak keterlaluan. Jadi saya tahu sebagai seorang wanita, saya rasa Senator-senator wanita di sini juga bersetuju dengan saya bahawa mana boleh kita menemu duga walau pramugari sekalipun kita *especially* di sebuah negara Islam sampai suruh buka hendak tengok parut di mana, apa semua ini.

Jadi saya rasa ini amat-amat memalukan. Walaupun Malindo Air ini dari Indonesia tetapi dia ingin berniaga di Malaysia. Dia perlulah mengikut etika dan mengikut peraturan-peraturan agama Islam di negara ini. Ini saya rasa kami sebagai Wanita saya amat rasa sedih dan penguatkuasaan harus mengambil tindakan yang amat serius dalam perkara ini memandangkan kita ini sebuah negara Islam. Jadi kita harus mempraktikkan praktis-praktis dan etika keislaman dan ini harus kita titik beratkan. Jadi saya mohon kepada kementerian yang terlibat supaya perkara ini diambil tindakan yang sewajarnya. Saya takut nanti ramai Yang Berhormat Senator dalam Dewan ini semua hendak jadi *Interview Board* nanti... [Dewan ketawa]

Seterusnya saya ingin menyentuh...

Datuk Yoo Wei How: Tuan Yang di-Pertua, minta mencelah sedikit. Minta celah sedikit.

Datuk Norliza binti Abdul Rahim: Okey.

Datuk Yoo Wei How: Saya memang minat sedikit dalam topik inilah sebab kalau saya tidak salah bukan hanya *Malindo Airline* yang buat begini. Syarikat penerbangan Malaysia, MAS– *Malaysia Airlines* pun buat seperti macam ini juga. Kalau saya tidak salah Air Asia pun buat macam ini. Ini memang merupakan satu polisi kepada syarikat penerbangan apabila mereka membuat temu ramah dan bukan terhadap gadis-gadis sahaja. Kalau lelaki macam saya ataupun Speaker hendak pergi *interview* hendak buat pramugara, kita pun kena buka semua. So, saya rasa kes ini bukan sahaja tidak adil kepada gadis-gadis tetapi jugalah tidak adil kepada lelaki-lelaki yang *handsome* macam kita semua ini... [Dewan ketawa]

Saya rasa kementerian yang bertanggungjawab sepatutnyalah kalau kita MSM *Chairman* pergi pun sama juga, kena buka semua. So, saya rasalah kita sebagai Ahli Dewan Negara kita bukan sahaja hendak menyuarakan bagi pihak gadis-gadis sahaja. Kita juga perlulah berjuang demi semua rakyat Malaysia termasuk lelaki yang kasihan seperti kita. Terima kasih.

[Tuan yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Seorang Ahli: Setuju, setuju.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, Dato' Sri kalau tidak hendak buka tidak apa [Ketawa]

Dato' Sri Khairudin Samad: Saya kalau pergi saya tidak mahu jadi pramugara saya hendak jadi panel *interview*... [Dewan ketawa] Kalau saya hendak jadi pramugara panel *interview* dia mestilah gadis bukan wanita, gadis. Tidak, saya hendak cerita sedikit sebab kita sudah *check*. *Malaysia Airlines* hanya suruh selak tangan baju untuk dia tengok *scars*, parut ataupun *tattoo* di lengan. *AirAsia* pun sama malahan *AirAsia* ada buat satu iklan selepas berlakunya kes *Malindo*.

Dalam iklan *AirAsia* itu dia kata datanglah beramai-ramai untuk *interview* masuk dalam temu duga untuk menjadi pramugari di mana kami tidak akan meminta anda menanggalkan, bererti *AirAsia* tidak buat. Saya tidak tahu *you* dapat maklumat daripada mana Yang Berhormat bererti *Malaysia Airlines* tidak buat, *AirAsia* tidak buat dan kalau tidak salah saya *Malindo* ini bukan sahaja dipunyai oleh Indonesia tetapi ada juga orang Malaysia yang terlibat di dalam *share holdingnya*.

Apa yang kita maksudkan ialah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, siapa yang terlibat? Tahu kah?

Dato' Sri Khairudin Samad: Di Malaysia? Kita tak mahu sebut. Saya tak suka sebut nama, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tak sebut nama, tak payah cakaplah.

Dato' Sri Khairudin Samad: Sebab dia tak ada di sini untuk mempertahankan diri. Saya, stail saya macam itu.

Yang saya maksudkan tadi, mereka ini kalau ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya ada teks daripada surat khabar pun saya simpan, bila dia buat perkara-perkara ini, yang menyedihkan ialah bila dia suruh buka baju langsung dan dia suruh juga buka bra dan sebagainya dan kononnya yang ada di situ profesional, yang *interview* ini. Dalam surat khabar dan dalam *Malay Mail* pun ada, dalam *New Straits Times* pun ada apa yang dia buat.

Cuma yang biadabnya, bila Kementerian Wanita telefon untuk nak *check* dengan dia, dia tidak menjawab sampai hari ini. Saya rasa ini juga di bawah tanggungjawab Kementerian Pengangkutan dan satu tindakan yang tegas harus diambil kerana *Malaysia Airlines* tidak terlibat. Yang saya tahu, sepanjang pengetahuan saya, hanya selak.

Dan *Malindo Air* ini pun pramugarinya memang saya akui, memang cantik-cantik belaka. Memang pakai baju kebaya kain ketat yang berbelah. Jadi kalau pakai baju kebaya lengan panjang, untuk apa dia nak tengok parut? Itu tak masuk akal. Melainkan dia nak tengok benda lain, benda yang tersembunyi. Ini yang kita marah. Ini soal hak asasi manusia yang kita sebut. Kerana, hak asasi manusia, kita tidak boleh membenarkan, tambah-tambah lagi kita dalam negara Islam. Sudah tentulah kalau bukan negara Islam pun, tidak akan membenarkan. Saya tak tahulah, melainkan kalau dia nak bertanding *beauty contest*. Saya pun sanggup jadi juri. Terima kasih. Silakan.

Datuk Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri. Saya ingat *you* nak ambil masa saya dah. Saya setuju dengan Yang Berhormat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Norliza binti Abdul Rahim: Walaupun lelaki pun, kita tak patut buat macam itu. Sebenarnya apa yang dikatakan oleh Dato' Sri Presiden tadi betul. *AirAsia* ada keluar *statement*, saya *Google* tadi, bahawa mereka sekarang buat benda itu sebagai satu *joke*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tiga minit lagi ya.

Datuk Norliza binti Abdul Rahim: [*Ketawa*] Okey, Tuan Yang di-Pertua. Bagilah *chance*, ini *last* ini. Okey. Dan saya rasa memang kita perlu ambil tindakan khususnya kita dalam sebuah negara Islam.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, Yang Berhormat, lima minitlah.

Datuk Norliza binti Abdul Rahim: Okey, terima kasih. Jadi, bila kita dalam sebuah negara Islam, kita harus menitikberatkan isu-isu yang sensitif ini dan kita harus mempraktikkan sebanyak boleh mengenai mengikut hukum-hukum agama kita.

Isu yang terakhir saya ingin bawa adalah mengenai isu perumahan iaitu isu di bawah Jabatan Perumahan iaitu COB. Dan saya juga nak ucap tahniahlah sebab Timbalan Menteri, Datuk Halimah sentiasa berada dalam Dewan *and always* anggun dan saya kena bawa juga isu perumahan ini. Kalau

tidak nanti, tak syoklah kan? Jadi kalau Yang Berhormat Shukor kata dia lima tahun bawa isu anak yatim, saya pun hampir lima tahun, dah nak masuk enam tahunlah saya membawa isu perumahan.

Ini adalah mengenai *strata title* untuk projek-projek rumah pangsa. Saya rasa apabila kita mensyaratkan untuk dikeluarkan *strata title* itu, maknanya apabila *strata title* ada, dia akan tertubuhnya *joint management body* atau kita panggil JMB. Jadi saya nak tanya, kalau JMB untuk perumahan kos rendah ini, banyak masalah yang kita hadapi apabila kadar kutipan *maintenance* ini hanyalah RM30 tetapi nak *maintain* satu bangunan itu kosnya sangat-sangat tinggi khususnya kalau bangunan itu mempunyai sistem lif dan yang lain-lain. Yang menjadi masalah sekarang, banyak pemaju perumahan apabila kos rendah, dah siap, dah keluar strata, dia lari macam itu sahaja. Dia tak buat kerja-kerja penyelenggaraan. Bila kita rujuk kepada COB, COB kata, "*Saya hanya bagi nasihat, saya tak boleh buat apa*".

Jadi saya ingin bertanya kepada Kementerian Perumahan, bagaimanakah kita dapat menyelesaikan masalah ini? Kalau kita tengok di Singapura, satu contoh yang saya rasa baik daripada segi rumah pangsa, sama ada bolehkah kita membuat satu kolaborasi dengan TNB? Maknanya sekiranya mereka ini yang tidak membayar bil ini, bil mereka dimasukkan dalam bil TNB. Jadi kalau rumah tingkat satu yang tak bayar bil, maknanya TNB akan dipotong untuk rumah itu. Jadi kalau sepuluh orang yang tak bayar kos penyelenggaraan, 20 lagi bayar, hanya sepuluh sahaja yang merana, 20 lagi tak merana. Ini kalau kita tak buat satu *agreement* macam ini, kalau yang tak bayar walaupun sepuluh tak bayar, 30 orang, 30 orang itu akan merasa kesusahannya disebabkan tindakan akan diambil kepada semua walaupun ada separuh yang membayar.

Jadi saya mohon kepada Kementerian Perumahan sama ada mempunyai cara-cara atau kaedah untuk menyelesaikan masalah penyelenggaraan di mana saya merasakan kuasa COB atau bidang tugas COB ini harus diperbesarkan dan mereka ini harus membantu menyelesaikan masalah-masalah khususnya rumah-rumah pangsa kos rendah.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengundurkan diri, memandangkan ini adalah perbahasan Titah Diraja yang terakhir bagi saya, justeru itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib, Perdana Menteri Malaysia yang telah memberi kepercayaan kepada saya untuk diberi peluang menjalankan tugas sebagai seorang Ahli Dewan Negara.

Saya juga ingin menzahirkan penghargaan dan terima kasih tidak terhingga saya kepada Yang Berbahagia Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil, kakanda yang saya hormati yang telah banyak membantu dan mengajar saya menjadi Ahli Dewan Negara serta memungkinkan kehadiran saya di sini selama dua penggal.

Tidak lupa kepada Dato' Seri yang dikasihi dan juga Tan Sri Speaker yang sebelum ini, Timbalan Speaker yang sekarang dan juga Timbalan Speaker yang terdahulu yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan peluang kepada saya menyumbang kepada Dewan yang mulia ini dan juga peluang-peluang untuk menghadiri *conferences* di luar negara.

Terima kasih saya kepada kakitangan Parlimen khusus penyelidik-penyelidik, pegawai-pegawai protokol yang membantu sewaktu di luar negara, bentara-bentara yang sentiasa membantu, petugas-petugas di *lounge* dan semua kakitangan Parlimen. Pengalaman yang indah di Dewan yang

mulia ini akan sentiasa menjadi sejarah manis dalam kehidupan saya dan juga keluarga saya. *Insyallah*, perjuangan akan sentiasa saya teruskan demi memartabatkan agama, bangsa dan negara. Serangkap pantun dari saya.

*Presiden Majlis Senator duduk di atas para,
Tan Sri Ibrahim menyusun pelita,
Kalau silap tutur bicara,
Jemari disusun, maaf dipinta.*

Sekian, saya mohon menyokong. *Wabillahi taufik wal hidayah wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh...* [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff.

4.38 ptg.

Tuan Ramli bin Shariff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera kepada semua Ahli Yang Berhormat Dewan Negara ini.

Di kesempatan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga turut serta, mungkin masa yang agak singkat, di dalam menjunjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah baginda semasa pembukaan penggal Parlimen pada Isnin, 6 Mac yang lalu. Titah baginda merangkumi segala aspek yang wajar kita teliti dan ambil perhatian di atas keprihatinan Baginda terhadap negara dan rakyat khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin mengetengahkan beberapa perkara yang pada pendapat saya perlu diambil perhatian dan fokus yang serius daripada semua pihak. Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut apa yang saya rancangkan, saya mempunyai lima tajuk untuk saya ketengahkan pada Usul Menjunjung Kasih kepada Tuanku Yang di-Pertuan Agong.

Pertama, ialah soal perpaduan dan integrasi nasional yang akan saya fokuskan dan saya akan lihat dari sudut Rukun Negara Malaysia.

■1640

Kedua ialah dari segi RUU 355 yang telah banyak disentuh oleh rakan-rakan saya yang lain dalam Dewan yang mulia ini. Akan tetapi saya mungkin akan menyentuh sedikit dari segi ataupun sudut Rukun Negara.

Ketiga, isu berkaitan rasuah ini yang saya akan juruskan kepada soal *internal control* dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Keempat, isu-isu yang berkaitan dengan GLC ataupun syarikat berkaitan kerajaan dan syarikat pelaburan kerajaan.

Akhir sekali perkara yang berkaitan dengan pihak berkuasa koridor.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya teliti daripada Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, beliau menitahkan bahawa kita perlu mengukuhkan lagi kesepaduan dan integrasi nasional iaitu dalam secara ringkasnya, saya sebut Baginda menitahkan kita bahawa masyarakat kita ini hidup dalam harmoni. Di dalam Dewan ini juga daripada sahabat-sahabat saya mengutarakan beberapa

perkara yang saya rasa perlu saya nak sedarkan sedikit diri saya dan juga masyarakat ataupun rakyat kita bahawa di sini ada kadangkala kita menyatakan pandangan kita yang boleh menjejaskan keharmonian masyarakat.

Pertama sekali, dalam konteks ini negara kita terbahagi kepada dua iaitu Malaysia Barat dan Malaysia Timur dan ada rakan-rakan saya juga memberi pandangan dan juga membuat syor dan juga membuat tuntutan beberapa perkara yang seolah-olah kita ini hidup secara berasingan. Jadi saya hendak minta supaya soal perpaduan ini soal keharmonian di antara kita semua rakyat Malaysia ini jangan kita asingkan lah antara soal. Walaupun saya sedar bahawa kita hidup terpisah melalui negeri ataupun wilayah ataupun *locality* yang kita ini terutama sekali soal-soal orang Semenanjung dan orang Malaysia Timur. Jadi kalau kita sendiri dalam Dewan yang mulia ini, Ahli-ahli Dewan yang mulia ini kita yang meneriakkan soal tuntutan sesama kita jadi dia boleh membawa kepada ketidakharmonian ini.

Jadi saya hendak bawa soal ini kerana sudah menjadi dasar kerajaan saya rasa dasar kerajaan ialah kita hendak menyatupadukan, kita perlukan kesatuan di dalam semua wilayah ini di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri tanpa mengambil kira faktor geologi apa semua beliau telah meluluskan dengan pembinaan jalan Pan Borneo kalau saya tidak silap di Malaysia Timur. Jadi soal dasar Kerajaan Barisan Nasional saya rasa tidak dan kita tidak perlu curiga atau mencurigai di antara satu sama lain dalam melaksanakan soal pembangunan, soal kemajuan negara ini.

Oleh kerana ini saya membawa kita kepada soal Rukun Negara yang telah di formulasikan 47 tahun dahulu kalau diizinkan Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bacakan lah apa yang Rukun Negara itu. Dia ada lima prinsip kadangkala kita lupa prinsip-prinsip ini kebanyakan daripada kita rakyat dia berhujah di atas soal perlembagaan, hak dan tanggungjawab masing-masing. Akan tetapi kita kadangkala terlupa bahawa negara kita ini 47 tahun dahulu ataupun 48 tahun dahulu oleh sebab tidak ada keharmonian di antara kaum maka terjadinya lah perkelahian kaum pada tahun 1969. Akan tetapi Kerajaan Barisan Nasional daripada tahun 1970 telah merangka suatu prinsip untuk dianuti oleh semua rakyat Malaysia iaitu Rukun Negara.

Tuan Yang di-Pertua, prinsip kita ada lima prinsip di dalam Rukun Negara ini iaitu kalau diizinkan saya akan baca satu kerana ia ada kaitan juga untuk isu yang kedua iaitu RUU 355. Pertama, Kepercayaan kepada Tuhan, Kedua, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, keempat Kedaulatan Undang-undang, Kesopanan dan Kesusilaan. Saya sedar di dalam masyarakat kita sekarang kita tertinggal dan kita cuai dengan prinsip nombor lima iaitu Kesopanan dan Kesusilaan. Maka itulah keadaan yang menjadi kita porak-peranda dengan fitnah, tuduh menuduh, tohmahan, berita palsu oleh sebab kita sudah tinggal prinsip kelima iaitu Kesopanan dan Kesusilaan dalam hidup bermasyarakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, asas kepada kehidupan masyarakat kita ini ialah muafakatan antara sesama kita iaitu tidak membezakan etnik dia warna kulit, agama dan budaya masing-masing. Jadi kita hormati sejak daripada tahun 1970 kita hormati dan kita pegang ataupun, dengan izin, kita *ascribe* kepada nilai-nilai yang telah kita setuju pada tahun 1970. Akan tetapi apa nilai-nilai yang kita telah setuju itu kita sudah lalai dan kita sudah tinggalkan nilai-nilai ini. Maka inilah harga yang terpaksa kita bayar pada hari ini di mana kita sesama kaum seperti mana yang di bawa oleh rakan saya tadi Yang Berhormat Profesor Tan Sri Dr. Ibrahim tadi ini lah kerana kita tinggalkan lah muafakat kita tidak sama

dengan muafakat kita dahulu di mana beliau menyatakan bahawa dahulu antara kaum kita boleh hidup cara bersama tetapi sekarang nampaknya renggang sedikit hubungan kita antara etnik ataupun kaum ini.

Maka saya hendak minta supaya pihak kerajaan sudah 47 tahun kerangka Rukun Negara kita ini telah diformulasikan. Maka sudah sampai masanya mungkin Jabatan Perdana Menteri dapat memikirkan suatu kaedah ataupun suatu cara untuk kita menyatukan balik kaum-kaum di Malaysia ini seperti mana yang disebut oleh rakan saya Yang Berhormat Datuk Abidullah ini kalau di Thailand, kalau dengar *Negaraku* tidak kira di tempat mana, rakyat mereka berdiri menghormati lagu tersebut. Akan tetapi saya rasa di Malaysia ini sudah kurang kesetiaan kita ini kepada negara ataupun pegangan nilai-nilai sesama masyarakat.

Dalam konteks Malaysia Barat dan Malaysia Timur. Jadi kita telah melalui apa yang kita panggil sebagai kontrak sosial, ada yang termaktub dan ada yang tidak termaktub. Apa yang termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia sudah jelas dan saya rasa kerajaan memang menghormati apa yang termaktub di dalam Perlembagaan tersebut. Akan tetapi apa yang tidak termaktub inilah yang menjadi isu-isu yang menjadi kerisauan kepada semua seperti mana yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan sebelum saya, Tuan Yang di-Pertua.

Maka roh dan semangat Rukun Negara ini harus kita perhidupkan balik, harus kita pertingkatkan dan kita haruslah kembali hormat-menghormati antara satu sama lain dan dalam visi merealisasikan kontrak sosial, maka suatu dasar ataupun suatu perkara ini harus difikirkan oleh kerajaan.

■1650

Jadi itulah saya hendak sebutkan Tuan Yang di-Pertua. Dalam masyarakat majmuk ini, kita tidak dapat lari daripada berbeza pendapat tetapi bukanlah berbeza pendapat itu boleh menjadi benteng halangan antara hubungan kita. Saya fikir, kaum Melayu, kaum Cina, kaum India dan kaum-kaum etnik yang lain juga tidak ada masalah. Akan tetapi kita membiarkan, kita merelakan beberapa orang, beberapa individu ini untuk meniupkan sifat-sifat *racist* ini pun, kita biarkan mereka ini seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Khairul Azwan Harun tadi pun ialah soal *racist* misalnya DAP. Kita benarkan setiap masa dan jika kita tidak halang, kerajaan tidak mengambil suatu tindakan secara dengan kuat kuasa undang-undang untuk menyekat kembangnya kebencian yang dibuat oleh parti-parti pembangkang.

Maka sudah tiba masanya tindakan yang berasaskan kepada peruntukan undang-undang terus diambil. Kalau kita membiarkan lagi, maka saya tidak tahu apa yang generasi muda ini fikir. Adakah ini suatu yang direlakan oleh undang-undang ataupun tidak? Jadi sampailah masanya suatu tindakan undang-undang harus diambil terhadap Lim Kit Siang seperti mana yang diminta oleh sahabat saya, Yang Berhormat Khairul Azwan Harun tadi.

Itulah soal perkara pertama yang saya mampu sentuh, Tuan Yang di-Pertua dalam soal keharmonian yang mana dituntut ataupun yang telah dititahkan oleh Tuanku Yang di-Pertuan Agong iaitu toleransi dan keharmonian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tiga minit lagi.

Tuan Ramli bin Shariff: Ha? Baru mukadimah sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Okey, tidak mengapa.

Tuan Yang di-Pertua: Terdapat ramai orang lagi, Yang Berhormat.

Tuan Ramli bin Shariff: Baik. Baik. Saya hormati keputusan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Ramli bin Shariff: Kedua, *wassatiyyah* yang telah dititahkan oleh Baginda iaitu kesedaran di dalam institusi agama Islam. Saya juga hendak memetik bahawa dulu juga ada dititahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang sebelum ini iaitu Tuanku Al-Haj Abdul Halim. Baginda juga menekankan soal pemerkasaan institusi agama. Jadi sekali lagi Tuanku Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V, sekali lagi dalam Titah Baginda juga menyeru soal pemerkasaan undang-undang pentadbiran Islam.

Jadi maka tanggungjawab kitalah apabila kita semua harus mengambil perhatian serius kepada RUU 355 ini dari segi sudut Perlembagaan sudah tentu, tetapi dengan roh dan semangat rukun tetangga iaitu prinsip yang pertama sekali, kepercayaan kepada agama. Jadi kepercayaan kepada agama ini seperti mana yang disebut oleh rakan-rakan saya yang lain, jadi kita tidak menafikan agama-agama lain tetapi kita hendak memperkasakan agama Islam itu sendiri iaitu dengan roh dan semangat Rukun Negara.

Okey, ketiga. Tuan Yang di-Pertua, soal rasuah ini kita diberi taklimat. Semua itu soal penguasaan, soal di luar apabila perkara itu berlaku. Akan tetapi apakah langkah yang patut diambil oleh agensi yang terlibat ialah secara *internal control*. Apabila telah berlaku ataupun telah dapat dikenal pasti, telah disiasat, telah dibuat pendakwaan, apakah agensi ataupun suruhanjaya SPRM ini meletakkan sebarang *internal control*, dengan izin, kepada agensi yang terjadinya perlakuan jenayah rasuah itu? Itulah *point* saya iaitu minta supaya suruhanjaya SPRM ini merangka satu *internal control* kepada agensi-agensi ini yang telah dibuktikan ketirisan dan kebocoran.

Keempat, saya juga hendak buat aduan di sini bahawa soal syarikat berkaitan kerajaan ataupun syarikat pelaburan kerajaan ini, saya mintalah Menteri Kewangan mengambil perhatian serius bahawa syarikat-syarikat ini kurang mesra. Kurang mesra kepada ayat biasa, kurang mesra kepada kaum bumiputera apabila ada permintaan atau permohonan yang dibuat. Ini disebabkan ia melibatkan bukan kata pelantikan kepada pengerusi sahaja tetapi kepada pengurusan kanan.

Jadi berilah perhatian atau berilah pertimbangan yang baik kepada permohonan-permohonan yang dibuat oleh- Saya ambil contoh, kepada profesional-profesional bumiputera ini yang cuba mengorak langkah mendapatkan sedikit peluang di dalam GLC dan juga syarikat pelaburan kerajaan. Begitu juga letakkanlah individu ataupun orang-orang yang mewakili kepentingan politik di dalam pengurusan kanan. Saya sedar bahawa bakat profesionalisme kaum bumiputera ini ada. Berilah peluang kepada mereka untuk menduduki dalam pengurusan kanan GLCs dan syarikat pelaburan kerajaan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya mewakili negeri Perlis di mana agensi yang melakukan aktiviti komersial adalah *North Corridor Investment Authority* (NCIA). Jadi isu yang saya hendak cuba bangkitkan ialah berilah peruntukan ataupun perbelanjaan ini, sebahagian. Bukan kita minta semua, sebahagian daripada peruntukan untuk dimajukan oleh NCIA, berilah kepada negeri-negeri yang diperintah oleh Barisan Nasional, bukan semua. Misalnya di utara itu ialah Kedah, Perlis, Perak dan Penang. Jadi, peruntukan ataupun perbelanjaan ini peruntukkanlah kepada kerajaan-kerajaan negeri

bagi aktiviti-aktiviti sosial. Ini kerana kerajaan-kerajaan negeri memerlukan sokongan kewangan ini berasaskan pada bukan sahaja soal faktor komersial tetapi juga sebab-sebab sosioekonomi. Maksudnya sebarang keputusan aktiviti-aktiviti komersial ini, kita perlukan perbelanjaan-perbelanjaan tertentu.

Akan tetapi pada masa sekarang, segala-galanya disalurkan melalui koridor agensi pelaksana ini. Jadi saya minta kali ini supaya semakan ataupun bantuan itu dapat disalurkan juga kepada kerajaan-kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Ramli bin Shariff: Tuan Yang di-Pertua, Saya rasa kalau *time* itu cukup, saya pun rasa saya sudah secara ringkasnya, saya telah sebut apa yang saya hendak nyatakan pada hari ini. Dengan itu, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih di atas peluang ini dan saya dengan ini menyatakan sokongan kepada usul Titah Diraja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Datuk Zali.

4.58 ptg.

Datuk Zali bin Mat Yasin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang dan peluang kepada saya untuk membahaskan Titah Ke Bawah Duli Yang di-Pertuan Agong. Jadi saya mulakan dengan,

*Anak raja turun ke bendang,
Turun ke bendang menebang buluh,
Tuanku ibarat pohon yang rendang,
Tempat kami rakyat tumpang berteduh.*

Jadi pertama sekali, saya nyatakan bahawa dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu jelas menunjukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong sendiri amat puas hati dengan Mamanda Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memimpin negara kita. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara.

Pertama adalah berkaitan dengan keadaan isu yang dibangkitkan beberapa hari lalu ataupun minggu lalu berkaitan dengan kerajaan Negeri Melaka yang dituduh bahawa Kerajaan Negeri Melaka dan juga Kerajaan Malaysia khususnya nyatakan bahawa cuba menjual kawasan ataupun negara dan sesetengah kawasan kepada pelabur khususnya daripada negara China.

Kita tahu bahawa Melaka amat memerlukan pelaburan yang besar kerana Melaka merupakan sebuah negeri yang kecil dan tidak mempunyai sumber yang banyak. Jadi beberapa syarikat gergasi daripada negara China berminat memilih Melaka sebagai sebuah destinasi pelaburan yang besar.

■1700

Baru-baru ini kita mendapati bahawa kawasan *Melaka Gateway* telah pun dipilih oleh syarikat ini untuk melabur sebanyak RM40 bilion. Apa yang menyedihkan bahawa terdapat seorang tokoh ataupun negarawan negara telah menuduh bahawa Kerajaan Melaka cuba menjual aset dan juga kawasan ini kepada pelabur asing. Saya ingin menyatakan bahawa perkara ini adalah tidak benar. Yang Berhormat Ketua Menteri Melaka sendiri telah pun menafikan bahawa pelaburan di *Gateway*

Melaka ini adalah dalam keadaan selamat dan sentiasa menjaga kepentingan rakyat di negeri Melaka dan juga secara keseluruhannya negara Malaysia. Jadi, fakta ini adalah tidak betul.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai soal sekolah rendah agama rakyat ataupun kalau di Melaka lebih popular dengan sekolah rendah agama Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM). Kalau di Selangor ia ada sekolah KAFA. Kita sedia maklum bahawa sejak kebelakangan ini keadaan ekonomi tidaklah menyebelahi kita dan juga bajet-bajet negara semakin tidak semewah ketika kita menikmati ekonomi yang begitu besar.

Jadi, kebanyakan sekolah-sekolah rendah agama ini, khususnya di Melaka dan mungkin juga di Malaysia, kebanyakan rakyat di kampung-kampung dan juga di kawasan bandar, mereka berebut-rebut untuk meminta kerajaan supaya membina sekolah-sekolah agama ini. Kita bersetuju tetapi apa yang kita lihat ialah permasalahan yang besar akan berlaku pada masa akan datang ialah pada masa kini pun kita sudah melihat bahawa kewujudan sekolah-sekolah agama ini amat baik dan rakyat kita pun semakin cenderung dan prihatin, suka supaya anak-anak mereka pergi untuk mengikuti sekolah-sekolah agama ini.

Akan tetapi apa yang menjadi permasalahan ialah kebanyakan sekolah-sekolah rendah agama yang dibina ini, baru dibina tetapi isu yang paling besar ialah tidak mempunyai bilik darjah yang cukup. Ini kerana apa kita tahu, contoh di kampung saya, Kampung Paya Rumput. Studen yang berada ataupun pelajar yang belajar di Sekolah Kebangsaan Paya Rumput jumlahnya adalah seramai 1,000 orang. Kemudian mereka ini kebanyakan anak-anak di Sekolah Kebangsaan Paya Rumput ini kebanyakan akan pergi bersekolah rendah agama pada waktu petang.

Sebelum ini, kebanyakan anak-anak ini menumpang di Sekolah Kebangsaan Paya Rumput ini untuk mereka mengikuti kelas agama pada waktu petang. Kemudian kehendak rakyat supaya dibina sekolah rendah agama ini pada waktu petang. Maknanya, bangunan sekolah rendah agama ini. Akan tetapi apa yang berlaku ialah apabila sudah siap, sekolah rendah agama ini pula tidak dapat menampung jumlah pelajar yang ramai.

Jadi, saya melihat ini akan menjadi satu isu yang baru, yang mana rakyat akan menyalahkan kerajaan pada masa akan datang. Sedangkan sekarang pun kita menghadapi masalah kerana lambakan pelajar yang ramai di sesetengah kawasan, terutama sekali kawasan bandar. Jadi, saya melihat kerajaan, pihak kementerian yang berkaitan perlu mengambil inisiatif.

Pertama ialah pihak Kementerian Pendidikan Malaysia atau Jabatan Pendidikan Negeri boleh memanggil pihak Jabatan Agama Islam Melaka atau negeri-negeri yang lain duduk berbincang supaya sekolah kebangsaan sesi pagi ini, harian biasa ini di *utilize*, digunakan sepenuhnya untuk pelajar-pelajar belajar agama pada sesi petang supaya mereka boleh mengguna pakai bangunan ini kerana telah pun mempunyai *facilities* dan kemudahan yang cukup. Ada meja, ada kerusi, ada papan hitam, *whiteboard* dan sebagainya. Jadi, ini secara tidak langsung dapat mengurangkan beban kerajaan dan juga kita hendak perlu bina bangunan yang baru, ini perlukan kos. Ia tidak boleh selesaikan masalah kerana tuntutan nanti tidak akan cukup bilik darjah dan sebagainya. Jadi, saya fikir perkara ini perlu dipandang serius oleh pihak Kementerian Pendidikan dan juga pihak-pihak yang berkaitan.

Seterusnya, perkara yang berkaitan dengan isu judi *online*. Jadi, saya baru-baru ini saya melihat bahawa isu ini adalah amat serius. Isu judi *online* kerana saya lihat sehinggakan kawan saya

sendiri pun, mereka dalam diam-diam menggunakan *handphone* mereka, saya tanya, “*Apa yang you buat?*”. Rupanya dia tengah menggunakan kemudahan *handphone* dia untuk bermain judi secara *online*. Ada yang untung dan ada juga yang tidak untung. Saya yakin dan percaya kalau difikirkan secara positifnya, secara tidak langsung ini juga boleh memberi satu kelebihan dan juga penambahan pendapatan kepada mereka yang tidak bekerja, terutama sekali golongan muda.

Secara tidak langsung, ia juga boleh menjadi negatif kerana apa, judi secara *online* ini boleh menyebabkan mereka kehilangan pendapatan yang mereka dapat setiap bulan kerana mereka bermain judi secara *online*. Jadi, saya hendak tanya bahawa pihak yang berkaitan, bagaimanakah kaedah pemantauan ataupun hukuman yang boleh dikenakan supaya tidak perkara ini menular ataupun judi secara *online* ini tidak ada sekatan.

Ini kerana kita tahu sebelum ini pihak berkuasa boleh mengambil tindakan judi secara konvensional, sabung ayam ataupun kalau dulu ada judi main mahjong, judi main pakau atau kad, ataupun judi nombor ekor, *Magnum*, *Toto* dan sebagainya. Ini didaftarkan dan boleh dikawal. Akan tetapi yang kita kluatir ialah judi secara *online* yang bukan hanya dimainkan oleh golongan remaja, belia tetapi juga orang dewasa. Apa yang lebih menyedihkan ialah adanya anak-anak, pelajar kita, *student* yang hari ini mereka menggunakan judi *online* ini untuk menambahkan pendapatan mereka ataupun secara suka-suka. Jadi, yang ini juga pihak berkuasa harus melihat perkara ini dengan penuh serius.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara berkenaan dengan pelajar asing di Malaysia. Kita tidak nafikan bahawa kalau kita semakin maju, semakin dikenali dan sistem pendidikan kita semakin baik, maka sudah pasti bukan hanya pekerja asing datang untuk mencari rezeki di Malaysia tetapi pelajar asing juga suka untuk menerima ataupun belajar– pendidikan, belajar di Malaysia. Jadi, sudah menjadi satu tumpuan pelajar-pelajar asing yang datang ke Malaysia. Kalau saya di Melaka, kita ada *Multimedia University* (MMU) yang mana kita boleh katakan hampir 20 hingga 30 peratus *student*nya adalah daripada luar negara.

Akan tetapi apa yang kita risau ialah Tuan Yang di-Pertua, mereka ini datang menggunakan visa untuk belajar, pendidikan. Akan tetapi selepas itu ada juga sesetengah mereka yang menyalahgunakan visa pelajar ini dengan cara mereka terlibat dengan kegiatan yang tidak bermoral. Kita kluatir lagi ialah mereka mengganggu suasana keamanan rakyat tempatan yang mana mereka ini selalunya menguasai kawasan-kawasan tertentu. Mereka tidak menghormati adat resam tempatan. Mereka buat bising, mereka memakai pakaian yang kalau orang lelaki dia suka kerana mencolok mata, terdedah dan sebagainya.

Jadi, yang ini juga harus dilihat semula, apakah syarat mereka? Apakah yang perlu mereka patuhi sekiranya mereka menjadi studen di sebuah universiti yang ada di negara kita. Itu belum lagi pelajar asing ini yang selepas belajar, mereka pula merebut peluang pekerjaan untuk terus tinggal di negara kita. Akhirnya, mengakibatkan bahawa pelajar kita yang telah pun memperoleh ijazah, *master*, PhD dan sebagainya mereka tidak dapat peluang ini kerana diambil oleh pelajar-pelajar daripada negara luar ini. Jadi, yang ini juga saya minta supaya pihak Kementerian Pengajian Tinggi dapat melihat semula masalah ini dan mengatasi permasalahan tersebut.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai perkara yang berkaitan dengan penggunaan getah dalam pembinaan jalan raya. Kita menyambut baik saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya Jabatan Kerja Raya (JKR) membina jalan raya dengan campuran getah. Kaedah berkenaan bukan sahaja dilihat mampu menambah kualiti jalan raya tetapi juga dapat meningkatkan lagi penggunaan getah di negara kita, sekali gus membantu seramai hampir 447,000 pekebun-pekebun kecil di seluruh negara.

Jadi, getah secara tidak langsung akan meningkat, harga getah akan meningkat naik dan juga penoreh-penoreh getah ini akan dapat menambah pendapatan mereka. Hasil penyelidikan awal oleh Lembaga Getah Malaysia pada tahun 2014 mendapati bahawa penggunaan getah beku ataupun *cup lump modified bitumen* (CMP) dalam penurapan jalan raya adalah lebih baik berbanding dengan binaan konvensional.

■1710

Jadi hasil kajian itu juga menunjukkan jalan raya menggunakan campuran getah beku ini memberikan prestasi lebih berkualiti. Dan ia dapat mengurangkan kos penyelenggaraan dalam jangka masa panjang di samping mampu memberi keselesaan kepada pengguna. Yang ini juga saya hendak sentuh ada rakan kita semalam mengatakan bahawa jalan raya kita ini teruklah, kementerian tidak ambil beratlah lambat turaplah, satu hari turap besok bitumen dia tertanggal semula.

Akan tetapi saya hendak beritahu bahawa, kita punya syarikat pembinaan lebuhraya ini telah pun dipanggil untuk membina lebuhraya di India. Sampaikan di Arab Saudi, bermakna kita punya syarikat pembinaan lebuhraya adalah di peringkat *international level* bukan *standard* macam rakan kita kata macam tidak berkualiti dan sebagainya. Yang ini saya tidak berapa setuju kerana itu mungkin kes terpencil. Akan tetapi saya yakin dan percaya di Melaka, kalau hari ini berlubang, besok wakil rakyat saya, dia sendiri pun akan lihat. Silap-silap boleh duduk dalam lubang itu supaya cepat dibetulkan, diturap dengan segera.

Jadi saya yakin dan percaya masalah ini tidaklah seserius yang diuar-uarkan. Jadi saya masih beranggapan bahawa kerajaan PBT, kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan kita masih lagi cekap menguruskan permasalahan ini. Jadi justeru itu saya harap Jabatan Kerja Raya dapat mempercepatkan pelaksanaan cadangan berkenaan dan kebaikan untuk kita semua.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya amat terima kasih kepada kerajaan kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak yang telah pun memberikan perhatian terhadap nasib golongan muda di negara ini menerusi pemberian BR1M diikuti dengan pelbagai skim kewangan serta perumahan. Usaha ini dilihat mampu untuk membantu golongan muda yang kita tahu bahawa kebanyakan mereka ini masih lagi dibelenggu dengan pelbagai masalah terutama sekali kos sara hidup. Jadi saya dengan ini menyokong Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat.

5.12 ptg.

Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam negaraku Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengambil bahagian di dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titi Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk persembahkan ucapan tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V kerana telah dilantik sebagai Yang di-Pertua Agong Kelima Belas. Seorang Raja berjiwa rakyat dan sebagai rakyat Kelantan sudah tentu saya sangat berbangga.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah sebuah negara yang unik dalam pelbagai perkara. Komposisi rakyatnya yang unik dengan pelbagai bangsa keturunan, agama, bangsa, pendidikan dan termasuklah kepelbagaian makanan. Akan tetapi rakyatnya telah dapat hidup aman dan damai kerana negara ini telah ditadbir oleh sebuah kerajaan yang berpengalaman, komited, berorientasikan rakyat dan berpandangan jauh sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 sehingga kini. Dalam perjalanan sebuah negara, di samping telah mencapai pelbagai kejayaan dalam membangun dan menyejahterakan rakyat, terdapat juga pelbagai gangguan dan rintangan dalam perjalanan itu.

Peristiwa duka yang terlakar pada 13 Mei 1969, bencana duka keruntuhan *Highland Towers*, peristiwa misteri kehilangan MH370, kemalangan pesawat MH17 yang ditembak jatuh, peristiwa Negeri Sabah diserang pengganas dan pelbagai peristiwa politik yang tegang yang hampir mencetuskan bencana telah mengganggu dan mewarnai perjalanan negara kita. Namun negara ini terus bergerak maju dan telah mencapai lebih banyak kejayaan demi kejayaan berbanding dengan kegagalan. Kejayaan inilah yang telah memungkinkan rakyat berbilang kaum hidup aman sentosa dan sejahtera. Demikianlah harapan kita agar anak cucu kita dapat terus hidup seperti yang kita nikmati. Maka sangat penting difahami, bahawa negara ini akan hanya boleh berada dalam keadaan aman sejahtera jika kita terus pertahankan sebuah kerajaan yang meletakkan kepentingan rakyat di hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengekalkan keberadaan seperti sekarang, sangat penting dirancang sumber insan atau modal insan. Bermula dengan golongan muda, sebagai pewaris kepimpinan, mereka perlu dilengkapi dengan pendidikan sempurna dan baik dalam pelbagai ilmu. Kini terdapat 20 universiti awam yang menawarkan pelbagai kursus termasuk kursus tradisional yang popular seperti perubatan, kejuruteraan, undang-undang dan pelbagai pendidikan kemahiran.

Walau bagaimanapun, pada ketika ini terdapat jurang yang agak luas di antara jumlah graduan yang dilahirkan berbanding jumlah pekerjaan di pasaran guna tenaga. Terutama apabila terdapat ketidakpadanan ataupun *mismatch* di antara bidang yang dipelajari dengan permintaan pasaran guna tenaga. Dengan itu angka pengangguran akan meningkat ataupun telah meningkat.

Saya menyarankan Kementerian Sumber Manusia mengkaji dengan mendalam dengan mengeluarkan indeks keperluan guna negara dengan fokus lima tahun ke hadapan. Manakala universiti dan institusi pengajian kemahiran mengadakan kursus keperluan guna tenaga negara. Kolaborasi Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pendidikan Tinggi dipertingkatkan supaya data-data keperluan guna tenaga dan keperluan bidang-bidang pekerjaan dapat dihasilkan dengan baik dan berkesan serta dikongsi dengan agensi-agensi berkenaan.

Saya sangat bersetuju, di beberapa buah universiti tempatan terdapat anjakan pemikiran dalam mendepani masalah pengangguran graduan dengan membuat persiapan awal kepada pelajar-pelajar. Mereka digalakkan membuat persiapan mental agar tidak menjadi pencari pekerjaan sebaliknya sebagai pencipta pekerjaan. Sebagai contoh, di Universiti Malaysia Kelantan, pelajar-pelajar dibantu untuk menubuhkan syarikat sendiri dan syarikat pelajar ini dibantu dengan modal permulaan oleh universiti. Mereka didedahkan dengan perniagaan sebenar yang akan membantu mereka menjana pendapatan kelak apabila bergraduan tanpa menunggu dan mencari pekerjaan. Saya sarankan supaya universiti-universiti lain mencontohi Universiti Malaysia Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, cabaran kerajaan seterusnya adalah menyelesaikan masalah penagihan dadah di kalangan remaja. Masalah ini tidak kunjung padam sejak dahulu sehingga sekarang. Dilaporkan dengan peruntukan yang tinggi dan undang-undang yang keras dengan hukuman yang berat, masih lagi terdapat lebih kurang 60 hingga 70 orang penagih baru setiap hari. Ini telah dimaklumkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri. Angka ini saya terbaca di akhbar. Sekiranya benar laporan ini, ia adalah ancaman keselamatan yang jelas yang perlu tindakan baru.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan perlu mengambil langkah drastik dan lebih keras kepada pengedar dan pengeluar dadah. Apa yang dilakukan oleh bekas Perdana Menteri Thailand iaitu jiran kita Thaksin Shinawatra dan juga Presiden Filipina, Rodrigo Duterte ada kewajarannya tersendiri. Sesuai dengan keadaan negeri, mereka mempunyai keyakinan bahawa dengan menghapuskan hanya seorang pengedar dadah, ia boleh menyelamatkan seribu orang penagih baru. Mereka melakukan usaha penghapusan dengan terbuka walaupun mendapat kritikan di dalam dan di luar negara.

Saya tidaklah hendak mencadangkan cara itu ditiru dan saya juga tidak menyokong cara itu. Akan tetapi saya syorkan kerajaan membuat penambahbaikan dan perbaiki kaedah penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada supaya ia menjadi lebih efektif dan meyakinkan rakyat. Proses untuk menghukum pengedar dadah memakan masa yang lama dan keperluan pembuktian yang sangat halus dan teliti demi keadilan. Baru-baru ini, semasa diadakan kempen gerakan perang dadah habis-habisan di peringkat negeri Kelantan, saya telah dilantik sebagai *focal person* untuk membantu kempen ini. Saya terkejut apabila mendapati hampir setiap kampung terdapat pengguna dan penagih. Saya bimbang buat masa ini di setiap kampung di masa akan datang mungkin di setiap rumah. Ini sangat menakutkan.

■1720

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu masyarakat dan pemimpin tempatan perlu dilibatkan dalam memerangi gejala dadah ini. Sesuatu yang tegas perlu dilakukan segera kerana kita ingin menyelamatkan remaja kita. Remaja adalah aset negara dan bakal pemimpin negara ini. Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan program kerajaan yang digerakkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seperti TN50 atau Transformasi Nasional bagi merencana program-program pembangunan 50 tahun akan datang di mana ia mengambil kira pandangan dan idea orang muda untuk masa depan mereka sendiri. Mencipta hala tuju dan menggaris dasar untuk generasi mereka. Ini menandakan kerajaan peka dan menghormati serta mendengar masalah mereka.

Saya juga ingin menyentuh sedikit masalah golongan profesional yang menjalankan perniagaan sendiri terutama bagi profesional muda yang baru menjalankan praktis seperti jurutera,

arkitek, juruukur dan lain-lain. Mereka merupakan majikan yang akan memberi peluang pekerjaan kepada rakyat kita. Kesemua profesion ini dikawal oleh akta profesion masing-masing termasuk hal-hal berkaitan fi ataupun upah yang telah lama diguna pakai untuk projek kerajaan dan swasta. Akta atau fi ini, *schedule of fee* ini telah melewati 20 tahun sesetengahnya tetapi golongan ini jarang bersuara secara terbuka, jadi adalah wajar *schedule of fee* ini dikaji semula memandangkan keadaan kos mengendali perniagaan yang meningkat.

Sebagai contoh, profesion juruukur tanah yang dikawal oleh Akta Juruukur Tanah Berdaftar, *fee* ataupun upah ukur kali terakhir disemak adalah pada tahun 1997 iaitu 20 tahun yang lalu. Manakala Indeks Harga Pengguna atau CPI telah meningkat berganda sejak 20 tahun yang lalu tetapi fi mereka tidak berubah. Lebih-lebih lagi kerajaan telah menetapkan gaji minimum pekerja sebanyak RM1,200 juga telah menjejaskan kos operasi mereka maka adalah sangat wajar kerajaan melalui Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar supaya dapat mengkaji semula *schedule of fees* dan mempertimbangkan untuk kelulusan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana telah menyediakan peruntukan yang besar untuk pelbagai kemudahan dan program masyarakat di bandar di seluruh negara termasuk di negeri Kelantan. Hal-hal berkaitan kesejahteraan bandar telah banyak diselesaikan termasuk program perumahan rakyat dan sebagainya. Akan tetapi dukacita di negeri Kelantan masih lagi kedengaran suara dari pembangkang yang mengatakan negeri Kelantan dianaktirikan oleh Kerajaan Persekutuan, ini tidak benar sama sekali.

Pada tahun 2016, Kerajaan Persekutuan telah mengeluarkan peruntukan hampir RM20 juta hanya untuk membangunkan majlis daerah atau membantu majlis-majlis daerah di seluruh negeri Kelantan. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai pembangunan hartanah khususnya di negeri Kelantan berdasarkan laporan *National Property Information Centre* (NAPIC) pada tahun 2016.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, rumuskan dalam tiga minit.

Datuk Haji Sr. Hanafi bin Haji Mamat: Okey. Kelantan menduduki tempat kedua dari bawah sebelum Perlis dari segi jumlah hartanah yang diurus niaga tetapi kita tidak pertikaian laporan itu malah menerima hakikat itu. Walau bagaimanapun sepatutnya oleh sebab industri ini tidak sebesar mana berbanding dengan negeri lain, urusan permohonan pemaju hartanah lebih cepat dan mudah sebaliknya ia memakan masa yang lama dan kos memproses permohonan pembangunan sangat tinggi. Walaupun terdapat *one-stop centre* untuk melicinkan permohonan tetapi ia memakan masa lebih setahun bermula dari proses permohonan kebenaran merancang sehingga pengeluaran surat hak milik sementara.

Saya difahamkan di sesetengah daerah OAC ataupun *one-stop centre* bermesyuarat hanya sebulan sekali sedangkan jumlah permohonan yang tertunggak tinggi dan oleh sebab itu kelewatan kelulusan berlaku dan ini akan menjejaskan pendapatan negeri dan juga negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga merakamkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana telah membina pelbagai kemudahan untuk kesejahteraan rakyat Kelantan. Terkini ialah pembinaan lebuh raya Kota Bharu-Kuala Krai yang menghubungkan *Central Spine Road* melalui

negeri Pahang. Anak-anak Kelantan di perantauan tidak lagi akan terkandas dalam kesesakan apabila balik ke Kelantan di musim perayaan. Kalau dahulu perjalanan pulang ke kampung mengambil masa lebih daripada 15 jam tetapi apabila siap lebu raya nanti, perkara ini akan menjadi sejarah.

Tuan Yang di-Pertua, di seluruh negara dan di setiap negeri terdapat agensi-agensi kerajaan untuk membangunkan wilayah-wilayah di bawah tanggungjawabnya seperti DARA, KEJORA, KESEDAR, MADA dan lain-lain. Di negeri Kelantan terdapat agensi sedemikian seperti KESEDAR untuk membangunkan wilayah selatan dan tengah, KADA untuk mengerakkan pembangunan pertanian tetapi tidak ada satu agensi khusus untuk mengerak dan menyelaras pembangunan di utara negeri Kelantan yang mempunyai tumpuan penduduk yang padat. Maka yang ada adalah ECER yang buat masa ini perannya terhad kepada aspek pembangunan sosioekonomi terpilih sahaja.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan Kerajaan Persekutuan menubuhkan sebuah agensi khas untuk menumpukan kepada kemajuan wilayah utara negeri Kelantan dan yang boleh dinamakan sebagai Lembaga Kemajuan Kelantan Utara bertujuan membangunkan kawasan demi kesejahteraan rakyat. Saya rasa ini akan disambut baik dengan penuh kegembiraan oleh rakyat Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja ucapan menjunjung kasih saya ke atas Titah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dan saya mohon menyokong. Sekian. *Wabillahi taufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, dari hari Isnin kita ada perbincangan tetapi ada juga di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberikan nama pada masa akhir. So disebabkan itu kita kena buat- kita kesuntukan masa dan juga kita kena buat *adjustment* sebab ada 14 orang yang hendak pergi jamuan malam ini. So, oleh sebab itu saya minta maaf kalau saya singkatkan masa untuk perbincangan.

Sila Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor, silakan.

5.28 ptg

Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. *Alhamdulillah* Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah berjaya menyempurnakan titah dan amanat sulung Baginda sempena Pembukaan Dewan Negara Malaysia, Parlimen Ketiga Belas, Penggal Kelima, Mesyuarat Pertama pada 6 Mac yang lalu.

Titah dan amanah terutama Tuanku yang meliputi pelbagai aspek kehidupan dan *domain* kesejahteraan rakyat juga telah dibahaskan dengan gigih dan berkesan oleh Ahli-ahli Dewan dengan penuh berhemah dan juga bertanggungjawab.

Semua pihak sentiasa yakin dan ketahui bahawa titah dan amanat Baginda telah mengambil kira pelbagai aspek kehidupan rakyat dalam setiap lapisan strata aktiviti masyarakat melalui semua sudut pandangan kepimpinan termasuk orang ramai, badan-badan bukan kerajaan, cendekiawan, ketua isi rumah, pelbagai lapisan gender, tenaga karyawan, golongan ulama, para mahasiswa dan pemimpin-pemimpin akar umbi dalam masyarakat Malaysia.

Penekanan utama Baginda dan Kerajaan Baginda adalah tonggak kepada tanggungjawab kerajaan Baginda untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang selamat dan masyarakat Malaysia

sebagai sebuah masyarakat yang bertamadun dan sejahtera berlandaskan komitmen kerajaan kepada prinsip rakyat didahulukan, pencapaian kerajaan diutamakan.

■1730

Sesungguhnya keprihatinan Seri Paduka Baginda terhadap rakyat dan negara sangat terserlah melalui titah baginda yang meliputi pelbagai aspek seperti keselamatan, ketenteraan, ekonomi, pembangunan, insaniah dan tenaga kerja yang berkualiti, kos sara hidup, jaringan keselamatan rakyat, perumahan, pengangkutan, kebajikan, keselamatan makanan, isu-isu wanita, keluarga dan komuniti, alam sekitar, Transformasi Nasional 2050 ataupun TN50, pendidikan, kesepaduan rakyat, hidup *berwasatiyyah*, misi anti rasuah, menangani bencana alam terutama banjir serta isu-isu lain yang sama penting kepada rakyat dan negara.

*Daulat Tuanku penjaga amanah,
Taat laksana janji dan sumpah,
Terhadap rakyat Baginda peramah,
Terhadap semua Baginda pemurah.*

*Kepada Baginda, merafak sembah,
Patik berdoa sentiasa gagah,
Besar faedah rezeki bertambah,
Negara makmur, rakyat bermaruah.*

Alhamdulillah, sesungguhnya Titah dan amanat sulung Baginda telah disifatkan oleh ramai rakyat sebagai komitmen berterusan institusi beraja untuk baginda dan kerajaan baginda terus memacu pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sumber manusia yang mampan, sekali gus menjana manfaat kepada pelbagai pihak dan kesejahteraan semua lapisan rakyat berteraskan kepada pertahanan negara yang kukuh dan keselamatan negara yang perkasa.

Cabaran bersama. Kita meneliti dan mengamati Titah dan amanat Titah Diraja. Banyak perkara yang boleh kita analisis dan sintesis. Banyak isu yang boleh dijadikan sebagai kayu ukur dan aras kerja serta bahan-bahan yang boleh kita ambil sebagai iktibar, rumusan dan garis panduan untuk kita bersama menjayakan agenda kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat dan makmur.

Namun, kita perlu menghalusi setiap perkara yang dikemukakan oleh baginda dengan sikap kita yang terbuka tetapi taat, berfikiran tajam tetapi berkat, berkritis dan inovatif tetapi bertempat dan bertindak cerdas dan tegas tetapi beralas. Saya ingin memberi beberapa pandangan yang boleh difikirkan dan gerakan bersama berdasarkan kepada titah dan amanat Baginda Tuanku.

Pertama ialah keselamatan dan pertahanan negara. Saya menjunjung kasih terhadap Ke Bawah Duli Tuanku atas kata-kata pujian dan penghargaan kepada pasukan pertahanan negara iaitu kepada Angkatan Tentera Malaysia dan juga PDRM. Sebagai bekas tentera dan wakil pasukan keselamatan dan pertahanan negara dalam Dewan ini, saya amat rasa tersentuh dengan titah awal Baginda Tuanku yang memberi penghormatan yang sangat besar dan bererti kepada ATM dan PDRM juga veteran-veteran dalam ATM dan PDRM.

Sesungguhnya, titah ini merupakan tiupan semangat dan dorongan motivasi untuk anggota keselamatan dan pertahanan negara untuk terus berbakti dan berkorban mempertahankan kedaulatan negara yang tercinta ini.

Saya ingin menyentuh tentang pertahanan negara. Saya amat yakin dan percaya dan merasa selamat di Malaysia ini kerana kita ada PDRM dan juga ATM yang profesional dan sentiasa siaga menentukan keamanan dan keselamatan negara Malaysia. Dengan adanya aset-aset yang canggih dan moden, ATM adalah setanding dengan angkatan tentera di rantau ini terutama dengan aset-aset *state of the art*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Aset strategik negara. Walaupun masih ada perasaan waswas tentang kesiagaan aset kapal selam negara iaitu ada persepsi yang percaya bahawa kapal selam tidak boleh selam. Saya ingin berkongsi dengan mereka ini kedudukan sebenar kapal selam kita. Baru-baru ini saya telah dapat peluang untuk menyelam dengan kapal selam kita. Saya sangat kagum dengan tahap kompetensi dan skil anak watan kita yang mengendalikan kapal selam yang sangat sofistikated ini. Kalau dahulu kita hantar pegawai dan lasykar dilatih selama empat tahun di negara Perancis yang memakan belanja sebanyak RM4 juta seorang tetapi sekarang ini kita telah mula melatih anak watan, pegawai-pegawai dan tentera laut di negara sendiri dan dengan harga RM250,000 ke setengah juta seorang. Bermakna setakat ini seramai 80 orang telah pun lulus dan kompeten untuk mengendalikan kapal selam yang menjadi kebanggaan negara ini.

Saya hendak bawa isu Hari Pahlawan 31 Julai. Semua sedia maklum, Hari Pahlawan ini telah diiktiraf sebagai atur cara rasmi negara. Tiga atur cara akan dikendalikan oleh Jabatan Protokol, JPM tiap-tiap tahun iaitu khutbah Jumaat, tahlil dan perbarisan Hari Pahlawan tanggal 31 Julai. Beberapa negeri juga turut menyambut Hari Pahlawan. Diperhatikan, tidak semua negeri di Malaysia ini menyambutnya. Diperhatikan, sambutan Hari Pahlawan ini tidaklah sebegitu menyeluruh dan seragam. Pengisian pun tidak begitu padat dan berkesan.

Jadi saya cadangkan kerajaan mengambil kira untuk menambah baik sambutan Hari Pahlawan supaya lebih holistik dan inklusif.

Pertama, kita seragamkan sambutan supaya pada tanggal 31 Julai, semua negeri di Malaysia ini akan sambut serentak.

Kedua, untuk meningkatkan kesedaran dan rasa patriotik, semua peringkat sekolah, universiti, kementerian-kementerian dan rakyat jelata dijemput mengambil bahagian.

Ketiga, dicadangkan juga pengisian berciri patriotik ini dimuatkan ke dalam media TV satu minggu sebelum tarikh dan satu minggu selepas Hari Pahlawan.

Keempat, tahun lepas Ahli Parlimen Dewan Rakyat sudah mula menyumbang kepada Tabung Pahlawan. Jadi saya menjemputlah sahabat-sahabat kita di Dewan ini untuk tahun ini kita pun bersama-sama menyumbang kepada Hari Pahlawan. Terima kasih.

Seterusnya, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan infrastruktur di Langkawi semasa penganjuran LIMA 17. Semalam kita dengar dengan penuh panjang lebar penerangan Yang Berhormat Menteri Pertahanan di mana LIMA 17 ini sangat berjaya dan terbesar sekali sejak dianjurkan. Ini kali keempat belas LIMA dianjurkan. Masih kita lihat tidak ada kemudahan *aerobridge* di Lapangan Terbang Langkawi. Bermakna, pada tahun yang kita anjur LIMA, ramai delegasi orang-orang kenamaan akan hadir di Langkawi. Maka kalaulah kita biarkan kemudahan Lapangan Terbang Langkawi tidak ada kemudahan yang canggih dan terkini, maka nampak sangatlah kita ini belum lagi bersedia untuk menjadi hos kepada satu acara yang sangat besar di rantau ini. Jadi saya cadangkan kepada

Kementerian Pengangkutan dan hendak tanya juga, bilakah Lapangan Terbang Langkawi ini dinaiktarafkan?

Isu veteran yang sangat dekat kepada saya kerana saya menjadi Presiden Veteran kepada 153,600 orang tetapi keseluruhannya statistik menunjukkan kita ada 288,000 veteran di negara ini.

■1740

Saya terpanggil untuk bertanya Kementerian Pertahanan, sejak kita wujudkan Akta Veteran 2012 di Parlimen ini, di Dewan ini diluluskan, bilakah Majlis Veteran Kebangsaan bersidang dan menggubal dasar-dasar veteran dan juga menghalusi 10 *blueprint* 1 Veteran yang telah pun diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan dan bilakah ia diimplementasikan? Isu hangat yang telah pun dibangkitkan oleh warga Veteran. Pertama ialah iaitu penyelarasan pencen. Baru-baru ini Yang Berhormat Dato' Sri Azalina telah menyatakan kerajaan tidak akan menyelaras isu pencen yang sekarang ini kerana ia telah diberi kenaikan dua peratus tiap-tiap tahun. Mohon pencerahan dalam isu ini. Kedua isu veteran yang tidak berpencen, apakah tindakan kementerian untuk mencadangkan satu skim yang sesuai untuk kelompok ini iaitu seramai 170,000 orang.

Sesungguhnya isu yang seterusnya ialah isu keselamatan pemakanan. Pandangan Tuanku kepada aspek keselamatan pemakanan atau dengan izin, *the food security*, sangat tepat dan relevan dengan pembangunan dan perkembangan negara terutama dengan peningkatan jumlah penduduk melebihi 30 juta. Tabiat dan pemikiran kita sebagai negara berasaskan tani wajib dijayakan dengan amalan dan tabiat yang betul terhadap keselamatan pemakanan. Aktiviti dan program seperti agromakanan adalah satu usaha kerajaan yang sangat tepat pada masanya. Sasaran lima peratus sumbangan Agromakanan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah sesuatu yang realistik.

Oleh itu, saya menyokong tindakan kementerian untuk mengangkat sektor agromakanan ke tahap yang tinggi, yang boleh kita capai. Isu seterusnya ialah isu budaya. Ramai orang hari ini sudah lupa pada diri dan budayanya. Mereka sering pertikai dengan soalan apa ada pada nama, apa ada pada agama, apa ada pada negara? Sesungguhnya individu dan budaya berpisah ada. Kita ada akal dan akar, kita ada tubuh dan sejarah dan kita ada rupa dan maknanya.

*Namanya baik, budayanya elok,
Tahu di mana tempatnya duduk,
Faham amanah ia peluk,
Tahu menyemak baik dan buruk,*

*Hati lapang lidah pun lurus,
Kata indah bahasa pun mulus.*

Sejak kebelakangan ini banyak insiden penghakisan budaya dan keonaran budaya yang semakin menghancurkan jati diri dan jati budaya anak Malaysia. Budaya kita sangat penting untuk kita kekalkan sebagai warisan hidup yang menjadi pedoman dan doktrin hidup. Contohnya dalam kehidupan tentera, doktrin melalui disiplin dan rutin adalah amat penting sebagai budaya yang wajib dianuti. Justeru, saya mengalu-alukan hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang impikan masyarakat Malaysia moden di antara 20 buah negara baik dunia. Kebagusan kita bukan hanya

sekadar pendapatan kasar negara dan per kapita yang tinggi tetapi juga dari segi ketinggian budaya dan maruahnyanya.

Justeru, saya mengalu-alukan ketegasan resolusi Kongres Budaya 2017 pada 15 April yang lalu bertempat di Universiti Kebangsaan Malaysia iaitu:

- (i) mempertahankan dan menyemarakkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan;
- (ii) Islam sebagai agama bagi Persekutuan;
- (iii) Perlembagaan Persekutuan dipertahankan;
- (iv) Rukun Negara sebagai tiang seri negara;
- (v) kedudukan Majlis Raja-Raja; dan
- (vi) pencapaian ekonomi bumiputera.

Isu antarabangsa. Kecekapan diplomatik kerajaan kita adalah luar biasa dan hebat. Kita berjaya menggunakan kecekapan berunding pada peringkat antarabangsa dalam situasi konflik dan krisis yang sangat serius. *Alhamdulillah*, kita berjaya dengan bergaya berkat bantuan semua pihak. Kita berjaya berunding bersama pihak Filipina, pihak Myanmar, negara-negara Arab dan rantau Asia Pasifik dengan begitu baik.

Episod perundingan terakhir kita adalah bersama Kerajaan Korea Utara yang menyaksikan kejayaan kita membawa pulang sembilan orang rakyat Malaysia pulang ke pangkuan keluarga tercinta. Kejayaan ini sesungguhnya amat dikagumi oleh negara Jepun kerana mereka tabik kepada Malaysia kerana berjaya membawa pulang rakyat sedangkan Jepun masih gagal membawa pulang lebih 100 rakyatnya dari Korea Utara.

Satu cadangan saya bagi mencapai keselamatan dan kesejahteraan hidup komuniti Malaysia adalah melalui program atau strategi meningkatkan penyertaan sosial masyarakat dalam semua aktiviti dan program negara. Aspek penyertaan sosial ini adalah satu daripada perkara utama bagi mengurangkan kos pertindihan sumber, ketirisan tadbir urus dana dan juga kurang logistik dan sebagainya. Melalui penyertaan kelompok masyarakat secara menyeluruh, tuntas, komited dan berkesan sudah pasti ianya akan meningkatkan produktiviti dan hasil tanpa memberi kesan kepada kos dan modal asas. Ini banyak terbukti di negara-negara maju dan membangun yang menggunakan pendekatan seperti kesukarelawanan, *participation* komuniti, penyertaan masyarakat dan juga program bersama rakyat.

Mungkin Majlis Profesion Negara melalui kluster pembangunan sosial boleh menggerakkan usaha murni dan nilai tambah ini ke arah mewujudkan penyertaan sosial masyarakat Malaysia yang lebih berkesan dan bermakna. Makmal perbincangan sosial dan perpaduan telah banyak dijalankan oleh MPN dan pasti *blueprint* berkaitan aspek penyertaan sosial ini akan dapat direalisasikan selaras dengan hasrat Malaysia bergerak ke arah Transformasi Negara, TN50.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tan Sri.

Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B): Dengan itu, sekian saja dan saya akhirnya dengan pantun.

Kalau pohon ada teduhnya,

Kalau payung ada lindungnya,

Kalau bijak ada hikmahnya,

Kalau baik ada natijahnya.

Dengan ini saya mohon menyokong, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Memang bijak Tan Sri. Yang Berhormat Senator Tuan Isa bin Ab. Hamid.

5.47 ptg.

Tuan Isa bin Ab. Hamid: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam negaraku.

Yang dihormati Tuan Yang di-pertua Dewan Negara, terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk perbahasan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong pada kali ini. Bilangan masyarakat Orang Asli kini sudah melebihi 230,000 orang dan kadar pertumbuhan penduduk 4.6 peratus dengan kadar lebih 42,000 keluarga Orang Asli. Kini, masyarakat Orang Asli telah berkembang mengikut perubahan dan pembangunan negara. Bancian dalam minggu ini, JAKOA telah mengadakan satu proses bancian untuk penduduk Orang Asli bagi menuju Wawasan 2020.

Bancian terakhir oleh JAKOA terhadap masyarakat Orang Asli pada 2010. Saya menyentuh tentang isu tanah, keluasan tanah, harta rizab, seksyen 7, sebanyak 16,218 hektar. Harta kawasan Orang Asli, seksyen 6, sebanyak 4,424 hektar. Lulus MMK yang belum diwartakan 26,356 hektar, yang dalam permohonan atau tertangguh lebih 85,000 hektar. Kalau melihat kepada perkara ini, isu masalah tanah masyarakat Orang Asli adalah sangat serius. Apa yang berlaku di Gua Musang baru-baru ini dan beberapa kawasan tanah Orang Asli yang dalam tuntutan mahkamah menunjukkan isu tanah sangat mendekati masyarakat Orang Asli yang perlu diberi perhatian oleh kerajaan.

Pada Jun 2013, 18 syor SUHAKAM, 16 pemasyhuran berkaitan isu tanah. Dalam laporan itu, SUHAKAM telah menyenaraikan antaranya:

- (i) pengiktirafan hak adat Orang Asli terhadap tanah;
- (ii) penggantian bagi tanah yang hilang;
- (iii) menangani isu-isu ketidakseimbangan pembangunan tanah;
- (iv) mencegah kehilangan tanah Orang Asli di masa hadapan;
- (v) menangani isu-isu pentadbiran tanah; dan
- (vi) mengiktiraf tanah Orang Asli sebagai nadi dan identiti Orang Asli.

■1750

Justeru itu saya menyarankan agar JAKOA lebih mengerakkan Mesyuarat Jawatankuasa Tanah bersama PTG negeri untuk menyemak dan melaksanakan dan memantau perkembangan status tanah rizab Orang Asli. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri yang terus melaksanakan dasar mewartakan rizab tanah Orang Asli terutamanya di Pahang dan di Perak dan beberapa negeri lain. Dasar pewartaan tanah-tanah masyarakat Orang Asli hendaklah berterusan kerana banyak kawasan tanah saka, tanah adat Orang Asli dicerobohi dan diambil milik oleh pelbagai pihak terutamanya syarikat GLC dan individu yang berkepentingan. Perizaban dan pewartaan sangat diperlukan bagi tanah masyarakat Orang Asli di kawasan pedalaman dan di kawasan kampung.

Bagi kes tanah yang berlaku di Kelantan, saya sendiri telah berurusan dengan pimpinan kanan Kerajaan Negeri Kelantan bagi menyelesaikan isu tanah di Gua Musang, isu *blockade* dan juga isu

ladang rakyat di loji. Saya berharap tolak ansur kerajaan negeri Kelantan dalam menangani perkara ini dapat diteruskan dan memudahkan pembangunan masa depan masyarakat Orang Asli di Kelantan.

Berhubung perkara itu juga, saya mewakili masyarakat Orang Asli hari ini menyarankan dan menyokong usaha kerajaan negeri dalam melaksanakan dasar pemilikan tanah tapak rumah dan tanah kebun kepada masyarakat Orang Asli. Cabaran dan perubahan sosial ekonomi dan politik hari ini telah menghambat keperluan dan kehendak masyarakat Orang Asli yang sama-sama berubah seperti kaum lain untuk mendapatkan tanah bergeran ataupun pemilikan aset tanah dan pembangunan sumber ekonomi. Perkampungan Orang Asli yang di pinggir bandar dan di kawasan bandar telah dihipit dengan pembangunan dan kemajuan bandar. Banyak kawasan Orang Asli telah diambil pemaju dan dimajukan.

Maka perlu kawasan Orang Asli yang di geran dan digazetkan supaya pembangunan ganti hak milik, aset pembangunan masyarakat Orang Asli lebih tinggi dan lebih bernilai. Terdapat beberapa negeri telah mewujudkan dasar pemberi milikan geran tanah kepada masyarakat Orang Asli sama ada tanah tapak rumah dan tanah kebun. Terkini Kerajaan Negeri Pahang telah melaksanakan dasar pemberi milikan geran tapak rumah dan kebun. Majlis penyerahan borang 5A oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang pada 28 Mac di kampung Batu 3 Rompin menunjukkan komitmen langkah berterusan kerajaan negeri terhadap dasar pemberi milikan geran tapak rumah kepada masyarakat Orang Asli.

Dasar ini juga memudahkan Orang Asli memiliki geran sebagaimana kaum lain supaya dengan pemilikan geran ini juga akan memudahkan masyarakat Orang Asli untuk membina Rumah Mesra Rakyat, membina Rumah Bina Negara seperti kaum lain. Saya mengucapkan tahniah kepada Parlimen Pekan kerana telah membina lebih 15 unit Rumah Mesra Rakyat menunjukkan komitmen bahawa masyarakat Orang Asli dan mampu berubah dan mampu membayar bulanan bagi pembangunan rumah bukan sahaja untuk memperoleh bagi rumah PPRT. Di sini saya menyeru masyarakat Orang Asli seluruh negara untuk lebih terbuka dalam penerimaan dasar pemberi milikan kepada masyarakat Orang Asli terutamanya tanah tapak rumah. Jika dasar ini dapat dijayakan ianya akan membantu masyarakat Orang Asli lebih maju di masa hadapan.

Saya ingin bertanya kepada Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah agar menyatakan berapakah jumlah tanah Orang Asli yang telah diwartakan dan digazetkan pada tahun 2016? Apakah usaha KKLW untuk membantu masyarakat Orang Asli mendapat geran tapak rumah untuk generasi muda dalam pembinaan Rumah Mesra Rakyat dan Rumah Mampu Milik serta Rumah Bina Negara.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya menyentuh seperti mana yang disarankan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong Tuanku ada menyentuh kebajikan rakyat luar bandar termasuk Orang Asli serta peribumi Sabah dan Sarawak yang sentiasa diberi perhatian. Kerajaan akan terus melaksanakan projek infrastruktur asas program pembangunan ekonomi dan sosial.

Bagi pembangunan ekonomi, untuk ini saya menyentuh tentang pembangunan koperasi. Jumlah koperasi Orang Asli ada 85 buah di seluruh negara. Terbanyaknya di Pahang ada 46 buah dan di Perak ada 23 buah, Selangor dan Kelantan ada lima buah, Johor ada empat buah, Negeri Sembilan ada dua buah. Ahli koperasi Orang Asli lebih 11,437 orang, jumlah aset melebihi 10.7 juta dengan syer

anggota 1.8 juta. Mungkin ini kecil tetapi ini menunjukkan perubahan kalau kita lihat tahun 2010 koperasi Orang Asli tidak lebih daripada 30 buah koperasi kini lebih daripada 80 buah koperasi.

Pembangunan dan sokongan oleh JAKOA untuk membantu koperasi-koperasi sangatlah diharapkan. Pengarah-pengarah negeri perlu memainkan peranan untuk memberi bimbingan dan sokongan kepada koperasi-koperasi Orang Asli. Kini koperasi Orang Asli banyak mengadu kepada saya tentang kurangnya peranan jabatan untuk membantu perolehan-perolehan kepada koperasi-koperasi. Kita faham bahawa koperasi Orang Asli tidak mampu bersaing dalam perolehan di mana-mana jabatan lain. Maka Jabatan Orang Asli perlulah memainkan peranan dan memberi sokongan bagi membantu perolehan kepada koperasi-koperasi Orang Asli.

Kerjasama JAKOA dan SKM telah banyak dijayakan tetapi pelaksanaan untuk membangunkan koperasi secara praktikal dan relevan masih lagi dipersoalkan. Amat terhad peluang dan ruang yang diberikan kepada koperasi untuk terus berdaya saing dan bersaing dengan koperasi dan usahawan orang lain. Terdapat banyak projek ladang tanaman secara komersil di kampung-kampung Orang Asli. Terdapat 155 projek di bawah RISDA dan FELCRA ladang-ladang Orang Asli keluasan tanah melebihi 22,000 hektar tanah. Semua ini adalah projek ladang Orang Asli.

Jika dilihat tidak sampai 10 projek pun TSK yang diberi untuk dimajukan oleh koperasi di main peranan oleh koperasi. Sedangkan masyarakat Orang Asli yang ramai yang duduk di kampung-kampung perlu diberi ruang pekerjaan yang sesuai dengan kerja mereka. Saya merasa mereka, masyarakat Orang Asli mampu untuk membuat kerja menyawit, meracun, mengutip buah dan sebagainya di ladang-ladang yang berhampiran dengan kebun mereka. Saya melihat isu tanah mereka yang banyak mengapa tidak diberi peluang dan ruang untuk membangunkan ladang jika dibandingkan FELDA, KESEDAR, KEJORA dan KETENGAH kesemua koperasi-koperasi agensi berkaitan diberi ruang di dalam ladang-ladang mereka.

Walaupun terdapat beberapa koperasi Orang Asli yang gagal menjayakan projek ladang namun terdapat juga koperasi yang berjaya jika di lihat ruang ini mengapa tidak diberi ruang kepada koperasi yang lain. Terdapat juga kita lihat pihak JAKOA hendaklah menyelia dan memantau koperasi-koperasi Orang Asli supaya tidak di ali babakan oleh pihak tertentu. JAKOA, RISDA dan FELCRA hendaklah telus dan jujur memberikan bimbingan dan latihan yang betul kepada koperasi supaya ladang Orang Asli terus berproduktiviti. Walaupun terdapat ladang masyarakat Orang Asli berpendapatan lebih daripada RM800 sebulan, namun masih banyak ladang Orang Asli berpendapatan rendah di bawah RM400 sebulan sedangkan pegangan tanah melebihi empat ekar.

Di sini saya memohon pertanyaan kepada KPDNKK berapakah peruntukan geran yang telah disalurkan terus kepada koperasi-koperasi Orang Asli? Manakala kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah saya menanyakan berapakah peruntukan yang dimanfaatkan oleh Koperasi Orang Asli dalam geran pembangunan koperasi Orang Asli 2016?

Seterusnya saya menyentuh tentang pendidikan Orang Asli di IPG. Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Pendidikan Guru telah mewujudkan pusat latihan pra pendidikan khusus bagi melatih guru-guru untuk sekolah murid Orang Asli dengan pendedahan kepada sosiobudaya, bahasa masyarakat Orang Asli di pedalaman. Seterusnya memberikan penekanan kepada pedagogi peribumi, *indigenous*

pedagogy. Justeru itu program ambilan khas guru pelatih Orang Asli yang pertama telah dilaksanakan pada Julai 2010. Sehingga kini telah melatih 123 guru yang telah di *posting* sebanyak 10 orang.

Jika dilihat secara puratanya penempatan guru Orang Asli di Sekolah Orang Asli hanya 10 orang hingga ke 15 orang sahaja. Bilakah masalah kekurangan guru Orang Asli dapat diselesaikan? Saya meminta KPM dan IPGM dapat melihat perkara ini secara serius masalah yang besar dalam pengurusan sekolah Orang Asli adalah pengantaraan kekitaan sekolah dengan masyarakat Orang Asli kurang wujud dengan baik.

Jika guru Orang Asli dapat ditempatkan di sekolah-sekolah Orang Asli yang akan dapat membantu menjadi penghubung kepada komuniti dan masalah kekitaan kepada konsep masyarakat yang ada. Sekolah murid Orang Asli di seluruh negara sebanyak 93 buah sekolah manakala sekolah harian biasa pun ramai murid yang majoriti murid Orang Asli. Dari segi pengambilan ini kalau kita lihat daripada nisbah tidak seimbang dengan melahirkan 10 guru untuk setahun sedangkan kita ada 93 buah sekolah. Maka menunggu hampir lima tahun untuk dapatkan giliran guru Orang Asli.

■1800

Ambilan pertama pada 2010 telah di *posting* kan di Sekolah Gua Musang untuk lapan orang dan di daerah Pekan untuk dua orang. Di sini, dinyatakan juga keputusan Mesyuarat Kecemerlangan Pedagogi Orang Asli dan Peribumi peringkat IPGM pada 2014 mencadangkan Pusat Kecemerlangan Pedagogi Orang Asli Peribumi hendaklah diperkasakan. Merujuk kepada Majlis Pelancaran Transformasi Pendidikan Orang Asli di SK Bertau pada 2012. Ada atau tidak peruntukan telah disalurkan sedangkan kita perlu sedar bahawa geran penyelidikan tersebut amatlah perlu kepada pusat peribumi untuk membuat kajian dan penyelidikan serta membina pedagogi peribumi yang sesuai dengan sosiobudaya masyarakat Orang Asli.

Di sini saya ingin bertanya kepada Menteri Pendidikan untuk menyatakan status pengajian ambilan peribumi IPGM 2017 di Lipis. Berapakah peruntukan geran yang disediakan untuk memperkasakan tenaga pengajar Orang Asli?

Di sini juga saya meminta Menteri Pendidikan menyatakan apakah usaha KPM untuk meningkatkan ambilan khas guru pelatih Orang Asli di IPGM? Oleh kerana yang saya nyatakan tadi tidak seimbang dengan keperluan penempatan. Seterusnya, saya ingin menyatakan di sini Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga menyentuh tentang kepelbagaian budaya warisan dan keunikan alam sekitar merupakan tarikan pelancong dan menyumbang kepada pendapatan negara.

JAKOA hendaklah bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan untuk meningkatkan kepelbagaian budaya, warisan serta keunikan masyarakat Orang Asli di Semenanjung. Kita lihat kejayaan industri pelancongan peribumi Sabah dan Sarawak, namun pelancongan Orang Asli di Semenanjung amat jauh ketinggalan. Terdapat beberapa pusat pelancongan yang diswastakan di Resort Bukit Tadam, di Pos Mesum di Cameron Highlands merupakan contoh bagaimana pihak-pihak individu dan swasta berjaya menjayakan pusat pelancongan Orang Asli. Namun, kita di JAKOA, belum mampu mewujudkan pusat pelancongan yang boleh menarik ramai pelancong ke dalam masyarakat Orang Asli.

Di sini, kita berharap masyarakat Orang Asli yang kaya dengan kepelbagaian etnik seperti tarian, kraf dan sebagainya dapat di perkasa. Saya berharap Kementerian Pelancongan dapat

bekerjasama dengan JAKOA dan masyarakat Orang Asli untuk memperkayakan Tarian Jooh Topeng daripada kaum Mah Meri, Melai dengan tarian Balai, Seletar dengan Tarian Ketam Bangkang dan pelbagai tarian lagi. Di sini ingin saya bertanya, apakah usaha Kementerian Pelancongan dalam menyetengahkan seni dan budaya Orang Asli Semenanjung dalam mempromosikan pelancongan negara?

Di sini juga saya berharap supaya Pusat Kraf Tangan Negara dan Akademi Seni Negara dapat bekerjasama dengan JAKOA untuk membangunkan seni persembahan dan budaya kraf dan kesenian dalam mengkomersialkan perkara yang berkaitan dengan industri kemajuan negara. JAKOA sepatutnya lebih ke hadapan dalam mewujudkan pusat latihan kemahiran seni dan budaya supaya masyarakat Orang Asli ada kesinambungan dalam mengekalkan seni dan budaya untuk generasi-generasi akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, antara yang paling penting yang hendak saya sampaikan pada petang ini ialah bahawa JAKOA mesti di perkasa, perlu penyusunan semula bagi memperkasakan pentadbiran Jabatan Orang Asli Malaysia yakni JAKOA. Sebagaimana syor dalam Laporan Inkuiri SUHAKAM pada 2013 supaya tindakan penambahbaikan organisasi JAKOA dapat dilaksanakan segera. Perkhidmatan awam JAKOA amat mencabar. Mengurus Orang Asli daripada ibu mengandung, kemudian lahir, kemudian ke tadika, ke sekolah, ke IPT, ke hospital, ke kerjaya hinggalah ke kubur, semuanya melibatkan pengurusan JAKOA. Kalau kita lihat hal pendidikan, kesihatan, pertanian, penternakan, hal kehidupan, semuanya diuruskan oleh kerajaan melalui JAKOA.

Namun, keadaan JAKOA bagaikan menunggang motosikal Honda 70cc untuk mengharungi Lebuhraya PLUS daripada Kangar ke Johor Bahru. Kalau kita bandingkan jabatan lain, bagaikan menunggang TZR Kawasaki 250cc. Kalau dibandingkan dengan JAKOA, menunggang Honda 70cc. Bayangkan tidak nampak asap, bau sahaja yang dapat.

Jika kita lihat ini bagaimana pegawai-pegawai JAKOA yang kebanyakan gred S18 dan S22. Kebanyakan gred S18 adalah lepasan SPM yang tidak dilatih di mana-mana institusi dan terus bekerja dan berkhidmat di bawah JAKOA. Bagaimana hendak memajukan masyarakat Orang Asli jika pegawai dan kakitangan gred yang sangat rendah. Hakikatnya, kalau dilihat hanya seorang bergred siswazah menjadi pengarah di JAKOA Johor, Selangor dan Kelantan dan ditambah dua orang pegawai siswazah bagi JAKOA Pahang dan Perak. Bayangkan bagaimana hendak mentadbir, mengurus, membuat *paperwork*, menguruskan organisasi yang kompleks dan unik dalam situasi jabatan seperti ini. Oleh sebab itu, kalau dilihat pada isu dan masalah masyarakat Orang Asli semakin hari semakin terbeban, semakin hari semakin bertambah.

Perjawatan di JAKOA hanya 972 orang. Pengisian 823 orang. Kekosongan 149 kakitangan. Ini juga menjadi beban kepada staf-staf yang ada untuk menanggung kerja dan sebagainya. Dengan Gred 41 ke atas, ibu pejabat hanya 18 orang. Kebanyakan gred jawatan yang tidak diisi, banyak kerja yang tertunggak menjadikan masyarakat Orang Asli banyak aduan yang tidak dapat diselesaikan dan lambat diambil tindakan. Mengapakah gred pegawai JAKOA daerah dan negeri amat rendah berbanding jabatan yang sezamannya seperti KEMAS, Jabatan Pengairan dan Saliran Pertanian?

Contoh, kalau dilihat perbandingan Pengarah JAKOA Pahang dan Perak bergred S48, sedangkan Pengarah KEMAS Negeri Pahang bergred 52. Pengarah JAKOA Negeri Johor bergred S44.

Jabatan Kemajuan Masyarakat Johor bergred S54, Jabatan Hutan Gred 54, Jabatan Perhilitan Gred 52, KEMAS Gred 52, Jabatan Penerangan Gred 52. Taman Negara, yang jaga Taman Negara pun bergred 48 jika dibandingkan dengan JAKOA Rompin Gred S32, KEMAS Rompin Gred S38, JKM Rompin Gred S41, JKM Temerloh Gred S44, D.O. Rompin Gred 54, Jabatan Pertanian Gred 44, D.F.O. Hutan Gred 44, PPD Gred 52, Kesihatan Gred 52. Jika dibandingkan JAKOA Raub, Bera, Kuantan, JAKOA Maran semuanya Gred S22.

Jika dilihat di Johor, di Johor, Gred S22 menjaga dua daerah iaitu Batu Pahat dan Pontian. Dengan S22 menjaga dua daerah. Orang Asli ada 4,454 orang dengan 955 keluarga. Hampir seribu buah keluarga dengan 13 kampung dengan kawasan yang agak luas, Pontian dan Batu Pahat. Sedangkan pegawai JKM untuk semua daerah negeri Johor Gred S41.

Di sini, saya meminta tindakan JPA dan juga JPM mengambil tindakan segera perkara ini. Saya ingin bertanya kepada KKLW, apakah visi dan misi untuk menempatkan lebih ramai Orang Asli di berjawatan kanan di JAKOA? Sehingga kini, berapakah pegawai kanan Orang Asli yang menduduki jawatan di jabatan tersebut?

Kedua, saya ingin meminta Jabatan Perdana Menteri menyatakan apakah langkah dan tindakan yang telah diambil untuk penambahbaikan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sebagaimana pengesyoran dalam Inkuiri SUHAKAM. Oleh kerana sehingga ini tidak banyak perubahan yang dibuat bagi melaksanakan seperti mana pengesyoran SUHAKAM.

Akhir sekali, saya ingin menyatakan tentang bagaimanakah membangunkan sumber ekonomi masyarakat Orang Asli. Saya memohon Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk melihat peranan Jabatan Pertanian dan Perikanan supaya pembangunan ekonomi Orang Asli di luar bandar harus dilihat sebagaimana Orang Asli itu sebagai rakyat Malaysia. Oleh kerana kita melihat pembangunan-pembangunan ekonomi luar bandar, terutamanya pertanian dan penternakan semuanya diserahkan kepada JAKOA. Sepatutnya setiap agensi yang berkaitan, Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, Jabatan Veterinar harus memainkan peranan untuk membangunkan sumber ekonomi Orang Asli. Kita tidak mahu Orang Asli diasingkan semuanya kepada JAKOA dalam pembangunan ekonomi luar bandar. Jabatan Pertanian dan Jabatan Haiwan mempunyai kepakaran dalam bidang membangunkan sumber-sumber ekonomi di luar bandar.

Di sinilah saya berharap supaya agensi-agensi lain dapat membantu Jabatan Orang Asli. Tidak semua perkara itu diserahkan kepada JAKOA. Banyak perkara permohonan bantuan perikanan, bantuan bot dan enjin semua diserahkan kepada JAKOA, sedangkan jabatan-jabatan yang ada mempunyai peruntukan untuk membantu masyarakat Orang Asli dan bukannya semata-mata ditolak kepada JAKOA.

■1810

Akhir sekali saya menyokong penuh Usul menjunjung Kasih Titah Diraja, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian terima kasih. Semoga diberkati. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Sekarang Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty. Silakan.

6.10 ptg.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahi Rahmani Rahim... [Membaca sepotong doa]*

Tuan Yang di-Pertua, dan juga Ahli-ahli Dewan Negara yang dimuliakan. Terima kasih di atas ruang dan peluang di saat ini untuk saya dengan seberapa yang pantas bagi memberikan fokus terhadap Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Muhammad V. Kita doakan mudah-mudahan pemerintahan Sultan Muhammad V ini akan dinaungi oleh Allah SWT diberkati oleh-Nya untuk memberikan keamanan, keadilan dan juga kesejahteraan kepada seluruh rakyat Malaysia dan ucapan tahniah pada hari pertabalan Baginda tanggal 24 April yang akan datang.

Saya ingin menyentuh beberapa aspek sahaja iaitu yang pertama sekali tentang isu rasuah dan juga salah guna kuasa. Hal ini saya timbulkan bagi mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah mengundang Ketua Pengarah SPRM tiga hari yang lalu dan ini adalah selaras dengan ucapan baginda Yang di-Pertuan Agong yang menekankan betapa perlunya dibanteras amalan rasuah dan juga menghidupkan integriti serta salah guna kuasa di dalam negara ini.

Sesungguhnya kita melihat bahawa kehadiran Ketua Pengarah SPRM itu memberikan inspirasi kepada semua Ahli-ahli Dewan Negara kerana beliau nampaknya tegas untuk menunaikan amanat ini. Kita mendoakan kejayaan beliau, mudah-mudahan beliau tidak dipindahkan ke jawatan yang lain tetapi kekal *insya-Allah* kerana beliau berhasrat untuk membersihkan amalan rasuah bukan sahaja dari segi penganan undang-undang tetapi yang saya juga tertarik ialah bagaimana beliau mengatakan bahawa undang-undang sahaja tidak cukup. Kita telah melihat undang-undang dadah di negara kita ini, saban waktu dan ketika jumlah orang-orang yang digantung tidak serik-serik malah bertambah lagi.

Maka cadangan yang terbaik dan saya bersetuju dan saya ingin menekankan kepada Dewan yang mulia ini supaya pendekatan pendidikan mulai daripada taska lagi dan juga di sekolah rendah, menengah, kolej dan universiti serta institusi-institusi keluarga adalah merupakan sesuatu yang paling berkesan bagi menjadikan amalan rasuah dan juga salah guna kuasa di negara ini dapat dibanteras. Jadi kita ingin mengharap bahawa gesaan Ketua Pengarah ini dapat dijadikan sebagai satu kenyataan atau polisi rasmi Kerajaan Persekutuan, antaranya ialah beliau menyatakan sekarang ini rasuah itu adalah musuh pertama negara.

Saya ingin bertanya kepada Menteri yang bertanggungjawab, bagaimana tentang kedudukan dadah pada hari ini? Adakah dadah juga musuh utama negara? Kedua-duanya penting tetapi mana yang lebih penting? Beliau telah menjelaskan di dalam ucapan jamuan tengah hari itu bahawa puncanya adalah kerana dadah dan salah guna kuasa.

Seterusnya saya berpindah kepada isu RUU 355. Saya tidak mahu lagi membincangkan isu yang kontroversi ini dalam saat yang begitu terhad kerana kita masih ada ruang. Saya sentiasa mengharap isu ini dibahaskan oleh pakar-pakar, alim ulama, ilmuan, pakar-pakar perundangan termasuk perundangan sivil supaya ia tidak dipolemikkan dan menjejaskan imej Islam dan memecahkan masyarakat Islam dan rakyat di negara ini untuk masa hadapan.

Justeru, saya ingin berbicara tentang keperluan apabila Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menyatakan perlu dimartabatkan syariat di dalam negara kita ini, saya ingin mengambil *angle* yang lain iaitu meneruskan pemartabatan Mahkamah Syariah. Banyak lagi lompang-lompang yang

terdapat di dalam Mahkamah Syariah pada hari ini walaupun permulaannya sudah baik, telah dilakukan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang lalu yang juga Pengerusi Majlis Perunding Islam Malaysia bersama dengan Almarhum Profesor Emeritus Tan Sri Ahmad Ibrahim. Ucapan terima kasih kepada kedua-dua mereka.

Akan tetapi hari ini, status seorang Hakim Mahkamah Sivil adalah lebih tinggi daripada status Hakim Mahkamah Syariah. Sebagai contoh, bekas seorang Hakim Mahkamah Sivil menyatakan dari status penggajian umpamanya, seorang Hakim yang menangani kes kanak-kanak mendapat elaun RM40,000 sebulan berbanding dengan Hakim Mahkamah Syariah yang menangani isu kanak-kanak hanya mendapat RM7,000 sahaja. Ini pun sudah menunjukkan status Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil dari segi persepsi masyarakat tidak sama. Jadi bagaimana kita mengatakan kita hendak memartabatkan Syariah kerana kita hanya melihat dari segi penganan hukum sahaja sedangkan inilah realiti yang berlaku. Masih banyak lagi lompong-lompong yang berkaitan dengan kualiti hakim kemudian persoalan prosedur undang-undang keterangan, pasukan penguat kuasa, protokol dan sebagainya.

Oleh yang demikian saya ingin mencadangkan kepada yang bertanggungjawab Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk meneruskan usaha memartabatkan Mahkamah Syariah dalam perkara-perkara yang perlu kepada penambahbaikan demi memastikan bahawa imej syariah sebagai agama yang ditanzilkan oleh Allah SWT dan sesuai dengan kedudukan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan dapat dimartabatkan sepenuhnya.

Saya ingin mengambil kesempatan ini juga dalam isu RUU 355 ini supaya masyarakat dapat diharmonikan. Saya ingin mencadangkan kepada Jabatan Perdana Menteri supaya proaktif, JAKIM proaktif mencari jalan supaya memahamkan syariah kepada masyarakat Islam yang saya rasa masih banyak yang tidak mempunyai pengetahuan yang cukup tentang syariah.

Sebagai satu contoh, baru-baru ini apabila isu ini hangat, masyarakat nampaknya tidak dapat membezakan di antara hukum hudud yang kita tidak boleh mempertikaikan sama sekali sebagai seorang Muslim yang gugur syahadah kita dengan proses pembuatan hukum yang dibuat oleh ahli-ahli hukum dalam Islam yang dipanggil fuqaha, ahli-ahli fiqah ataupun dalam bahasa Arab, dengan izin, *taqin* ataupun dalam Bahasa Melayu- pengkanunan.

Umpamanya sebagai satu contoh dalam cadangan usul Yang Berhormat Marang itu iaitu 30 tahun penjara. Ini adalah pandangan daripada ahli-ahli perundangan Islam. Dari segi hukum kalau kita berbeza supaya 30 tahun itu dikurangkan umpamanya. Tidak menjadi satu masalah dari segi akidah tetapi kalau kita menentang pelaksanaan hudud kecuali kalau kita minta tangguhkan kerana perbincangan yang berlaku dalam dunia Islam, kerana hal-hal yang tidak terelak itu isu yang lain.

Jadi dalam hal ini saya mahukan supaya JAKIM mengambil satu langkah proaktif untuk melibatkan tokoh-tokoh syariah yang berwibawa di dalam dan di luar negara supaya mereka dapat melakukan proses perbincangan bersama dengan semua pihak, bukan dalam bentuk seminar semata. Kita mahu dalam bentuk *round table meetings*, sidang meja bulat yang serius supaya masyarakat tidak lagi keliru tentang persoalan syariah dalam konteks masyarakat majmuk, dalam konteks dunia yang global pada hari ini yang tentu hukumnya sudah berubah dan apa yang patut diutamakan oleh negara

kita dalam konteks syariah yang luas seperti yang dibicarakan oleh tokoh-tokoh ulama yang berwibawa umpamanya Al-Qardhawi, Ar-Raisuni, Muhammad Al-Bayan dan sebagainya.

■1820

Seterusnya saya berpindah kepada isu pendidikan, iaitu dua tahap. Pertama pendidikan rendah, menengah dan satu ialah pendidikan tinggi. Saya melihat bahawa keperluan reformasi pendidikan dalam konteks kurikulum di sekolah rendah dan menengah patut diberikan perhatian. Kita mahu melihat isu-isu yang berlaku dalam masyarakat sekarang, terutamanya kes-kes yang berlaku di kalangan pelajar-pelajar sekolah. Saya terkejut semalam tengok dalam *Malay Mail*, dalam masa tiga bulan lebih kurang, ramai anak-anak kita yang terlibat dengan dadah, daripada sekolah. Ini menunjukkan bagaimana peri pentingnya pendidikan pekerti, *ethics* ditekankan bukan di sekolah rendah lagi, daripada taska. Saya mendapat maklumat daripada seorang pakar pendidikan yang menyatakan bahawa di Jepun saat ini, penekanan dibuat kepada pendidikan pekerti di taska lagi, bukan di sekolah rendah untuk dicanai pemikiran mereka supaya persoalan watak sahsiah ini memang ditekankan.

Untuk itu, saya ingin bertanya kepada Menteri Pendidikan bagaimana agaknya Pelan Pendidikan Malaysia yang telah disempurnakan waktu bekas Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pendidikan pada waktu itu, Tan Sri Muhyiddin Yassin, bagaimana agaknya dari segi keberkesanan pelan itu dalam usaha untuk memastikan pembinaan sahsiah pelajar-pelajar kita begitu berkesan.

Seterusnya dalam bidang pendidikan tinggi saya ingin menyentuh tentang persoalan bagaimana pada hari ini rata-rata rakan-rakan kita di universiti banyak yang diberhentikan terutama yang berumur 60 tahun dan kita kehilangan pakar-pakar. Kita memang hendak orang muda, tetapi dalam universiti, kalau kita melihat amalan dalam universiti-universiti negara maju termasuklah juga di Jepun, di Hong Kong di Taiwan, mereka mengekalkan pensyarah-pensyarah yang berumur, yang merupakan pensyarah warga emas kerana mereka memerlukan kemahiran mereka dalam ilmu pengetahuan. Lagi ramai orang lama, lagi baik universiti itu dan dia akan mencapai ranking yang baik dalam dunia. Akan tetapi hari ini dengan 35 peratus bajet yang telah dipotong dalam bidang penyelidikan, *research* ya, maka program *research* pada hari ini sudah terjejas dan ini menjejaskan masa hadapan negara Malaysia dari segi pencapaian sains sosial dan juga terutama dalam sains dan teknologi.

Ini yang membimbangkan kita, ini telah pun dikeluhkan menjadi satu keluhan kepada universiti-universiti tempatan terutama Universiti Malaya di mana kita melihat dalam sekitar sebulan setengah yang lalu, akhbar *The Star* mempamerkan di muka hadapan bagaimana Universiti Malaya yang terkenal itu pada hari ini terjejas sangat dari segi pendidikan tentang sains dan teknologi. Kita harap Menteri Pendidikan Tinggi dapat respons dan mencari jalan apakah langkah-langkah yang terbaik dan strategik untuk berunding dengan kelompok swasta bagi menyelamatkan universiti-universiti supaya penyelidikan tidak terjejas akibat daripada krisis kewangan yang sedang dihadapi oleh Kerajaan Malaysia pada saat ini.

Seterusnya dalam konteks pendidikan tinggi juga, saya ingin menyentuh tentang Universiti Islam Antarabangsa, tempat saya bekerja dulu. Di situ pun rakan-rakan kita menyatakan bahawa

semakin ramai pensyarah-pensyarah terkenal terutama daripada negara-negara asing yang sudah meninggalkan Universiti Islam Antarabangsa.

Saya ingin bertanya, apa sudah terjadi kepada Institut Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC) yang begitu gah dan hebat dalam dekad 80-an dan 90-an serta 2000. Hari ini khabarnya ISTAC, institut yang terkenal itu sudah pun ditamatkan dan digantikan dengan sebuah institut baru iaitu Institut Pemikiran Tamadun Dunia Melayu. Sekali lagi kita dapat melihat seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Senator daripada Terengganu kalau tidak silap saya dua hari yang lalu dalam ucapan di Dewan yang mulia ini, menyatakan bahawa ranking UIA juga telah pun menurun dalam beberapa disiplin-disiplin yang tertentu. Jadi dalam konteks inilah, kita harap bahawa Kementerian Pendidikan Tinggi dapat memberikan jawapan dan memberikan satu tindak balas bagi menyelamatkan pendidikan tinggi supaya tidak berkualiti rendah ketika kita sedang menghadapi krisis kewangan pada saat ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin berbicara tentang persoalan yang telah disentuh oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengenai isu perpaduan nasional ataupun integrasi nasional. Dalam konteks ini juga, saya ingin dengan secara ringkas melihat persoalan ini dengan lebih serius kerana mutakhir ini kita lihat ada satu macam ketegangan ras dalam negara kita.

Umpamanya, kita melihat isu-isu yang dimainkan dalam isu ras dan juga agama dan kita telah gagal sejak 60 tahun merdeka untuk membentuk satu rupa bangsa Malaysia. Saya masih ingat bahawa hal ini sudah pun dideklamasikan sajaknya oleh sasterawan dan penyair terkenal negara, Usman Awang. Kita gagal walaupun kita ada program-program muhibah, program Kementerian Perpaduan. Sekarang sudah tidak ada sudah Kementerian Perpaduan. Akan tetapi kita gagal, kita masih lagi menampakkan kekelompokan walaupun kita berasa bersyukur, unik dalam konteks Malaysia yang majmuk ini. Memang betul. Akan tetapi kita perlu perbaiki lagi untuk menjamin satu rupa bangsa Malaysia yang dapat kita banggakan dengan mematuhi kepada prinsip Perlembagaan dan Rukun Negara.

Saya ingin bertanya kepada Menteri, apakah pandangan Menteri terhadap cadangan daripada pengerusi Majlis 1Malaysia dan juga beberapa NGO yang terkenal supaya Rukun Negara dijadikan *preamble* dengan izin di dalam Perlembagaan Negara. Tadi sudah pun dibicarakan oleh Yang Berhormat daripada Perlis tadi tentang peri pentingnya Rukun Negara. Nampaknya kalau kita bandingkan dengan Indonesia, saya ke Jakarta baru-baru ini, bagaimana pelajar-pelajar perubatan di universiti Indonesia dalam semua peringkat pun, mereka cukup berbangga dengan pancasila. Wajib bagi mereka untuk menghadiri kursus pancasila untuk menjadikan bangsa Indonesia itu walaupun bukan sahaja orang Indonesia yang pelbagai keturunan tetapi ada juga yang daripada keturunan Cina berbangga sebagai warganegara Indonesia. Kita harap bahawa kelemahan-kelemahan yang berlaku dalam negara kita pada saat ini dapat diperbaiki.

Jadi dalam hal inilah, saya melihat bagaimana perlunya kita untuk menjadikan persoalan perpaduan nasional ini sebagai satu isu yang amat penting bagi menjamin masa hadapan kestabilan politik, kesejahteraan ekonomi dan juga kecemerlangan rakyat Malaysia.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang pelan tindakan keluarga negara. Iaitu dengan kes-kes yang berlaku dari segi keruntuhan moral saat ini, tidak lain dan tidak bukan adalah juga berpunca daripada kerapuhan institusi keluarga. Dalam konteks inilah kita ingin

mencadangkan supaya prasekolah, menaikkan taraf prasekolah iaitu program-program pendidikan publik dan juga swasta, melatih guru-guru yang lebih profesional untuk mendidik kanak-kanak.

Selain itu, modul-modul pembinaan keluarga juga hendaklah diperbaiki dari semasa ke semasa. Modul kursus perkahwinan yang dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam saya rasa tidak cukup. Sebaliknya, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dalam institusi hendaklah mengembangkan modul pembinaan keluarga termasuk antaranya ialah keperluan antara ibu-bapa untuk menguasai ilmu *parenting*, dengan izin, ilmu keibubapaan. Ini kerana mendidik anak-anak pada zaman sekarang adalah begitu mencabar sekali.

■1830

Tuan Yang di-Pertua, saya ada sedikit lagi perkara yang saya hendak timbulkan iaitu tentang...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tiga minit. Tolong rumus.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Ya, saya nak rumuskan. Bahan-bahan hiburan dan karya seni daripada luar. Saya lihat bagaimana polemik isu tentang filem *Beauty and The Beast* baru-baru ini, ada yang menyokong, ada yang menentang, kerana adanya unsur-unsur yang menentang itu tentang insiden gay dan lesbian. Adakah kita perlu untuk import filem-filem yang sedemikian? Walhal, masih ada lagi filem-filem daripada luar negara yang baik yang boleh dijadikan informatif dan pendidikan kepada rakyat Malaysia terutama kepada generasi muda. Kita patut mengapresiasi karya-karya seni tempatan yang menyebabkan orang-orang Malaysia akan dapat mempertahankan jati diri bangsa Malaysia.

Untuk itulah, saya ingin bertanya kepada Lembaga Penapisan Filem Negara dan juga kepada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, apakah dasar tentang perfileman yang ditayangkan di TV dan sebagainya di dalam negara ini?

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, tentang isu keselamatan negara. Walaupun *alhamdulillah* telah pun dijelaskan tadi oleh Yang Berhormat Tan Sri Laksamana bagaimana kehebatan kedudukan strategi keselamatan negara dari persiapan ATM dan sebagainya, tetapi saya masih berasa sangsi dalam peristiwa *North Korea*, Korea Utara baru-baru ini. Saya ada buat soalan lisan tetapi telah dijawab secara bertulis, menyatakan bahawa sukar bagi perisik-perisik negara ataupun pasukan *intelligent* negara untuk memastikan, untuk mengetahui berapakah jumlah perisik-perisik Korea Utara yang berkeliaran di Kuala Lumpur.

Kalau dulu kerajaan berjaya menghapuskan gerombolan komunis di luar bandar, tapi pada hari ini, *North Korea* adalah antara negara komunis yang paling taasub sekali barangkali, kalau kita bandingkan dengan China yang sudah mengalami kecairan akibat daripada polisi *capitalism* ekonomi mereka, kalau kita bandingkan dengan Rusia, kalau kita bandingkan dengan Vietnam. Akan tetapi dalam konteks Korea, saya rasa Kerajaan Malaysia mesti berhati-hati. Tadi pun telah disebut bahawa 100 orang Jepun kehilangan, perisik-perisik Jepun kehilangan yang dimangsakan oleh rejim Korea Utara.

Jadi dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong penuh Titah Diraja. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang silakan Yang Berhormat Datuk Haji Megat Zulkarnain.

6.33 ptg.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim... [Membaca sepotong doa] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam 1Malaysia, salam negaraku.*

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas kebenaran untuk saya sama-sama turut berbahas dalam menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V, sempena dengan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima pada 6 Mac yang lepas.

Saya ingin mengungkapkan perkara yang terakhir atau *paragraph* yang terakhir bagi saya memulakan perbahasan saya pada petang yang berbahagia ini, Tuan Yang di-Pertua, dengan mengungkap dan membacakan kembali Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang berbunyi... *[Membaca petikan] "Beta berdoa semoga negara Malaysia yang tercinta serta rakyatnya terus dianugerahkan oleh Allah SWT dengan taufik hidayah, maju, aman sentosa serta hidup bersatu padu di bawah lindungan-Nya."*

Merujuk kepada titah ini, saya hanya akan mengambil beberapa tajuk sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang cukup pendek untuk membahaskan dan menyampaikan harapan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini, menjurus melihat keadaan polemik yang berlaku dalam negara hari ini.

Saya terpenggil bila mana tadi rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang dikasihi rata-ratanya telah menyatakan pendirian masing-masing khususnya di dalam pelaksanaan ataupun pembentangan yang dibuat oleh Ahli Parlimen Marang berkenaan Rang Undang-undang 355. Saya juga ingin nak mengambil peluang ini untuk turut sama menyatakan pendirian peribadi saya dan saya fikir sebagai seorang beragama Islam dan berbangsa Melayu, wajib saya menyatakan pendirian saya soal rang undang-undang ini.

Sebelum saya berbahas tadi, Yang Berhormat Dr. Mohd Monutty telah berbahas, kebetulan selepas Yang Berhormat, saya, telah menyatakan pandangan beliau bagaimana kononnya ada masih lagi lompong-lompong kosong yang perlu diperbaiki dan diperhalusi dan diteliti sebelum Rang Undang-undang 355 ini dibahaskan.

Pada saya secara peribadi, Rang Undang-undang 355 ini yang pernah suatu masa dahulu yakni pada tahun 1984 yang telah pun dibentangkan dan diluluskan, waktu itu tidak ada masalah. Kenapa hari ini- saya nak merujuk kepada Yang Berhormat Tan Sri Ibrahim Abu Shah, *why now?* Kenapa sekarang tiba-tiba ianya menjadi satu tsunami yang paling menakutkan semua orang terutamanya Ahli-ahli Parlimen pembangkang? Apatah lagi daripada DAP, apatah lagi Ahli Parlimen Gelang Patah, Lim Kit Siang dan beberapa konco-konconya, Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Shah Alam. Bila mana rang undang-undang itu dibentangkan di Dewan Rakyat baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, bila rang undang-undang itu selesai dibentangkan, macam monyet menggeletis lah, bangun terjerit-jerit. Tapi berbeza dengan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan Negara ini.

Saya nak menarik sedikit daripada Yang Berhormat Senator Chandra Mohan daripada DAP di Dewan Negara ini. Bila tadi Yang Berhormat Tan Sri Ibrahim Shah baru sedikit sahaja membacakan

apa yang ditulis dalam buku yang disebut dengan jelas dan Yang Berhormat Senator Chandra Mohan pun sudah baca, sikit sahaja ayatnya pun Yang Berhormat Senator Chandra Mohan bangun untuk membacakan *standing order* sebab kata Yang Berhormat, ianya boleh menimbulkan perasaan kurang senang dan boleh mengundang kepada perkara-perkara yang lain.

Bayangkan pula perasaan kita yang beragama Islam dan Melayu ini bila Lim Kit Siang secara begitu biadab sekali dalam Dewan Rakyat menunjukkan sikap yang sedemikian. Apakah perasaan kita sebagai orang yang beragama Islam dan berbangsa Melayu waktu itu? Cuba bayangkan. Ini baru sedikit, terus keluar *standing order*. Baru sikit. Tapi tenang lagi Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat.

Jadi maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, ada perkara yang boleh kita politikkan, ada perkara jangan kita sentuh langsung.

■1840

Tidak boleh kita sentuh dan kita pertikaikan sebab ini adalah persetujuan yang dah kita capai secara bersama. Islam sebagai Agama Persekutuan, *full stop*. Manakala agama lain boleh diamalkan dengan keadaan aman dan damai, dengan izin, *it has been there for years*, dengan tiada masalah... [Membaca sepotong ayat al-Quran] Bermaksud, kamu dengan agama kamu, aku dengan agama aku.

Saya dari kawasan Parlimen Gombak. Dalam kawasan Parlimen Gombak ada DUN Batu Caves. Thaipusam ini dah menjadi perayaan buat kami semua, tidak ada masalah. Orang-orang, anak-anak Melayu sepanjang tujuh ke lapan hari sambutan Thaipusam diadakan di Batu Caves, ramai ahli Pemuda- masa saya Ketua Pemuda dulu boleh menumpang jaga *parking*, kawasan dibuka untuk uruskan, tidak ada masalah. Satu keharmonian yang telah lama kita kecapai dalam negara ini merujuk kepada Titah Tuanku. Akan tetapi hari ini suasana politiknya tiba-tiba agama juga hendak dipolitikkan.

Ini Tuan Yang di-Pertua, mesti diambil satu tindakan bagaimanalah mesti kita hentikan. Ahli-ahli Dewan Negara ini, *the Upper House*, masing-masing nasihatkan rakan-rakan masing-masing, baik kami, baik daripada pihak sana. Ini kerana bibit-bibit ini adalah cukup merbahaya kalau kita benarkan ianya berterusan. Apatah lagi kekecewaan ini bila nampak ada rakan-rakan kita kerana di belah pembangkang boleh bersetuju untuk dikaji, untuk dilihat, hendak kaji apa? Hendak lihat apa? Apa yang kita nak angkat darjat ini Mahkamah Syariah yang diguna pakai kepada orang yang beragama Islam sahaja yang tidak ada masalah dengan agama lain dan bangsa lain.

Jadi ini yang saya katakan Tuan Yang di-Pertua, kena lihat dengan teliti. Saya hendak sampaikan mesej ini kepada Yang Berhormat Gelang Patah ini. Kalau berani cuba cakap di luar Parlimen pendirian dia berkenaan dengan RUU 355 ini. Jangan jadi hero dalam Dewan Rakyat saja, macam samseng, biadab, angkuh dengan membantah. Beri peluang, ada masa berbahas nanti, berbahaslah, akan sampai ke sini, kita bahas lagi.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, suasananya tiba-tiba berubah. Perkara agama dibawakan, saya setuju apa yang disebut oleh Yang Berhormat Tan Sri, *the recent five years*, dengan izin, seperti ada sesuatu yang di rencana dengan begitu teliti dan cukup terancang untuk membawa sesuatu fahaman dalam negara ini dan memporak-perandakan kita daripada dalam, yang ini cukup bahaya. Nama-nama yang disebut tadi dalam buku itu, rujukan yang disebut dalam buku. Kita boleh lihat karakter mereka,

kita boleh lihat cara mereka, memang itulah mereka sebenarnya. Memang itulah pendirian dan peranan mereka dalam negara ini.

Perkara kedua yang saya hendak sentuh yang juga menjadi polemik politik hari ini dan yang tidak pernah saya sentuh. Saya pernah bercakap perkara ini dalam sidang Dewan yang lepas. Saya hendak ambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak. Dengan kehadiran Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdul Aziz al-Saud, ianya telah menutup mulut banyak orang, tertutup mulutnya terkunci. Ada dalam *Hansard* dan ada dalam *You Tube* apa yang pernah saya sebutkan berkenaan bila RM2.6 bilion itu dipolitikkan pagi petang siang malam dalam negara ini.

Orang yang cuba menjuarai isu ini tidak lain dan tidak bukan, yang diketuai oleh mantan Perdana Menteri kita selama 22 tahun, Tun Dr. Mahathir Mohamad. Pagi petang siang malam bercakap soal RM2.6 bilion itu. Akhirnya dengan izin *Allah SWT* juga, dengan kehadiran Raja Salman ke negara ini dengan begitu mesra, hubungan yang akrab bersama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ianya telah menutup mulut mereka dan akhirnya mereka tak mampu lagi berkata soal RM2.6 bilion ini. Kita kena ungkapkan balik perkara ini supaya masyarakat, rakyat jangan lupa orang ini pernah sebut kepada kita, kepada semua rakyat satu masa dahulu, "*Mana ada orang gila dari Arab nak bagi RM2.6 bilion, tunjukkan pada saya*". Akhirnya, orang itu pemimpin utamanya, rajanya datang ke negara ini, terkunci.

Hari ini dia alih ke isu lain pula. Isu bebaskan Anwar, yang ini sedap. Bebaskan Anwar Ibrahim. Saya hendak ambil peluang ini supaya Tuan Yang di-Pertua, jangan rakyat terus dikelirukan. Ini bukan politik yang sihat, ini bukan politik yang boleh membina generasi yang matang akan datang. Saya hendak tanya satu perkara, Anwar Ibrahim ini dibuka segala-galanya pada tahun bila? Tahun 1997, waktu itu yang menjadi Perdana Menteri ialah Tun Dr. Mahathir Mohamad. Hari ini dia pergi bersalam di mahkamah, dia kata, "*Bebaskan Anwar, Free Anwar*". Orang yang masukkan Anwar dalam penjara, dia! Orang yang sumbat dan buka segala keaiban, dia! Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak waktu itu hanya Menteri Pendidikan, Menteri Pelajaran. *He knows nothing*, dengan izin, tidak terlibat, tidak tahu langsung, mungkin tahulah sikit-sikit. Hari ini dia bersungguh-sungguh- bebaskan Anwar, bebaskan Anwar.

Ini rakyat kena faham Tuan Yang di-Pertua. Jangan rakyat dipandu kepada jalan yang salah oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad dan konco-konconya. Politik ini dan matlamat menghalalkan cara. Agama dilanggar, apa sahaja perkara boleh dibuat asalkan kuasa di tangan, ini bahaya untuk negara. Kita tidak boleh benarkan politik ini berterusan kerana banyak lagi perkara lain yang perlu kita uruskan. Dari segi sosioekonomi, saya nampak bagus. Kerajaan dah buat segala-galanya. Pergi kepada negara China untuk mencari pelabur, habislah dia kata akhirnya negara ini orang China akan ambil. Waktu dia buat Dasar Pandang ke Timur, saya masih belajar, waktu itu saya studen. Mana orang Jepun di negara ini sekarang? *Do we taken by the Japanese?* dengan izin, tidak ada.

Jadi inilah perkara-perkara Tuan Yang di-Pertua yang saya fikir kita mesti meletakkan satu *full stop* dan noktah kepada perkara-perkara seperti ini, jangan dia *misleading*, dengan izin, rakyat dan akhirnya rakyat akan hidup dengan kebencian, rakyat akan hidup dengan semangat perkauman dan yang mengatakan bapa *racist* dalam negara ini, saya sebagai pemimpin muda masa itu, Tun Dr.

Mahathir yang kata Lim Kit Siang bapa *racist* dalam negara ini. Pagi petang siang malam itu kami ditanam, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Hari ini sekutu-sekutunya, Ahli Parlimen Pandan. Dulu katakan macam-macam fasal Tun Dr. Mahathir dan ahli keluarganya, ditayangkan di TV3, dituduh TV3, TV3 suku, macam-macam cacian, hinaan diberi kepada TV3. Akan tetapi hari ini bila mereka baik, mereka hadam balik ludah yang telah mereka pernah semburkan suatu masa dahulu dan menyalahkan pihak lain. Politik dalam negara ini mestilah politik yang matang supaya negara ini akan datang Tuan Yang di-Pertua, boleh berada dalam keadaan yang baik demi generasi kita masa hadapan.

■1850

Tadi semasa Yang Berhormat Tan Sri berucap, cuba lihat wajah anak-anak yang datang penuh dengan kesyahduan. Masa depan mereka yang akan kita tentukan. Jadi bayangkan kalau kita berurusan dengan politikus-politikus semacam ini, saya khuatir masa depan negara ini akan berada dalam keadaan yang kucar dan kacir kerana beberapa orang ini.

Jadi akhir kalam Tuan Yang di-Pertua, saya dengan rasa tegas ingin memaklumkan pendirian saya bahawasanya Rang Undang-undang 355 yang dibentangkan itu mestilah diberi peluang untuk dibahaskan dan akhir nanti mesti diluluskan seelok-eloknya tanpa bahas. Oleh sebab perkara ini yang sama pernah dibentangkan pada tahun 1984.

Jadi dengan kata-kata itu, dengan penuh rasa hormat dan takzim, saya menjunjung kasih sekali lagi atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan mohon menyokong. Sekian. *Wabillahitaufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Megat Zulkarnain, anak seorang negarawan, bapanya seorang negarawan dan nampak anaknya ikut jejak langkahnya. Terima kasih dan tahniah.

Saya jemput pula sekarang iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin.

6.51 ptg.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk membahaskan usul Menjunjung Kasih Titah Tuanku Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam perasmian pembukaan Penggal Kelima Parlimen Ketiga Belas.

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan tahniah kepada Tuanku Sultan Muhammad V di atas pelantikan menaiki takhta Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 13 Disember 2016 dan majlis pertabalan Baginda pada Isnin, minggu hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam titah Baginda menyentuh kesejahteraan rakyat. Saya ingin menarik perhatian Dewan bagi mengemukakan masalah isu tentang hutang isi rumah yang tinggi. Saya ingin menyentuh secara khusus mengenai bebanan hutang isi rumah dan dedahan potensi hutang bagi skim ansuran mudah oleh syarikat kredit terutamanya yang ditawarkan dalam pembelian barangan kelengkapan rumah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam laporan Bank Negara 2016 baru-baru ini, petunjuk hutang isi rumah menunjukkan peningkatan jumlah dari RM1.0306 trilion kepada RM1.0862 trilion. Walaupun angka ini mengalami penurunan nyata daripada 89.1 peratus berbanding kepada paras 88.4 peratus GDP negara. Di dalam isu hutang melalui ansuran mudah ini saya ingin memberi contoh. Contohnya dengan pembelian *Samsung TV* yang berharga RM1,549 yang mana tempoh ansuran selama lima tahun dan pembayaran mingguan sebanyak RM15 seminggu. Jumlah *interest* atau kadar faedah yang dibayar oleh pengguna adalah sebanyak RM2,419 yang mana menjadikan jumlah faedah yang dibayar sebanyak 156.14 peratus berbanding dengan harga TV yang dibeli.

Setelah dikira kadar faedah ataupun *Annual Percentage Rate* atau APR, yang telah dikenakan adalah 46.06 peratus. Ini adalah amat tinggi berbanding dengan kadar APR *credit card* yang ditetapkan oleh Bank Negara sebanyak 15 peratus ke 18 peratus dan APR bagi overdraf sebanyak 8.10 peratus. Kadar APR untuk membeli *BMW 3Series* juga pun paling tinggi adalah empat peratus hingga ke enam peratus.

Oleh itu, bagi mengekang tadahan risiko keberhutangan lampau pengguna, Bank Negara dan KPDNKK perlu melihat satu pendekatan statutori kawalan ke atas skim kredit mudah yang ditawarkan oleh syarikat seperti *Courts*, *Aeon*, *Singer* ataupun *Hup Seng* sama ada untuk pembelian alatan kelengkapan rumah ataupun pembelian *gadget* ICT bagi memenuhi gaya hidup kini.

Saya juga ingin mencadangkan agar kerajaan dapat memastikan supaya syarikat yang menawarkan ansuran mudah perlulah menyatakan dan menunjukkan jumlah APR yang dikenakan dan melarang iklan-iklan yang mengelirukan seperti bayaran RM10 seminggu dan sebagainya, menetapkan kadar *interest* maksimum bagi pembelian ansuran mudah barangan pengguna sama seperti kadar faedah kredit kad iaitu 18 peratus. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan pengguna yang membeli melalui ansuran ini merupakan golongan berpendapatan rendah dan sederhana dan mereka kebanyakannya berada di luar bandar dan mereka juga adalah merupakan golongan yang tidak mempunyai kad kredit.

Justeru, saya juga ingin memohon perincian oleh Bank Negara Malaysia mengenai statistik berapakah jumlah hutang isi rumah dalam segmen hutang dari syarikat-syarikat bukan kredit atau institusi bank-bank atau institusi kewangan yang mana institusi ini tidak dikawal oleh siri perundangan perbankan atau sistem kewangan negara.

Kedua, apakah perancangan Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia dan KPDNKK bagi melindungi pengguna agar tidak lagi terpedaya dengan rejim pasaran kredit bukan institusi kewangan yang terang-terang mengeksploitasikan pinjaman peminjam dengan kadar faedah pinjaman yang amat tinggi. Berapakah bilangan kes-kes kebangkrupan yang direkodkan oleh Jabatan Insolvensi ke atas pinjaman kredit ansuran mudah ini?

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua yang saya ingin kemukakan kepada Dewan yang mulia ini adalah berkaitan dengan kenaikan kos sara hidup dan kesan kepada renjatan kemampuan isi rumah untuk mendapatkan makanan berzat dan tumbesaran kanak-kanak Malaysia yang berumur di antara tiga tahun hingga enam tahun.

Dalam kajian *National Health and Mobility Survey 2015* oleh Kementerian Kesihatan, dapatan kajian menunjukkan bahawa 12 peratus daripada sampel kajian menunjukkan kanak-kanak mengalami

kekurangan zat yang menyebabkan pertumbuhan berat badan kanak-kanak berada di bawah paras normal daripada carta pembesaran standard yang disyorkan oleh WHO atau standard kesihatan antarabangsa. Manakala hampir 18 peratus kanak-kanak Malaysia juga berada di bawah tahap ketinggian normal atau pun kebantutan. Malahan direkodkan data daripada *World Bank* pada tahun 2011, lebih kurang satu daripada tiga kanak-kanak yang berumur lima tahun di Malaysia ini mengalami kekurangan darah ataupun *anemic*. Apa yang paling membimbangkan Tuan Yang di-Pertua, situasi ini meletakkan Malaysia di kedudukan lebih rendah dari negara Vietnam dan Thailand.

Dahulu, Ungku Aziz pernah berkata dalam membina generasi yang unggul dan berjaya memerlukan fizikal yang besar dan juga melahirkan anak yang cerdas dan sihat memerlukan pemakanan yang baik. Oleh itu, saya ingin mendapatkan penjelasan dari kerajaan dalam isu ini. Pertama, apakah tindakan Kementerian Kesihatan dalam memainkan peranan untuk mengesyorkan kepada Kastam agar produk susu kanak-kanak berumur melebihi umur tiga tahun mendapat layanan kadar sifar di bawah Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014. Ini kerana segala susu untuk tiga tahun ke atas dikenakan GST tetapi tiga tahun ke bawah tidak dikenakan GST.

Kedua, apakah EPU dengan kerjasama KPDNKK, Kementerian Kesihatan dan Kastam sendiri melakukan kajian dan semakan bahawa implikasi cukai GST ke atas susu kanak-kanak berumur melebihi tiga tahun ini menyebabkan kesan yang amat *tangible* atau ketara dalam masalah kerenjatan pertumbuhan kanak-kanak di masa kini.

Ketiga, apakah perlu kerajaan melalui Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Pendidikan yang terlibat dalam Program Pendidikan Awal Kanak-kanak di sekolah-sekolah membekalkan satu Program Rancangan Makanan Tambahan yang lebih berstruktur dan cekap agar masalah kerenjatan pertumbuhan kanak-kanak ini diatasi segera.

Keempat, apakah fokus EPU dan Kementerian Kewangan dalam isu kerenjatan pertumbuhan kanak-kanak ini? Ini kerana implikasi kenaikan kos harga makanan dan persekitaran ekonomi global serta rasionalisasi subsidi atau Skim Bantuan Rakyat 1Malaysia dapat membantu menyejahterakan aspek pemakanan berzat rakyat kepada kanak-kanak kini?

Perkara yang ketiga yang ingin saya sentuh seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang isu pekebun kecil kelapa sawit. Saya ada mengajukan soalan lisan kepada Yang Berhormat Menteri dan telah pun dijawab secara bertulis. Soalan lisan saya adalah mengenai kesan resolusi Parlimen Eropah yang mengaitkan tentang pembangunan tanaman sawit yang akan memberikan kesan implikasi yang besar kepada eksport sawit Malaysia di Eropah.

■1900

Dalam jawapan bertulis Yang Berhormat Menteri ada menyatakan implikasinya. Antaranya jawapan Yang Berhormat Menteri, cadangan resolusi ini mendiskriminasikan minyak sawit berbanding lain-lain minyak sayuran dan mempunyai implikasi terhadap eksport minyak sawit. Ini termasuk akses pasaran ke EU akan terjejas jika tidak mematuhi piawaian EU berkaitan minyak sawit mampan, tarif yang tinggi yang akan dikenakan ke atas minyak sawit dan dari sumber yang tidak mempunyai sijil kemampuan.

Ketiga, akses pasaran minyak sawit sebagai bio bahan api ke EU akan terjejas dan yang keempat memberi imej negatif bahawa minyak sawit merupakan penyumbang utama kepada penyahhutan berbanding dengan yang lain-lain minyak sayuran. Itu adalah sebahagian daripada jawapan daripada Yang Berhormat Menteri.

Kita sedia maklum bahawa EU merupakan pasaran terbesar bagi sawit Malaysia dengan nilai eksport bernilai RM10 bilion pada tahun lalu pada tahun 2016. Saya mendapat makluman bahawa industri sawit perlu mendapat pensijilan RSPO iaitu *Roundtable on Sustainable Palm Oil* bagi memastikan pematuhan peserta industri menyokong hala tuju dan kelestarian pasaran sawit peringkat antarabangsa.

Soalan saya kepada kementerian, bagaimanakah kementerian dan MPOB merencana, mematuhi tata amalan dan keperluan pensijilan *quality assurance* atau ketetapan amalan terbaik RSPO dan MSPO? Oleh sebab di Malaysia saya difahamkan bahawa kementerian mengenakan sijil MSPO dalam konteks industri sawit Malaysia. Kedua, apakah impak terhadap kos dan bebanan pekebun kecil apabila pensijilan RSPO ini dikuatkuasakan? Oleh kerana kita tahu apabila hendak mendapat sijil antarabangsa, segala kos, segala persiapan yang hendak dilaksanakan bagi memperoleh sijil tersebut melibatkan kos yang tinggi. Apakah akibat, kesan dan impak daripada melaksanakan pensijilan ini kepada pekebun-pekebun kecil kelapa sawit?

Ketiga, soalan saya ialah mengenai implikasi modal ataupun CAPEX dan kos operasi bagi kilang-kilang sawit, *refinery* dan industri hiliran seperti pembuatan *soup noodle* atau produk berasas sawit yang akan memberi cabaran dalam *survival* pihak berkepentingan industri kelapa sawit Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kalau tadi Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Anwar ada menyentuh tentang pencen askar. Saya juga ada ingin hendak menyentuh sedikit tentang kehidupan golongan warga emas ini dan juga bagaimana mereka hendak melangsungkan kelangsungan hidup berkualiti selepas persaraan. Ini amat penting untuk kita beri perhatian kerana sebarang kes pengabaian, terlepas pandang dan ketidak-*inclusivity* akan menyebabkan prestasi kerajaan dalam memastikan kualiti jaringan keselamatan sosial kita akan dipersoalkan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya mendapat rungutan dari penerima pencen kerajaan dari pelbagai kategori yang tidak tergolong dalam penerima pencen melangkaui had bayaran pencen minimum. Oleh kerana tidak cukup jumlah perkhidmatan minimum untuk mendapat perkiraan layak untuk mendapat 50 peratus pencen.

Dari golongan ini, terdapat mereka yang ditamatkan perkhidmatan kerana dasar pemisahan perkhidmatan badan berkanun yang menjadikan syarikat korporat atau polis atau anggota tentera yang berkhidmat tidak mencapai umur perkhidmatan maksimum 25 tahun. Antara penerima pencen ini yang bermasalah mendapat pencen bulanan antara RM100 ke RM400 adalah antaranya pesara Pejabat Pos, pesara Keretapi Tanah Melayu, pesara Jabatan Telekom, pesara Lembaga Elektrik Negara, pesara Lembaga Padi dan Beras Negara serta entiti berkanun yang diswastakan semenjak awal 1990-an dan juga pesara PDRM dan juga angkatan tentera sebagaimana yang telah disebutkan tadi oleh Tan Sri Anwar.

Mereka ini dapat pencen minimum kerana gaji kerajaan pada masa tersebut adalah kecil. Bayangkan jika mereka ini adalah golongan yang tidak layak mendapat migrasi kelayakan mendapat

gaji minimum kerana kekangan seperti lantikan kontrak dan hayat perkhidmatan tetap dan berpencen tidak mencapai 25 tahun. Jadi, mereka ini pendapatan pencen mereka adalah minimum di bawah RM400. Justeru itu, saya memohon kerajaan melalui JPA, Angkatan Tentera Malaysia dan PDRM agar dapat mengenal pasti berapakah jumlah penerima pencen yang gagal mendapat pencen minimum RM820 yang ada pada ketika ini. Kedua, bagaimanakah kita dapat tangani segera kesengsaraan golongan ini dalam menempuh kehidupan yang amat sukar dalam persekitaran ekonomi kini. Adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan suatu Kumpulan Wang Amanah bagi menampung perbezaan pencen minimum ini?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, pada baru-baru ini saya telah melawat sebuah rumah perlindungan yang ditubuhkan dan dikendalikan oleh sebuah badan NGO bagi remaja-remaja dan wanita-wanita yang mengandung dan melahirkan anak luar nikah, di mana sebahagian daripada penghuni rumah perlindungan tersebut berumur antara di bawah 18 tahun. Saya tersentuh melihat bayi-bayi yang dilahirkan tanpa bapa dan tanpa bantuan serta sokongan dari ahli keluarga.

Saya juga dimaklumkan bahawa oleh penjaga rumah tersebut ada di kalangan mereka yang datang ke rumah tersebut yang dihantar oleh ibu bapa keluarga dan malahan ada yang dihantar oleh Yayasan Kebajikan sendiri adalah di kalangan umur 10 ke 15 tahun yang mana mereka adalah sangat remaja. Tidak dinafikan ada di antara remaja dan wanita yang mengandung anak luar nikah telah membuat kesilapan besar dalam kehidupan mereka. Namun, ada juga di antara mereka merupakan mangsa rogol dan penganiayaan orang lain seperti dimasukkan dadah ke dalam air dan sebagainya, kemudian dirogol dan sebagainya.

Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah mengadakan Rang Undang-undang Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017. Bukanlah untuk kita menggalakkan kelahiran luar nikah ini tetapi atas dasar kemanusiaan, saya fikir golongan ini sewajarnya diberikan bantuan untuk memastikan kelangsungan kehidupan ibu dan bayi yang dilahirkan itu. Saya juga dimaklumkan ada juga pusat-pusat perlindungan yang ditubuhkan yang diwujudkan yang bertujuan untuk menjual bayi-bayi yang dilahirkan. Bayi yang lebih cantik, bayi yang lebih gebu dan comel akan dijual dengan harga yang lebih mahal. Kes-kes remaja luar nikah ini naik mendadak disebabkan pengaruh media sosial dan lambakan bahan lucah di dalam aplikasi digital.

Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, dalam tempoh 10 tahun seramai 532,158 orang anak luar nikah telah dilahirkan sejak tahun 2005 sehingga 2015, setengah juta Tuan Yang di-Pertua. Bilangan kes kehamilan remaja belum berkahwin pada tahun 2012 hingga 2015 adalah sebanyak 16,270 kes.

Justeru, saya ingin memohon penjelasan daripada kerajaan, daripada Kementerian Pembangunan Wanita, khususnya berapakah jumlah terkini kes-kes remaja hamil direkodkan di seluruh negara? Kedua, mengapakah tiada bantuan yang diberikan kepada rumah-rumah perlindungan yang ditubuhkan oleh NGO? Apakah bantuan yang diberikan kepada remaja-remaja dan wanita yang mengandung dan melahirkan anak luar nikah untuk menampung kehidupan diri dan anak yang dilahirkan kerana mereka ini dikira sebagai ibu tunggal.

Keduanya, daripada mengelak mereka membuang anak, membuang bayi dan sebagainya dari segi kemanusiaan, saya rasa kita perlu membantu kerana mereka kebanyakannya adalah remaja dan

juga ibu-ibu muda. Soalan saya seterusnya adalah apakah komitmen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Pendidikan dan JAKIM serta Kementerian Dalam Negeri bagi menangani kes-kes remaja hamil luar nikah? Seterusnya, adakah pemantauan dibuat oleh kerajaan bagi rumah-rumah perlindungan itu bagi mengelakkan sindiket penjualan bayi? Ini dikira sebagai *human trafficking*.

Seterusnya, perkara yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, adalah saya ingin menyentuh tentang perkhidmatan perguruan agar dapat diurus. Mereka menuntut hak mereka sebab saya telah menerima berbagai rungutan daripada pihak guru akibat ketidakpuasan hati guru-guru dengan pengurusan iaitu antaranya adalah di kalangan pengetua, timbalan pengetua, guru besar dan penolong kanan. Mereka mahu menuntut agar hak mereka mendapat kemudahan atau layanan sebagaimana yang termaktub di bawah peraturan-peraturan perkhidmatan awam. Antara rungutan yang diterima antara isu yang dikemukakan adalah kegagalan pengetua dan guru besar untuk memberikan cuti gantian rehat apabila guru-guru diarah bertugas pada hari cuti umum bagi mengiringi pelajar yang terlibat dengan aktiviti sekolah.

■1910

Kebanyakan isu yang berlaku adalah di sekolah berasrama penuh, kolej vokasional dan MRSM di mana guru diminta mengiringi pelajar dan bertugas pada hari cuti umum tetapi hak mereka untuk mendapatkan cuti gantian dinafikan. Saya mohon JPA, Kementerian Pendidikan serta Majlis Amanah Rakyat memberikan respons mengenai isu ini, agar satu pekeliling dikeluarkan semula agar semua aktiviti kerja guru pada hari cuti umum, mingguan dan cuti umum khusus diberikan gantian cuti rehat secara automatik dan standard apa-apa surat arahan atau minit arahan kerja dimasukkan kelulusan terus gantian cuti rehat. Seterusnya ...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, banyak lagi?

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Sikit lagi Tuan Yang di-Pertua, satu lagi. Selain daripada itu, keingkaran pengetua, guru besar dan timbalan pengetua menjejaskan lima waktu seminggu dan 12 waktu seminggu. Jadual mingguan mereka memang ada tetapi mereka mengagihkan jumlah masa mengajar ini kepada guru-guru biasa sehinggakan saya dimaklumkan ada guru-guru mengajar sehingga 39 dan 44 masa seminggu. Saya mohon JPA, Kementerian Pendidikan dan MARA memastikan keingkaran pengetua, timbalan pengetua, guru besar dan penolong kanan tidak mematuhi perintah mengajar ini diambil tindakan sewajarnya. Justeru itu, saya mohon JPA, Kementerian Pendidikan dan MARA atau badan-badan berkanun yang lain yang mempunyai perkhidmatan perguruan memastikan kebajikan dan kemudahan guru-guru dipelihara.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, saya ingin menyokong titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan sekali lagi menjunjung kasih di atas titah ucapan perasmian Parlimen oleh Tuanku. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator, terima kasih. Dato' Hajah Fahariyah ya dan perbincangan yang baik. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok.

7.12 mlm.

Datuk Lihan Jok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk terlibat dalam perbahasan Titah Diraja ini. Pertama, saya ingin menjunjung kasih kepada Seri Paduka Yang diPertuan Agong Sultan Muhammad V yang telah sudi mencemar diri merasmikan pembukaan persidangan pada kali ini. Maka ucapan titah baginda yang begitu bernas menjadi landasan atau *road map* kepada kerajaan untuk melakar segala usaha untuk membawa berkat, khidmat dan pembangunan kepada masyarakat kita.

Jadi pada tengah hari ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa sedikit berita dari Sarawak sebagai wakil daripada Kerajaan Negeri Sarawak, eloklah kita walaupun kita sudah baca dalam surat khabar tetapi elok juga saya hendak kongsi supaya Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudah sedia maklum, lebih maklumkan lagi, apatah lagi baru-baru ini kita baru balik melawat negeri Sarawak.

Setelah pemergian Allahyarham Datuk Patinggi Adenan Haji Satem, jadi diambil tampuk pemerintahan negeri Sarawak ialah Datuk Amar Abang Johari Tun Openg. Jadi, Ketua Menteri yang baru ini memiliki visi yang besar untuk negeri Sarawak. Oleh sebab itu dia pada 4 hingga 6 hari bulan pada bulan ini melakukan satu konferensi yang bernama *Infrastructure and Digital Economy Conference, Sarawak* (IDEC) di Kuching selama dua hari kerana Sarawak melihat peluang untuk membangunkan negeri itu di Sarawak ini ialah perlu memeluk dan memikirkan cara yang baru. Oleh sebab itulah Ketua Menteri kita yang baru ini menekan supaya arah tuju membangunkan ekonomi Sarawak adalah dalam lapangan digital ekonomi.

Jadi untuk itu, kerajaan negeri telah cepat-cepat dalam konferensi itu, Ketua Menteri telah mengumumkan bahawa kerajaan Negeri Sarawak akan membelanjakan sejumlah RM1 bilion untuk membangunkan menara sejumlah 5000 *tower*. Inilah yang akan dipelopori oleh Kerajaan Negeri Sarawak untuk membawa Sarawak maju seiring dengan negeri-negeri yang lain di Semenanjung. Sehubungan itu juga Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Sarawak telah mengambil keputusan yang berani untuk memperoleh Hidro Bakun daripada Kerajaan Persekutuan supaya hasrat yang murni yang besar ini untuk membangunkan digital ekonomi Sarawak ini boleh dicapai.

Keduanya, apabila Datuk Amar Abang Johari mengambil tampuk kerajaan, dia menegaskan satu perkara penting, pokok dan perkara ini juga telah dimaklumkan kepada kumpulan rombongan Ahli-ahli Senator yang telah melawat, mengunjungi beliau bahawa perkara yang hendak beliau tekankan ialah kepimpinan beliau selagi dia memimpin, dia memastikan Sarawak tetap di dalam Malaysia. Segala usaha yang mengganggu gugat tekad ini, kerajaan negeri akan terus membanteras.

Perkara yang ketiga yang saya hendak ceritakan tentang kepimpinan Sarawak yang baru ini ialah Ketua Menteri kita akan terus berjanji dan meminta kepada Kerajaan *Federal* menjanjikan kepada rakyat Sarawak supaya kuasa-kuasa negeri yang telah dihakis selama kita sudah di dalam merdeka patutlah dikembalikan. Usaha inilah secara diplomasi yang akan diuruskan oleh Ketua Menteri kita yang baru ini. Jadi, sehubungan dengan itu juga, saya sangat menyokong pandangan-pandangan daripada dua rakan saya dari Sarawak seperti Yang Berhormat Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian dan Yang Berhormat Dr. Zaiedi Haji Suhaili. Jadi kedua Doktor ini telah memberi pandangan yang begitu bernas yang menyatakan hasrat kerajaan negeri dan perjuangan Kerajaan Negeri dalam Persekutuan.

Jadi pada petang ini Tuan Yang di-Pertua, dalam sedikit menyentuh titah diraja, saya akan menyentuh dua perkara. Satu ialah pendidikan peribumi di Sarawak dan Sabah. Yang kedua adalah subsidi yang diperkenalkan di Sarawak, Sabah dan Labuan.

Saya sentuh yang pertama. Tujuan saya hendak membentangkan sedikit di sini ialah kerana saya melihat kerana kita datang daripada akar umbi, kita perlu mencari cara membantu kerajaan kita supaya *delivery system* kerajaan kita khususnya Kementerian Pendidikan akan menjadi licin dan sampai ke akar umbi. Pertama dalam isu pendidikan ini untuk menaikkan taraf pendidikan di peringkat akar umbi di luar bandar, di masyarakat peribumi Sarawak, saya memohon supaya kementerian pergi melihat keadaan-keadaan sekolah yang sudah usang, yang perlu diperbaiki, diperbaikilah. Akan tetapi yang saya pentingkan di sini ialah kerajaan kita ataupun negara kita sudah maju, begitu baik, sudah terkenal di dunia tetapi perkara yang berlaku di akar umbi di sekolah-sekolah kita ini belum lengkap mengikut perhatian saya.

■1920

Mengikut hati saya sebagai cikgu dulu dan sekarang. Yang saya maksudkan di sini, sekolah kita ini masih di takuk lama Tuan Yang di-Pertua. Kelasnya masih sama 30 tahun dahulu, 50 tahun, 40 tahun dahulu sehingga sekarang. Jadi saya mencadangkan untuk menyesuaikan sekolah kita ini dengan kehendak penyampaian Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) ini harus dilengkapi dengan alat-alat elektronik yang sesuai yang boleh membantu guru-guru menggunakan alat elektronik ini supaya dapat lebih berkesan dan idea yang jauh boleh kita bawah dalam bilik darjah.

Apa yang saya maksudkan ini selalu kita lihat papan tulis dan menggunakan kapur. Ini adalah kemudahan sekolah yang sudah lama dan ditakuk lama yang kita hendak perlu sekarang saya dengar tetapi saya belum melihat, melawat kebanyakan sekolah di Terengganu di tiap-tiap bilik kelas itu adalah televisyennya, ada *laptop*-nya, ada alat-alat elektronik yang sesuai yang untuk membantu cikgu itu lebih berkesan menyampaikan pengajaran dan supaya benda itu alat teknologi yang ada dalam kelas ini boleh menarik minat murid, dia boleh memegang, dia boleh menggunakan inilah yang saya maksudkan.

Bilik darjah yang moden kalau kita sudah mencapai tahap sebuah negara yang maju pada tahun 2020 itu takkan sekolah kita masih tinggal di takuk lama, ini yang saya maksudkan. Perkara yang kedua yang saya utarakan ialah amat penting pada hati saya Tuan Yang di-Pertua dan saya rasa pun penting kita faham bahawa di Sarawak kita mempunyai kampung-kampung yang kena akibat geografi banyak rumah panjang, banyak kampung-kampung ini adalah jauh di pedalaman dan kampung ini tidak memiliki sekolah apatah lagi sekolah rendah maksud saya ini kemudahan pendidikan awal tidak ada.

Saya sudah membangkitkan perkara ini dua tiga tahun yang lepas dan sedikit ada kemajuan sehingga ada kepada setakat ini saya dapat membawa Petronas untuk membantu membina tadika di lima buah kampung tetapi lima buah ini tidak cukup. Contohnya kalau kita lihat di kampung yang saya sebutkan ini Long Bangan, Long Win, Long Maraan, Long Kawa, Long Siang, Long Kerangan, Long Liwok, Long Nan, kampung ini berdekatan dengan kampung saya ini Long Sayan, Long Belok, Long Dalok, Kampung Baru, Pak Pakan, Long Hitam, Long Kawi, Bak Kabing, Bak Bare, Longurang, Long

Tujang, Long Buang, Long Hitam semuanya tidak ada kemudahan pendidikan awal. Long itu ialah Kuala Sungai lah.

Jadi dalam hal ini, hanya kampung yang berdekatan dengan kampung dalam kawasan *subdistrict*, sub daerah kampung saya dan apatah lagi tempat-tempat yang lain dan dalam kampung yang saya sebutkan ini okey kita ambil purata Tuan Yang di-Pertua, 10 orang kanak-kanak di sini tadi 21 jadi apa nasib kanak-kanak yang begini?

Peralihan boleh, apabila masuk ke tahun satu nanti boleh lah pergi bolehlah masuk tetapi apabila masuk tahun satu tidak ada pendidikan awal dia kongsi sama dengan yang sudah sekolah dua tiga empat tahun apa jadinya? Tidak adil. Ini lah yang menyebabkan kelembapan pendidikan di banyak kawasan di Sarawak dan inilah juga sebab-sebabnya pelajar ini selalu tercicir dalam dari segi pendidikan yang baik.

Oleh sebab yang demikian, saya mencadangkan dahulu sekolah bergerak tetapi ada orang yang bincang demi bincang akhirnya pembinaan sekolah yang tetap itulah lima sekolah yang maksudkan saya tadi kita memohon jasa baik Petronas untuk membina sekolah tetap. Pada awalnya saya mencadangkan supaya cikgu dengan alat-alatnya bergerak ke kampung-kampung ini bergilir-gilir, jadi ini lah maksud saya kalau kerajaan seperti Kementerian Perubatan di Sarawak dia menggunakan perahu, kereta, dahulu untuk merawat pergi membawa ubat kepada rumah panjang untuk membawa merawat orang lepas tu dia bergilir-gilirlah. Apa salahnya Kementerian Pendidikan pergi ke penempatan-penempatan yang di sebutkan ini tadi sebagai kerajaan yang prihatin. Mana boleh kita sampai 2020 anak kita ini berhingus masih tidak pandai bersekolah. Tidak jadi, tidak adil. Jadi kerajaan yang adil, kerajaan yang prihatin, belanjalah buat peruntukan, buat bajet untuk pergi kepada anak-anak yang tidak berpeluang bersekolah ini tadi. Supaya apabila dia masuk ke tahun satu dia adalah yakin sama dalam anak-anak yang telah mendapat pendidikan awal di tempat yang lain, itu yang pertama.

Titah Diraja memohon supaya hal-hal pendidikan peribumi di Sarawak ini diutamakan, perkara yang kedua berhubung dengan subsidi ini tadi, subsidi ini lain, di Sarawak ini lain. Dia subsidi membayar kos pengangkutan kalau harga minyak di Kuala Lumpur maksudnya RM2.05, di kampung saya di Sarawak itu mesti sama juga walaupun ia RM2.10 tambah 5 sen pun tidak apa, jadi kos dari Kuala Lumpur ke kampung saya itu kerajaan yang bayar. Begitu di Sarawak.

Itu yang saya maksudkan subsidi pengangkutan petrol, gas kah, perkara ini Tuan Yang di-Pertua amat membantu rakyat pada suatu ketika benda ini pun boleh jadi formula ini terjadi juga termasuk saya terlibat waktu saya Ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak kerana perkara itu perit pahit kos barang contohnya dalam kawasan kita di Baram satu beg simen di Miri adalah RM24. Akan tetapi apabilanya dijual di Bario dia menjadi RM120 kosnya lebih tinggi kos pengangkutan inilah yang ditanggungkan oleh kerajaan. Inilah yang saya maksudkan subsidi di Sarawak, Sabah, Labuan.

Akan tetapi kebelakangan ini perkara ini entah tidak tahu lah saya telefon *to conform* untuk mengesahkan bahawa sistem ini tidak tentu jalan lagi, dua masalah, yang pertama, kampung-kampung yang telah patut diberi subsidi ini entah tidak tunggu-tunggu tidak ada lagi kerajaan pun tidak umum barang-barang subsidi itu pun tidak dihantar minyak ini tidak ada lagi itu satu.

Kedua, masalahnya Tuan Yang di-Pertua, ialah kampung yang berdekatan ada barang subsidi, kampung saya tidak ada kenapa pilih-pilih begitu? Kalau hendak bagi subsidi bagilah sekali, kan? Jadi

kampung yang berdekatan kampung yang berdekatan dengan saya itu mereka tidak senang hati kenapa tidak adil, kerajaan dituduh tidak adil.

■1930

Jadi, khususnya kampung-kampung yang tidak boleh dihubungi dengan jalan raya, hanya digunakan perahu itu, kampung inilah yang kebanyakan ketinggalan, tidak termasuk dalam senarai yang patut diberi subsidi.

Jadi oleh sebab yang demikian, saya mohon kepada kementerian yang bertanggungjawab iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan untuk melihat perkara ini supaya benar-benar titah Tuanku, hasrat Tuanku membantu orang di luar bandar ini tercapai.

Dengan kata demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok. Banyak *point* bagus yang dikemukakan. Ini kalau dengar orang kampung ini, dia suka ini. Ya, banyak isu diketengahkan. *Insyah-Allah*, kerajaan akan ambil tindakan.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed.

7.31 mlm.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu, *assalamualaikum* sekali lagi dan salam sejahtera.

Permulaan kalamnya, saya mewakili Kerajaan Negeri Kelantan dan seluruh seisi rakyat Kelantan menjunjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang ke-15, Sultan Muhammad V, di atas kesudian menyampaikan titah di pembukaan Dewan Penggal Kelima Parlimen Ketiga Belas pada Mac lepas. Tentu sekali ucapan dirgahayu Tuanku, rasanya tidak terlambat, di atas pelantikan Tuanku sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia yang ke-15. Semoga seluruh rakyat Malaysia aman makmur, sejahtera di bawah payung pemerintahan Tuanku berprinsipkan keadilan dan syariah. *Insyah-Allah*.

Untuk perbahasan saya kali ini untuk Akta 355, saya tidak akan mengulang memandangkan ramai rakan-rakan Ahli Yang Berhormat telah pun membahaskan berkait dengan Akta 355. Begitu juga berkait dengan peruntukan-peruntukan, pembangunan-pembangunan yang diperlukan di Kelantan, begitu juga telah disentuh oleh dua orang rakan Ahli Yang Berhormat daripada Kelantan juga. Keperluan-keperluan yang diperlukan oleh Kelantan, juga saya tidak akan menyentuh.

Cuma, saya terus kepada perbahasan saya yang pertama iaitu berkait dengan Akta 164 iaitu Akta Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 yang mana telah tersenarai untuk dibahaskan pada sidang Dewan Rakyat yang lepas tetapi telah ditangguhkan.

Di sini, suka saya membahaskan berkait dengan cadangan pindaan akta ini kerana ia secara langsung berkait dengan hak kekeluargaan orang Islam, status agama anak, hak penjagaan, nafkah dan pengagihan harta di mahkamah sivil.

Pindaan yang dicadangkan dalam Akta 164 saya kira suatu pindaan yang tidak adil kerana ia telah menyekat dan mengganggu gugat prinsip kebebasan menganuti dan mengamalkan agama bagi

umat Islam yang jelas termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Artikel 11 dan Artikel 13 yakni agama bagi Persekutuan adalah agama Islam.

Cadangan pindaan ini jelas bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan Artikel 11 dan juga Artikel 121(1A) serta bercanggah dengan pandangan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan tahun 2009 lagi dan tentu sekali ia mencemar keutuhan institusi Mahkamah Syariah dan keharmonian masyarakat berbilang kaum, agama dan etnik dalam negara ini.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan agar pindaan yang dicadangkan di bawah Akta 164 ini dikaji semula secara mendalam menerusi pembentukan jawatankuasa khas untuk merangka dan mengemukakan penyelesaian lain yang saya kira lebih adil bagi kedua-dua pihak sama ada yang *converting to Islam* ataupun yang *non converting to Islam*, serta penyelesaian ini yang lebih adil, menyeluruh dan inklusif melibatkan semua pihak yang berkepentingan iaitu Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, pengamal undang-undang syariah dan sivil, pertubuhan bukan kerajaan dan sebagainya.

Dan sebagai alternatif kepada cadangan pindaan Akta 164 yang ada adalah dengan penubuhan suatu mekanisme yang lebih anjal sifatnya bagi membolehkan kes diselesaikan secara lebih adil sesuai dengan perbezaan fakta antara satu kes dengan satu kes yang lain tanpa *bias* kepada mana-mana pihak dan mengetepikan faktor satu pihak yang telah menganut Islam yang terjamin haknya sebagai seorang Islam dalam Perlembagaan.

Jadi kalau ikut kepada cadangan pindaan Akta 164, pihak yang memeluk agama Islam terpaksa menyerahkan segala urusan berkait dengan status perkahwinannya, pengagihan hartanya dan juga pelbagai perkara lain, semua ini diurus tadbir di bawah mahkamah sivil yang saya kira dengan statusnya sebagai seorang Islam, itu adalah sama sekali tidak adil.

Seterusnya, pindaan Akta 164 ini sangat berkait rapat dengan penambahbaikan Enakmen Keluarga Islam negeri-negeri yang pada pandangan saya masih belum dapat memenuhi *lacuna* undang-undang berkait isu pasangan bukan Islam yang salah seorangnya memeluk Islam sebagaimana yang cuba diselesaikan melalui Akta 164.

Dalam isu ini, status perkahwinan, kedudukan anak-anak daripada sudut agama, penjagaan dan nafkah serta pengagihan harta semasa perkahwinan perlu diselesaikan berdasarkan suatu kaedah yang lebih wajar. Setakat ini, banyak kes tidak dapat diselesaikan kerana masih terdapat kelompangan undang-undang terutamanya tiada peruntukan khusus dalam Enakmen Keluarga Islam negeri-negeri melainkan satu peruntukan umum yang jelas dalam Perlembagaan iaitu Artikel 121(1A) yang memperuntukkan Mahkamah Tinggi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Walaupun dengan ada peruntukan Artikel 121(1A) ini, kuasa pembubaran perkahwinan oleh Mahkamah Syariah masih lagi tidak diiktiraf dan diterima pakai oleh mahkamah sivil apabila permohonan dibuat oleh pihak yang menganut agama Islam di Mahkamah Syariah. Ini adalah sebagaimana suatu kes yang telah pun diputuskan di dalam Mahkamah Persekutuan di mana ia tidak mengiktiraf keputusan yang telah dibuat oleh Mahkamah Syariah iaitu berkaitan dengan pembubaran perkahwinan pasangan bukan Islam selepas ia telah memeluk agama Islam.

Sehubungan itu, saya mencadangkan satu jawatankuasa khas melibatkan semua negeri dan juga semua *stakeholders* melibatkan Akta 164 perlu diwujudkan bagi membincangkan isu ini agar berlaku penyelarasan antara Akta 164 dan Enakmen Keluarga Islam negeri-negeri dengan turut mengambil kira Artikel 3, 11 dan 121(1A), Perlembagaan Persekutuan. Semoga isu yang sudah bertahun-tahun digantung tidak bertali ini dapat diselesaikan segera berteraskan kebajikan, kemaslahatan dan keadilan kepada kedua-dua pihak dan semoga dilema pasangan-pasangan berkenaan dapat ditamatkan secara harmoni serta semua pihak dapat terus menunaikan dan tidak mengabaikan tanggungjawab ikatan kekeluargaan.

■1940

Seterusnya sedikit berkait dengan dasar dan Pelan Tindakan Keluarga Negara. Penetapan sasaran penyertaan 59 peratus daripada wanita dalam pasaran kerja dalam Rancangan Malaysia Kesebelas adalah suatu harapan dan cabaran besar untuk wanita-wanita di Malaysia. Berdasarkan Populasi dan Guna Tenaga Malaysia 2015, populasi umur bekerja 15 hingga 64 tahun daripada 21.39 juta orang tenaga kerja 10.29 peratus adalah wanita, hampir 50 peratus.

Daripada angka ini, 5.57 juta orang terlibat sebagai tenaga buruh dan 4.72 juta orang terlibat sebagai pekerja di luar tenaga buruh. Jadi saya kira angka 10.29 juta orang tenaga kerja wanita adalah suatu angka yang sangat besar. Saya yakin mereka ini terdiri daripada golongan wanita yang masih reproduktif dan memikul tanggungjawab besar di tempat kerja dan juga di rumah. Justeru, saya yakin mereka semua ini memerlukan sistem sokongan yang mampan bagi membolehkan mereka terus konsisten menjadi penyumbang dalam memacu pembangunan negara di samping tugas teras membangun dan mendidik keluarga di rumah.

Jika kita lihat daripada angka tadi, majoriti tenaga kerja wanita adalah sebagai tenaga buruh iaitu seramai 5.57 juta orang. Saya yakin mereka tidak mampu memiliki pembantu rumah tetap atau menghantar anak-anak ke tadika ataupun taska ataupun nurseri yang kondusif kerana kekangan kewangan. Ramai yang memilih untuk menghantar anak-anak ke rumah individu suri rumah yang bersedia untuk mengasuh. Pilihan ini juga dibuat untuk mengelakkan suasana penyakit demam dan selesema yang mudah berjangkit di taska kerana bilangan anak-anak yang ramai.

Justeru, saya mencadangkan agar pihak kerajaan mengambil usaha yang lebih sistematik dan agresif mendaftarkan dan menyediakan skim-skim dan insentif-insentif bagi menggalakkan wanita yang bertugas sepenuh masa sebagai suri rumah untuk menjana pendapatan tambahan dari rumah dengan menyediakan perkhidmatan asuhan kanak-kanak.

Suka saya juga mencadangkan agar pusat khidmat dobi di tempat kerja dengan khidmat membasuh, melipat dan menggosok pakaian dengan kadar bayaran yang sesuai dan juga anak-anak perlu diberi pendedahan dan kefahaman, dan diperkenalkan dengan kerjaya ibu masing-masing dengan mungkin diperkenalkan program *mom's office* ataupun *mom second home*. Kerajaan juga perlu memantau pihak swasta terutamanya agar mereka turut bersama-sama kerajaan untuk menjaga kebajikan pekerja-pekerja wanita selain daripada memberi mereka gaji yang setimpal, perlu ada inisiatif dan insentif agar pihak swasta ini turut sama-sama membantu wanita sebagai tenaga kerja negara.

Seterusnya kedua yang terakhir iaitu pemakaian *common law* di Malaysia. Kita sedia maklum bahawa seksyen 31, Akta Undang-undang Sivil 1956, memperuntukkan pemakaian *common law*

England dan kaedah ekuiti sebagaimana yang ditadbir di England pada tarikh-tarikh tertentu. Misalnya di Malaysia Barat pada 7 April 1956. Seksyen 5 akta tersebut juga memperuntukkan pemakaian undang-undang seperti yang ditadbir di England pada tarikh akta itu dikuatkuasakan dalam bidang perkongsian, perbadanan bank, urusan bank dan sebagainya. Sebenarnya banyak yang telah ditulis dan diperkatakan berkenaan dengan peruntukan ini. Rata-rata pendapat yang disuarakan adalah bahawa peruntukan ini patut dipinda agar:

- (i) undang-undang di seluruh Malaysia menjadi selaras;
- (ii) mahkamah di Malaysia boleh memakai prinsip-prinsip yang datanginya bukan sahaja daripada England;
- (iii) prinsip-prinsip yang berkembang selepas tarikh itu boleh dipakai juga; dan
- (iv) undang-undang tempatan khususnya prinsip-prinsip hukum syarak juga boleh turut terpakai.

Merujuk kepada kenyataan tersebut di atas, Tun Abdul Hamid Mohamad iaitu bekas Ketua Hakim Negara berkata, "*Rasanya pandangan itu tidak boleh dipertikaikan. Bagi saya bukan sangat untuk memerdekan kehakiman, bukan sangat kerana identiti nasional, bukan kerana anti bekas penjajah tetapi lebih dari itu kerana kesesuaian prinsip-prinsip yang mungkin sesetengahnya telah lapuk itu berada di negara kita*". Ini kerana ia adalah undang-undang yang semenjak 1956 lagi. Di samping itu terdapat satu golongan yang antaranya...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Yang Berhormat panjang lagi?

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Satu isu sahaja lagi. Termasuklah Prof. Ahmad Ibrahim yang sangat vokal dalam mendesak pemansuhan peruntukan Akta Undang-undang Sivil tersebut itu dan menggantikan dengan hukum syarak yang sebelum kedatangan British adalah undang-undang tempatan negara kita.

Terbaru, perkara ini diulang sekali lagi di dalam suatu ucap-tama dan dinyatakan oleh bekas Ketua Hakim Negara juga iaitu Tun Dato'Sri Ahmad Fairuz yang mengatakan seksyen 3 dan 5 Akta Undang-undang Sivil 1956 hendaklah dimansuhkan dan digantikan dengan undang-undang yang lebih sesuai kerana ia disifatkan sebagai undang-undang yang lapuk dan antik. Jadi di sini saya mencadangkan pihak kerajaan secara lebih serius melihat kembali seksyen 3 dan 5 Undang-undang Akta Sivil tersebut dan ia diganti, ia dimansuhkan dan diganti dengan peruntukan yang lebih sesuai dengan keadaan hari ini dan badan kehakiman kita yang lebih wibawa.

Terakhir saya ingin menyebut tentang suatu laporan hasil temu bual *The Malaysian Insider* pada 17 April 2017 dengan seorang yang tidak asing iaitu Kassim Ahmad. Artikel ini bertajuk, dengan izin, "*Government have no business meddling in Islam*". Kenyataan yang dicatat di dalam artikel tersebut iaitu kenyataan daripada Kassim Ahmad, kita perlu meminda Perlembagaan, Agama Persekutuan dalam Perlembagaan mesti dikeluarkan. Kerajaan mesti adil, negara tidak mempunyai agama, hanya rakyat mempunyai agama. Ini jelas saudara Kassim Ahmad telah mengganggu-gugat suatu *salient features* ataupun suatu ciri penting yang diletakkan di Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan. Saya kira tidak ada sesiapa pun berhak untuk mencadangkan agar Artikel 3 itu sama sekali dihapuskan.

Jadi saya kira kerajaan hendaklah mengambil tindakan yang tegas terhadap orang-orang yang sebegini, yang sering kali mengganggu-gugat negara dengan *statements* yang begitu ekstrem dan radikal yang sebelum ini terkenal sebagai anti hadis. Selepas itu beberapa *statements* yang agak radikal dan ekstrem dan kali ini cuba untuk mengganggu-gugat Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan yang telah diperakui semenjak sebelum penjajah dan sehinggalah selepas penjajahan, sewaktu penjajahan dan selepas itu ia dikekalkan. Oleh sebab memang Islam ini diakui dalam *cases* sebagai agama, *law of the land* dan sebab itulah ia dikekalkan di dalam artikel 3 Perlembagaan sebagai ia adalah agama Persekutuan.

Jadi dengan tersebut saya dengan ini menyokong penuh Titah Ucapan Diraja. Dengan demikian, sekian terima kasih.

■1950

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed yang telah dapat berbahas dengan baik dan hujah-hujah yang bernas. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul, sila.

7.50 mlm.

Datuk Dr. Lucas Umbul: Selamat malam, salam sejahtera dan salam negaraku Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya berbahas dalam perbahasan Menjunjung Kasih Ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Patik terlebih dahulu ingin merakamkan segulung tahniah kepada Baginda Tuanku di atas pelantikannya sebagai Ketua Negara Malaysia dan Yang di-Pertuan Agong yang baharu.

Sebelum saya memulakan perbahasan saya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan terutamanya Perdana Menteri dan barisan Kabinetnya kerana berjaya membawa pulang kesemua warga Malaysia yang berada di Korea Utara dengan selamat. Selain dari itu, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Menteri Kerja Raya Malaysia dan barisan juruteranya yang bertungkus-lumus siang dan malam untuk memulihkan dan mencantikkan lagi Bangunan Parlimen dan termasuklah Dewan Negara yang mulia yang kita ada pada malam hari ini. Tidak lupa tahniah juga kepada Ketua Pentadbir Parlimen dan barisan pegawainya yang memastikan segala keperluan dan penyelesaian Ahli Parlimen berada di tahap optimum.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong merupakan payung yang memayungi seluruh rakyat Malaysia, menaungi negara dan rakyat jelata dengan penuh adil, saksama serta bijaksana. Di sini saya memuji ke atas keperibadian Tuanku yang sentiasa dekat di hati rakyat dan tidak mementingkan protokol. Ini terbukti dengan semua cerita yang tersebar luas di media sosial. Selain dari itu ia turut dizahirkan semasa Tuanku membuka sidang Parlimen pada 6 Mac lalu dengan menitikberatkan keselamatan dan kedaulatan perairan Sabah yang harus dipelihara.

Saya sendiri mendengar pada hari tersebut dalam Titah Baginda dan ada menyebut mengenai keselamatan rakyat Sabah menjadi keutamaan Tuanku. Tuanku mengalu-alukan tindakan kerajaan untuk menempatkan lebih banyak aset dan *facility* keselamatan seperti pangkalan operasi serta *sea basing* di perairan Pantai Timur Sabah. Maka dengan itu saya ingin memulakan perbahasan saya

dengan merujuk dengan Kementerian Pertahanan dan kerajaan secara amnya mengenai *facility* pertahanan yang telah disediakan di negeri Sabah di Bawah Bayu.

Setakat ini berapakah pangkalan baru dan yang dirancang di bina oleh kerajaan dalam memelihara keselamatan perairan negeri Sabah. Selain dari itu, saya juga ingin tahu sejauh mana kejayaan terkini yang telah dicapai oleh pihak kementerian dalam memerangi pencerobohan di Sabah sama ada dari ancaman lanun atau pegganas.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai Kementerian Pelancongan mengenai penganjuran pesta pelancongan domestik. Kenapa saya membawa perkara ini? Hal ini kerana ia juga termaktub dalam Titah Diraja pada 6 Mac yang lalu di mana Baginda Tuanku mahu melihat aspek pelancongan domestik atau pelancongan dalam negara dikembangkan dan dibangunkan dengan pesat.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kerana kementerian sudi mendengar dan menerima saranan dari Ahli-ahli Dewan Negara untuk menganjurkan *MITA Fair*. Saya difahamkan penganjuran baru-baru-baru ini telah diadakan di Mines, Seri Kembangan dan saya juga mendapati sambutan tahun ini agak menggalakkan. Saya harap penganjuran cara seperti ini akan diadakan setiap tahun di lokasi yang strategik dan mudah di akses oleh rakyat jelata.

Cuma saya ingin membawa satu saranan kepada pihak kementerian agar lebih banyak lagi pengusaha pelancongan seperti hotel, chalet malah *homestay* dari Sabah di jemput bersama untuk sertai MITA Fair akan datang. Hal ini kerana, saya lihat penyertaan daripada pengusaha-pengusaha pelancongan dari sana masih lagi di tahap yang rendah. Sabah masih banyak lagi tempat menarik untuk melancong. Saya rasa sekiranya kita membawa ramai pelancong ke kawasan peranginan seperti Pulau Sipadan sudah pasti pegganas pun tidak berani mencerooboh ke perairan Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh Jabatan Perkhidmatan Awam di bawah Jabatan Perdana Menteri isu mengenai fleksi jawatan awam. Seperti mana yang dimaklumkan di dalam Dewan ini, JPA telah melaksanakan kaedah memfleksikan jawatan di gred kenaikan pangkat bermula 1 April 2014. Dengan itu saya ingin tahu, berapa ramai pegawai kerajaan dalam Skim Bukan Gunasama yang telah dinaikkan pangkat pada jawatan yang difleksikan?

Saya ingin mencadangkan agar Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) membenarkan mereka dari skim ini untuk menukar skim atau berpindah jawatan ke kementerian lain. Langkah ini akan membenarkan mereka menikmati skim jawatan lain dan juga menimba pengalaman yang baru. Sudah tiba masanya, JPA membuka skim. Percayalah ramai mereka dari skim ini ingin berbuat demikian tetapi entah mengapa JPA sentiasa menutup peluang mereka. Saya ingin mencadangkan kepada JPA membuat kajian, membuat soal selidik dan mengumpul data mereka dari skim ini yang ingin bertukar ke kementerian lain. Pada pandangan saya, tiada gunanya JPA melaksanakan kaedah fleksi itu sekiranya masih ramai penjawat awam terutamanya mereka di Gred 41 tidak dinaikkan pangkat.

Seterusnya saya ingin bertanya mengenai skim pegawai sains. Apakah penambahbaikan yang telah dijalankan oleh pihak JPA? Adakah pihak JPA bersetuju untuk memberi kemudahan kenaikan pangkat secara *time based* kepada mereka?

Tuan Yang di-Pertua, antara inti pati yang terkandung di dalam Titah di Raja ada menyebut mengenai dasar-dasar yang dijalankan oleh kerajaan kita di bawah Perdana Menteri yang telah berjaya

membawa kemakmuran dan kestabilan kepada negara. Walaupun dilempar dengan begitu banyak tuduhan yang tidak berasas Perdana Menteri kita masih berpegang kepada prinsip dengan izin *less talk and work more*. Biarlah pihak yang tidak bertanggung jawab menebar fitnah mereka dan ini kerana kita di Kerajaan Barisan Nasional sentiasa utuh dengan mendahulukan kebajikan rakyat dan memelihara kemakmuran negara.

Saya ingin *quote* kata-kata yang telah diutarakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak yang mahu pihak tertentu berhenti daripada melakukan tindakan mensabotaj ekonomi demi kepentingan rakyat dan negara. Beliau berpendapat dan berpandangan yang perkara ini dibuat tanpa fakta dan asas bertujuan memburukkan ekonomi negara, sedikit sebanyak membawa sentimen yang boleh membawa kesan kepada ekonomi negara. Oleh itu perkara ini tidak wajar diteruskan walaupun kita ini mempunyai perbezaan pendapat politik. Akan tetapi kepentingan negara kata beliau, tidak seharusnya dijadikan sebagai pertaruhan dalam soal politik kepartian.

■2000

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda bertitah mengenai kepentingan pendidikan, latihan teknikal dan vokasional. Sebagaimana yang kita sedia maklum, dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, usaha telah dilaksanakan untuk mengarusperdanakan dan memperluaskan akses pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) yang berkualiti untuk memenuhi keperluan industri yang memerlukan tenaga kerja mahir. Di samping itu, langkah telah diambil untuk memperbaiki persepsi orang ramai terhadap bidang TVET.

Usaha ini telah menyumbang kepada peningkatan pelajar SPM yang menyertai bidang TVET sebanyak 36 peratus pada 2013, berbanding 25 peratus pada tahun 2010. Mentransformasikan TVET merupakan satu daripada pemacu perubahan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016 hingga 2020 bagi memenuhi permintaan industri dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi selaras dengan globalisasi ekonomi berasaskan pengetahuan, kemajuan teknologi dan mobiliti tenaga kerja global. Usaha mengarusperdanakan TVET telah berjaya dilaksanakan, namun masih terdapat cabaran yang perlu ditangani iaitu kurang penyelarasan tadbir urus, sistem penyampaian yang tidak bersepadu, kurang pengiktirafan kerjaya teknologi dan jurang kompetensi tenaga pengajar.

Justeru, saya mohon bertanya kepada Kementerian Pendidikan Tinggi, apakah langkah-langkah dan usaha-usaha yang telah dijalankan dalam menangani masalah-masalah seumpama ini? Keduanya, apakah lulusan daripada kolej-kolej komuniti yang menawarkan kemahiran teknikal ini dibenarkan melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi di universiti awam? Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga memfokuskan kepada pembangunan modal insan yang turut merangkumi lapisan masyarakat, termasuk Orang Asli di Semenanjung serta peribumi di Sabah dan Sarawak. Saya telah mengikuti program yang telah diadakan di Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang saya rasa telah diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menyokong program yang dinamakan Mengubah Destinasi Anak Bangsa, betul tidak Tuan Yang di-Pertua?

Jadi, saya difahamkan kita berterima kasih kepada UiTM kerana sentiasa berusaha mencari jalan membantu ramai pelajar bumiputera, keluarga yang berpendapatan rendah di luar bandar untuk memasuki universiti, lalu membuka jalan yang lebih luas kepada pelajar-pelajar bumiputera di luar

bandar. Kelebihan Mengubah Destinasi Anak Bangsa ini ialah pihak UiTM memberikan peluang untuk menyumbang ke peringkat menara gading bagi mereka yang tidak mampu menampung kos perbelanjaan yang tinggi, terutamanya di IPTS yang rata-ratanya mengenakan yuran yang mahal.

Selain itu, yuran pengajian juga adalah percuma. Pihak UiTM juga menyediakan asrama secara percuma dan malah anak-anak kita yang dapat peluang belajar ini diberikan elaun sebanyak RM400. Saya menyeru kepada Kementerian Pendidikan Tinggi atau Kementerian Pendidikan yang terlibat dalam perkara ini untuk menawarkan lebih banyak kemasukan kepada anak-anak luar bandar. Kenapa saya berkata demikian? Rasionalnya ialah anak-anak luar bandar, khususnya di Sabah, Sarawak seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Datuk Lihan Jok, berada di pelosok-pelosok pedalaman, peluang-peluang untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan asas yang lebih baik berbanding di bandar adalah lebih minimum. Jadi, kita mahu supaya anak-anak di luar bandar yang kurang keputusan SPM ini, kurang grednya agar diberi ruang dan peluang menyambung Program Mengubah Destinasi Anak Bangsa ini.

Saya pohon kepada kementerian untuk menambahkan bilangan pelajar-pelajar ini sebab ibu bapa mereka ini berada di pelosok nun jauh di pedalaman. Ada anak-anak luar bandar yang berada di pulau-pulau di Sabah, Sarawak dan sebagainya. Jadi, adalah tiba masanya untuk kita – inilah Kerajaan Barisan Nasional, kerajaan untuk rakyat, demi rakyat, untuk rakyat. Jadi, inilah kerajaan kita, pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah mengilhamkan idea Mengubah Destinasi Anak Bangsa agar diperkasakan dan dipohonlah kepada kementerian memperhebatkan program ini agar anak-anak bumiputera kita terbela dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan juga hari ini memberi keutamaan penekanan kepada empat bidang iaitu sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik yang dipanggil STEM dalam kurikulum pendidikan sekolah menengah mahupun di sekolah rendah. Justeru, saya mohon kepada Kementerian Pendidikan agar memberi fokus kepada membangunkan makmal pembelajaran STEM di sekolah rendah dan menengah bagi menarik minat dan melatih pelajar dengan ilmu dan kemahiran STEM.

Di negeri Sabah pula Tuan Yang di-Pertua, kita diterajui oleh seorang pemimpin yang berwibawa, berwawasan tinggi dan rajin bekerja iaitu tidak lain dan tidak bukan, Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Musa bin Haji Aman. Beliau selaku Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sabah, menubuhkan dua institusi penting yang boleh membangunkan modal insan di negeri Sabah. Satunya Tuan Yang di-Pertua ialah Kolej Teknikal Yayasan Sabah. Kolej Teknikal Yayasan Sabah ditubuhkan dengan misi sebagai platform pembelajaran sepanjang hayat dan kini sedang menuju ke arah menjadi pusat latihan akademik dan vokasional di rantau ini.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua ialah *University College Sabah Foundation*. Seiring dengan pembangunan negeri Sabah menjadi sebuah negeri maju, pendidikan turut menjadi keutamaan kepada kebanyakan ibu bapa dan pelajar. Penubuhan Kolej Universiti Yayasan Sabah untuk membangunkan modal insan di negeri Sabah adalah di tahap yang sesuai pada hari ini. Jadi, pendidikan akan tetap diberikan keutamaan selaras dengan tujuan penubuhan Yayasan Sabah itu sendiri dan keyakinan Kumpulan Yayasan Sabah untuk menitikberatkan pendidikan adalah keputusan terbaik ke arah pembangunan negeri Sabah, terutamanya masyarakat di luar bandar. Ia adalah untuk memastikan

anak jati di Sabah, di Malaysia menerima manfaat dalam membangunkan modal insan melalui peningkatan pendidikan, seterusnya ke arah kecemerlangan masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga diutarakan oleh rakan Senator pagi tadi iaitu daripada Dato' Haji Mohd Salim Sharif yang mengatakan bahawa Kementerian Pendidikan perlu melantik Timbalan Menteri Pendidikan Luar Bandar. Ini memang saya amat setuju sebab sebagai bekas pensyarah dan selalu menyelenggarakan program-program di luar bandar masa lalu, saya tidur di luar bandar satu minggu. Saya memang melihat bahawa perkara ini amat penting supaya dari kementerian harus turun padang. Pegawai-pegawai kementerian dari atas sehingga ke bawah harus turun padang melihat. Kadang-kadang ada sekolah yang daif, ada yang beratap tetapi hujan boleh tembus, siling bocor dan sebagainya.

Saya berterima kasih kepada Menteri Pendidikan, Dato' Seri Mahdzir Khalid yang telah datang ke kawasan saya di Tenom, melihat sekolah luar bandar, Yang Berhormat Puan Hajah Azizah ada sini ikut semasa itu, dan melihat satu sekolah yang di*transformkan* dari sekolah dari bawah menjadi sebuah sekolah *cluster* di luar bandar.

■2010

Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana memberi peruntukan kepada daerah Tenom dalam menyelenggarakan beberapa sekolah. Akan tetapi ini adalah *isolated case*. Kenapa tidak di seluruh negara- untuk dilihat oleh Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri untuk meninjau keperluan-keperluan prasarana yang perlu diperkasakan di luar-luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengetengahkan isu tentang kelayakan profesional pemimpin pendidikan kebangsaan yang dikenali sebagai MPQEL.

Sejak dimulakan pada hari ini, kita ramai anak-anak di negeri Sabah yang ingin menjadi pengetua, ingin menjadi guru besar. Syarat utama ialah kena ikut kursus MPQEL. Tak ada MPQEL, tak ada pengetua, tak ada guru besar. Jadi, kita pohon kepada kementerian untuk melatih ramai anak-anak dari Sabah, Sarawak, di luar-luar bandar. Saya selalu bercakap luar bandar sebab saya anak dari kampung. Jadi saya minta anak-anak luar bandar yang menganggotai perkhidmatan pendidikan diberi ruang dan peluang untuk menjadi pengetua, untuk menjadi guru besar sebab mereka tahu tentang tatacara hidup budaya di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon kepada Kementerian Pendidikan melihat gred-gred jawatan di pegawai pendidikan daerah yang satu ketika dahulu dimasukkan dalam Pelan Pendidikan Pembangunan Malaysia yang mengatakan bahawa pejabat pendidikan daerah akan dinaiktarafkan ke Gred 52 dan seterusnya ke 54. Sehingga hari ini, pejabat-pejabat pendidikan negeri Sabah yang kecil masih lagi di tahap DG48, ketuanya. Jadi kadang-kadang, daripada PPD ini diambil daripada penolong kanan untuk menjadi PPD. Akan tetapi dalam mesyuarat Tuan Yang di-Pertua, dia terpaksa bertemu dan bersemuka dengan pemegang-pemegang jawatan 52 dan 54. Jadi adalah elok kementerian melihat perkara ini dengan serius supaya tahap pendidikan kita dapat diperkasakan di peringkat pendidikan-pendidikan daerah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata demikian saya mengakhiri perbahasan saya dengan menyokong sepenuhnya Titah Diraja Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff. Silakan.

8.13 mlm.

Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera... *[Membaca sepotong doa]*

Saya menjunjung kasih di atas Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan pembukaan Penggal Kelima, Parlimen Ke Tiga Belas pada 6 Mac 2017 dan saya juga ingin menzahirkan ucapan tahniah kepada Baginda Sultan Muhammad V di atas pelantikan menaiki takhta sebagai Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke 15. Didoakan semoga negara kita terus sejahtera cemerlang di bawah naungan Tuanku.

Tuan Yang di-Pertua, bersandarkan petunjuk ekonomi yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, kita masih lagi bertuah kerana prestasi pertumbuhan ekonomi negara dicatatkan berkembang pada kadar 4.2 peratus pada tahun 2016 dengan kerjasama signifikan dua hala di sektor pelaburan di antara Negara China, *France* dan India.

Saya mempunyai beberapa persoalan yang ingin dikemukakan:

- (i) masalah pengangguran belia siswazah dan lepasan diploma kerana pertumbuhan ekonomi dan projek pembangunan dalam negara menumpukan pasaran kerja buruh tidak mahir dan kecenderungan majikan mendapatkan khidmat pekerja asing;
- (ii) apakah perancangan EPU, Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah seperti Iskandar Malaysia, SKOR, ECER, NCER dan CIDB serta Kementerian Sumber Manusia untuk mencari formula agar pelajar-pelajar lepasan sijil institusi kemahiran seperti IKM, IKBN, ILP, ADTECH dan kolej komuniti dapat menyertai program-program apparantisan atau *train and place* di seluruh projek-projek berimpak tinggi seperti Rapid Pengerang, MRT2, LRT3, ECRL dan kontrak-kontrak kerja kerajaan atau GLC yang dilaksanakan kerajaan dan pihak pelabur.

Tuan Yang di-Pertua, dua hari lepas kita semua Ahli Dewan Negara menerima taklimat yang panjang lebar yang cukup hebat dari Ketua Pesuruhjaya SPRM berhubung dengan kes rasuah dan jenayah penggubahan wang haram di dalam negara kita. Saya memang hendak ucap tahniah, setinggi-tinggi tahniah kepada SPRM di atas usaha gigih membanteras jenayah rasuah dan penggubahan wang haram. Oleh itu saya di sini ingin memohon pertanyaan saya kepada pihak kementerian.

Yang pertama, berapakah bilangan kes rasuah dan penggubahan wang haram yang disiasat dan didakwa pada tahun 2016 dan 2017?

Soalan saya yang kedua, berapakah jumlah rampasan aset dan wang tunai pada tahun 2016, 2017 serta ke manakah rampasan ini diurus dan disimpan sebelum perbicaraan mahkamah sesuatu kes dijalankan.

Soalan saya yang ketiga ialah jumlah pembekuan aset pelaku dan mereka yang terlibat dalam kesalahan rasuah penggubahan wang haram dan kesalahan integriti.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit sahaja mengenai dadah sebab kalau dulu dadah masa saya kecil-kecil saya tengok dadah ini, penagih dadah kebanyakannya orang lelaki dewasa. Akan tetapi pada hari ini yang menjadi saya sangat rasa sedih, marah dan geram, penagih dadah, pengedar dadah sekarang ini di Malaysia seusia 15 tahun, tingkatan 3 sudah jadi penagih dan pengedar dadah dan juga melibatkan remaja-remaja wanita. Ini satu perkara yang sangat serius dan kawasan panas, kawasan *hotspot*, dengan izin, yang sekarang ini yang saya tengok dadah, tiga kawasan yang dia serang.

Pertama, perkampungan nelayan. Yang kedua, kawasan FELDA dan yang ketiga kawasan PPR, perumahan awam, kawasan flat-flat ini di mana di tiga kawasan ini Tuan Yang di-Pertua, kebanyakannya orang-orang Melayu. Perkampungan nelayan, kawasan FELDA, kawasan PPR ini, semua orang Melayu ramai. Jadi, saya hendak tanya tindakan pihak KDN macam mana hendak mambanteras gejala dadah ini di tiga kawasan hangat ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai penubuhan rasmi *Digital Free Trade Zone* pada 22 Mac 2017, saya menyambut baik usaha kerajaan dengan kerjasama *Ali Baba Group* dan MDEC. Justeru dengan adanya *Free Trade Zone Digital* ini akan mewujudkan peluang lebih besar usahawan memasarkan produk mereka di pasaran global.

Soalan saya, apakah *roadmap* pembangunan usahawan di dalam pasaran *Digital Free Trade Zone* ini meliputi aspek kemahiran ICT dan aplikasi media digital. Yang kedua, apakah langkah dan strategi semua agensi kerajaan seperti KKLW, CIDB, EPU, ICU, MARA untuk memaksimumkan bimbingan dan latihan program meningkatkan kemahiran digital dan pemasaran global serta bantuan dana, insentif dan sokongan infrastruktur, akses internet atau jalur lebar berkelajuan tinggi serta bayaran kos akses data yang lebih murah bagi menjayakan Ekonomi Digital di FEZ ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya pada minggu lepas dilaporkan oleh *Mingguan Malaysia*, aktiviti mengelak pembayaran cukai pendapatan individu dan syarikat telah menyebabkan kerugian dalam unjuran perolehan cukai negara. Justeru saya memohon penjelasan kerajaan beberapa perkara berikut:

- (i) apakah langkah kawal selia secara statutori terhadap juru audit dan perunding cukai yang berdaftar di dalam negara;
- (ii) mekanisme meningkatkan kecekapan sistem taksiran sendiri dan meminimumkan kes-kes pertikaian jumlah pelepasan cukai yang gagal ditaksir dengan tepat.

Tuan Yang di-Pertua, isu keselamatan negara dan kedaulatan negara saya hendak sentuh sedikit sahaja iaitu kejadian pembunuhan warga Korea Utara Kim Jong Nam yang mencetuskan provokasi diplomatik dan ancaman ketenteraman negara.

■2020

Sikit persoalan saya iaitu saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan bagaimana kerajaan mengawal inventori pengeluaran dan pengilang, pengedar dan penyimpan serta pengguna agar kes penyalahgunaan jenayah bahan senjata kimia dan bertoksik atau senjata biologi dapat dibendung.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin mengucapkan tahniah kepada PDRM dan KDN kerana memperkenalkan aplikasi VSP, *Volunteer Smartphone Patrol* pada 27 Mac lalu bagi

membanteras jenayah yang berlaku di tempat awam. Inisiatif digital ini diharap dapat membantu orang awam menghubungi polis bagi mengekang perlakuan jenayah dan menyelamatkan mangsa dari menjadi mangsa kejadian jenayah. Saya ingin maklumkan yang Yang Berhormat Aisyah ada menyebut kejadian mencabul di tandas-tandas awam, tandas-tandas stesen minyak.

Jadi, saya kira ini adalah satu cetusan daripada KDN, PDRM yang terbaik iaitu mewujudkan *Volunteer Smartphone Patrol*. Jadi kalau ada apa-apa kejadian rakyat boleh menggunakan aplikasi ini. Cuma persoalan saya kepada PDRM, yang pertama, bilakah aplikasi ini dapat digunakan secara rasmi? Yang kedua, di manakah pusat kawalan operasi dan yang ketiga, model operasi VSP dan kos kerajaan mewujudkan aplikasi ini? Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya hendak ucap tahniah kepada Yang Berhormat Menteri KKLW kerana Majlis Amanah Rakyat telah memperuntukkan sebanyak RM35 juta bagi Dananita pada 9 Mac 2017.

Pengalaman saya bekerja di Maybank, wanita ini Tuan Yang di-Pertua, wanita ini adalah *very good pay master*. Jadi umur saya sudah 44 tahun, saya merasakan ini kali pertama negara kita, sebuah kementerian telah mewujudkan satu pinjaman yang khas untuk wanita iaitu Dananita dan untuk makluman Yang Berhormat Datuk Mus tidak ada 'Danalaki'. Dia ada Dananita saja. Kerajaan ini dia percaya kepada wanita-wanita seluruh Malaysia. Jadi diwujudkan Dananita sebanyak RM35 juta. Jadi di sini saya ingin mohon perincian daripada Yang Berhormat Menteri tentang Dananita ini dan saya hendak menyeru kepada seluruh wanita-wanita di Malaysia, peniaga wanita, usahawan wanita yang Yang Berhormat Menteri sudah bagi kita semua wanita ini, RM35 juta ini supaya kita ambil peluang buat pinjaman dan kita menjadi *very good pay master*.

Insya-Allah tahun depan kalau Yang Berhormat Menteri kita tengok ramai peniaga wanita ini jadi *very good pay master*, tahun depan dia bagi lagi RM100 juta. Cuma saya hendak minta Yang Berhormat Menteri bagi perincian yang pertama, berapakah had pembiayaan Dananita ini dan tempoh pembayaran semula instrumen, cagaran, faedah pinjaman yang dikenakan dan tempoh masa maksima bayaran balik? Yang kedua, jenis-jenis perniagaan yang dibiayai dan yang ketiga bagaimanakah MARA dan agensi di bawahnya membantu dan membimbing usahawan wanita terhadap perniagaan dan pemasaran produk di zon dagangan bebas digital yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 22 Mac 2017.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya hendak dapat maklumat daripada Kementerian Sumber Manusia mengenai sindiket penipuan agensi pekerjaan yang menawarkan kerja sebagai pemetik buah haram. Pemetik buah secara haram atau tanpa permit di luar negara, Australia kerana baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, seorang pemuda, dia sudah pergi ke Australia pada 12 Disember 2015. Dia menjadi pengutip anggur di ladang Mildura, Victoria secara haram. Enam bulan dia menjadi pemetik buah anggur kemudian terpaksa berhenti sebab dia tidak ada permit. Kemudian dia tidak balik sebab kos dia hendak balik itu, dia kasihan mak dia ada di kampung. Kebetulan kes ini berlaku di kawasan saya, orang Sungai Petani. Yang menyedihkan apabila dia sakit. Sakitnya dinamakan *influenza streptococcus*, dia berada di *Nothern Hospital Epping, Melbourne* semasa tiga hari dia ada di sana. Mak dia buat panggilan telefon, buat *video call*, ajar dia mengucap dan akhirnya dia menghembuskan nafas yang terakhir.

Apa yang saya hendak katakan di sini, pemuda yang bernama Mohammad Syahurilnal Shahrull Nizam yang berusia 27 tahun yang pergi ke Australia, dia petik buah anggur tanpa permit. Apa yang terjadi dekat dia, saya harap kita rakyat Malaysia ambil iktibar kerana kos RM80 ribu bagi membayar kos perubatan dan pengebumian arwah amat-amat tinggi. Jadi mak dia tidak ada inisiatif lain, mak dia terpaksa panggil *Harian Metro* untuk viralkan yang mak dia perlukan RM80 ribu. Kalau tidak mayat anaknya tidak dapat disimpan dan mak dia izinkan untuk disimpan di Melbourne.

Saya rasa sedih sebab orang luar daripada Malaysia, Bangladesh, Myanmar semua datang dekat Malaysia cari kerja. Orang kita pula pergi ke Australia hendak cari kerja tetapi tanpa permit. Akan tetapi bila jadi kejadian macam ini saya mengharapkan Kementerian Sumber Manusia boleh bagi maklumat sikit mengenai sindiket penipuan agensi pekerjaan yang menawarkan kerja sebagai pemetik buah secara haram atau tanpa permit di Australia sebab saya dapati ramai rakyat Malaysia menjadi mangsa dalam kes ini dan mendatangkan masalah kepada keluarga pekerja yang ditipu dan jika berlaku bencana atau risiko ditangkap oleh pihak berkuasa negara terbabit, keluarga menanggung beban kewangan yang amat teruk.

Justeru saya memohon agar Kementerian Sumber Manusia dapat menangani sindiket penipuan dan pemerdayaan pekerja untuk bekerja di luar negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh sikit lagi tentang kes kemalangan maut sejak awal 2017. Banyak kes kemalangan maut yang melibatkan yang pertama kecuaiannya pemandu kenderaan berat, yang kedua ketidaksesuaian masa operasi, yang ketiga membawa muatan yang melebihi had berat. Saya perhatikan kebanyakan kenderaan berat terutama yang melakukan kesalahan membawa muatan melebihi had kerana dibenarkan beroperasi pada awal pagi merisikokan kesibukan pergerakan pelajar sekolah di waktu pagi. Justeru, saya ingin mendapatkan perhatian dan tindakan segera oleh Kementerian Pengangkutan dan SPAD agar larangan operasi waktu puncak pelajar pergi dan balik dari sekolah diwartakan segera.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan kementerian atau Jabatan Keselamatan Jalan Raya, apakah sesuai lori-lori pasir yang *wagon* isiannya melebihi 40 kaki panjang digunakan bagi mengangkut pasir di rangkaian jalan raya di Malaysia. Ini kerana beban lampau merosakkan jalan raya dan risiko kegagalan mekanikal lori menyebabkan kemalangan maut.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang saya rasa isu yang agak sensitif, saya tidak tahu sama ada saya akan ada lagi untuk penggal depan di Dewan yang mulia ini, cuma Yang Berhormat Datuk Shukor tidak ada, saya pun hendak zahirkan perlukah saya tumbuk meja, perlukah saya merayu, perlukah saya hendak buat apa-apa pun saya tidak tahu. Akan tetapi saya mengharapkan kekanda-kekanda Yang Berhormat-Yang Berhormat yang ada dalam Dewan ini untuk sama-sama kita membantu Yang Berhormat Shukor untuk sama-sama kita minta kepada kementerian, Kementerian Kewangan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Rupa-rupanya peruntukan makanan rumah anak yatim untuk makluman Datuk Halimah, saya tahu Yang Berhormat Datuk Halimah pun sensitif, sedih. Tahun 2004, peruntukan makanan RM3.90, tahun 2005, peruntukan makanan dinaikkan RM8 dan daripada tahun 2005 sampai hari ini tahun 2017, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, rumah anak yatim ini peruntukan makanan sehari lima kali ini, masih tidak naik lagi, masih RM8. Jadi apa yang saya hendak katakan di sini, saya mengharapkan,

Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat, yang juga sahabat saya Datuk Zulkifli, tolong tengok balik. Sudah lima tahun Yang Berhormat Datuk Senator Tuan Haji Abdul Shukor dok *fight, dok* minta daripada RM8 naiklah RM14. Kasihan anak yatim itu. RM8 hendak makan apa?

Saya pergi ke *lounge* itu RM8 pun saya boleh makan nasi dengan air suam saja. Jadi saya minta Tuan Yang di-Pertua, saya minta kepada Yang Berhormat kekanda-kekanda kita, marilah kita berjuang untuk anak-anak yatim ini yang saya rasa sudah sampai masa kementerian kena ambil serius. Kalau saya sudah tidak sambungkan, ini penggal saya yang pertama dan terakhir, saya minta perjuangan untuk rumah anak-anak yatim ini, peruntukan makan *depa mai* lah sama-sama kita berjuang.

■2030

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, masalah tentang selenggaraan rumah anak-anak yatim beragama Islam dan keselesaan kemudahan tempat tinggal serta peruntukan makanan seharian mereka. Kebanyakan rumah anak yatim kelolaan NGO atau kelolaan kerajaan negeri adalah agak daif. Hasil semakan saya, tadbir urus rumah anak yatim ini tidak dapat disempurnakan dengan sempurna sangat kerana kekangan bajet ekoran kenaikan kos sara hidup kini.

Oleh itu, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Pejabat Perdana Menteri untuk menyalurkan peruntukan bagi menyelenggarakan, membaik pulih dan juga peruntukan makanan kepada semua rumah anak yatim ini agar ianya sempurna dan penghuninya dapat hidup sejahtera dan selesa.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir daripada saya. Dalam soal persaingan dalam perniagaan, saya ingin dapatkan penjelasan dari MYCC atau Suruhanjaya Persaingan Malaysia tentang beberapa isu yang diasasat oleh MYCC sehingga 31 Mac 2017.

Saya ingin mendapatkan kepastian tentang rungutan rakyat tentang pengguna kad *Touch n Go* tentang eksploitasi persatuan-persatuan pemegang konsesi tol syarikat lebuhraya bertol yang telah bersetuju untuk menetapkan bahawa kadar *reload* minimum yang dibenarkan *top-up* di kaunter plaza tol adalah RM30.

Tuan Yang di-Pertua, kalau di Kedah, RM30 itu orang-orang yang susah ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau dia hendak *reload* itu, RM5 pun dia sudah rasa besar, RM10 dia rasa besar, ini diwajibkan RM30. Jadi melalui kartel ini, bagi saya ianya amat membebankan pengguna lebuhraya lebih-lebih lagi dengan suasana kenaikan kos sara hidup kini dan bermulanya penggunaan sepenuhnya bayaran tol menggunakan *Touch n Go* di seluruh plaza tol milik PLUS pada 26 April ini, tidak lama lagi.

Saya berharap agar MYCC dan Bank Negara Malaysia menyemak semula syarat-syarat ini dan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana syarikat yang mengaut keuntungan dengan cara paksaan ini dan menyusahkan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk Kementerian Pengajian Tinggi, saya hanya hendak bertanya soalan iaitu saya hendak ucap tahniah kepada Yang Berhormat Menteri KPT atas usaha *redesign higher education system*, dengan izin. Jadi saya hendak ringkaskan soalan di sini kepada Yang Berhormat Menteri Kementerian Pengajian Tinggi iaitu, pertama, apakah kedudukan ranking universiti

awam di peringkat dunia? Kedua, program CEO@Fakulti. Ketiga, program 2U2I, dua tahun universiti, dua tahun industri kerana program ini untuk kurangkan pengangguran di kalangan siswazah.

Cuma saya hendak maklum sikit dan hendak tanya pendapat kementerian, program 2U2I, dua tahun universiti, dua tahun industri, program ini sudah berjalan, Tuan Yang di-Pertua. Yang saya hendak tanya pendapat kementerian ini, ada pelajar-pelajar universiti bila dia 2U itu dia sudah habis dua tahun di universiti, tahun ketiga dia nak masuk dua tahun di industri, pelajar-pelajar ini menunjukkan satu prestasi yang sangat hebat di industri. Bekerja dengan syarikat dan menunjukkan prestasi hebat dan syarikat-syarikat ini telah mengambil siswazah-siswazah ini untuk bekerja dengan industri.

Jadi apa yang terjadi, Tuan Yang di-Pertua, bila pelajar-pelajar ini dapat *offer* bekerja, dia orang tidak mahu sambung belajar sudah. Hendak jadi cerita pula, pelajar-pelajar ini, siswazah-siswazah ini di kalangan keluarga miskin. Jadi apabila dia mendapat *offer* bekerja dengan industri itu, dia sudah tidak sambung belajar. Jadi saya hendak tanya pendapat Kementerian Pengajian Tinggi.

Seterusnya Program *Gap Year*, program yang membolehkan pelajar IPT *break* sekejap setahun untuk menimba pengalaman di luar kampus sebelum kembali belajar.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya sikit *last* dari saya, tentang pelajar-pelajar MRSM ini. MRSM merupakan lambang kejayaan kerajaan kerana produk MRSM menjadi tenaga korporat, teknokrat dan tenaga pekerja profesional yang telah mengubah mobiliti sosial Bumiputera sejak tahun 1972.

Saya dapati sebanyak 10 MRSM dari 48 buah seluruh negara mendapat gred purata sekolah atau Maktab GPS SPM dalam peperiksaan SPM tahun 2016 melebihi gred 3.0. Angka skor gred purata sekolah melebihi tiga *pointer* ini adalah setara dengan prestasi sekolah menengah harian dan prestasi ini sungguh menghampakan ibu bapa.

Justeru, saya mohon penjelasan KKLW, yang pertama, apakah langkah intervensi yang diambil oleh Bahagian Pendidikan Menengah MARA? Kedua, apakah langkah penstrukturan dan *redeployment* pentadbir MRSM, *right sizing* guru-guru, masalah boikot guru-guru atau bebanan kerja bukan hakiki, masalah pertukaran kurikulum pembelajaran dan kekangan-kekangan lain yang dihadapi guru kerana profil pelajar dan lain-lain masalah?

Itu saja, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya. Akhir kata, saya menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Yang di-Pertuan Agong. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah, silakan.

8.35 mlm.

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam 1Malaysia, salam negaraku Malaysia.

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk berbahas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang ke-15, Sultan Muhammad V, pada 6 Mac 2017. Pada hari tersebut, sejarah saya melihat buat pertama kali Tuanku telah pun menunjukkan kepada kita bahawa Tuanku ini betul-betul berjiwa rakyat sehinggakan minum pun tidak pakai gelas. Ini yang

membanggakan saya. Dan sekiranya Malaysia mempunyai Raja yang begini, tentu sekalilah kita akan lebih seronok, Tuan Yang di-Pertua.

Saya mengucapkan terima kasih dan terasa bangga kerana dapat bersidang di dalam Dewan yang baru ini, Tuan Yang di-Pertua. Cuma, saya ini ditempatkan di barisan ini yang mana kawan-kawan saya telah bertanya adakah saya berpindah parti. Saya juga tadi sedikit ketegangan dalam Dewan, saya pun takut juga. Takut saya disinggung atau ditumbuk kerana terlalu dekat. Jadi saya merasa bimbang, Tuan Yang di-Pertua, dan saya minta kalau bolehlah kita susun sikit lagilah untuk *next session* ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri Presiden Majlis Senator Malaysia kerana di hari pertama, beliau telah berucap dan beliau meminta supaya dikosongkan *longue* kita itu dan *alhamdulillah*, semalam dan hari ini saya tengok tidak ada masalah untuk mendapat tempat. Tuan Yang di-Pertua sendiri masuk melawat dan kita begitu selesa sekali untuk duduk bersama dengan Tuan Yang di-Pertua bersama dengan kita.

Kemudian, saya mengucapkan tahniah juga kerana perjuangan Datuk Seri Presiden yang minta supaya kita dilanjutkan lima tahun sepenggal ini dan saya minta supaya semua Ahli-ahli Yang Berhormat supaya menyokong usul ini ataupun cadangan beliau ini supaya kita dapat membantu dengan lebih baik Kerajaan Malaysia di masa hadapan.

Kemudian satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, pada suatu ketika, saya telah mengikut Datuk Seri Presiden, saya tengok dia berjalan ke belakang, saya mengikut dia dari jauh dan dia masuk ke suatu bilik dan saya ingat bilik itu bilik Majlis Senator Malaysia tapi rupanya bilik tempat merokok di belakang sana. Saya pun masuk juga dalam bilik tersebut, saya tengok teruk, Tuan Yang di-Pertua. Memanglah mereka ini merokok tetapi janganlah hina mereka sampai begitu sekali. Kerusi pun tak ada, *astray* pun tak ada. Yang ada, paip sedut itu sahaja. Padanlah dengan dia orang pun, *pi* hisap rokok dekat situ.

Jadi saya mintalah supaya pentadbiran mengadakan sesuatu, letakkanlah *garden chair* dan sebagainya supaya nampak cantik sedikit dan letakkan *astray*. Kalau Tuan Yang di-Pertua masuk di situ, nampak puntung-puntung rokok begitu banyak terdapat di bilik tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menarik perhatian kepada Titah Baginda yang berbunyi... *[Membaca petikan] "Beta melahirkan rasa dukacita kerana masih berlaku penyelewengan, ketirisan, rasuah serta pembocoran maklumat terperingkat kerajaan termasuk penjawat awam dan bekas penjawat awam. Rakyat juga perlu memberikan sokongan dengan tidak terlibat sebagai pemberi rasuah atau memiliki dokumen terperingkat tanpa kebenaran."*

Saya membuat sedikit statistik selepas diberi taklimat oleh Datuk Zul selaku Ketua Pesuruhjaya SPRM tempoh hari.

▪ **2040**

Saya masih teringat beliau menyatakan bahawa beliau hendak supaya rakyat Malaysia ini melihat SPRM ini bukan ditunjuk oleh kerajaan atau ditunjuk oleh pemimpin-pemimpin yang ikan bilisnya dan ikan bawalnya. Saya juga merasa sedih bila Datuk Dzul mengatakan bahawa bajet telah dipotong. Jadi saya buat kajian sikit. Pada tahun 2013, bajetnya sebanyak RM231 juta, tahun 2014 sebanyak RM261 juta, tahun 2015 sebanyak RM265 juta, tahun 2016 sebanyak RM251 juta dan tahun 2017, Tuan Yang di-Pertua, tinggal RM216 juta.

Datuk Dzul sendiri bercakap. Dia kata dengan bajet yang begini dan dengan banyaknya kes-kes rasuah yang berlaku, tidak ada kemampuan, beliau berkata. Kakitangan-kakitangan beliau juga tidak berkemampuan tetapi saya bersyukur kerana mempunyai satu manusia yang begini yang telah memberi arahan kepada pegawai-pegawainya supaya satu minggu mesti ada satu kes yang dibawa. Saya kira, kalau beginilah sikap seorang pesuruhjaya, *insya-Allah* saya kira dalam masa lima tahun, angka itu akan turun. Akan tetapi saya tengok balik statistik bilangan penjawat awam ditangkap seperti berikut:

TAHUN	BILANGAN (ORANG)
2011	918
2012	701
2013	509
2014	552
2015	841
2016	939
Mac 2017	264

Dalam ucapan beliau juga, beliau menyatakan bahawa dia hendak supaya rasuah ini menjadi musuh nombor satu negara. Beliau minta supaya kita memberi sokongan dan saya yakin dan percaya bahawa sokongan itu akan kita berikan kepada beliau. Dia kata juga bahawa penyeludupan dadah ini kerana tidak ada kekuatan dalam SPRM dan pegawai-pegawai yang menjaganya. Bahagian narkotiknya, bahagian PDRMnya dan bahagian-bahagiannya yang menjaga bahagian dadah ini. Saya bersyukur kerana pada kali ini saya tengok dalam sidang kali ini boleh kata 20 peratus daripada Yang Berhormat semua bercakap soal dadah. Saya mengucapkan terima kasih. Kalau dulu saya seorang-seorang terkial-kial bercakap soal dadah, hari ini masing-masing sudah bercakap soal dadah.

Ahli Yang Berhormat tahu, tadi kita mendengar cerita-cerita dadah ini, saya hendak cerita satu lagi bab dadah. Baru-baru ini lahir seorang bayi yang maknya sudah tujuh tahun mengambil *morphin*. Dicucuknya *morphin* selama tujuh tahun dan tahun yang ketujuh, perempuan ini beranak. Perempuan ini bersalin. Bila bersalin, Tuan Yang di-Pertua, *baby* yang keluar ini bila keluar sahaja, menggeletar atas tangan doktor. Menggeletar. Jadi doktor bertanya kepada perempuan ini. Kamu ada ambil dadah? Maka perempuan itu tunjuk dia sudah tujuh tahun ambil dadah. *Baby* ini menggeletar. Macam kita letak kertas atau kotak atas kereta yang sedang kita *start* enjinnya. Menggeletar begitu.

Jadi ini akibat daripada dadah dan baru-baru ini saya pergi sendiri melihat seorang anak berumur tujuh tahun, satu pasangan yang hisap dadah. Bapa hisap dadah, mak hisap dadah. Ahli-ahli Yang Berhormat, anak ini ambil bucu bantal. Bucu bantal letak di *private partnya*. Letak di kawasan sulitnya itu, tonyoh dengan bucu bantal. Kita tidak tahu kenapa. Ketagihannya ke mana. Kalau anak yang keluar tadi menggeletar begitu dan anak yang tujuh tahun ini ambil bucu bantal di tempat *privatenya*, *masya-Allah* kita hendak tunggu bila lagi? Kita hendak tunggu bila lagi kita hendak *fight*. SPRM hendak tunggu bila lagi hendak tangkap mereka ini? Saya sedih kerana dipotong bajet yang begitu banyak. Begitu juga dengan AADK. Dipotong banyak. RM30 juta kali ini dipotong bajet kepada AADK.

Ahli-ahli Yang Berhormat, semalam saya dengar kita berbahas berhubung dengan anak-anak kita yang masih lagi ada negeri-negeri yang tidak *ban vape* ini, dengan izin. Kalau kita tengok daripada

sini, anak-anak ini dibuat kajian mereka ini mula mengambil rokok 21.4 peratus remaja pernah mencuba rokok, umur di bawah 12 tahun; 78.7 peratus remaja yang pernah cuba merokok melakukannya sebelum umur 14 tahun, 78 peratus; 11.7 peratus remaja Malaysia adalah perokok semasa; 21 peratus lelaki, dan 2 peratus perempuan; 19.1 peratus remaja Malaysia pernah menggunakan rokok elektronik atau *vape*- baru sahaja *diintroduce*- 29 percent lelaki dan 8.3 percent perempuan; 9.1 peratus remaja Malaysia, anggaran 300,000 pelajar sekolah berumur 10 hingga 19 tahun adalah pengguna semasa rokok elektronik.

Kalau rokok-rokok inilah yang kita tidak ada satu tekad untuk kita berhentikan mereka ini, maka tidak guna kita melawan mereka kerana dari sinilah mereka akhirnya akan terjerumus ke dalam dadah. Pengedar dadah kecil-kecilan di sekolah, semalam atau hari ini keluar surat khabar. Kian menular. Program dulu kita ada buat. AADK, PEMADAM. Sekarang kita pakai *new tagline*, baru- "AADK-PEMADAM di Pisah Tiada."

Kita hendak masuk sekolah-sekolah. Baru-baru ini saya pergi ke Johor Bahru, di Pulau. Pergi *Cure and Care Center* dadah di sana. *Masya-Allah*, kalau tengok kantin kita, kafeteria kita ini, seribu kali lebih baik daripada kantin di sana. Anak-anak tidur atas lantai, Tuan Yang di-Pertua. Tidur atas lantai. Tidur atas lantai. Dulu surau dibuka kepada orang ramai sekarang tutup kerana orang ramai pun masuk *supply* dadah ke situ dengan izin. Kotor Tuhan sahaja mengetahui. 20 daripada penghuni di situ sudah pun mereng otaknya. Saya melihat sendiri mereka duduk dalam kumpulan-kumpulan itu. Bila kita pergi kepada mereka, matanya sebelah kiri tengok sana, sebelah kanan tengok sini. Sudah biul.

Bila saya tidur dengan mereka, lebih teruk, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidur dengan mereka. Saya *spend* dua hari di empat pusat pemulihan dadah. Saya tidur dengan mereka. Saya dapat melihat sendiri bagaimana kecewanya mereka dan saya minta supaya kerajaan mengkaji supaya kurikulum untuk pusat pemulihan yang dijalankan oleh NGO-NGO ini supaya disatukan dan diperbetulkan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kalau mereka sanggup bunuh, sanggup bunuh kerana dadah, potong tetek mak kerana dadah, apa cerita ini, Tuan Yang di-Pertua? Apa cerita ini? Kalau sudah bapanya ketagihan, anaknya ketagihan, bapanya cucuk kemaluan anak, anak cucuk kemaluan bapa, masih kita hendak tunggu? Masih hendak potong bajet? Ini yang saya rasa sedih. Saya minta supaya kerajaan mengkaji semula dan PEMADAM sekarang tiga bulan tidak dapat bayar gaji kakitangan, Tuan Yang di-Pertua. Tiga bulan tidak dapat bayar gaji kakitangan. Tidak ada wang. Buat program untuk hendak dapatkan wang. Apa yang dijawab? Ini soal mereka.

■2050

Saya pernah bercakap di Dewan ini juga, saya kata jangan panggil *criminal* kepada penagih dadah ini kerana mereka ini pesakit. Saya ditanya oleh pemberita berita *News Straits Time* bila perempuan yang bawa kereta bercanggah di Pulau Pinang yang melanggar seorang anak dan mati anak itu. Saya faham kalau menjadi seorang bapa, saya hendak supaya perempuan ini dihukum tetapi ada kemungkinan bahawa perempuan ini juga bila dia masuk bar ataupun masuk kelab malam, *celebrate birthday* kawan mungkin ada lelaki yang letakkan tiga pil kuda di situ. Ahli-ahli Yang Berhormat, pil kuda ini untuk kuda mengawan bila bagi pada perempuan dia rasa hendak mengawan. Ini yang berlaku di Pulau Perhentian termasuk juga pil babi. Pil babi untuk babi mengawan, diberi kepada manusia maka manusia pun melawan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ucap terima kasih banyak kerana tuan-tuan dapat bersama-sama, Ahli-ahli Yang Berhormat dapat bersama-sama. Cakap sebab mungkin hendak *last* dah kot. Jadi ini soal dadah tadi Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya berjumpa dengan saya minta saya bercakap hal ini. Isteri beliau telah kena satu penyakit *brain aneurysm*. Dia terang kat saya tadi, saya tanya *brain aneurysm* ini apa benda? Dia kata urat saraf yang di otak ini dia kembang kemudian dia pecah. Bila dia pecah doktor terpaksa buat *operation* dan berlaku di Kedah. Dia bawa anak dia pergi ke hospital kerajaan. Bila pergi ke hospital kerajaan, *neurologist* ada tetapi dia kata *interventional radiologist* tak ada dan *equipments* di hospital kerajaan itu juga tidak ada, rosak.

Saya hendak tanya Kementerian Kesihatan, kalau *equipments* seperti ini untuk jantung dan otak, kalau sekiranya dia rosak berapa lama mengambil masa untuk hendak dibaiki? Ini kerana mengikut beliau sudah agak lama dan beliau terpaksa membawa ke hospital swasta. Tuan Yang di-Pertua, dia kata masuk 55 hari. Ahli-ahli Yang Berhormat tahu bil dia berapa? Selama 55 hari dalam hospital swasta. Saya tengok bila dia bercakap dengan saya tadi mata dia merah. Mata merah, menangis. Dia terpaksa jual rumah. Kos dia tuan-tuan, RM714,000.

Saya hendak tanya Kementerian Kesihatan, ada tak tribunal di sini yang sekiranya kita hendak *complain* untuk kita hendak *fight* kerana kita tahu hospital swasta ini bukan milik doktor. Milik syarikat-syarikat besar, Pantai Medical Centre, milik syarikat besar. Kalau beginilah caj yang dikenakan, adakah kerajaan ada akta kesihatan yang kontrol mereka ini? Saya hendak tanya kepada Kementerian Kesihatan, kalau beginilah, kawan saya kena begini, apakah kalau rakyat yang kena?

Tadi kita dengar cerita di Australia AUD80,000 terpaksa minta merata. Saya tanya dia, tak ada insurans kah? Dia kata insurans, *operation* pukul enam pagi sampai pukul 7 pagi esok tu, pukul 2 tu dia orang telefon dia suruh *top up* insurans. Tuan Yang di-Pertua, cuba bayangkan. Minta dia *top up* insurans. Jadi saya minta supaya Kementerian Kesihatan kalau tak ada undang-undang khusus untuk ini, maka adakan undang-undang khusus untuk ini kerana mungkin hari ini berlaku kepada sahabat saya, minggu depan berlaku kepada tuan-tuan dan puan-puan Ahli-ahli Yang Berhormat semua.

Saya juga berhubung dengan dadah ini tadi, saya terbaca tadi dalam komputer saya ini di Moscow. Satu perempuan nama Irina Ayupova, 36 tahun. Dia ini *pusher* dadah diberi publisiti hebat. Ini pun satu hal juga bila publisiti kepada *pushers* dadah ini. Rupanya dalam penjara di Moscow ini dia adakan pertandingan ratu cantik dan Irina Ayupova ini telah menang tiga tahun berturut-turut sebagai Ratu Cantik Penjara Yoshkar-Ola di Moscow. Dia ini akan dibebaskan pada 2028. Bayangkan dia akan menjadi ratu cantik sampai 2028 dan diberi publisiti hebat. Maka ramai lah yang akan jadi *pusher* dadah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bercakap sedikit kerana dalam Titah Ucapan Tuanku Baginda menyebut berhubung dengan ekonomi dan juga *services*. Saya mengucap terima kasih kepada Kerajaan Malaysia yang telah memberi secara percuma sekiranya Yang Berhormat Senator hendak naik kereta api dan sekarang ini kereta api memang selesa, Tuan Yang di-Pertua. Saya selalu naik balik Kedah, balik Alor Setar *free of charge*. Dia bagi pula satu untuk PA kita, PA kita yang itu bini saya. Jadi dia pun naik *free*. *Alhamdulillah*. Cuma saya hendak bertanya kepada Menteri yang menjaga kereta api ini, saya pun tak tahu Menteri mana. Hendak kata *transport*, saya tak pernah tengok Menteri

transport naik kereta api yang '*dok pi*' rasmi selalu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Mungkin di bawah MoF.

Kalau kita tengok daripada kutipan kereta api ETS ini tahun 2010 penumpang dia seramai 215,000 orang penumpang dapat RM5.5 juta. Tahun 2011, seramai 913,000 orang penumpang RM24 juta. Tahun 2012, seramai 1,180,000 orang penumpang dapat kutipan RM31 juta. Tahun 2013, seramai 1.5 *million travelers*, dengan izin RM40.6 juta. Tahun 2014 meningkat kepada 1.6 juta orang penumpang RM44 *million collection*. Tahun 2015 seramai 2,059,000 orang penumpang dan mereka mengutip RM60 juta. Saya ucap terima kasih, tahniah kepada Kerajaan Malaysia dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana melihat begitu panjang...

Dato' Sri Khairudin Samad: Yang Berhormat, minta laluan sedikit. Sahaja nak buat pembetulan sedikit Tuan Yang di-Pertua. Memang kita naik *free* tetapi saya difahamkan KTM *claim* daripada Parlimen, bukan *free*. Parlimen bayar tambang kita itu. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Tarik balik ucapan tadi. Saya minta maaf kerana saya tak tahu itu, saya dimaklumkan *free, free* lah. Memang saya tak bayar duit pun. Kita bawa *docket* kita itu *pi* tunjuk kad kita. Akan tetapi kad kita ni pun satu hal juga kad Parlimen ini. Hendak beli tiket kapal terbang *AirAsia, Firefly* dia tak mahu terima kad kita, kad Parlimen. Saya pun hairan kenapa? Dia hendak IC juga. Kita pun kadang-kadang hendak hebat juga, hendak tunjuk kad Parlimen itu. Tak terpakai rupanya, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua pun tunjuk kad itu dia tak terima. Tak mahu dia. Dia hendak IC juga. Sudah lah dia londeh kita dekat *airport* selalu suruh buang tali pinggang la. Dulu saya kata seluar terlondeh, ada satu Yang Berhormat buka tali pinggang seluar terlondeh. Ini hal MAS.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya pun melihat ETS ini memang baik sekali tetapi *information* yang diberikan tidak tepat. Oleh sebab itu saya Menteri yang menjaga dan bertanggungjawab ini perbetulkan perkara ini kerana kita malu. Bila kita pergi *overseas* teraturnya, bersihnya, *regular*-nya dan *information*-nya *perfect*. Akan tetapi yang ini tidak.

Saya hendak cerita bila kita masuk sahaja di KL Sentral itu. Kita masuk di KL Sentral, kita turun bawah kerana kita hendak naik ETS di kawasan ETS. Selepas itu dihidupkan di sana dia suruh kita naik balik. Naik balik satu tempat tunggu di atas. Saya pun hairan kenapa tidak tahu, naik atas pakat tunggu pula. Manakala yang tua-tua ini cuba bayangkan mereka naik tangga itu hendak duduk di atas. Kemudian lagi 15 minit kereta api hendak berjalan, dia kata kita kena pergi ke Terminal 'C', turun balik tempat tadi padahal *information* itu ada Terminal 'C' tetapi dia tak bagi duduk di Terminal 'C' itu, dia suruh naik atas. Kemudian dia akan buat pengumuman ikut macam rombongan daripada negara China *mai* ke Malaysia dia bawa bendera. Kita pun ikut masuk lorong baru masuk dalam kereta api. Masuk dalam kereta api tuan-tuan, saya naik hari itu tren nombor 9024 yang menjadi kes kepada saya banyak kali, jadi saya pun ambil *details* sikit. Saya naik tren nombor 9024, Koc 'C', *seat 10A and 'B' - 'A'* saya, 'B' isteri saya.

■2100

Bertolak dari KL Sentral, dia kata bila naik-naik, saya tengok kat skrin tu, *next stop* di tulis Tanjung Malim. Saya kata, cepat *train* ini. Akan tetapi bila naik-naik sahaja, *train* berjalan masa yang tepat, *alhamdulillah*. Sampai-sampai, ia berhenti di Kuala Lumpur ini, di depan Masjid Negara ini. Ia

tidak tulis apa pun di situ, orang naik. Selepas tu, ia berhenti *station* Sungai Buloh. Tidak ada dalam skrin, ia tulis kat skrin Tanjung Malim, Sungai Buloh. Selepas tu, ia berhenti Rawang, selepas tu baru Tanjung Malim. Selepas Tanjung Malim, Tanjung Malim terpadam, ia tulis *next station* Tapah Road. Sampai di Tapah Road, betul. Selepas tu, ia tulis *next station* Ipoh. Ia berhenti di mana tuan-tuan? Kampar, Batu Gajah. Saya dok bayang kalau *tourist* naik kereta api ini, dia pun naik pening. Kalau yang awal tu mungkin kita boleh kata ia berhenti, ia kata *next station* Kuala Lumpur tu, ia tengah duk *slow* tu ia berhenti. Akan tetapi kalau dah tulis *next station* Ipoh, ia berhenti di Kampar, kemudian di Batu Gajah, kemudian ia tak berhenti di Kuala Kangsar, ia terus berhenti Taiping, Parit Buntar, Bukit Mertajam, Sungai Petani, Alor Setar.

Last destination ia tulis di situ Padang Besar. Jadi, kalau *information* yang begini diberikan kepada *tourist* kita Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya mereka pun keliru macam saya juga. Saya ingat mungkin ada yang keluar kerana dia tidak faham sistem itu. Saya naik *train* daripada Beijing ke Guangzhou, kalau tidak salah saya. *Perfect* walaupun ia tulis tu kita pun tak kenal. Tulis tidak kenal tapi *perfect station* ia berhenti. Saya ucap terima kasih kerana ada surau dalam *train* tu. Ada surau Tuan Yang di-Pertua, *train* Malaysia hebat.

Akan tetapi saya hendak sembahyang pun tidak tahu macam mana, sebab hendak masuk bilik air pun saya kena pegang. Goyang dia tu kuat. Bayangkan kita hendak sembahyang ini, hendak rukuk, hendak sujud ini, menonggeng. Akan tetapi tidak apalah, kita *Islamic compliance*. Kita buat supaya tidak ada orang kompelin. Saya hendak cadangkan juga supaya adakan *international reputation cafe* atas tu. *Masha-Allah*, dia jual nasi lemak Tuan Yang di-Pertua. Mihun, Ya *Allah*. Kadang-kadang hendak beli pun tidak gamak. Sandwic tu, telur berserabut kat tepi.

Sandwic tu cantik tapi telur berserabut kat tepi. Telur besar. Kalau beginilah, *why not you have a Starbucks or something like that, Austin Reed, Secret Recipe, Malaysian* punya produk, *Old Town*. Kita boleh *promote* kita punya tetapi *you have to be an international standard*. Budak yang duduk jual situ pun tengah duk korek gigi bagi kat kita ni. Tengah duk korek gigi, saya masuk. Saya kata, "*Dik, kotor dik. Jangan buat macam tu, orang hendak makan*". Itu dalam tu, bilik air. Betullah kata pintu goncang, kereta api daripada London ke Paris pun goncang Tuan Yang di-Pertua. Goncang lagi hebat bila ia masuk bawah *tunnel* tu. Kalau hendak lepas ke Paris tu goncang dan telinga pun kita akan sakit kadang-kadang. Akan tetapi bilik airnya bersih, baunya sedap. Akan tetapi bilik air atas kereta api ETS ini, *masha-Allah*. Saya hendak cadangkan kerana tidak ada *Business Coach*, RM80 tiket. Saya hendak cadangkan supaya Keretapi Tanah Melayu ini dibuatkan *Business Coach*. Sekarang ini saya ingat semua sama *coachnya. Business Coach*. Adakan keselesaan. *Double the price* pun orang akan naik Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana *very comfortable*. Lebih-lebih lagi la ni masa hujan.

Hujan ini, saya naik kapal terbang baru-baru ini, *Firefly* daripada Johor Bahru balik ke Kuala Lumpur. *Masha-Allah* macam naik disko. Begitu punya pergi... [*Menghayun tangan*] Hujan lebat. Dia turun juga yang *pilot* tu pun, menggeletar. Nasib baik perempuan duduk sebelah saya, kalau lelaki duduk sebelah saya, saya hendak peluk sapa? Perempuan duduk sebelah saya, dia pula peluk saya. Pegang tangan saya ini, tidak muhrim pun.

Akan tetapi saya pun *gentleman* lah, kita pun pegang balik. Dia goyang, hendak turun tu goyang, hujan lebat. Akan tetapi bila saya naik kereta api, setengah jam sebelum kereta api bertolak

saya sampai, 15 tunggu, naik *smooth*. *You can walk, you travel in peace*. Ya lah *accident* ni berlaku di mana-mana. Akan tetapi hati *you* tu tidak goncang sangatlah, sempat lah mengucap kalau jadi apa. Akan tetapi atas kapal terbang ini tidak sempat hendak mengucap Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua pun kena banyak belajar mengucap. Yang Berhormat sekalian. Itu ETS Keretapi Tanah Melayu.

Saya hendak ambil kesempatan di sini sedikit untuk hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan, khususnya KKLW dan KeTTHA. Mereka telah memberi kepada Kerajaan Negeri Kedah sebanyak RM783 juta. Tahun 2017, kerana masalah air di negeri Kedah. Oleh kerana masalah air yang baru-baru ini menjadi *political issue*. Padahal masalah air ini masa PAS memerintah dulu pun sama juga. Akan tetapi isu nya dibawa lagi teruk. Kononnya Barisan Nasional tidak dapat hendak menyelesaikan masalah ini. Tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada KLLW dan KeTTHA. Saya hendak ucapkan tahniah juga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah kerana dapat meyakinkan Kerajaan Persekutuan untuk memberi wang sebanyak ini. Cuma saya hendak bertanya, lantikan kontraktor-kontraktor ini dibuat oleh siapa? Kita tidak mahu dengar lagi dah soal kerja tidak habis.

Baru-baru ini saya pergi mengikut Timbalan Perdana Menteri ke sempadan Malaysia-Thailand. Sekarang tuan-tuan, kalau hendak ke Siam dah tidak payah tunggu lagi dah. Pukul 12 balik, tidak payah dah, boleh tidur sana terus. Buka 24 jam, hendak balik pukul tiga pun tidak apa, hendak balik empat pagi pun tidak apa. Dibuka 24 jam, Sadao tu boleh masuk 24 jam, Hatyai boleh pergi 24 jam, bila-bila masa. Kita harap ekonomi Pulau Pinang akan naik. Pelabuhan-pelabuhan di Pulau Pinang kerana daripada Bukit Kayu Hitam hendak pergi ke Bangkok 10 jam. Daripada Bukit Kayu Hitam hendak pergi ke Pulau Pinang dua jam. Kalau treler-treler besar, tentu sekali mereka akan menggunakan *port* kita dan juga Lapangan Terbang Alor Setar.

Cuma yang kita bimbang, takut yang Malaysia banyak pergi sebelah sana. Bang Lah tak dak, Kelantan?... [Disampuk] Lawatan, banyak lawatan-lawatan sambil belajar. Dia tanya hendak pergi buat apa. Jadi, masalah yang ditimbulkan ini kemungkinan dapat diselesaikan oleh kerajaan di Kedah berhubung dengan air ini. Saya mengucapkan ribuan terima kasih. Sahabat-sahabat daripada Kedah juga Tuan Yang di-Pertua, telah juga meminta saya bawak isu. Masalah padi sekarang ini Kementerian Pertanian. Kementerian Pertanian Tuan Yang di-Pertua, pesawah-pesawah padi merungut. Dulu mereka kata dalam satu tan, 17 kilo sahaja dipotong, sekarang ini dah naik 20 kilo. Mereka kata, betul kerajaan bagi subsidi. Mereka ucap terima kasih tetapi subsidi yang diberi oleh kerajaan tu tidak setimbang dengan harga yang naik dan potongan yang begitu tinggi.

*[Timbalan Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Dulu 17 peratus Tuan Yang di-Pertua. Sekarang dah potong 20 peratus dan mereka kata setiap metrik tan dulu mereka dapat RM1,200, sekarang mereka hanya dapat RM1,100 sahaja. Jadi, saya hendak tanya kepada kementerian, betul kita bagi subsidi tetapi kenapakah potongan beras dibuat sebegitu tinggi? Potongan padi itu dibuat sebegitu tinggi. Kata mereka, potongan basah 10 *percent*, hampa 5 *percent*, hijau 5 *percent*. Ini *term* orang bendang. Apakah beza basah dulu, hampa dulu, hijau dulu dan kenapa hendak dipotong lebih tinggi?

■2110

Jadi mereka kata tidak guna bagi subsidi kerana bila dipotong begitu, sama patah balik kepada asal pun tidak apa kata mereka. Jadi saya minta Kementerian Pertanian dapat memberikan sedikit maklumat kepada kita kerana kenapa jadi begini.

Perkara kedua yang mereka minta saya bawa, bulan puasa sudah nak datang, Hari Raya akan muncul. Mereka kata harga lembu, daging, kerbau, ayam ini sekarang ini sudah mula sudah, sudah mula dinaikkan sudah. RM3 satu kilo, dulu RM2 satu kilo dan kemungkinan mereka kata harga akan naik sehingga RM5, dan santan sekarang ini kata mereka sudah RM12 satu kilo. Jadi tuan-tuan dan puan-puan, kita bukan nak soal sama ada pilihan raya nak datang sudah tapi ini soal rakyat dan tadi Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin kata dekat saya kita di Dewan ini kita kena bercakap soal rakyat.

Kalau kita nak hentam orang lain pun depa tidak ada di sini nak jawab, menteri pun tidak akan jawab jadi kita kena bawa isu-isu rakyat. Jadi saya mengikut titah Tuanku, Tuanku juga bercakap soal rakyat. Orang Kedah juga ada satu lagi yang mereka bawa berhubung dengan KWSP. Mereka kata sekarang ini bila umur 18 tahun baru boleh *claim* KWSP. Ada dalam *Facebook*, dalam *Whatsapp* menyatakan bahawa Kerajaan Barisan Nasional ini bodoh kata mereka, ada saya bawa bukti. Kata mereka kalaulah, kalau katalah bapanya meninggal dan anak pada ketika itu baru umur 10 tahun, dia nak kena tunggu lapan tahun lagi ini, nak kena tunggu lapan tahun lagi baru boleh *claim* KWSP dan siapa nak jaga anak-anak ini. Anak-anak ini nak jadi apa semasa lapan tahun itu. Adakah KWSP akan *contact* mereka bila budak ini umur 18 tahun.

Ini persoalan yang mereka tanya Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya ingin bertanya kepada KWSP, apakah sebabnya terjadi begitu ataupun kesalahan mereka hanya semata-mata untuk nak mengutuk kerajaan kerana sekarang ini banyak *diviral* kan kerja-kerja fitnah. Sehingga kata di sini saya nak baca tuan-tuan, sebenarnya kata mereka saya simpan dalam KWSP secara *force statutory* secara dipaksa. Selepas amanah saya mengambil dan membekukan wang saya, sebenarnya wang itu digunakan untuk pelaburan atau *investment* selain tidak mendapat sebarang faedah sebagai *share holder*, malah sebaliknya *dicharge* pula empat peratus untuk kos penyelenggaraan Amanah Raya.

Anda ambil duit saya, anda labur dan saya kena bayar pula kos penyimpanan. Sepatutnya bukan saya atau pewaris kena bayar, anda yang kena bayar *share profit* kepada pewaris kerana di pihak saya dikenakan *double charge* anda sudah buat *double side income*, dan berharap *charge* empat persen terkumpul akhirnya caruman itu akan berjumlah kosong. Jadi kita nak supaya KWSP jawab ini, perkara ini sudah dimainkan oleh pembangkang di kawasan-kawasan yang mereka *target* untuk mendapat kemenangan di pihak mereka. Jadi kita minta supaya yang ini tidak akan menjadi tanda tanya. *Go round and tell the public*, dengan izin, apa sebenarnya yang perlu mereka buat untuk mendapat *claim* KWSP itu.

Saya juga diminta untuk bertanya kepada Kementerian Pertahanan kerana titah Tuanku, berhubung dengan rumah-rumah yang nak disediakan kepada Angkatan Tentera. Ada yang mencadangkan supaya rumah PPR, Datuk Menteri rumah PPR diberi prioriti kepada askar-askar. Rumah-rumah dalam pekan diberi prioriti kepada mereka dahulu sebelum diberi kepada orang lain kerana mereka ini memang berjuang untuk negara kita, dan kita nak bertanya juga Kementerian Pertahanan, berapa banyak program sosial yang dibuat yang melibatkan angkatan tentera yang duduk

dalam kem dengan orang-orang kampung, kerana ini mustahak Tuan Yang di-Pertua, kerana mereka melihat askar-askar kita dalam kem ini menunggu nak perang sudah tidak perang-perang- mati begitu saja. Jadi mereka terlebih baik, mereka ini menjalankan kerja-kerja sosial di kampung-kampung.

Tuan Yang di-Pertua, isu terakhir yang hendak saya bawa di sini Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan BR1M yang ditimbulkan baru-baru ini oleh rakan-rakan bukan saja di pihak Barisan Nasional malah *dispin*, dengan izin, oleh pihak pembangkang. Mereka dalam cerita ini, dalam Zalia Hezlin, Zalia Hezlin ini wallahualam sama ada hantu raya ataupun orang betul saya tidak tahu. Dia cerita dia kata ada satu orang tua umur 76 tahun, tunggu depan *office* dia 8 pagi sudah tunggu Tuan Yang di-Pertua nak ambil BR1M ini.

Bila dia masuk dalam pejabat nak *check* dia punya kelulusan BR1M itu, timbul dalam *screen* dia tulis 'tidak lulus', dia ambil gambar ini, dalam dia *viral* kan ini, dia ambil gambar dalam *screen* komputer itu, dia tulis tidak lulus. Alasan tidak lulus BR1M 2017, maklumat pendapatan pemohon pasangan tanggungan, perlu pengesahan SSM. Saya tidak payah kupas Tuan Yang di-Pertua kerana perkara ini sudah banyak. Jadi kita minta sekali lagi supaya kementerian dapat memberi penerangan berhubung dengan SSM ini kerana ramai anak-anak muda yang *register company* mereka untuk nak jual kuih pau, seminggu jual kuih pau tutup kedai, yang nak jual roti canai tutup kedai kerana Majlis Daerah tidak bagi, depa sudah *register* dengan SSM.

Jadi bila *register* dengan SSM mereka tidak dapat BR1M dan mereka-mereka ini memerlukan BR1M Tuan Yang di-Pertua. Saya Tuan Yang di-Pertua, dalam lawatan saya berjumpa dengan orang kampung Tuan Yang di-Pertua, menangis Tuan Yang di-Pertua, menangis ucap terima kasih kepada kerajaan, terima kasih banyak kerana mereka ini dia dapat RM500 Tuan Yang di-Pertua, bagi dia cukup besar, tidak pernah tengok duit banyak itu Tuan Yang di-Pertua, tidak pernah tengok. Seronoknya mereka. Jadi saya mintalah kepada kerajaan benda ini benda baik naiklah sampai RM1,000, apa salahnya setahun sekali, naiklah. Kalau rakyat kita perlu macam ini dan buat saringan betul-betul. Jangan ada cerita yang Cik Norliza kah, cerita yang ada sampai *millions* pergi duk ambil tidak bayarlah. Kita buat *screen* yang betul-betul.

Menangis mak cik ini cerita, mak cik tidak pernah tengok duit banyak ini nak oii. Terima kasihlah, peluk saya ini, peluk kerana duit banyak itu dan mereka ini tidak ada - makan pucuk pegaga, tanam kacang lendir, tidak adalah makanan, mereka had itu saja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat Senator Dato' Mohd Suhaimi bin Abdullah buat perbahasan yang terbaik dan banyak isu-isu timbul- baik, untuk diambil tindakan sepatutnya dan soal BR1M ini menjadi perkara penting kepada akar umbi. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Mohd Suhaimi.

Dan sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal. Dipersilakan.

9.19 mlm.

Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal: Salam sejahtera, salam 1 Malaysia, Vanikam. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan saya peluang dan ruang untuk turut serta membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya hanya ingin menyentuh beberapa perkara yang menarik minat masyarakat demi pembangunan negara mampan. Pertamanya, saya ingin mengucapkan rasa terima kasih dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang amat prihatin terhadap pembangunan negara dan masyarakat. Komitmen Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jelas mencerminkan keperibadian beliau dalam mengemudi negara dengan wawasan serta komitmen yang berteraskan pembangunan holistik.

■2120

Selaras dengan visi yang berteraskan pembangunan untuk mencapai tahap sebuah negara yang maju dan berpendapatan tinggi sebagaimana yang di aspirasikan dalam Transformasi Nasional 2050 harus diselaraskan dengan peningkatan tahap kebajikan sosial yang dinikmati oleh rakyat. Perubahan sektor dan keadaan sosioekonomi, demografi dan kos hidup harus dipertimbangkan dalam usaha kerajaan untuk memastikan bahawa kebajikan sosial masyarakat sentiasa terjaga dan tidak ketinggalan. Saya berharap bahawa inisiatif untuk mengemas kini dan mengkaji semula dasar dan program kebajikan masyarakat akan dijalankan dari semasa ke semasa.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, negara kita dijangka akan menjadi negara tua, *ageing population*, dengan izin, menjelang tahun 2035 disebabkan kemerosotan kadar kesuburan dan purata jangka hayat rakyat Malaysia yang lebih panjang.

Menjelang tahun 2035, 15 peratus daripada *population* dikelaskan sebagai warga emas. Jabatan Perangkaan Negara menganggarkan bahawa penduduk warga emas Malaysia yang berumur 60 tahun ke atas akan berjumlah 5.6 juta menjelang 2035.

Sementara statistik tahun 2015 menunjukkan bahawa terdapat 2.8 juta atau 9 peratus warga emas daripada jumlah keseluruhan populasi Malaysia yang sebanyak 31 juta.

Adalah penting untuk kerajaan menilai dan mengkaji semula Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara yang diluluskan oleh kerajaan pada 5 Januari 2011 untuk disesuaikan dengan prospek dan keperluan terkini dengan langkah-langkah yang praktikal dan berkesan.

Saya juga ingin memohon statistik pecahan kaum dan anggaran dijangkakan pada penghujung tahun 2020. Walaupun populasi penduduk luar bandar dijangka merosot daripada 20.7 peratus pada tahun 2015 kepada 22.8 peratus pada tahun 2020, namun transformasi luar bandar wajar diteruskan daripada segi ekonomi pembangunan modal insan, menaikkan infrastruktur dan sistem penyampaian dan segala kemudahan secara holistik dalam arus pembangunan mampan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang pendidikan. Pendidikan yang berkualiti merupakan tumpuan utama kerajaan. Dengan komitmen kerajaan kita sedar bahawa Malaysia boleh menjadi sebuah negara maju jika rakyat menerima pendidikan yang berkualiti. Setiap tahun Kementerian Pendidikan menerima peruntukan yang terbesar dalam bajet tahunan dan untuk

tahun 2016 sebanyak RM41.3 bilion iaitu jauh lebih daripada Kementerian Kesihatan yang menerima RM23 bilion. Ini membuktikan bahawa kerajaan memandang serius pendidikan adalah masa depan negara bagi memastikan pelajar kita mendapat pendidikan yang berkualiti.

Sistem pendidikan negara kita sentiasa dikemaskinikan untuk mengikut perkembangan dan keperluan semasa bagi memastikan ia memenuhi piawai antarabangsa. Saya memohon supaya khususnya Kementerian Pendidikan berusaha untuk memastikan semua kanak-kanak mendapat hak pendidikan 100 peratus walaupun ketika ini masih terdapat murid yang berada jauh di pedalaman tidak mempunyai akses pendidikan. Memulakan transformasi biarlah bermula daripada rendah, kalau boleh dijadikan silibus dalam pendidikan itu sendiri. Bagaimana kita menjadikan TN50 itu supaya anak-anak kita telah diajar sepenuhnya bermula dengan pendidikan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang usaha kerajaan dalam membantu rakyat yang kurang mampu melalui bantuan BR1M. Saya dimaklumkan bahawa terdapat hampir satu perempat daripada populasi Malaysia menerima bantuan BR1M. Saya mengucapkan rasa terima kasih kepada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam mewujudkan satu kriteria dalam mentafsirkan definisi kemiskinan dengan mempertimbangkan garisan kemiskinan kepada RM4,000 untuk keluarga dan RM2,000 bagi individu selaras dengan pembangunan negara semasa berbanding dengan jumlah yang lama.

Terima kasih atas usaha kerajaan itu yang sangat memberangsangkan. Akan tetapi masih terdapat ruang untuk diperbaiki dalam beberapa kriteria yang diguna pakai dalam mengklasifikasikan kelayakan bantuan BR1M yang sangat membantu rakyat yang memerlukan terutamanya golongan ibu tunggal dan yang berpendapatan rendah mengikut kriteria yang ada. Kalau ada rekod dalam SSM secara automatik mereka tidak layak menerima bantuan BR1M.

Saya harap kerajaan menyemak semula pembahagian ini kerana dengan adanya pendaftaran syarikat ini tidak bermakna mereka ini sudah melepasi garisan kemiskinan yang telah digariskan. Ibu tunggal terutamanya mereka daftar di SSM bagi mencari nafkah hidup secara halal dan telus tetapi ini tidak berlaku dalam tempoh yang singkat. Ia mungkin akan mengambil masa yang lama bagi mereka melepasi garisan pendapatan seperti yang ditetapkan. Jadi mohon kementerian yang bertanggungjawab untuk meneliti kembali isu-isu teknikal sedemikian agar tiada rakyat yang tercicir dalam usaha kerajaan memperkukuhkan pendapatan isi rumah agar mereka juga dapat menikmati bantuan kerajaan yang jelas meringankan beban mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Puan Senator Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal yang telah mengambil bahagian dengan baik juga.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah binti Sulaiman.

9.28 mlm.

Datuk Jamilah Sulaiman: *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam negaraku Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya untuk turut serta berbahas Menjunjung Kasih ke atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin membawa isu caj *cabotage*. Pertama sekali saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini berhubung isu caj *cabotage* dan kos perkapalan. Isu ini telah lama diperbincangkan di Parlimen dan di dalam media massa serta telah menjadi perbualan umum di kalangan rakyat yang tinggal di Malaysia timur terutamanya di negeri saya, Sabah. Isu *cabotage* ini telah bermula sejak 1 Januari 1980.

■2130

Nampaknya sehingga ke hari ini, isu ini masih belum dapat diatasi dengan konkrit oleh pihak yang berkenaan. Justeru, saya memohon kepada kerajaan supaya segera memberi perhatian dan tumpuan kepada isu ini kerana impak dari kenaikan caj kaboatj telah menyebabkan harga barangan yang dihantar ke Sabah dan Sarawak semakin meningkat.

Situasi ini menyebabkan rakyat di Sabah dan Sarawak berasa dihipit oleh bebanan kos sara hidup yang semakin meningkat. Majoriti rakyat di Sabah dan Sarawak adalah mereka yang terdiri daripada golongan petani dan nelayan dengan kebanyakan daripada mereka berpendapatan kecil.

Saya juga bimbang dengan keadaan harga petroleum yang tidak menentu lanjutan daripada mekanisme penetapan harga petroleum yang dilakukan secara minggu oleh kerajaan boleh memburukkan lagi masalah yang sedia ada. Pasti turun naik harga petroleum dalam jangka masa pendek boleh menyebabkan para peniaga yang tamak akan bertindak memanipulasi harga barang-barang keperluan dan perkhidmatan. Keadaan ini juga boleh menyebabkan kos pengangkutan darat dan laut akan meningkat dan pastinya impaknya adalah terhadap rakyat yang tinggal di kawasan luar bandar terutamanya di daerah pedalaman.

Saya difahamkan bahawa kerajaan akan mengkaji semula dasar kabotaj yang sedia ada. Persoalannya ialah bilakah perubahan dasar ini akan dikuatkuasakan? Saya mendapati banyak kelemahan di dalam dasar kabotaj yang sedia ada kerana tiada mekanisme yang efektif dalam menentukan caj kabotaj dan kos pengangkutan yang berpatutan.

Saya berharap apabila dasar baru diperkenalkan kelak, kerajaan hendaklah memastikan bahawa tahap penguatkuasaan adalah baik supaya pihak yang berurusan dan mengenakan caj kabotaj ini tidak menaikkan caj sesuka hati mereka. Perkara ini perlu dititikberatkan kerana dalam keadaan yang sedia ada, tahap penguatkuasaan adalah amat lemah.

Daripada kenyataan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan baru-baru ini, bahawa punca utama harga barangan yang tinggi di Sabah bukan disebabkan dasar kabotaj dan kos perkapalan sebaliknya disebabkan saluran pengedaran yang lemah, caj pengendalian yang tinggi dan pengangkutan darat yang tidak cekap. Sekiranya benar, saya ingin tahu apakah langkah tindakan kerajaan ataupun kementerian untuk mengatasi masalah tersebut dengan konkrit dan penyelesaian yang kekal iaitu kerajaan harus menghapuskan dasar ini sahaja?

Kedua, isu keselamatan dalam negeri. Seterusnya saya ingin membahaskan isu berhubung ancaman keganasan. Tahun 2016 mencatatkan peningkatan aktiviti pengganas di kebanyakan negara anggota ASEAN. Malaysia tidak terkecuali kerana mutakhir ini banyak tangkapan telah dibuat terhadap

suspek pengganas. Malah, baru-baru ini semasa lawatan rasmi Raja Arab Saudi ke Malaysia, pihak PDRM telah berjaya mematahkan cubaan mengebom beberapa lokasi di Kuala Lumpur.

Selain itu, terdapat beberapa cubaan rakyat Malaysia dan asing untuk pergi berjuang ke Syria dan Iraq. Pada Jun tahun lepas, negara telah dikejutkan dengan satu kejadian letupan bom yang dilakukan oleh kumpulan pengganas yang menyokong militan Daesh di sebuah kelab malam di Puchong, Selangor.

Apa yang membimbangkan ialah pada Jun tahun lalu juga, satu video propaganda Daesh telah disebarkan mengarahkan penyokongnya memberi tumpuan kepada rantau Asia Tenggara. Ini bermaksud bahawa kumpulan pengganas Daesh telah mula melebarkan pengaruhnya di rantau ini dan pastinya ia akan memberi ancaman yang lebih hebat lagi kepada keselamatan negara kita. Apatah lagi, kumpulan militan Daesh ini mempunyai rangkaian hubungan dengan kumpulan militan di selatan Filipina.

Justeru, saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Dalam Negeri, selain daripada melakukan operasi penangkapan dan penyiasatan, apakah langkah pencegahan seperti program penerangan dan kesedaran kepada masyarakat? Selain itu juga, saya ingin tahu, apakah bentuk tindakan yang telah diambil bagi membendung penggunaan *internet* dan media sosial oleh organisasi pengganas dan penyokongnya daripada menyebarkan dakwah ekstremisme dan propaganda mereka?

Saya juga ingin tahu, sejauh mana pencapaian usaha ini dan apakah cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaannya? Sejauh mana perhatian dan usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan untuk menggalakkan golongan belia dan wanita untuk bersama-sama tampil bekerjasama dan melibatkan diri dalam aktiviti menentang ekstremisme dan keganasan di dalam negara?

Ketiga dan terakhir. Pertama ialah Lebuhraya Pan Borneo. Pertama, saya menyokong saranan dan cadangan Yang Berhormat Dr. Zaidi agar laluan jajaran Lebuhraya Pan Borneo dari Sematan, Sarawak terus ke Sabah melalui Marudi terus ke Limbang dan Lawas. Laluan yang ada pada hari ini amat merumitkan pengguna jalan tersebut terutama masa melewati imigresen pos di Kuala Lurah, Brunei yang mana ada kalanya memakan masa sehingga dua jam ke tiga jam untuk mengecap pasport dengan keadaan pos yang tidak selesa dan sempit. Kebanyakan masa, hanya satu tingkap sahaja yang dibuka manakala tingkap-tingkap yang lain sentiasa tertutup. Bayangkan, satu perjalanan daripada Sabah ke Miri, Sarawak, kita kena cap 10 kali. Ulang-alik, 20 kali cap. Dua tiga kali perjalanan, ruang pasport sudah habis, sudah penuh.

Saya amat memahami mungkin kos menjadi kekangan dan halangan kepada cadangan ini. Namun, sebagai kerajaan yang bertanggungjawab pada rakyatnya, perancangan jangka panjang wajiblah difikirkan.

Kedua, saya juga mencadangkan agar Kementerian Pengangkutan membina pondok-pondok untuk tempat pembayaran saman trafik di pos imigresen, contohnya di Sungai Tujuh, Miri dan di imigresen Pos Sindumin, Sabah agar semua pesalah trafik daripada negara Brunei dapat membuat bayaran saman terhadap kesalahan trafik yang telah dilakukan di Sabah dan juga Sarawak.

Baru-baru ini, apabila pihak PDRM dan Jabatan Pengangkutan Jalan melakukan *roadblock* ataupun sekatan jalan selama tiga hari berturut-turut, mereka telah dapat mengutip sejumlah RM30,000 hasil daripada pembayaran saman-saman trafik yang tidak berbayar oleh kereta-kereta daripada

negara Brunei. Saya juga difahamkan ada sebuah kereta daripada Brunei ini yang telah dikeluarkan saman sebanyak 30 saman di Malaysia yang tidak dibayar.

■2140

Jadi saya mohon cadangan ini dapat kelulusan daripada Kementerian Pengangkutan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menjunjung kasih mohon menyokong Titah Baginda. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Jamilah binti Sulaiman yang bersama-sama berbahas dengan baik dan saya rasa kita punya Yang Berhormat Senator yang terakhir berucap malam ini ialah Yang Berhormat Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus.

9.40 mlm.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam 1Malaysia. *Alhamdulillah* bersyukur ke hadrat Allah dengan izin-Nya saya kembali ke Dewan yang mulia ini pada sesi pembukaan Dewan Negara Tahun 2017. Jua kepercayaan Tuan Yang di-Pertua untuk saya berucap dalam ucapan menjunjung kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang ke-15, Sultan Muhammad V.

Tuan Yang di-Pertua, doa saya agar Ke Bawah Duli Tuanku yang bakal ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-15 pada tanggal 24 April 2017 ini juga doa saya agar Ke Bawah Duli Tuanku dikurniakan kesihatan dan kesejahteraan untuk mentadbir Malaysia ke arah kecemerlangan dan sentiasa diredai Allah hendaknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh dua perkara mengenai dengan rasuah dan integriti. Isu seterusnya ialah isu rasuah dan integriti yang turut disentuh oleh Ke Bawah Duli Tuanku. Jenayah rasuah juga meliputi juga jenayah yang lain seperti merompak, memeras ugut dan menipu. Oleh yang demikian, rasuah boleh dikatakan sebagai perbuatan memberi atau menerima imbuhan hasil dari perbuatan si penerima yang melakukan perbuatan yang diminta oleh pemberi malah selalunya ada unsur jahat seperti penindasan, salah guna kuasa dan pemalsuan dokumen serta melibatkan penjawat awam mahupun pekerja swasta.

Apa kaitannya integriti dan rasuah? Dalam indeks CPI Malaysia, kedudukan Malaysia dalam indeks persepsi rasuah CPI meningkat daripada tangga ke-25 pada 2013 ke tangga 50 pada 2014 dan kini pada tahun 2015 menurun ke tangga 54 di antara 66 buah negara? CPI. Telah kembali kepada 50/100 berbanding 52/100 pada tahun 2014.

Tuan Yang di-Pertua, gejala rasuah adalah berkait rapat dengan *supply* dan *demand* yang disemarakkan oleh nafsu dua pihak yang inginkan kekayaan melalui kuasa di tangan. Melihat kepada perkara ini tidak hairanlah bahawa ahli politik turut memainkan peranan penting dalam memerangi isu rasuah ini. Apabila seorang individu itu memiliki nilai-nilai integriti yang tinggi maka sudah pasti individu itu tidak akan melakukan apa-apa perbuatan yang tidak bermoral dan tidak beretika serta tidak akan melakukan sesuatu yang menyalahi undang-undang.

Secara tidak langsung individu terbabit tidak akan terlibat rasuah dan sentiasa menjauhi jenayah kolar putih ini malah individu berintegriti inilah yang akan bersama-sama Suruhanjaya

Pencegahan Rasuah Malaysia atau SPRM membanteras jenayah ini dengan melaporkannya kepada pihak berkuasa.

Pendek kata integriti meningkat, rasuah menurun. Saya juga terpanggil untuk mengucapkan tahniah kepada pihak SPRM yang membanteras isu rasuah baru-baru ini di mana saban hari SPRM berterusan menyiasat, menahan individu-individu yang disyaki terlibat dengan gejala rasuah ini. Selepas 49 tahun penubuhan agensi pencegahan rasuah serta melalui transformasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) daripada Badan Pencegahan Rasuah (BPR) pada 2009 ia telah menampakkan perubahan ketara dalam usaha pencegahan rasuah di negara kita.

Berpegang kepada prinsip adil, amanah dan tegas dalam melaksanakan tugas berlandaskan undang-undang, SPRM terus komited untuk membasmi jenayah rasuah di negara kita ini. Syabas saya ucapkan kepada pihak SPRM dan harapan saya juga rakyat di luar sana agar SPRM terus mengekalkan integriti serta berjaya mengurangkan unsur rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, isu terakhir ialah mengenai dengan negeri sayalah Wilayah Persekutuan Labuan iaitu mengenai dengan hala tuju ekonomi Labuan. Ekonomi Labuan hari ini berterusan suram. Kurangnya aktiviti ekonomi juga *oil* dan gas menjadi antara penyebab kurangnya peluang pekerjaan serta kurangnya kemasukan pelancong. Saya khuatir jika keadaan ini berterusan Labuan mungkin lumpuh dan tidak mampu menjana pendapatan seperti mana sebelum ini.

Soalan saya apakah perancangan kerajaan dalam merencanakan kembali ekonomi Labuan termasuk di sektor perbankan, pesisir pantai, minyak dan gas dan sektor perikanan laut dalam yang berpusat di Labuan. Juga adakah kerajaan bercadang memperkenalkan sektor pertanian seperti tanaman pertanian yang berupaya menjana ekonomi sektor pertanian di Labuan.

Oleh kerana Labuan tidak mempunyai kawasan yang luas, tanah yang tidak begitu subur, saya mencadangkan supaya kerajaan menanam tanaman fertigasi ini boleh membantu sekiranya atau sekurang-kurangnya cukup untuk keperluan domestik. Berilah peruntukan lebih khas kepada rakyat atau petani-petani di Labuan kerana fertigasi ini ialah tanaman yang saya rasa termoden atau terkini bagi untuk petani-petani.

Terakhir ialah ucapan selamat tinggal sayalah tamat tempoh sebagai Ahli Dewan Negara. Tanggal 29 Mei 2011 saya hadir untuk upacara angkat sumpah sebagai Ahli Dewan Negara yang mulia ini.

■2150

Hari ini menjelang tarikh yang sama tahun 2017, saya bakal menamatkan perkhidmatan saya setelah genap dua penggal sebagai Ahli Dewan Negara. Rasanya terlalu begitu pantas berlalu, banyak kenangan suka dan tiada duka yang tidak akan saya lupakan. Maka persidangan Dewan Negara kali ini merupakan yang terakhir sebelum saya menamatkan perkhidmatan saya menjelang 29 Mei 2017 atau lebih kurang sebulan lebih lagilah. Nampaknya saya tidak berseorangan, saya juga mempunyai rakan-rakan yang lain juga bakal tamat tempoh pada tarikh yang sama dengan saya. Apa yang pastinya perkara yang paling tidak dapat dilupakan adalah sikap rakan-rakan yang saling membantu semasa di Dewan bersidang. Juga sikap toleransi dan budi baik Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua.

Segala tunjuk ajar Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua, sumbangan dalam memberi didikan dan tunjuk ajar serta segala ilmu yang dicurahkan sejak mula saya menjadi Ahli Dewan Negara tetap menjadi kenangan manis. Begitu juga kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Parlimen Malaysia dari semua bahagian serta pegawai-pegawai dari pelbagai kementerian dan agensi yang banyak membantu saya dan rakan-rakan sekalian. Semoga Allah jua membalas segala jasa baik tuan-tuan dan puan-puan agar terus diberkati dan diredai Allah jua hendaknya.

Akhir kata, saya akhiri dengan serangkap pantun. Pantun ini pantun biasa sahaja dan sekiranya rakan-rakan kita hendak melawat pulau kami yang kecil itu, beritahu saya tiga hari atau empat hari sebelum kerana saya mungkin pun akan berarah pandangan atau usaha yang lain seperti mungkin sudah mula berjaya lebih kurang iaitu industri yang kurang diminati oleh orang Labuan walaupun orang Labuan ini dikelilingi laut iaitu industri ikan laut dalam.

Jadi, dengarlah pantun saya ini, pantun biasa sahaja iaitu pantun dulu dan mungkin kini masih digunakan.

*Kalau ada sumur di ladang,
Boleh kita menumpang mandi,
Kalau ada umur yang panjang,
Boleh kita berjumpa lagi.*

Sekian, saya akhiri dengan menjunjung kasih dan saya mohon menyokong. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Waalaikummussalam. Terima kasih Yang Berhormat Senator kita. Kita ucapkan terima kasih banyak atas sumbangannya semasa menjadi Ahli Dewan Negara. Jasa baik mu dikenang selalu. Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, ada lagi? Semua dah bercakap ya? Semua dah bercakap. Terima kasih banyak-banyak. Malam ini saya terasa saya bertenaga, saya bertenaga. Saya rasa lebih cergas, saya bersemangat... *[Tepuk]*. Oleh sebab kerana warga saya bersama saya berjuang. Tahniah dan terima kasih, daripada jauh dan dekat tunggu. Labuan, Batu. Presidennya pun ada tunggu sama. Nampak? Ha itu kita ucap tahniah. Ini yang saya senang hati, kita berjuang dan juga saya tak lupa ada tiga orang Timbalan Menteri bersama saya... *[Tepuk]*

Pertama sekali iaitu Yang Berhormat Datuk Halimah binti Mohd. Sadique *[Tepuk]* Dia pakai warna hijau itu. Yang Berhormat Senator Dato' Lee Chee Leong... *[Tepuk]* Dan juga Yang Berhormat Senator Datin Paduka Chew Mei Fun... *[Tepuk]* Terima kasih bersama-sama kita hari ini. Alhamdulillah, kita sekata. Banyak ilmu dah kita curahkan, bakti kita. Kita berbakti pada hari ini, budi kita dikenang orang. Bak kata pantun orang tua-tua tadi,

*Di atas bukit tanamnya ubi,
Burung tempua buat sarang,
Bukan budi bakti sebarang budi,
Budi baik kita dikenang orang.*

[Tepuk] Itu, kita bersuara. Kita bercakap. Bahasa kita indah, cantik bahasa kita. Orang faham.

*Yang kurik kundi, yang merah saga,
Yang baik itu budi, yang indah itu bahasa.*

[Tepuk] Tahniah dan syabas dan jasa tuan tetap dikenang. Jam sekarang sudah hampir kepada 9.56 malam, hampir jam 10 malam. Daripada pagi sampai 10 malam kita berada di sini. Terima kasih dah tahniah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 20 April 2017. Sekian. *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.56 malam]